

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH DI SEKOLAH
MENENGAH PERTAMA (SMP) BERDASARKAN MODEL
KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK**



RAZALI

UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOCTOR OF PHILOSOPHY
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2017**

Perakuan Kerja Tesis

Saya akui karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:



Tandatangan : _____

Nama : Razali

No. Matrik : 93071

UUM
Universiti Utara Malaysia



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

RAZALI MAHYIDDIN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH DI SEKOLAH MENENGAH PERTAMA (SMP)
BERDASARKAN MODEL KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada: **30 November 2016.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: November 30, 2016.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Prof. Dr. Nurahimah Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Abdul Rahim Hamdan

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Assoc. Prof. Dato' Dr. Nuraini Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **November 30, 2016**

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti untuk mempamerkan tesis sarjana ini sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis doktor falsafah ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Abstrak

Keputusan peperiksaan dalam mata pelajaran bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri di Kota Banda Aceh sejak lima tahun terakhir (2010-2014) menunjukkan keputusan yang kurang memuaskan. Kajian ini dijalankan untuk mencapai empat objektif. Objektif yang pertama ialah sejauh manakah kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar. Objektif yang kedua ialah bagaimanakah kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Objektif yang ketiga ialah sejauh manakah proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Aceh yang dilaksanakan di sekolah-sekolah SMP Negeri di Kota Banda Aceh selari dengan kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Objektif yang terakhir adalah bagaimanakah pencapaian pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh pada SMP Negeri di Kota Banda Aceh. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Sembilan orang guru bahasa Aceh dari sembilan buah sekolah SMP di Kota Banda Aceh ditetapkan sebagai sumber data penyelidikan ini. Data diperoleh daripada hasil kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Hasil analisis data kajian mendapati bahawa kurikulum bahasa Aceh adalah selari dengan kurikulum nasional berdasarkan matlamat, objektif, dan strukturnya. Melalui konsep pelaksanaannya didapati bahawa kurikulum ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya. Kekuatannya adalah guru memiliki pengalaman mengajar melebihi lima tahun dan sudah mengikuti bengkel kurikulum. Kelemahannya bahawa belum ada kurikulum standard dan masih kurang buku rujukan dan buku sokongan pembelajaran. Selain itu, didapati bahawa kurikulum bahasa Aceh dilaksanakan mengikut kaedah pembelajaran bahasa yang baik. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang berlatar belakang bahasa ibu bahasa Aceh didapati mahir berbahasa Aceh iaitu mahir mendengar, bertutur, membaca, dan menulis bahasa Aceh berbanding pelajar yang berlatar belakang bahasa ibunda bukan bahasa Aceh. Para pelajar juga didapati berkemahiran dalam menulis, membaca hasil karya sastera lainnya. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada teori penilaian dan pembangunan kurikulum bahasa Aceh.

Kata kunci: Penilaian Kurikulum, Pelaksanaan Kurikulum, Bahasa Aceh, Teori CIPP

Abstract

This study was motivated by the fact that the results of the Acehese language examination at State Junior High Schools (SMP) in Banda Aceh during the last five years (2010-2014) have shown a less satisfactory result. This study was conducted to achieve four objectives. First, the extent to which the local curriculum of Acehese language at the schools can provide knowledge to the students. Second, what are the strengths and weaknesses of the course contents in the Acehese Language as a local curriculum. Third, the extent to which the Acehese language teaching and learning (T&L) process implemented in the junior high schools in Banda Aceh is in line with the local Aceh curriculum. The last objective is to understand the student achievement in the implementation of the local Aceh curriculum at State Junior High Schools in Banda Aceh City. This study was carried out using qualitative methods. Nine Acehese language teachers from nine junior high schools in Banda Aceh City were selected as the source of data for this study. Data were obtained through interviews, observations, and document analysis. The results of the study showed that the Acehese language curriculum was in line with the national curriculum based on its goals, objectives, and structure. Based on its implementation, it is found that this curriculum has its strengths and weaknesses. The strengths are that teachers have had over five years of teaching experience and have attended the curriculum workshop. The weakness is that there is no standard curriculum and there are still less reference books and learning support books for the subject. In addition, the results of the observation found that the Acehese language curriculum was implemented using a good language learning method. Furthermore, the results of this study also found that the students whose mother tongue (first language) is Acehese will have proficient in the Acehese language in terms of speaking, reading, and writing as compared to those whose first language are not Acehese. The students were also found have skills in writing and reading other literary works. This study is expected to contribute to the theory of language assessment and development especially in Acehese language curriculum.

Keywords: Curriculum Assessment, Curriculum Development, Acehese Language, CIPP Theory

Penghargaan

Segala puji ke hadirat Allah SWT yang amat pemurah lagi amat penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Muhammad SAW. Berkat keizinan, limpahan kurnia-Nya, memberikan hidayah, segenap kekuatan dan pertolongan sehingga dapat menyempurnakan amanah untuk melengkapi tesis ini.

Saya merasa amat bertuah, kerana berada di kampus UUM ini saya berkesempatan untuk bertemu dan mengenal banyak kawan yang berasal dari pelbagai macam suku bangsa (etnik) dengan beragam karakteristik dan budayanya. Tidak hanya kawan-kawan yang berasal dari Indonesia; Jawa, Padang, Palembang, dan Makasar, tetapi saya boleh pula mengamati kawan-kawan yang berasal dari Timur Tengah seumpama; Yaman, Palestin, Jordan, Maroko, dan Libya. Atau pula mereka yang berasal dari Aljazaer, Nigeria, Cina, Kazakhstan, Pakistan, Bangladesh, India, Thailand, Vietnam, dan lain-lain. Kenyataan ini semakin menambah wawasan dan pemahaman saya terhadap kebenaran ayat al-Quran yang bermakna, *“Hai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.” (Q.S. al-Hujarat: 13).*

Apabila disertasi ini telah berjaya diselesaikan dengan segala kekurangan dan ketidaksempurnaannya, saya pun boleh merasakan juga bagaimana selesanya fikiran dan jiwa. Namun, tentu sahaja seiring dengan kegembiraan dan perasaan bahagia tersebut, saya tidak lupa bahawa kejayaan ini bukanlah kejayaan saya sendiri sahaja, tetapi kejayaan semua orang yang telah membantu dan memberi sokongan kepada saya. Rasanya, bantuan mereka terhadap keberhasilan yang diraih ini lebih besar daripada kerja yang telah saya lakukan. Kerananya, melalui ruang yang terbatas ini saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus kepada mereka semua yang telah menyokong saya; Profesor Dr. Abdull Sukor Shaari (penyelia utama) dan Prof. Madya Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff (Penyelia kedua),

Gabenor Provinsi Aceh yang menyokong pengajian doktor dengan program BB-NAD (Bantuan Biasiswa Nanggroe Aceh Darussalam), pimpinan Universitas Syiah Kuala, dan rakan-rakan Mahasiswa Indonesia di Universiti Utara Malaysia.

Sekalung budi untuk Bahagian Sekolah Menengah dan Dinas Pendidikan, Kementerian Pelajaran Indonesia. Pejabat Pendidikan Provinsi Aceh, Pejabat Pendidikan Kota Banda Aceh, semua pengetua Sekolah Menengah Pertama Kota Banda Aceh dan guru-guru bahasa Aceh yang terlibat dengan kajian ini. Penghargaan istimewa dihulurkan kepada teman-teman seperjuangan Mustafa Ali Basyah, Zaini Muhammad Amin, Azhar Abdul. Gani, Ibrahim Sufie, Cut Morina Zubainur, Fadhilah Razali, Nurul wati, Mulyani, dan lain-lain yang banyak membantu tanpa mengira waktu dalam menyelesaikan tesis ini.

Terima kasih dan sekalung budi, saya sampaikan kepada ketua Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah, dekan dan civitas akademika Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala, Darussalam, Banda Aceh, Indonesia yang telah memberikan dorongan, sokongan dan motivasi untuk dapat menyelesaikan program doktor di UUM ini.

Akhir sekali kepada seluruh keluarga, terutama isteri tercinta YUSDIANA binti Ahmad Yusuf, dan tiga permata hati iaitu Muhibbul Khairi, Mahlil dan Lina Sundana yang sentiasa bersabar dan berkorban selama pengajian ini. Tidak lupa kepada seluruh ahli keluarga yang banyak berkorban selama ini, menjaga anak-anak, berkongsi masalah dan mendoakan kejayaan serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sepanjang tempoh pengajian ini.

Senarai Kandungan

BAB SATU PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah.....	8
1.4 Objektif Kajian.....	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.7 Model Penilaian CIPP sebagai Asas Kerangka Konseptual Kajian.....	14
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasional	21
1.10.1 Penilaian Kurikulum	21
1.10.2 Pelaksanaan Kurikulum	22
1.10.3 Kurikulum Tempatan.....	23
1.10.4 Bahasa Aceh dan Bahasa Daerah Aceh	24
1.10.5 Sekolah Menengah Pertama (SMP).....	26
1.10.6 Model Konteks, Input, Proses, dan Produk (CIPP)	27
1.10.7 Pengetahuan	28
1.10.8 Kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran	29
1.10.9 Proses pengajaran dan pembelajaran	29
1.11 Kesimpulan	29
 BAB DUA SOROTAN KAJIAN.....	 31
2.1 Pendahuluan.....	31
2.2 Kurikulum	31
2.3 Definisi Kurikulum	32
2.4 Pelaksanaan Kurikulum	34
2.5 Kajian-Kajian Pelaksanaan Kurikulum.....	35
2.6 Faktor-Faktor yang Menghalangi Pelaksanaan Kurikulum	36
2.7 Sejarah Perkembangan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh	39

2.7.1 Matlamat Kurikulum Bahasa Aceh.....	41
2.7.2 Objektif Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh.....	42
2.7.3 Kandungan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh.....	43
2.8 Pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh	43
2.8.1 Tujuan Pengajaran	43
2.8.2 Bahan Pengajaran Bahasa Aceh	46
2.9 Penilaian Kurikulum	49
2.10 Tujuan Penilaian Kurikulum.....	53
2.11 Model-Model Penilaian Kurikulum	55
2.11.1 Model Penilaian Objektif ‘ <i>Objective-oriented</i> ’	56
2.11.2 Model Penilaian Responsif	57
2.11.3 Model Penilaian Matlamat Bebas (<i>free-goal evaluation</i>).....	59
2.11.4 Model Penilaian Illuminatif (<i>Illuminative</i>)	60
2.11.5 Model Ketidaksamaan (<i>Discrepancy</i>)	61
2.11.6 Model Penilaian Rasional	63
2.11.7 Model Penilaian Bertentangan (<i>Adversary</i>).....	65
2.11.8 Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick	66
2.11.9 Model Penilaian CIPP (<i>Context, Input, Process, Product</i>).....	68
2.11.9.1 Penilaian Konteks.....	72
2.11.9.2 Penilaian Input.....	73
2.11.9.3 Penilaian Proses.....	74
2.11.9.4 Penilaian Produk.....	75
2.12 Kajian-Kajian Berkaitan	77
2.13 Kesimpulan	96
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	98
3.1 Pendahuluan	98
3.2 Reka Bentuk Kajian	98
3.2.1 Kajian Kualitatif	99
3.2.2 Kajian Kes.....	101
3.2.3 Fenomenologi	101
3.3 Pemilihan Sampel Kajian.....	102

3.4 Pengumpulan Data	103
3.4.1 Temu Bual.....	105
3.4.2 Pemerhatian	109
3.4.3 Analisis Dokumen.....	111
3.5 Etika Pengumpulan Data.....	112
3.6 Instrumen Pengumpulan Data.....	115
3.6.1 Temu Bual.....	115
3.6.2 Pemerhatian	117
3.6.3 Analisis Dokumen.....	117
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	118
3.8 Triangulasi Data.....	119
3.9 Proses Penganalisan Data.....	120
3.9.1 Memahami Data.....	121
3.9.2 Pengkodan.....	122
3.9.3 Penghasilan Kategori Analitikal	123
3.10 Kesimpulan	125
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN	126
4.1 Pendahuluan.....	126
4.2 Profil Peserta Kajian	127
4.3 Dapatan Kajian.....	132
4.3.1 Kurikulum Bahasa Aceh Memberikan Pengetahuan Berbahasa Aceh kepada Pelajar	132
4.3.1.1 Kurikulum Bahasa Aceh Selaras dengan Kurikulum Nasional Indonesia.....	132
4.3.1.2 Kurikulum Bahasa Aceh Menghasilkan Pelajar Mahir Berbahasa Aceh.....	136
4.3.1.3 Objektif Pengajaran Bahasa Aceh	140
4.3.2 Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh pada Peringkat SMP Kota Banda Aceh	144
4.3.2.1 Rujukan dan Keperluan Pengajaran Bahasa Aceh	144
4.3.2.2 Pengetahuan Guru tentang Kurikulum Bahasa Aceh	149

4.3.2.3 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Aceh	155
4.3.3 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh.....	161
4.3.3.1 Keyakinan Diri dalam Mengajarkan Bahasa Aceh	161
4.3.3.2 Pembelajaran Bahasa Aceh di Bilik Darjah	165
4.3.3.3 Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Aceh.....	171
4.3.4 Kecekapan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh.....	173
4.3.5 Pencapaian Pelajar Setelah Mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh.....	178
4.3.5.1 Penaksiran bahasa Aceh	178
4.3.5.2 Kemahiran yang Dihasilkan dari Bahasa Aceh	183
4.3.5.3 Kemahiran Sastera dalam Bahasa Aceh	190
4.4 Rumusan Dapatan Kajian.....	193
4.5 Kesimpulan	196
BAB LIMA PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	197
5.1 Pendahuluan.....	197
5.2 Ringkasan Kajian	197
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian.....	198
5.3.1 Kurikulum Bahasa Aceh Memberi Pengetahuan Berbahasa Aceh kepada Pelajar	199
5.3.2 Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh	203
5.3.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh di SMP.....	209
5.3.4 Pencapaian Pelajaran terhadap Pembelajaran Bahasa Aceh.....	214
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	217
5.4.1 Implikasi Dapatan Kajian Berdasarkan Teoritikal.....	218
5.4.2 Dapatan Kajian Kepada Praktikal	225
5.5 Rumusan Kajian.....	230
5.6 Cadangan Kajian Selanjutnya	232
5.7 Kesimpulan	233

Senarai Jadual

Jadual 1.1	Statistik Keseluruhan Pencapaian Pelajaran Bahasa Aceh oleh Pelajar SMP Kota Banda Aceh Dari Tahun 2010 hingga Tahun 2014.....	9
Jadual 3.2	Jadual Temu Bual dengan Peserta Kajian.....	107



Senarai Rajah

Rajah 1.1. Model CIPP (Stufflebeam, 2007)	12
Rajah 4.1: Kurikulum Bahasa Aceh Selaras dengan Kurikulum Nasional Indonesia.....	134
Rajah 4.2: Kurikulum Bahasa Aceh Menghasilkan Pelajar Mahir Berbahasa Aceh.....	139
Rajah 4.3: Objektif Pengajaran Bahasa Aceh	142
Rajah 4.4: Rujukan dan Keperluan Pengajar Bahasa Aceh	147
Rajah 4.5: Pengetahuan Guru tentang Kurikulum Bahasa Aceh	153
Rajah 4.6: Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Aceh.....	159
Rajah 4.7: Keyakinan Diri Dalam Mengajar Bahasa Aceh.....	163
Rajah 4.8: Pembelajaran Bahasa Aceh Di Bilik Darjah.....	167
Rajah 4.9: Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Aceh.....	172
Rajah 4.10: Kecekapan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh.....	176
Rajah 4.11: Pentaksiran Bahasa Aceh.....	181
Rajah 4.12: Kemahiran Yang Dihasilkan Dari Bahasa Aceh	186
Rajah 4.13: Kemahiran Sastera Dalam Bahasa Aceh	192
Rajah 4.14: Rumusan Keseluruhan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh.....	196
Rajah 5.1. Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh	218

Senarai Lampiran

Lampiran A : Protokol Temu Bual dengan Guru Bahasa Aceh.....	252
Lampiran B : Mohon Kebenaran Mendapatkan Maklumat untuk Tujuan Penyelidikan	254
Lampiran C : Kebenaran untuk Menjalankan Penyelidikan dari Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh	255
Lampiran D : Surat Keterangan Selesai Mengumpulkan Data Penyelidikan Dari Kepala SMP Negeri Kota Banda Aceh	256



Senarai Singkatan

BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
CBSA	-	Cara Belajar Siswa Aktif
CIPP	-	<i>Context, Input, Process, Product</i>
Depdikbud	-	Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
Depdiknas	-	Departemen Pendidikan Nasional
FKIP	-	Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan
KBA	-	Kurikulum Bahasa Aceh
KBK	-	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KTBA	-	Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh
KTSP	-	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
LPTK	-	Lembaga Pendidik Tenaga Kependidikan
P	-	Peserta Kajian
RPP	-	Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran
SD	-	Sekolah Dasar
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama (Sekolah Menengah Rendah)
SMA	-	Sekolah Menengah Atas (Sekolah Menengah Lanjutan)
SMK	-	Sekolah Menengah Kejuruan
UUD	-	Undang-Undang Dasar
UUPA	-	Undang-Undang Pemerintah Aceh
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Indonesia terdiri daripada suku-suku bangsa yang hidup dalam kesatuan wilayah serta kebudayaan yang berkembang dalam kehidupan nasional di Indonesia. Kebudayaan nasional Indonesia adalah berasaskan perpaduan dari lapisan kebudayaan bangsa Indonesia yang mencerminkan segenap aspek kehidupan bangsa yang meliputi bahasa, kesenian, adat istiadat, tradisi luhur dan kepercayaan. Salah satunya elemen yang terdapat dalam aspek kebudayaan adalah bahasa daerah sesuai dengan pasal 32 UUD 1945 iaitu kemajuan bahasa dalam kebudayaan nasional Indonesia. Oleh itu, kebudayaan daerah harus dikembangkan melalui aspek bahasa seperti turut menghidupkan budaya daerah masing-masing dalam rangka pengembangan kebudayaan nasional dalam kurikulum Pendidikan di Indonesia (Saidiharjo, 2004).

Garis-Garis Besar Haluan Negara Tahun 1993, Fasal 3F, menjelaskan bahawa pembinaan bahasa daerah perlu terus diterapkan dalam usaha mengembangkan dan memperkaya perbendaharaan bahasa Indonesia dan khazanah kebudayaan nasional sebagai salah satu unsur jati diri dan keperibadian bangsa. Salah satu kesimpulan Kongres Bahasa Indonesia VI tahun 1993, telah memutuskan bahawa bahasa daerah di kawasan tertentu dapat diajarkan kepada penuturnya tanpa menghalang pembelajaran dan pengajaran bahasa dan sastera Indonesia. Oleh itu, kurikulum, buku pelajaran, reka bentuk pengajaran dan kemudahan lain untuk pendidikan dan pengajaran bahasa daerah perlu dikembangkan (Hasan, 2008).

Bahasa Aceh merupakan salah satu bahasa daerah di Provinsi Aceh. Bahasa Aceh digunakan hampir dua per tiga wilayah Provinsi Aceh, tetapi jumlah penutur bahasa Aceh semakin hari semakin berkurang. Hal ini disebabkan oleh adanya kecenderungan keluarga pasangan muda di bandar untuk menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar dalam keluarga sehingga anak-anak mereka tidak dapat lagi berbahasa Aceh (Wildan, 2001). Suatu bahasa boleh mati disebabkan oleh ditinggalkan oleh penuturnya (Purwo, 2000).

Pembelajaran bahasa Aceh bertujuan antara lain, memperkenalkan kaedah-kaedah yang berlaku dalam bahasa Aceh, baik tentang tatabunyi, tatabentuk mahupun tatakalamat. Hasil yang diharapkan dari pembelajarannya ini ialah pelajar dapat membezakan pola ayat bahasa Aceh dan pola ayat bahasa Indonesia, bagi kemahiran lisan mahupun kemahiran menulis. Pelajar yang dapat memahami bahasa Aceh dengan baik dapat berkomunikasi dengan baik dengan orang lain di sekitarnya. Pelajar dapat menerapkan kaedah-kaedah bahasa yang dipakainya dengan tepat sehingga memudahkan orang lain memahami pokok fikiran yang dikembangkannya kerana pembelajaran merupakan proses komunikatif-interaktif antara sumber belajar, guru dan pelajar iaitu saling bertukar informasi.

Oleh itu, pemerintah Provinsi Aceh memasukkan bahasa Aceh ke dalam Kurikulum Muatan Lokal (KML) untuk Sekolah Dasar (SD) dan Sekolah Menengah Pertama (SMP). Untuk menyokong program itu, perlu adanya kurikulum, bahan ajar untuk membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa Aceh.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Aceh adalah salah satu daripada bahasa-bahasa daerah yang digunakan sebagai bahasa komunikasi dalam masyarakat di Provinsi Aceh. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa bahasa Aceh digunakan sebagai bahasa pengantar dan bahasa pergaulan antara masyarakat iaitu di antara kanak-kanak, remaja, kaum dewasa, mahupun dalam komunikasi antara golongan dalam masyarakat. Bahasa Aceh juga digunakan oleh tokoh-tokoh adat dalam upacara-upacara adat, seperti dalam upacara kematian, perkahwinan, dan pertemuan-pertemuan antara kumpulan masyarakat yang lainnya. Hal ini menjadikan bahasa Aceh sebagai bahasa komunikasi yang utama dalam setiap pertemuan yang diadakan dalam kalangan masyarakat Aceh.

Usaha untuk melestarikan bahasa Aceh melalui pembelajaran bahasa Aceh di peringkat sekolah menengah patut mendapat sokongan dari semua lapisan masyarakat, khususnya dalam kalangan ahli akademik di Aceh. Usaha ini menjadi penting kerana perkembangan dan penggunaan bahasa Aceh dalam masyarakat Aceh semakin menurun. Hal ini disebabkan oleh pengaruh penggunaan bahasa Indonesia sebagai bahasa pertama pada sebahagian pelajar. Pemilihan bahasa Indonesia sebagai bahasa pertama bagi pelajar semakin berkembang dalam masyarakat Aceh, tidak hanya di kawasan pusat bandar, malah telah berkembang di kawasan luar bandar.

Kurikulum Bahasa Aceh merupakan salah satu kurikulum tempatan yang melibatkan program pendidikan dengan persekitaran alam, sosial, dan budaya serta kepentingan pembangunan daerah. Bahan pelajaran yang digunakan untuk mencapai matlamat pengajaran harus disusun khas. Bahan bantu mengajar juga merupakan kaedah dan cadangan yang diguna pakai dalam penyampaian kandungan kurikulum. Justeru,

pemahaman tentang pelaksanaan kurikulum bagi semua tingkatan perlu ditingkatkan. Dengan demikian, pelajar tidak hanya mengetahui dunia global, tetapi juga memahami budaya dan bahasa tempatan yang perlu dikembangkan dalam kehidupan seharian. Malah bahasa Aceh juga dijadikan sebagai salah satu bahasa daerah dan bahasa ibunda yang digunakan oleh sebahagian besar masyarakat Aceh yang perlu dipelihara dan dikembangkan sesuai dengan Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA) tahun 2006.

Matlamat pembelajaran bahasa Aceh dalam Garis-Garis Besar Program Pengajaran (GBPP) Mata Pelajaran Bahasa Aceh (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 2004:21) dijelaskan sebagai berikut.

(1) pelajar menghargai dan mengembangkan bahasa Aceh sebagai pengembangan budaya dan kesenian daerah, (2) memahami bahasa Aceh dari segi bentuk, makna dan fungsi serta menggunakannya dengan tepat untuk berbagai keperluan, tujuan, dan keadaan, (3) memiliki kemampuan menggunakan bahasa Aceh untuk meningkatkan kemampuan intelektual, menggunakan akal sehat, menerapkan pengetahuan yang berguna, serta memecahkan masalah dengan kematangan emosional, dan (4) mampu menikmati dan memanfaatkan karya sastra untuk mengembangkan kepribadian, memperluas wawasan kehidupan serta meningkatkan pengetahuan dan kemampuan berbahasa.

Untuk pencapaian matlamat pembelajaran seperti yang dihasratkan di atas, pelaksanaan pembelajaran bahasa daerah mesti sesuai dengan ketetapan yang dijalankan. Pelaksanaan pembelajaran ini melibatkan banyak faktor yang menyokong seperti faktor kurikulum, guru, pelajar, bahan pelajaran, kaedah pembelajaran, dan fasiliti yang disediakan (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 2004).

Pelajaran bahasa Aceh harus diajarkan dengan tetap menjaga koheren antara komponen pembelajaran. Guru yang mengajar bahasa Aceh mempunyai latar belakang pendidikan

yang sama atau bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajarkan. Guru pula harus menyiapkan rancangan pembelajaran sebelum melaksanakan proses pembelajaran yang panduannya terdapat dalam kurikulum. Selain itu, guru perlu menggunakan media atau bahan bantu mengajar agar pelajar boleh memahami kandungan pembelajaran, serta melakukan pentaksiran yang tepat untuk mengukur kemampuan pelajar. Su'id (2009) menjelaskan bahawa sebahagian besar guru sekolah menengah di Indonesia didapati kurang pengetahuan dan kurang kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan kenyataan Mulyasa (2006) bahawa halangan utama dalam pengembangan kurikulum di sekolah adalah terletak pada guru. Di antara faktor utama adalah kurangnya pengetahuan dan kemampuan guru itu sendiri dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran (P & P) di sekolah.

Berdasarkan perubahan arus globalisasi yang berlaku dalam masyarakat di Provinsi Aceh pada masa sekarang ini menuntut kurikulum Bahasa Aceh perlu disemak mengikut peredaran semasa dan perlu dikaji semula. Menurut Syed Ismail (2011), suatu kurikulum perlu melalui proses pengubahsuaian dan dinilai untuk memastikan matlamat dan kehendak masyarakat terhadap pendidikan secara sepenuhnya. Penilaian pelaksanaan kurikulum juga perlu untuk menambah baik proses pelaksanaan kurikulum (Stufflebeam & Shinkfield, 1985; Sowell, 2000).

Penilaian kurikulum telah banyak dijalankan yang tujuannya untuk penambahbaikan pembelajaran yang ada, misalnya, Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Muatan Tempatan Bahasa Mandarin di Surabaya. Penilaian kajian ini dijalankan berdasarkan *Stake's Countenance Model* pada Muatan tempatan Bahasa Mandarin di SMA Muhammadiyah 2 Surabaya, Provinsi Jawa Timur. Penyelidikan ini dijalankan oleh Maliki dan Lamidjan

(2010), mendapati bahawa pelaksanaan operasional Kurikulum Bahasa Mandarin di SMA Muhammadiyah 2 Surabaya dianggap kekal dan sangat baik. Pemilihan muatan tempatan atas asas falsafah (Bahasa Mandarin adalah sesuai dengan perwatakan daerah), terjalin kerja sama dengan lembaga lain dan sekolah-sekolah.

Justeru itu, usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dijalankan dengan melakukan perubahan kurikulum, meningkatkan kemahiran guru, dan menerapkan beberapa inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (Oemar, 2008). Setiap kurikulum menggunakan pendekatan yang berbeza. Masing-masing kurikulum yang diperkenalkan digambarkan sebagai kurikulum yang ideal (Fauzan, 2002). Sebagai contoh, kurikulum 1984 difokuskan kepada aspek Cara Belajar Siswa Aktif (CBSA), manakala Kurikulum 1994 pula memfokuskan kepada penyelesaian masalah bahasa tetapi perubahan dari satu kurikulum ke kurikulum yang lainnya tidak menghasilkan penambahbaikan yang signifikan (Fauzan 2002; Subhan, 2009).

Di samping itu, Nana (2000) menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara yang menghalang kesan yang signifikan dari perubahan kurikulum yang dilakukan. Pertama, perubahan kurikulum sering dilakukan berdasarkan model *Top Down*. Hal ini kerana inisiatif untuk mengubah kurikulum berasal dari arahan kerajaan, atau sekelompok orang yang memiliki kekuatan dan pengaruh dalam kerajaan. Selain itu, keperluan perubahan, terutamanya kepada peringkat sekolah menengah belum ada kajian secara menyeluruh. Hal ini sering menjadi persoalan yang selalu dibincangkan sama ada di peringkat tempatan atau di peringkat nasional sehingga persoalan tersebut tidak pernah diselesaikan dengan baik. Kedua, setiap kurikulum baru yang akan dilaksanakan tidak mendapat sokongan oleh pihak kementerian pendidikan. Kenyataan ini sesuai dengan

pernyataan Somerset (2002) menjelaskan bahawa kursus-kursus yang dilaksanakan oleh guru tidak efektif. Malah selepas kursus tersebut dijalankan, aspek pengawasan dan penilaian terhadap guru tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Kebanyakan guru yang telah mengikuti kursus, tidak melaksanakan kandungan kursus secara sepenuhnya (Fauzan, 2002). Hal ini menyebabkan guru akan mengajar dan menggunakan strategi pengajaran yang lama. Ketiga, pelaksanaan kurikulum belum dinilai dengan sebenar (Oemar, 1992). Sedangkan pelaksanaan sesuatu kurikulum perlu dinilai keberkesannya.

Satu-satunya standard yang digunakan untuk mengukur keberhasilan pelaksanaan kurikulum adalah pencapaian prestasi pelajar. Sementara itu, maklumat dari proses pelaksanaan kurikulum, berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan belum dijelaskan secara menyeluruh. Padahal kurikulum sesuatu program hendaklah dilihat secara menyeluruh untuk mencapai kurikulum yang baik mengikut kehendak pelajar, kemahiran guru, dan kemudahan yang terdapat dalam institusi tersebut.

Syed Ismail (2011) menjelaskan bahawa kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum adalah bergantung kepada kemahiran guru. Guru adalah individu yang memiliki tanggung jawab di peringkat pengajaran dan pembelajaran di sekolah sebagai pergerakan yang menyeluruh bagi mencapai matlamat kurikulum. Matlamat kurikulum ini tidak akan tercapai sekiranya kurikulum tersebut tidak dilaksanakan sebagaimana dihasratkan oleh falsafah negara. Jadi, penilaian kurikulum dapat menilai kelemahan-kelemahan sepanjang suatu program itu dijalankan. Secara amnya, penilaian kurikulum adalah bertujuan untuk memperbaiki proses pembelajaran dan pengajaran (Mohini, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa Aceh merupakan salah satu aspek potensi daerah Aceh yang perlu dijaga, dipelihara, dibina, dan dikembangkan menerusi kurikulum di sekolah. Hal ini sesuai dengan Undang-undang Pemerintah Aceh (UUPA) Nombor 11 tahun 2005 Bab XXXI, pasal 221, ayat 4, berbunyi, “Bahasa daerah diajarkan dalam pendidikan sekolah sebagai muatan lokal” (Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh, 2010:15).

Usaha untuk mengekalkan pembelajaran bahasa Aceh dalam sistem pendidikan di Aceh menjadi suatu kepentingan dalam perkembangan bahasa Aceh. Penggunaan bahasa Indonesia sebagai bahasa pertama semakin meluas dalam kalangan masyarakat Aceh sehingga Bahasa Aceh telah dipinggir dalam masyarakat Aceh itu sendiri (Salmah, 2001).

Penggunaan bahasa Indonesia secara meluas dalam kalangan pelajar di Aceh telah menyebabkan prestasi dalam bahasa Aceh mengalami tahap kurang baik dalam peperiksaan akhir. Hal ini dapat dilihat menerusi skor pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Aceh selama lima tahun terakhir di SMP Negeri Kota Banda Aceh tidak menunjukkan kecemerlangan. Skor pencapaian pelajar secara rerata masih di peringkat sederhana sahaja. Hasil penyelidikan Universitas Syiah Kuala (2014) mendapati bahawa prestasi belajar bahasa Aceh dalam kalangan pelajar sekolah menengah atas (SMA) belum mendapat pencapaian yang dibanggakan (Departemen Pendidiknas Nasional, 2014).

Jadual 1.1

Statistik Keseluruhan Pencapaian Pelajaran Bahasa Aceh oleh Pelajar SMP Kota Banda Aceh Dari Tahun 2010 hingga Tahun 2014

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Pencapaian	65%	60%	55%	50%	55%

Data Pelaporan Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh 2014

Hakikatnya, pembelajaran bahasa Aceh dilaksanakan seperti pembelajaran mata pelajaran lain. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh dilakukan dengan menggunakan komponen-komponen pembelajaran bahasa. Pelajar pada umumnya memiliki bahasa ibunda bahasa Aceh. Hal ini menjadi penyebab timbulnya tanggapan dalam kalangan pentadbir sekolah, bahawa sesiapa pun boleh mengajar pelajaran bahasa Aceh. Situasi ini menunjukkan bahawa sekolah semakin tidak mementingkan latar belakang profesionalisasi guru mata pelajaran bahasa Aceh kerana mereka menganggap bahawa dalam pengajaran guru cukup hanya memiliki buku teks yang dapat dipakai dalam melaksanakan pembelajaran sahaja (Romi, 2010).

Pembelajaran bahasa Aceh di sekolah dasar dan sekolah menengah pertama menggunakan panduan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Kurikulum ini sebenarnya sudah diperkenalkan sejak dikuatkuasakan kurikulum 2004. Namun begitu, pelaksanaannya belum tercapai sebagaimana diharapkan. Padahal, untuk mencapai peningkatan kecemerlangan di masa hadapan, kurikulum Bahasa Aceh perlu dinilai untuk penambahbaikan agar selari dengan kehendak falsafah pendidikan negara Indonesia.

Di samping itu, keperluan penilaian Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh semakin mendesak kerana kebimbangan masyarakat terhadap gejala sosial dan pengaruh penggunaan bahasa lain yang semakin serius. Selain itu, kecenderungan pihak remaja yang sudah tidak mampu berbahasa Aceh sudah tampak berdasarkan beberapa hasil kajian terdahulu. Antaranya, penyelidikan yang dilakukan Salmah (2001) bahawa dalam pengajaran bahasa Aceh di sekolah-sekolah terhalang oleh tidak adanya kurikulum yang standard, tambahan pula pengetahuan guru yang kurang memadai, dan buku rujukan yang tidak mencukupi.

Dengan itu, dapat dikatakan bahawa kurikulum tempatan bahasa Aceh belum dijalankan dengan sepenuhnya oleh guru dalam mengajarkan bahasa Aceh. Dengan diwujudkannya bahasa asing diajarkan di sekolah maka bahasa Aceh sebagai salah satu bahasa daerah belum dilaksanakan sesuai dengan panduannya. Untuk ini apakah ada usaha-usaha yang dilakukan untuk mengekalkan bahasa pembelajaran bahasa Aceh. Oleh itu, perlu dilakukan penyelidikan mengenai pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Pengkaji melakukan kajian dalam bidang pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh sebagai salah satu aspek untuk memartabatkan mata pelajaran tempatan bahasa Aceh di Provinsi Aceh Indonesia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh berasaskan penggunaan Model Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP) (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di SMP dengan empat bahagian objektif utama berdasarkan

empat dimensi penilaian yang terdapat dalam Model Penilaian CIPP dari aspek dimensi Konteks, Input, Proses, Produk seperti berikut:

- 1) Untuk menjelaskan sejauh mana konteks kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan kepada pelajar SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh.
- 2) Untuk menjelaskan kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Provinsi Aceh.
- 3) Untuk meneroka proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh yang dilaksanakan di SMP Negeri Kota Banda Aceh.
- 4) Untuk mengenal pasti bagaimana pencapaian pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh pada pelajar peringkat SMP di Banda Aceh.


1.5 Soalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut yang juga dibahagikan kepada empat dimensi penting seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah konteks kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan kepada pelajar SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh?
- 2) Apakah kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran dalam kurikulum tempatan bahasa Aceh?
- 3) Bagaimanakah proses pelaksanaan pembelajaran kurikulum bahasa Aceh?
- 4) Bagaimanakah pencapaian kurikulum bahasa Aceh terhadap pelajar SMP Negeri Kota Banda Aceh?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan kajian penilaian terhadap pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh di Provinsi Aceh dari perspektif guru. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada adaptasi dari Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Justifikasi penggunaan model penilaian ini ialah kerana ia amat sesuai untuk menilai sebuah kurikulum yang telah dijalankan di sesebuah institusi sama ada berkesan atau perlu dibuat penambahbaikan. Pemilihan model ini juga kerana kesesuaiannya dalam menjawab persoalan-persoalan kajian. Model CIPP pada asalnya adalah satu model penilaian umum yang mempunyai empat aspek, iaitu: konteks, input, proses dan produk (Stufflebeam, 2007).



Rajah 1.1. Model CIPP (Stufflebeam, 2007)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan beberapa dimensi asas Model CIPP. Kerangka konseptual kajian ini diadaptasi daripada aspek-aspek yang dicadangkan oleh Stufflebeam (2007). Penyelidik menggunakan keempat-empat dimensi dalam model penilaian CIPP yang merangkumi dimensi konteks, input, proses, dan produk. Penilaian dimensi Konteks dalam kajian ini adalah berkaitan dengan keselarasan pelaksanaan

Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada SMP di Kota Banda Aceh dengan tujuan pendidikan yang tercantum dalam kurikulum tempatan.

Penilaian dimensi Input dalam kajian ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Kota Banda Aceh berhubungan dengan kemudahan yang merangkumi pusat sumber, bilik darjah, alatan audio visual, buku teks dan peruntukan waktu mengajar guru bahasa Aceh. Di bawah dimensi input juga penilaian terhadap Guru Bahasa Aceh merangkumi pengetahuan asas pendidikan bahasa Aceh, pengetahuan pedagogi, dan sukatan pelajaran Bahasa Aceh. Penilaian dimensi input pensyarah juga merangkumi profesionalisme (ikhtisas, keupayaan menggunakan alatan audio visual, pengalaman, latihan, persediaan dan keyakinan diri mengajar bahasa Aceh).

Penilaian dimensi Proses dalam kajian ini merangkumi tiga aspek pencerapan yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Kota Banda Aceh iaitu pencerapan pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, amalan pengajaran pembelajaran, dan rancangan pengajaran harian. Penilaian berterusan dan penilaian akhir juga adalah penilaian proses dalam kajian ini merangkumi penyediaan, semakan dan pentadbiran penilaian berterusan. Penggunaan pengajaran dan pembelajaran (P & P) semasa dan pengajaran dan pembelajaran, saiz dan lokasi peringkat, bilangan guru nisbah kepada jumlah jam mengajar, masalah dan keperluan dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Aceh dan hubungan guru bahasa Aceh dengan pelajar dan pentadbiran.

Penilaian dimensi produk melibatkan empat tahap iaitu impak (*impact*), keberkesanan (*effectiveness*), kemampuan (*sustainability*) serta kebolehpindahan (*transporbability*).

Penilaian impak (*impact*) merangkumi keputusan penilaian berterusan dan penilaian akhir tahun, penguasaan ilmu, persepsi terhadap pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh dan tahap kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Penilaian keberkesanan (*effectiveness*) melihat pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh mencapai objektif Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Penilaian kemampuan (*sustainability*) pula melihat pembentukan sikap positif pelajar, manakala penilaian keboleh-pindahan (*transportability*) pula melihat potensi pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh sebagai amalan dalam kehidupan seharian pelajar yang telah melalui Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh.

1.7 Model Penilaian CIPP sebagai Asas Kerangka Konseptual Kajian

Model CIPP yang telah dibina oleh Stufflebeam (2007) adalah sesuai digunakan sebagai asas kerangka konseptual kajian ini kerana ia menggambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbangkan kepada proses membuat keputusan atau inovasi dalam amalan pendidikan. Hal ini bersesuaian sekali dengan matlamat kajian ini yang memerlukan keputusan sama ada perlu mengubah suai atau menambah baik aspek-aspek yang dihadapi tidak sesuai dan mengganggu proses pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh.

Model ini berfokus secara khusus kepada penilaian yang bermatlamatkan kesan jangka panjang dan penambahbaikan berterusan. Ia juga satu model yang komprehensif dan dapat menjelaskan serta menghuraikan bagaimana penilaian boleh memberikan sumbangan kepada proses membuat keputusan (Nor Hayati, 2012). Selain itu, model ini mudah difahami dan dilakukan penilaian untuk setiap elemen. Azizi Yahya (2009)

menyebutkan bahawa model ini menekankan pengawalan terhadap perancangan, penyusunan, dan pelaksanaan program. Azizi Yahya (2001) menyenaraikan tiga rasional mengapa model ini sesuai untuk menilai program iaitu: (i) menyediakan kerangka untuk mengumpul dan memberikan maklumat untuk memastikan keberkesanan sesuatu program pendidikan; (ii) ia merupakan suatu proses menggambarkan, memperoleh dan menyediakan maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan memilih tindakan alternatif dan bukannya untuk menghakimkan bagi menentukan sama benar atau salah sesuatu program, (iii) model ini boleh merumuskan tiga tujuan iaitu memberi panduan untuk membuat keputusan, memberikan rekod untuk lebih bertanggung jawab dan menggalakkan pemahaman terhadap fenomena yang berlaku.

Model penilaian CIPP mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya ialah: (i) model penilaian CIPP boleh dibuat penilaian sama ada sebelum, semasa atau selepas projek itu berjalan berbanding dengan pendekatan Stake's yang mengandaikan bahawa penyelidik boleh membuat kajian semasa peringkat penerapan ataupun semua program itu sedang berjalan; (ii) melalui penggunaan Model Penilaian CIPP, penyelidik boleh membuat kajian dengan menggunakan keempat-empat dimensi tersebut atau menggunakan kombinasi yang terdapat dalam dimensi CIPP; (iii) Model CIPP lebih menekankan kepada mengumpulkan maklumat dengan tujuan memudahkan membuat sebarang keputusan untuk dijadikan panduan di dalam memantapkan sesuatu program sama ada di peringkat perancangan, penyusunan dan penghasilan; (iv) hasil daripada semua maklumat dikumpulkan pada peringkat produk, keputusan akan dibuat sama ada sesuatu program itu perlu diteruskan, ditambah atau diberhentikan; (v) Model CIPP dikatakan model penilaian terbaik kerana ia bersifat menyeluruh (Mohd Zainul Arifien, 2009); (vi)

Penekanan Penilaian Model CIPP digunakan secara proaktif untuk menambah baik sesuatu program dan juga secara retroaktif iaitu menyumbang kepada akauntabiliti (Stufflebeam, 2007); (vii) Matlamat penilaian CIPP adalah untuk memastikan bagaimana pembuat keputusan dapat menggunakan hasil penilaian dalam projek mereka.

Penilaian model CIPP juga mempunyai langkah terbaik dalam memberi kefahaman tentang projek berdasarkan konteks dan proses kerja. Model ini juga berpotensi sebagai penilaian formatif, seperti juga penilaian sumatif dan membantu membentuk perubahan walaupun sesuatu projek masih dalam proses (Muhammad Nordin, 2011).

Model CIPP ini adalah paling sesuai digunakan dalam penilaian kurikulum kerana ia dapat menghurai dan menjelaskan bagaimana interpretasi dan penghakiman boleh dibuat bukan sahaja selepas sesuatu program dilaksanakan malah ia boleh dinilai sebelum dan semasa program dijalankan. Menurut Stufflebeam dan Shinkfiel (2007), Model Penilaian CIPP ini boleh dilakukan dengan menggunakan keempat-empat bahagian atau komponen, iaitu keputusan mengenai persekitaran (*Context*), keputusan mengenai sumber (*Input*), keputusan mengenai pelaksanaan (*Process*), dan keputusan mengenai produk (*Product*) juga melibatkan empat tahap iaitu impak (*Impact*), keberkesanan (*sustainability*), serta kebolehan (*transportability*). Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian ini juga boleh dilakukan dengan menggunakan keempat komponen atau mana-mana komponen tersebut yang sesuai secara berurutan.

Menurut Gredler (1996), pendekatan Model Penilaian CIPP menggunakan keempat-empat jenis penilaian iaitu penilaian *konteks* adalah penilaian yang bertujuan untuk

menentukan matlamat, keutamaan, keperluan dan masalah. Hal ini merupakan langkah pertama ke arah mengkaji dan merancang semula matlamat dan objektif sesuatu program. Selanjutnya, penilaian *input* adalah penilaian yang dilakukan untuk mengukur potensi alternatif dan menganalisis kesesuaiannya dengan keadaan persekitaran. Penilaian *proses* adalah penilaian yang dilakukan untuk mendokumentasikan dan mengukur pelaksanaan sesuatu program. Yang terakhir, penilaian *produk* adalah penilaian yang dilakukan untuk mengukur kesan terhadap sesuatu program.

Penilaian dalam konteks kajian ini bertujuan untuk membuktikan kekurangan atau kelemahan tentang pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Penilaian ini juga bertujuan untuk memperoleh maklumat atau gambaran yang menyeluruh tentang pelaksanaan kurikulum tersebut. Maklumat-maklumat yang diperoleh bermanfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh untuk dijadikan panduan dalam merancang langkah perbaikan dan tindakan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekiranya ada dalam pelaksanaan kurikulum tersebut.

Penggunaan Model Penilaian CIPP ini akan mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur kerana pendekatan ini menjelaskan spesifikasi yang boleh dinilai. Kennedy (1982) merupakan salah satu penyelidik yang pernah menggunakan Model CIPP ini bahawa untuk menilai Program Kejururawatan Peringkat Sarjana Muda berpendapat bahawa Model CIPP ini amat berguna bagi usaha meningkatkan keberkesanan mengikut persepsi pelajar yang telah mengikuti program tersebut. Menurutnya, bahawa model ini memberi satu usaha yang komprehensif dan sistematik dalam mengumpul maklumat untuk tujuan menilai kualiti sesuatu program tersebut.

Selain itu, Model Penilaian CIPP ini sangat digemari oleh para penyelidik untuk menilai sesuatu program (Fatimah, 2009). Model CIPP adalah sesuai untuk menilai sesuatu program yang bertujuan untuk menambah baik sesuatu program kerana ia merupakan suatu model penilaian yang mencakupi semua aspek penilaian seperti aspek konteks, input, proses dan produk. Oleh itu, Model CIPP ini sangat digemari oleh para penyelidik bukan sahaja dalam negara malahan luar negara.

1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh dapat memberi gambaran sama ada pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh yang dijalankan di sekolah telah mencapai hasrat, matlamat, dan objektif pengajaran Bahasa Aceh yang dihasratkan. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi gambaran tentang pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh di sekolah-sekolah selama ini. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan atau asas kepada Dinas Pendidikan Provinsi Aceh dalam usaha meningkatkan kemahiran guru dalam pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Kota Banda Aceh.

Dapatan kajian juga boleh dijadikan dasar dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh. Di samping itu, kajian ini pula menyumbang kepada pihak perancang kurikulum baharu dan terkini terutama Kurikulum Tingkat Standard Pendidikan (KTSP) seperti kurikulum yang sudah dijalankan terhadap mata pelajaran bahasa Indonesia. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai asas kepada kursus latihan dalam pengkhidmatan dalam kalangan guru-guru bahasa Aceh.

Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pihak yang berkuasa juga boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan serta boleh memantapkan lagi pembelajaran bahasa Aceh. Pihak Dinas Pendidikan, Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan, dan Universiti boleh merangka kursus untuk meningkatkan tahap pendidikan keguruan, khususnya untuk bakal-bakal guru bahasa Aceh.

Selain itu, hasil kajian ini juga diperlukan oleh para guru bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh bagi tujuan menambah baik pelaksanaan pembelajaran di bilik darjah. Di samping itu, hasil kajian ini dapat memberi input positif terhadap pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh serta dapat menambahbaik Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh yang sedia ada.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini berbentuk kajian penilaian yang menggunakan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam, 2007). Memandangkan pelbagai kekangan adalah di luar kawalan penyelidik seperti kesuntukan masa dan kewangan, kajian ini hanya menilai pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri di Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh. Peserta kajian penyelidikan ini ialah guru yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada Sembilan belas SMP Negeri dalam Wilayah Kota Banda Aceh. Guru-guru lain tidak terlibat dalam penyelidikan ini kerana mereka tidak mentadbir, mengurus, dan mengelola pengajaran dan pembelajaran secara langsung dalam kurikulum ini. Berikut adalah rumusan batasan dalam kajian ini:

- (i) Kajian ini menilai Pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh Semakan 2004 di peringkat Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Kota Banda Aceh. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh dibandingkan dengan kajian yang mengkaji Pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh para peringkat sekolah menengah lainnya.
- (ii) Kajian ini menjadikan guru yang mengajarkan Bahasa Aceh sebagai subjek kajian terhadap pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau Sekolah Menengah Rendah di Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh tahun ajaran 2013/2014.
- (iii) Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada sembilan orang Guru Bahasa Aceh yang dipilih menjadi sampel kajian. Dapatan kajian ini terbatas kepada pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak boleh dikelompokkan kepada seluruh pelajar dan Guru Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama SMP Negeri Provinsi Aceh tetapi hanya dapat diklasifikasikan di peringkat Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh sahaja.
- (iv) Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh yang sedang dijalankan di Sekolah Menengah Pertama SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh.

1.10 Definisi Operasional

Untuk memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa konsep perlu diberikan definisi secara nyata dan dijelaskan mengikut konteks kajian. Beberapa definisi yang ada kaitannya dengan masalah kajian, rasional, tujuan, batasan, pensampelan, metodologi dan analisis data akan dikemukakan dalam huraian di bawah untuk menentukan ketepatan dan kekemasan kajian. Kata-kata yang perlu diberi huraian adalah: (i) penilaian kurikulum, (ii) pelaksanaan kurikulum, (iii) kurikulum tempatan, (iv) bahasa Aceh, (v) Sekolah Menengah Pertama (SMP), (vi) Model Konteks, Input, Proses, dan Produk (CIPP), (vii) pengetahuan bahasa, (viii) kandungan pelajaran, (ix) pengajaran dan pembelajaran, (x) kepuasan pelajar terhadap kurikulum.

1.10.1 Penilaian Kurikulum

Bramley (1996) memberi penekanan bahawa program latihan perlu dinilai untuk mengenal pasti kualitinya, pencapaian objektifnya dan juga impak kursus terhadap organisasi. White dan Conventry (2000) menyatakan kesemua maklumat penilaian yang diperoleh ini dapat membantu juru latih untuk memahami apa yang dilakukan, mengapa berbuat demikian dan bagaimana untuk menjalankan penambahbaikan pada masa yang akan datang. Menurut Jamil (2002), secara umum penilaian merupakan usaha untuk memperoleh maklumat atau gambaran umum tentang pelaksanaan sesuatu program atau projek. Maklumat tersebut penting kepada pereka bentuk untuk membuat keputusan sama ada perlu diteruskan atau dibuat penambahbaikan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Penilaian dalam bidang kurikulum dapat didefinisikan sebagai suatu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan sesuatu kurikulum. Proses ini melibatkan aktiviti pengenalpastian rasional dan tujuan penilaian, aspek-aspek yang hendak dinilai, kaedah penganalisan maklumat, menginterpretasikan penemuan dan membuat keputusan tertentu mengenai keberkesanan program tersebut sama ada diteruskan penggunaan, memperbaiki, menambah baik, menggugurkannya dan diganti dengan kurikulum yang baru.

Definisi penilaian yang dianggap sesuai dalam kajian ini adalah definisi yang dikemukakan oleh Stufflebeam (2007). Beliau menyatakan bahawa penilaian itu adalah satu proses yang menggambarkan, mengumpulkan dan menyediakan maklumat yang berguna untuk memilih keputusan alternatif atau untuk membuat keputusan. Penilaian kurikulum dalam konteks kajian ini ialah proses mencari maklumat tentang pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh (KTBA) merangkumi perancangan, objektif, sumber, pelaksanaan dan hasilnya dengan menggunakan Model penilaian *Context, Input, Process, Product* (CIPP) oleh Stufflebeam (2007).

1.10.2 Pelaksanaan Kurikulum

Pelaksanaan suatu program perlu memberi tumpuan kepada pengurusan proses secara teliti bagi menghasilkan produk dan pengkhidmatan melalui aktiviti untuk menjayakan sesuatu program (McNamara, 1998). Menurut Zainal Arifin (2002) pelaksanaan merujuk kepada pengurusan, pengendalian, penyiapan, praktik dan pengalaman. Ornstein dan Hunkins (1998), menyatakan bahawa pelaksanaan kurikulum yang berjaya ialah pelaksanaannya melibatkan proses yang membawa sesuatu perubahan baru, menstrukturkan semula dan menggantikan dengan yang baru. Kajian pelaksanaan

kurikulum penting untuk dilaksanakan kerana proses pelaksanaannya melibatkan kos yang banyak sehingga kurikulum gagal mencapai matlamat dan objektif yang diinginkan (Nor Hayati, 2012).

Pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini ialah merujuk kepada pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai di sekolah menengah rendah, khususnya di bilik darjah mengikut yang dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum Pejabat Pendidikan Provinsi Aceh pada tahun 2004. Pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini juga merangkumi Kurikulum Tempatan yang telah dilaksanakan di sekolah menengah sejak ia dibuat tahun 1997 dan dijalankan di sekolah pada tahun 1998.

1.10.3 Kurikulum Tempatan

Kurikulum Tempatan (Kurikulum Muatan Lokal) dimaksudkan untuk mengembangkan potensi daerah sebagai bahagian daripada upaya peningkatan mutu pendidikan di sekolah, serta mengembangkan potensi sekolah sehingga memiliki keunggulan yang kompetitif. Muatan tempatan dapat berbentuk bahasa daerah mahupun bahasa asing, keterampilan dalam bidang teknologi informasi, atau bentuk keterampilan tepat guna yang lain. Muatan tempatan disajikan dalam bentuk mata pelajaran yang harus dipelajari oleh setiap peserta didik, sehingga harus memiliki kompetensi mata pelajaran, standard kompetensi dan kompetensi dasar (Departemen Pendidikan Nasional, 2006).

Konteks kajian ini adalah Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh (KTBA) yang merujuk kepada rancangan mata pelajaran bahasa Aceh di sekolah menengah rendah seperti yang terkandung dalam Kurikulum Tempatan (Bahasa Aceh).

1.10.4 Bahasa Aceh dan Bahasa Daerah Aceh

Bahasa Aceh adalah salah satu bahasa di daerah Aceh. Bahasa Aceh adalah lambang identitas Provinsi Aceh. Adapun bahasa daerah Aceh adalah bahasa-bahasa daerah yang digunakan oleh masyarakat Aceh dalam berkomunikasi. Kelompok bahasa daerah Aceh adalah bahasa-bahasa daerah yang terdapat di Provinsi Aceh dan bahasa ini tidak ada di daerah lain. Bahasa Jamee merupakan bahasa daerah Aceh. Bahasa ini digunakan oleh sebahagian masyarakat yang tinggal di Kabupaten Aceh Selatan, Aceh Barat Daya, sebahagian kecil Aceh Barat, Simeulue, dan Kabupaten Aceh Singkil. Bahasa ini menjadi bahasa pengantar di Kota Tapaktuan, Simeulue, dan Singkil. Selain bahasa Aceh, mereka mempunyai bahasa Jamee sebagai bahasa pengantar. Bahasa Jamee, meskipun hampir sama dengan bahasa Minangkabau, tetapi memiliki perbezaan. Karena itu, bahasa ini disebut bahasa daerah Aceh.

Demikian pula dengan bahasa Kluet, bahasa ini juga bahasa daerah Aceh yang digunakan oleh masyarakat Aceh yang bertempat tinggal di sebahagian kecil Kabupaten Aceh Selatan. Bahasa ini hanya terdapat di Kecamatan Kluet Utara, Kluet Selatan, Kluet Tengah, dan Kluet Timur. Masyarakat di daerah ini yang berbahasa ibu bahasa Kluet menggunakan bahasa Kluet hanya dengan kerabat mereka sahaja, sedangkan saat berkomunikasi dengan orang lain, di luar kerabat, mereka cenderung memakai bahasa aneuk Jamee. Artinya, kalau tidak ada upaya untuk mendokumentasikan bahasa Kluet dalam bentuk tertulis, dicemaskan bahasa ini 100 tahun ke depan akan menjadi bahagian dari sejarah.

Bahasa Simeulue juga merupakan bahasa daerah Aceh, digunakan di Pulau Simeulue (Sinabang). Di Pulau Simeulue sendiri selain bahasa Simeulue juga digunakan bahasa

Devayan, bahasa Sigulai, bahasa Lakon, dan bahasa Jamee. Bahasa ini pun kalau tidak ada upaya penyelamatan, dijangkakan lama-kelamaan akan punah. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor. Pertama adalah faktor penggunaan bahasa ini sangat sedikit. Kedua, faktor perkahwinan campuran antara etnik yang cenderung anak-anaknya tidak lagi diajarkan bahasa daerah. Ketiga, faktor penggunaan bahasa Jamee sebagai bahasa pengantar.

Bahasa Haloban yang terdapat di Aceh Singkil juga dinamakan bahasa daerah Aceh. Bahasa ini juga berada dalam ancaman. Terutama kerana di daerah ini sendiri masyarakat menggunakan bahasa Jamee sebagai bahasa pengantar dalam berkomunikasi. Selain itu, secara umum masyarakat Singkil lainnya yang bukan berbahasa ibu bahasa Haloban tidak mampu bercakap-cakap dalam bahasa ini. Bahasa yang dipakai oleh masyarakat yang mendiami dataran tinggi Gayo digolongkan juga ke dalam bahasa daerah Aceh. Bahasa yang digunakan di daerah ini dinamakan bahasa Gayo. Jumlah pemakai bahasa ini sangat banyak dan meluas yang meliputi seluruh Kabupaten Aceh Tengah, Bener Meriah, dan sebahagian kecil Aceh Tenggara.

Di samping itu, bahasa Tamiang pula merupakan bahasa daerah Aceh iaitu bahasa yang terdapat di Kabupaten Aceh Tamiang. Bahasa ini digunakan sebagai bahasa pengantar di Kabupaten Aceh Tamiang. Begitu pula dengan bahasa Alas yang digunakan oleh masyarakat yang mendiami Kabupaten Aceh Tenggara, juga termasuk ke dalam bahasa daerah Aceh. Bahasa-bahasa daerah ini merupakan aset terbesar Provinsi Aceh. Oleh itu, bahasa-bahasa daerah Provinsi Aceh merupakan aset daerah masyarakat Aceh yang perlu dijaga, dibina, dan dikekalkan.

Bahasa Aceh juga merupakan bahasa daerah yang memiliki penutur paling banyak di Provinsi Aceh. Wilayah pemakaian bahasa ini hampir di seluruh kabupaten/kota di Provinsi Aceh. Oleh itu, bahasa Aceh memiliki jumlah penutur yang paling banyak dan tersebar luas di wilayah Aceh. Bahasa ini juga dijadikan lambang identiti daerah Aceh dan lambang kebanggaan masyarakat Aceh. (Rostina, 2010).

1.10.5 Sekolah Menengah Pertama (SMP)

Sekolah menengah pertama (di singkat SMP) adalah peringkat pendidikan menengah dasar pada pendidikan formal di Indonesia setelah lulus sekolah dasar (atau sederajat). Sekolah menengah pertama mesti dilalui dalam tempoh 3 tahun, mulai dari peringkat 7 sampai peringkat 9. Pada tahun ajaran 1994/1995 hingga 2003/2004, sekolah ini pernah disebut sekolah lanjutan tingkat pertama (SLTP). Pelajar sekolah menengah pertama umumnya berusia 13-15 tahun. Di Indonesia, setiap warga negara berusia 7-15 tahun wajib mengikuti pendidikan dasar, iaitu sekolah dasar (atau sederajat) 6 tahun dan sekolah menengah pertama (atau sederajat) 3 tahun.

Sekolah menengah pertama diselenggarakan oleh pemerintah mahupun swasta. Sejak autonomi daerah dijalankan pada tahun 2001, pengelolaan sekolah menengah pertama negeri di Indonesia yang sebelumnya berada di bawah Jabatan Pendidikan Nasional, kini menjadi tanggung jawab pemerintah daerah kabupaten/kota. Sedangkan Jabatan Pendidikan Nasional hanya sebagai pengawal dalam bidang standard nasional pendidikan. Struktural sekolah menengah pertama negeri merupakan unit pelaksana teknik dinas pendidikan kabupaten/kota.

Di beberapa negara, SMP dijadikan sebagai penghubung antara sekolah dasar dengan sekolah menengah atas. Istilah ini adalah berbeza di beberapa negara. Sebagai contoh di China, Taiwan dan Hong Kong, dan Itali (*scuola media*), SMP mempunyai persamaan dengan *secondary school*. (Departemen Pendidikan Nasional, 2004). Oleh itu, beberapa istilah di pemerintahan dan institusi pendidikan di negara-negara lain, SMP adalah nama lain dari "*junior high school*", yang pada dasarnya tahap sekolah setelah sekolah dasar. Penamaan sebagai (*junior high school*) mulai muncul sekitar tahun 1909 pada waktu pendirian sekolah (*Indianola Junior High School*) di Columbus, Ohio. Sedangkan konsep penamaan sebagai *middle school* mulai diperkenalkan pada tahun 1950 dari Bay City, Michigan (Departemen Pendidikan Nasional, 2004).

1.10.6 Model Konteks, Input, Proses, dan Produk (CIPP)

Model yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971) ini dikenali sebagai model CIPP dan model ini menekankan penilaian ke atas empat aspek bagi suatu program, iaitu konteks, input, proses, dan produk (hasil). Proses penilaian boleh dilakukan terhadap suatu program dengan menggunakan keempat-empat aspek atau menggunakan salah satu daripadanya. Penilaian ke atas aspek *konteks* bermakna penilaian ke atas perkara atau hal yang berkaitan dengan rasional dan objektif. Penilaian ke atas *input* menumpukan kepada perkara mengenai isi dan yang berkaitan dengannya seperti buku teks dan lain-lain. Penilaian ke atas *proses* menumpukan kepada kaedah pengajaran yang dilakukan iaitu interaksi antara pelajar dengan pengajar, penglibatan guru dalam pengajaran, penglibatan pelajar dalam pembelajaran, dan perkara lain yang berhubungan dengan pengajaran. Penilaian ke atas *produk* adalah penilaian mengenai

hasil daripada pelaksanaan program tersebut, iaitu penilaian ke atas pencapaian yang diperoleh oleh program tersebut (Abdul Rahim, 2007).

1.10.7 Pengetahuan

Pengetahuan adalah informasi atau maklumat yang diketahui atau disedari oleh seseorang. Pengetahuan juga merupakan berbagai-bagai gejala yang ditemui dan diperoleh manusia melalui pengamatan akal. Pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan akal budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya, misalnya ketika seseorang merasai masakan yang baru dikenalnya, ia akan mendapatkan pengetahuan tentang bentuk, rasa, dan aroma masakan tersebut.

Pengetahuan adalah informasi yang telah dikombinasikan dengan pemahaman dan potensi untuk membuat tanggapan; yang lantas melekat di hati seseorang. Pada umumnya, pengetahuan memiliki kemampuan *predictive* terhadap sesuatu sebagai hasil pengenalan atas suatu pola, iaitu data berkemampuan untuk menginformasikan atau menimbulkan kesalahpahaman untuk mengarahkan tindakan. Hal inilah yang dikenali potensi untuk membuat tanggapan. Jadi, yang dimaksudkan menerusi kajian ini adalah kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan berbahasa Aceh kepada pelajar SMP Kota Banda Aceh. Menerusi kajian ini pengetahuan dimaksudkan adalah maklumat tentang tata bahasa, morfologi, sintaksis, fonologi, intonasi, kosa kata, dan lain-lain.

1.10.8 Kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran

Kandungan isi pelajaran ialah semua bahan ajar yang diperuntukkan untuk mencapai matlamat pengajaran. Kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran sangat bergantung kepada teknik pencapaian objektif pengajaran. Semua bahan mengajar bahasa Aceh bersesuaian dengan kurikulum tempatan bahasa Aceh. Hal ini merupakan suatu kekuatan kandungan isi pelajaran dan bila kandungan pengajaran tidak selari dan tidak menyokong kurikulum, maka terdapat kelemahan kandungan pelajaran tersebut.

1.10.9 Proses pengajaran dan pembelajaran


Pengajaran dan pembelajaran (P & P) bukan hanya memindahkan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang dipindahkan kepada orang lain. Pengajaran dan pembelajaran boleh digambarkan sebagai proses membina kefahaman pelajar yang menyebabkan perubahan tingkah laku yang berkaitan dengan bahan yang diajarkan. Perubahan adalah disebabkan oleh interaksi dengan persekitarannya (Othman, 2009). Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh adalah proses membina kefahaman pelajar supaya berlakunya perubahan tingkah laku yang berkaitan dengan bahan yang diajar dengan melibatkan interaksi pelajar dengan persekitaran. Hal ini termasuk menggunakan pendekatan, kaedah, teknik, dan penaksiran.

1.11 Kesimpulan

Selaras dengan hasrat pendidikan Daerah Provinsi Aceh iaitu pendidikan sebagai suatu usaha untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani bersepadu untuk melahirkan insan yang setimbang dan harmonis. Usaha ini juga diteruskan dalam falsafah Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh

yang merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan keterampilan dalam menggunakan bahasa Aceh baik lisan atau tulisan sebagai alat komunikasi. Justeru untuk memastikan kurikulum ini memenuhi dan mencapai hasrat tersebut, maka penilaian Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh hendaklah dijalankan supaya dapat mengetahui sejauh mana pencapaian kurikulum tersebut.

Bab ini secara umum telah memperkenalkan kajian yang dijalankan mengenai persoalan yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional kajian. Kerangka konseptual kajian diadaptasi dari Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (2007) dan diubah suai oleh penyelidik mengikut kesesuaian kajian ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Penyelidikan ini berkaitan dengan penilaian pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri di Kota Banda Aceh, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Keseluruhan bab ini membincangkan berkenaan dengan konsep, definisi, jenis dan teori berkenaan dengan penilaian Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh termasuklah definisi dan tujuan penilaian kurikulum, model-model kurikulum, model-model penilaian kurikulum, kajian-kajian lepas berkaitan Model CIPP, Kerangka Teori dan sejarah perkembangan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia.

2.2 Kurikulum

Kurikulum merupakan segala aspek yang meliputi keseluruhan aktiviti yang berlaku dalam satu-satu sistem. Kurikulum pendidikan merupakan pendukung matlamat dan dasar kerajaan. Oleh itu, kandungan kurikulum perlu selari dengan matlamat dan dasar kerajaan. Kandungan kurikulum harus relevan dengan keadaan semasa untuk satu tempoh yang panjang (Abdul Rahim, 2007). Dalam konteks pendidikan, kurikulum dijadikan sebagai laluan dari satu peringkat ke satu peringkat. Terdapat berbagai tanggapan dan pandangan tentang kurikulum. Walau bagaimanapun definisi kurikulum berikut dianggap tepat dan boleh diterima pakai untuk menterjemahkan makna, tanggapan, pegangan dan prinsip yang ada dalam kurikulum. Mohd. Daud (1993) juga mengklasifikasikan pengertian kurikulum berdasarkan kepada perkara-perkara usaha,

rancangan, objektif, kandungan mata pelajaran, pembinaan insan, dan unsur-unsur kebudayaan.

Sistem pendidikan yang terancang akan menghasilkan produk yang baik. Ia bermula dari peringkat pembinaan kurikulum yang berkualiti sehingga peringkat pelaksanaan kurikulum tersebut. Oleh itu, kualiti sistem pendidikan sesebuah negara itu bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina melalui peringkat perancangan dan pelaksanaan yang berkesan (Kamaruddin, 2004). Jadi, kurikulum bersifat dinamik, saintifik dan sentiasa mengalami penambahbaikan sejajar dengan kehendak dan keadaan semasa.

Ada tiga pembahagian kurikulum iaitu (i) kurikulum sebagai program yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah, (ii) kurikulum sebagai program yang dirancang dan dilaksanakan secara praktikal di dalam kelas, dan (iii) kurikulum merupakan pengisian sepanjang hayat untuk membudayakan ilmu dan pengalaman kepada individu baik secara individu mahupun kumpulan.

2.3 Definisi Kurikulum

Kurikulum mempunyai pelbagai definisi. Sekaran (1992) mendefinisikan kurikulum sebagai satu tindakan mengajar. Kurikulum bukan sekadar perancangan, tetapi perancangan tindakan berdasarkan rangka kursus pengetahuan. Chaeril (1997) menyebutkan kurikulum adalah semua pengalaman yang dipelajari di bawah panduan guru.

Taba (1962) menyebutkan kurikulum adalah suatu perancangan untuk pembelajaran. Semua kurikulum mempunyai elemen tertentu seperti (i) pernyataan tujuan dan objektif

spesifik, (ii) pemilihan dan organisasi kandungan pelajaran (iii) pola pengajaran dan pembelajaran, dan (iv) penilaian hasil pembelajaran. Razali Aroff (1991) memberikan tiga takrifan kurikulum, iaitu: (i) sesuatu yang luas dan besar meliputi segala pembelajaran yang berlaku di mana-mana di dalam kawasan sekolah, (ii) segala pembelajaran yang telah dirancang dan ditentukan sahaja yang berlaku di dalam kawasan sekolah, di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah, (iii) kurikulum adalah sesuatu yang dirancang dan tidak terhad dalam bilik darjah sahaja.

Abdul Rahim (2007) menyebutkan bahawa kurikulum merupakan suatu bidang yang amat luas penggunaannya dalam bidang pendidikan. Kurikulum juga dapat meliputi seluruh aktiviti yang ada dalam suatu sistem yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat dalam sistem tersebut. Oleh itu, kefahaman tentang apakah sebenarnya kurikulum amat penting dalam pelaksanaan proses pendidikan untuk dijalankan seperti yang dirancang dan ditentukan.

Oliva (2009) menyebutkan bahawa kurikulum adalah sama dengan program pendidikan dan ia terbahagi kepada enam elemen utama: (a) Program pengajian, (b) Program pengalaman, (c) Program khidmat, dan (d) Kurikulum tersembunyi. Ornstein dan Hunkins (1998) mendefinisikan kurikulum sebagai suatu perancangan tindakan dan dokumen bertulis yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Ia membawa implikasi bahawa apa saja yang tidak dirancang tidak akan dianggap sebagai bahagian daripada kurikulum. Beliau menambahkan bahawa kurikulum adalah segala pengalaman yang diperoleh di bawah pengelolaan pihak sekolah dan guru yang membawa kepada pembelajaran. Selain itu dapat memberi

implikasi sebaliknya di mana hampir semua perkara di sekolah termasuk kurikulum tersirat boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada kurikulum.

2.4 Pelaksanaan Kurikulum

Setelah menentukan objek, matlamat pengajaran seterusnya ialah proses mereka bentuk kurikulum. Tujuan daripada reka bentuk kurikulum ditentukan oleh kumpulan perancang atau pembina kurikulum. Pembina kurikulum akan membuat keputusan tentang kesesuaian reka bentuk kurikulum yang digunakan dalam proses pembinaan kurikulum. Pembina kurikulum akan menentukan proses pembelajaran yang bersesuaian bagi setiap domain dan cara pembinaan kurikulum. Selain daripada hala tuju reka bentuk kurikulum dibentuk berdasarkan faktor dasar kerajaan, masyarakat dan budaya.

Setelah kurikulum dirancang, guru-guru perlu merancang dan melaksanakan pengajaran sesuai dengan kurikulum. Guru-guru perlu membina perancangan instruksi dalam pelaksanaan kurikulum. Guru-guru yang terlibat akan memilih media dan kaedah yang sesuai untuk membantu pelajar menguasai kurikulum. Pemilihan kaedah, strategi dan media pembelajaran. Dalam pengajarannya, perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum memuat pemilihan kaedah, strategi dan media pembelajarannya. Bahagian terakhir, penilaian kurikulum yang terlibat ialah perancang kurikulum dan guru. Perancang kurikulum akan membuat prosedur penilaian bagi menilai rancangan kurikulum yang telah dibina. Guru akan membuat prosedur penilaian untuk menentukan penilaian pelajar. Reka bentuk penilaian yang dicadangkan dalam model ini ialah: (i) Menilai keseluruhan program pendidikan sekolah termasuk matlamat, objektif, keberkesanan instruksi dan pencapaian pelajar dalam bidang tertentu; dan (ii) Menilai program itu sendiri iaitu sama ada matlamat sekolah dan objektif instruksi dapat dipenuhi.

2.5 Kajian-Kajian Pelaksanaan Kurikulum

Pelaksanaan kurikulum adalah sebahagian komponen utama dalam proses perkembangan kurikulum. Menurut Marsh dan Willis (1995) bahawa pelaksanaan kurikulum sebagai sebahagian daripada kontinum. Pelaksanaan kurikulum boleh dipertimbangkan sebagai proses melaksanakan kurikulum yang dirancang. Dengan kata lain pelaksanaan kurikulum adalah menterjemahkan kurikulum yang tertulis kepada amalan dalam bilik darjah.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Fullan (1991) mengatakan bahawa kebanyakan usaha perkembangan kurikulum tidak dilaksanakan dalam amalannya. Secara relatifnya tidak banyak idea-idea yang telah berjaya dilaksanakan di dalam bilik darjah sedangkan pelaksanaan kurikulum merupakan agenda dan matlamat yang penting dalam sistem pendidikan. Dengan itu, isu pelaksanaan kurikulum wajar dikaji kerana ia bukan sahaja memberi gambaran kepada tujuan dan objektif-objektif pendidikan yang dihasratkan.

Bolin (1995) mengkategorikan tiga pendekatan untuk mengkaji pelaksanaan suatu kurikulum. Pertama, strategi daripada perspektif iaitu keprihatinan pengkaji untuk mengukur darjah pelaksanaan sesuatu inovasi dapat dilakukan dengan melihat sejauh mana penggunaan sebenar inovasi itu dan menentukan faktor-faktor yang menggalakkan dan menghalang pelaksanaan kurikulum tersebut. Kedua, strategi saling menyesuaikan atau berminat untuk mengkaji bagaimana sesuatu inovasi itu diadaptasikan semasa dalam proses pelaksanaan itu berlangsung. Ketiga, kajian yang menumpukan terhadap bagaimana kurikulum dibentuk melalui pelaksanaan konstruksi pendidikan dan pelajar.

2.6 Faktor-Faktor yang Menghalangi Pelaksanaan Kurikulum

Pelaksanaan kurikulum akan wujud dua faktor utama iaitu kekangan yang menghalang dalam peluang yang menggalakkan. Hal ini sesuai dengan yang dijelaskan Taylor (1994) bahawa terdapat faktor-faktor yang untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan pada akhir pengajaran iaitu, fizikal yang merujuk kepada bangunan, kemudahan, dan peralatan; sekolah iaitu batasan yang muncul dari keadaan fizikal dan psikologi sekolah; staf iaitu batasan kepada pendidik yang meliputi keupayaan, latihan dan tingkah laku di dalam darjah dan tingkah laku di dalam sekolah; polisi pula adalah batasan hasil dari polisi pendidikan tempatan dan juga kebangsaan; pelajar-pelajar iaitu batasan latar belakang keluarga, umur, sikap dan kepercayaan.

Peringkat pelaksanaan di bilik darjah, aktiviti pendidikan dan pelajarnya menurut Hoyle dan McCormick (1996) adalah ditentukan oleh faktor-faktor seperti ruang, bahan-bahan peralatan, saiz kumpulan yang diajar, pembahagian pelajar kepada aliran ataupun pengkhususan, kualiti dan pelbagai sumber yang dapat diperolehi, tempoh pengajaran dan peperiksaan. Kesemua faktor ini akan membentuk rangka perancangan pendidik yang perlu dipertimbangkan oleh pendidik apabila membuat keputusan mengenai isi pelajaran, kaedah, organisasi, penggunaan masa, peranan setiap pelajar, peralatan dan susunan fizikal kelas.

Kajian yang dijalankan oleh Zainal (2002) mendapati bahawa proses pelaksanaan bukan merupakan persoalan tentang penerimaan atau penentangan, tetapi mengubah suai untuk memenuhi keperluan dan halangan. Pelaksanaan kurikulum di bilik darjah tetap ditentukan oleh pendidik kerana pendidik ialah orang membuat keputusan sama ada

hendak melaksanakan atau tidak melaksanakan kurikulum tersebut (Anna Cristina, 1989).

Perubahan pendidikan merangkumi tiga dimensi (a) penggunaan bahan-bahan baru atau yang telah diubah suai, (b) penggunaan pendekatan pengajaran yang baru, dan (c) perubahan kepercayaan (Fullan, 1991). Di samping itu, terdapat interaksi yang dinamik di antara ketiga-tiga dimensi tersebut. Individu-individu yang gagal memberi perhatian tersebut akan tersalah anggap dan menyangka bahawa mereka telah melaksanakan perubahan seperti yang dikehendaki, padahal mereka hanya sekadar menyentuh bahagian permukaan sahaja (Fullan, 1991).

Beberapa perubahan dalam kurikulum telah dilakukan dalam konteks negara Malaysia untuk memenuhi tuntutan serta keperluan bagi menyesuaikan pendidikan yang selari dengan perubahan sosial-ekonomi, kemajuan sains dan teknologi, perkembangan maklumat dan pembangunan sumber insani. Kurikulum yang dibentuk itu hanya akan menjadi sempurna bila ianya dilaksanakan di bilik darjah. Namun sering terdapat perbezaan atau ketidaksamaan di antara apa yang dirancang iaitu kurikulum rasmi dengan apa yang sebenarnya berlaku di dalam bilik darjah iaitu kurikulum yang sedang dilaksanakan. Jika ini berlaku bermakna gagal sesuatu perubahan kurikulum itu dan ini tentulah amat mengecewakan. Omar (1991) dalam artikelnya memetik satu kajian besar yang dibuat mengenai reformasi pendidikan di Indonesia dan bagaimana hasilnya telah gagal menyerap ke peringkat sekolah. Bishop (1985:4) menyatakan, *“The carefully developed materials gather dust in cupboards, the new ideas slowly lapse away. They fail to become a permanent and effective functioning of the school – they are not institutionalized.”*

Pendidik sebagai pelaksana kurikulum memainkan peranan yang penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum. Sebagai agen perubahan, pendidik perlu menjadi golongan yang berwawasan dan lebih memahami dengan mendalam pembaharuan dan perubahan yang berlaku bagi memastikan hasrat dan matlamat yang dirancang tercapai dengan sepenuhnya. Dapatan daripada beberapa kajian yang telah dilaksanakan oleh Aminah dan Lee (1994) menunjukkan tidak banyak perubahan berlaku di peringkat pelaksanaan bilik darjah. Pendidik didapati bukan sahaja mengubah suai malah tidak ada langsung menggunakan strategik dan pendekatan yang dicadangkan.

Terdapat banyak individu yang menentang perubahan yang dilakukan kepada kurikulum. Mereka lebih suka mengekalkan tradisi yang telah biasa diamalkan bertahun-tahun. Satu laporan yang dikemukakan oleh UNESCO iaitu *Educational Planning: A World survey of problems and prospects (2001:10)* menyatakan:

There is practically complete agreement in the theory on the view that great changes are inevitable, but in practice, every positive innovation encounters the most vigorous opposition. Education is a realm of tradition, and resistance to change springs up in the most varied quarters, ranging from the teachers themselves, the administrators, the parents, the pupils and students, to political, professional and cultural circles. Several countries note that socio-psychological resistance to reform is the major problem. Perhaps more stubborn, than the financial problem itself.

Pelaksanaan kurikulum akan berjaya dengan baik sangat bergantung kepada keprihatinan pendidik terhadap perkembangan kurikulum itu sendiri. Walaupun pendidik prihatin kemungkinan pula ada faktor lain yang menghalangi pendidik dalam melaksanakan kurikulum itu. Gronlund dan Linn (1990) menyatakan lima faktor yang menghalang pelaksanaan kurikulum, iaitu sebagai berikut.

- (1) Pendidik kurang mendapat penjelasan tentang perkembangan kurikulum.
- (2) Pendidik kurang kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memainkan peranan baru dalam perkembangan kurikulum.
- (3) Ketiadaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran.
- (4) Ketidaksesuaian susun atur organisasi dengan kurikulum itu.
- (5) Kurangnya motivasi di kalangan pendidik.

Sebagai kesimpulan bahawa dalam keadaan yang terbatas, pendidik pada masa yang sama juga bertindak sebagai penapis semasa membuat keputusan untuk melaksanakan kurikulum. Pendidik menstrukturkan semula maklumat baru dari aspek pemahaman konsep isi kandungan kurikulum, konsep pengajar, tanggapan mereka mengenai tuntutan persekitaran bekerja dan kehendak mereka untuk memastikan matlamat pada hari itu dapat dicapai dengan lancar. Oleh itu, pemikiran pendidik akan berubah relatif dengan perkembangan kurikulum dan pendidik membuat keputusan mengenali kurikulum itu berdasarkan penstrukturkan semula pemahaman mereka tentang kurikulum.

2.7 Sejarah Perkembangan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh

Tradisi pendidikan masyarakat Aceh bukanlah sebuah fenomena baru. Hal ini terbukti dengan berkembangnya institusi pendidikan dalam masyarakat Aceh seperti *meunasah*, *ranggang*, dan *dayah*, sejak awal masuknya Islam pada abad ke-13 (Badruzzaman, 2002). Sejarah panjang pendidikan Aceh sebelum penjajahan telah melahirkan para ulama dan sasterawan yang memberikan sumbangan besar terhadap kemajuan ilmu pengetahuan dan kebudayaan, tidak hanya untuk masyarakat yang berada di bawah

kerajaan Aceh, tetapi meluas hingga ke berbagai-bagai penjuru Asia Tenggara (Azra, 2002).

Kurikulum 2004 iaitu sebagai penyempurnaan dari kurikulum 1994 yang memberi peluang terhadap perancang pendidikan dan pengajaran di tingkat daerah untuk mengembangkan kurikulum dengan memperhatikan situasi dan keadaan daerah serta lingkungan kebudayaannya. Pada prinsipnya kurikulum 2004 tersebut bermaksud untuk memberi peluang kepada setiap daerah untuk mengembangkan kurikulum sendiri yang menjadi ciri khas masing-masing.

Keadaan ini bertambah baik lagi kerana Menteri Pendidikan Kebudayaan Republik Indonesia menguatkuasakan Surat Pekeliling No. 0412/U/1987 pada 11 Julai 1987. Surat ini menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan muatan tempatan iaitu suatu program pendidikan yang isi dan media penyampaiannya yang berkait langsung dengan lingkungan alam, lingkungan sosial, lingkungan budaya dan disesuaikan dengan keperluan daerah. Mata pelajaran ini wajib dipelajari oleh semua pelajar pada sekolah tersebut.

Surat pekeliling tersebut bermaksud menyatakan bahawa ada dua aspek penting yang perlu diperhatikan dalam mengembangkan muatan tempatan, iaitu: isi dan media program pendidikan. Kandungan yang dimaksud adalah bahan pelajaran yang berupa benda-benda makhluk hidup, kejadian atau peristiwa alam budaya yang ada dalam lingkungan geografi sosial dan budaya untuk mencapai tujuan pembelajaran manakala media penyampaian iaitu berkait erat dengan kaedah pengajaran dan alat bantu belajar

ataupun alat bantu mengajar yang digunakan dalam menyampaikan bahan pembelajaran muatan

2.7.1 Matlamat Kurikulum Bahasa Aceh

Kurikulum sebagaimana difahami tidaklah selesai dengan dokumen kurikulum semata tetapi yang lebih mendasar adalah bagaimana kurikulum itu diterapkan dalam keseluruhan aktiviti yang berlangsung di sekolah. Kurikulum pada gilirannya turut memberi sumbangan pada perubahan sikap, perilaku, dan keterampilan pelajar. Sebagaimana dikemukakan Shabri (2000) bahawa pelaksanaan kurikulum muatan lokal pada pendidikan dasar dapat dikatakan masih relatif baru, sehingga berbagai persoalan dalam kurikulum masih ada.

Persoalan dalam pelaksanaan kurikulum tempatan sampai saat ini masih cukup payah. Hal ini berkait erat dengan perencanaannya, pelaksanaan, dan penilaian. Dilihat dari kekuatan, pelaksanaan kurikulum tempatan memerlukan pengorganisasian secara khusus karena melibatkan ibu, bapa, masyarakat sekolah. Untuk itu, guru perlu bekerja dalam kelompok belajar atau *team teaching* sebagai suatu alternatif dapat dipikirkan. Di samping cara-cara mengajar yang berterusan oleh guru di darjah, harus ada perkongsian secara bersepadu antara pembina, pelaksana lapangan, dan pelatih.

Dilihat dari segi proses belajar mengajar, pelaksanaan kurikulum tempatan dapat menggunakan pendekatan keterampilan proses dan pendekatan kontekstual. Melalui strategi pembelajaran kontekstual, pelajar dapat menggunakan sumber belajar dari lingkungan dan berperanan aktif dalam mengumpulkan pengetahuan. Namun, dalam praktiknya kompetensi guru dalam menerapkan pengajaran merupakan persoalan besar

yang harus ditangani lebih lanjut. Selain itu, sistem ujian akhir dan ijazah yang diselenggarakan di sekolah-sekolah umumnya masih menciptakan iklim pengajaran yang memberikan tekanan yang lebih pada pelajaran akademik, sedangkan mata pelajaran yang menekankan amalan praktik kepada pelajar dianggap bersifat tidak tetap.

2.7.2 Objektif Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh

Bahasa memiliki peranan penting dalam perkembangan intelektual, sosial dan emosional pelajar dan merupakan penunjang keberhasilan dalam mempelajari semua bidang studi. Pelajaran bahasa diharapkan membantu pelajar mengenal dirinya, budayanya, dan budaya orang lain. Selain itu, pembelajaran bahasa juga membantu pelajar mampu mengemukakan gagasan dan perasaan, berpartisipasi dalam masyarakat, dan bahkan menemukan serta menggunakan kemampuan analisis dan imajinar yang ada dalam dirinya (Departemen Pendidikan Nasional, 2006).

Bahasa Aceh merupakan salah satu potensi daerah Aceh. Bahasa Aceh perlu dijaga, dipelihara, dibina, dan dikembangkan melalui pembelajaran di sekolah. Hal ini sesuai dengan Undang-Undang Pemerintah Aceh Nombor 11 Tahun 2006, bab XXXI, pasal 221, ayat 4: *Bahasa daerah diajarkan dalam pendidikan sekolah sebagai muatan lokal (tempatan)*. Di sisi lain, bahasa Aceh merupakan bahasa pengantar dalam hidup bermasyarakat di Provinsi Aceh, dan merupakan bahasa ibu bagi sebahagian besar pelajar.

Selanjutnya, pelajaran bahasa Aceh bertujuan membantu pelajar untuk membiasakan dirinya menggunakan bahasa Aceh sebagai bahasa pengantar, baik di rumah tangga

mahupun dalam masyarakat secara baik dan benar. Secara khusus, pembelajaran bahasa Aceh bertujuan meningkatkan kompetensi pelajar terhadap:

- a) cara pengucapan bahasa Aceh yang baik dan benar,
- b) cara penulisan bahasa Aceh yang baik dan benar,
- c) kemampuan menggunakan bahasa Aceh secara baik dan benar dalam kehidupan sehari-hari,
- d) kemampuan menggunakan kosa kata bahasa Aceh ke dalam ilmu pengetahuan dan teknologi,
- e) kemampuan kreatif pelajar dalam menciptakan dan mengembangkan seni budaya Aceh, misalnya: (a) berbalas pantun, (b) membaca dan menulis hikayat, (c) mengembangkan tarian daerah, (d) menulis puisi, dan (e) menciptakan lagu-lagu daerah.

2.7.3 Kandungan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh

Ruang lingkup kajian kandungan pelajaran bahasa Aceh dalam Kurikulum Bahasa Aceh mencakup kemampuan berbahasa dan kemampuan sastra, dan meliputi aspek: (a) mendengarkan, (b) membaca, (c) berbicara, dan (d) menulis. (Departemen Pendidikan Nasional, 2006).

2.8 Pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh

2.8.1 Tujuan Pengajaran

Setiap mata pelajaran yang diajarkan di Sekolah Menengah Pertama (SMP) tentu mempunyai tujuan tertentu. Tujuan yang harus dicapai melalui mata pelajaran itu

dicantumkan secara tegas dalam kurikulum sebagai tujuan kurikulum suatu pelajaran. Pengajaran bahasa daerah dalam Kurikulum SMP 1975 ternyata tidak disusun secara terperinci (Salmah, 1988). Penetapan kurikulum untuk bahasa daerah tanggung jawabnya diserahkan kepada masing-masing daerah. Hal ini, yang bertanggung jawab dalam aspek Kurikulum Bahasa Aceh ialah Kantor Kementerian Pendidikan Nasional Provinsi Aceh. Namun, jika kita mengikuti tujuan khusus yang hendak dicapai oleh semua mata pelajaran yang diajarkan di SMP, kita menemui juga tujuan yang mungkin dicapai oleh pengajaran bahasa daerah (bahasa Aceh).

Dalam kurikulum ditegaskan bahawa setiap mata pelajaran yang diajarkan di SMP harus mencakup ketiga bidang sasaran dengan tujuan tertentu. Tujuan pengajaran bahasa daerah harus mencapai sasaran sebagai berikut iaitu:

- a. bidang pengetahuan dinyatakan bahawa pelajar memiliki pengetahuan tentang berbagai unsur kebudayaan dan tempatan.
- b. bidang keterampilan dinyatakan bahawa pelajar memiliki keterampilan sosial secara lisan dan tulisan.
- c. bidang nilai dan sikap dinyatakan bahawa pelajar dapat mengapresiasi kebudayaan dan tradisi nasional (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1994).

Berdasarkan ketiga hal di atas dapat disimpulkan bahawa pengajaran bahasa Aceh di SMP memiliki makna sosial, iaitu memperkenalkan unsur kebudayaan daerah dan tradisi nasional kepada pelajar sehingga mereka diharapkan akan tumbuh keinginan dan kemampuan untuk mengapresiasinya. Fungsi praktikal lainnya ialah bahawa hasil

pengajaran ini diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk mengadakan komunikasi dan aktiviti dengan masyarakat sekitarnya, baik secara lisan mahupun secara tulisan. Demikianlah tujuan pengajaran bahasa Aceh yang dapat ditemukan di dalam kurikulum SMP yang sedang dijalankan.

Pada pihak lain, kita juga melihat kenyataan bahawa setiap suku bangsa yang mendiami daerah-daerah tertentu, masing-masing mempunyai bahasa daerahnya sendiri. Bahasa daerah itu mempunyai kedudukan yang sangat kuat dalam masyarakat, baik sebagai bahasa pergaulan mahupun sebagai bahasa kebudayaan (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1994). Umumnya, bahasa-bahasa daerah di Indonesia termasuk rumpun bahasa Melayu. Oleh itu, tentu ada persamaan di samping terdapat perbezaan antara bahasa-bahasa itu, baik dalam bidang kosa kata mahupun dalam bidang kalimatnya. Pengajaran bahasa Aceh (bahasa daerah) secara efektif di sekolah sangat membantu pelajar dalam membezakan pola kalimat bahasa daerah dengan pola kalimat bahasa Indonesia. Pola kalimat bahasa Aceh berbeza dengan pola kalimat bahasa Indonesia. Jadi, pengajaran hendaknya dapat memberi pengetahuan kepada pelajar tentang perbezaan kedua pola itu sehingga pola kalimat bahasa Aceh akan diterapkan pada kalimat bahasa Indonesia dan sebaliknya.

Bahasa Aceh diajarkan di sekolah-sekolah sebagai salah satu mata pelajaran yang khas dan tidak mengganggu jumlah jam mata pelajaran lain. Pengajaran bahasa Aceh diberikan dengan tujuan, antara lain, memperkenalkan kaedah-kaedah yang berlaku dalam bahasa Aceh, baik tentang tatabunyi dan tata bentuk mahupun tata kalimatnya. Hasil yang diharapkan dari pengajaran ini ialah pelajar dapat membezakan pola kalimat bahasa Aceh dengan pola kalimat bahasa Indonesia dalam bahasa lisan atau dalam

bahasa tulisan. Pelajar yang dapat memahami dengan baik struktur bahasa Aceh diharapkan dapat berkomunikasi dengan baik pula dengan orang-orang lain di sekitarnya. Pelajar dapat menerapkan kaedah-kaedah bahasa yang dipakainya dengan tepat sehingga memudahkan orang lain memahami buah fikiran yang dikemukakannya. Penggunaan bahasa yang baik dan teratur akan dapat pula mendorong orang lain untuk berbahasa dengan baik sehingga dapat menghalang masuknya pengaruh struktur bahasa lain dalam pemakaian struktur bahasa Aceh dalam pergaulan sehari-hari. Ada kecenderungan pemakaian bahasa lisan Aceh berpengaruh dengan bahasa Indonesia sehingga bahasa Aceh makin lama semakin mengarah kepada pemakaian bahasa Indonesia. Pada hal di pihak lain, kita masih mempergunakan dan perlu mempertahankan kelangsungan hidup bahasa daerah sebab bahasa ini masih dipergunakan masyarakatnya, baik sebagai alat komunikasi antara warga mahupun untuk pembinaan adat dan kesenian daerah.

2.8.2 Bahan Pengajaran Bahasa Aceh

Pengajaran bahasa selalu mencakupi empat aspek kemahiran berbahasa, iaitu mendengarkan, bertutur, membaca, dan menulis. Keempat aspek itu perlu mendapat perhatian yang serius dari para guru agar pengajaran bahasa dapat mencapai sasarannya. Bahan pelajaran bahasa Aceh dapat diperoleh dari buku *Bahasa Aceh* karangan Budiman (1988). Buku ini menjadi buku pegangan guru dan pelajar di sekolah-sekolah selama ini. Semua aspek pengajaran bahasa Aceh mendapat perhatian dengan baik dari para guru. Secara keseluruhannya semua aspek pembelajaran dapat ditemukan dalam buku pelajaran tersebut. Aspek-aspek kemampuan bahasa disajikan melalui latihan-

latihan. Isi kandungan pelajaran yang terdapat dalam buku pelajaran yang diguna pakai sebagai kandungan pelajaran dapat disimpulkan sebagai berikut.

a. Tatabunyi

Menerusi aspek ini dihuraikan berkaitan dengan perbandingan bunyi bahasa Aceh dengan bunyi-bunyi bahasa Indonesia. Hal ini kerana kedua bahasa itu termasuk ke dalam bahasa yang serumpun, bunyi yang berubah menurut peraturan tertentu dengan memperlihatkan perbezaan bentuk dan jumlah unsur bahasa (fonem) yang terdapat dalam kedua bahasa itu. Setiap unsur kata dijelaskan dengan cara menggunakan kata yang mengandungi susunan kata-kata yang dimaksud dalam kalimat. Pada akhir huraian disediakan latihan-latihan.

b. Tatabentuk

Tatabentuk dihuraikan dengan cara menjelaskan kembali kata-kata yang dibentuk yang terdapat dalam teks bacaan yang diajarkan. Caranya ialah memilih sebuah tajuk dan dipilih kata-kata yang terdapat di dalam teks yang kemudiannya dianalisis. Analisis tatabentuk dilakukan bersamaan dengan kata yang lain. Pada akhir pengajaran, disediakan latihan yang berhubungan dengan permasalahan untuk dianalisis dari segi tatabentuk bahasa Aceh yang berkaitan dengan pengajaran.

c. Sintaksis

Bahan pengajaran sintaksis tidak dihuraikan secara eksplisit dalam buku pada buku Panduan Kurikulum. Aspek sintaksis dibicarakan bersamaan dengan pembicaraan kata yang selalu dihuraikan dalam kalimat. Menerusi kaedah tersebut, akan menjelaskan bentuk kalimat yang mungkin disusun dengan kata tertentu yang sedang dibincangkan.

Semua kata yang dibincangkan dalam tatabentuk selanjutnya dijelaskan pula bagaimana posisi kata tersebut dalam kalimat.

d. Pengetahuan dan Keterampilan Bahasa

Selanjutnya, dalam aspek pengetahuan dan keterampilan bahasa dibahasakan peribahasa dan pepatah. Peribahasa dipilih sesuai dengan pemakaian kata yang baru dibincangkan. Peribahasa itu selanjutnya diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia, kemudian ditafsirkan. Penyediaan bahan pula diikuti dengan pendekatan pengajaran yang menampilkan teks bacaan terlebih dahulu. Selanjutnya, dibincangkan aspek ketatabahasa yang terdapat dalam teks tersebut secara satu per satu.

Selain buku yang telah disebutkan di atas, Kantor Wilayah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi Aceh pernah menganjurkan pemakaian buku *Tata Bahasa Aceh*, karangan Jauhari Ishak. Jika isi buku itu kita teliti, terlihat bahan pengajaran, antara lain tatabunyi iaitu kaedah membicarakan tentang fonem-fonem yang terdapat dalam bahasa Aceh; Tatakalam iaitu kaedah bahasa membicarakan susunan perkataan menjadi kalimat bahasa Aceh. Setiap bentuk kalimat diberikan contoh dan terjemahannya dalam bahasa Indonesia. Menerusi kaedah ini, selain bentuk kalimat, dikemukakan ragam kalimat. Guru akan mengemukakan ragam kalimat berserta contoh yang melibatkan terjemahan. Terakhir, tatabentuk iaitu kaedah bahasa yang membincangkan bentuk-bentuk kata dalam bahasa Aceh.

Permasalahannya yang dikemukakan dalam bidang ini ialah tidak berbeza dengan yang dikemukakan dalam buku-buku tata bahasa tradisional. Kandungan bahagian ini adalah khusus membicarakan bentuk kata, huraian kata menurut jenisnya, dan kata-kata

menurut bentuk dengan beberapa contoh kata dalam tiap bentuk. melalui buku pelajaran, buku ini memang belum dapat digunakan sebagai bahan utama untuk dijadikan panduan sepenuhnya. Apabila buku itu hendak digunakan sebagai buku panduan di sekolah, guru harus menambahnya dengan buku lain atau membuat sendiri contoh kalimat lain yang sesuai dengan masalah yang sedang diajarkan. Buku *Tata Bahasa Aceh* tersebut tidak menyertai latihan pada setiap akhir aspek pelajaran, pada hal latihan itu sangat diperlukan karena di samping sebagai bengkel bagi pelajar, latihan itu manfaatnya sangat besar untuk membantu mengarahkan guru dalam memperdalam kandungan pelajaran. Umumnya guru yang bertugas mengajarkan pelajaran bahasa Aceh belum dipersiapkan dengan baik, dengan perkataan lain guru belum dilatihkan tentang proses belajar mengajar bahasa dan sastra Aceh.

2.9 Penilaian Kurikulum

Penilaian kurikulum merupakan aktiviti yang mempunyai kaitan dengan aktiviti lain dalam kurikulum. Implementasi kurikulum dan pengubah suai kurikulum. Pentakrifan penilaian kurikulum perlu dilihat dari aspek nilai secara falsafah. Oleh itu, penilaian kurikulum melibatkan nilai keperluannya. Aktiviti penilaian kurikulum merupakan suatu aktiviti yang kreatif kerana penilaian kurikulum memerlukan pertimbangan wajar daripada pihak penilai.

Proses penilaian kurikulum, pihak penilai perlu mempertimbangkan prosedur yang hendak digunakan. Pihak penilai juga perlu memikirkan dan membentuk alat-alat yang boleh dipercayai dan sah untuk melakukan penilaian. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Rahim (2007) bahawa menilai kurikulum adalah menilai seluruh proses dalam pembentukan kurikulum.

Terdapat dua aspek dalam penilaian kurikulum, iaitu aspek formatif dan aspek sumative. Aspek formatif merupakan proses menilai kurikulum dari segi aspek kurikulum seperti objektif, jika pengubah menggunakan model objektif, kandungan, kaedah pengajaran dan sistem penilaian di dalam bilik darjah. Penilaian ini bertujuan untuk menentukan sama ada sistem pendidikan yang diperkenalkan adalah sebagaimana yang telah dirancang.

Aspek sumatif merupakan proses menilai suatu aktiviti bagi mengesan setakat mana objek yang ditentukan telah dicapai. Andaiannya ialah bahawa aspek kurikulum seperti objektif, kandungan dan kaedah mengajar telah ditentukan dengan tepat. Jadi, penilaian kurikulum merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan suatu matlamat bagi membolehkan pihak berkuasa membuat keputusan tentang rancangan pendidikan.

Penilaian kurikulum merujuk kepada proses pengkajian tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan (Saedah Siraj, 2001). Penilaian kurikulum merupakan unsur atau elemen kepada perubahan kepada perubahan kurikulum yang seterusnya membawa kepada reformasi dalam pendidikan khususnya pembentukan kurikulum.

Cronbach (1982) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis keputusan apabila dilakukan suatu penilaian kurikulum, iaitu: (i) Memperbaiki kurikulum, iaitu berkaitan dengan penentuan apakah kaedah pengajaran yang sesuai, apakah jenis peralatan yang sesuai dan di bidang apakah perubahan perlu dilakukan? (ii) Mengenal pasti kehendak pelajar untuk merancang kaedah pengajaran yang sesuai bagi mereka. Keputusan tentang

individu juga digunakan untuk menentukan tahap kebolehan pelajar untuk mengumpulkan mereka di dalam kumpulan mengikuti kebolehan serta menentukan kelemahan pelajar yang dapat dikesan. (iii) Menentukan peraturan pentadbiran yang melihat setakat mana baiknya sistem persekolahan dan juga menentukan setakat mana baiknya usaha guru di sekolah dalam melaksanakan dan menterjemahkan kurikulum yang digunakan.

Zuber (2003) menyatakan kurikulum sebagai suatu proses dalam membuat keputusan sesuatu kurikulum yang telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pencapaian objektif dan matlamat pendidikan yang ditetapkan. Abu Bakar Kasim (1990) mendefinisikan penilaian kurikulum mencakupi aktiviti-aktiviti yang menghurai tentang program pendidikan. Penghuraian tersebut pula mempunyai matlamat dan peranan-peranan yang tertentu. Menurut beliau, disebabkan kurikulum melibatkan berbagai aspek dan elemen berkaitan dengan program pendidikan, maka sekurang-kurangnya aktiviti-aktiviti penilaian dapat difokuskan kepada sesuatu aspek yang boleh dinilai ialah aspek hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran mungkin dalam bentuk pengetahuan, kemahiran atau motivasi pelajar. Selain itu, aspek kaedah dan strategi juga boleh difokuskan dalam penilaian untuk dijadikan panduan kepada guru dalam meningkatkan atau memperbaiki kaedah dan strategi dalam pengajarannya.

Selanjutnya, penilaian dalam pengajaran ialah sebahagian daripada penilaian kurikulum. Apabila penilaian kurikulum dilakukan, terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab iaitu: (i) Sejauh manakah tepatnya objek dan tujuan kurikulum yang dibina; (ii) Sejauh manakah kurikulum tersebut berfungsi semasa kurikulum dilaksanakan di sekolah; (iii) Sejauh manakah kaedah-kaedah dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang

digunakan oleh guru; (iv) Sejauh manakah kejayaan pelajar-pelajar yang dihasilkan di peringkat sekolah berjaya di dalam pendidikan tinggi atau di dalam bidang kerja mereka, sama ada mereka boleh berfungsi dalam kehidupan mereka sendiri dan juga menyumbang kepada masyarakat; (v) Sejauh manakah ketepatan pembelajaran dan kos yang diperuntukkan, sama ada setiap sen yang dikeluarkan itu memberikan hasil yang baik (Oliva, 2009).

Penilaian kurikulum sebagai satu proses pengkajian tahap kejayaan dan keberkesanan sama ada sesuatu aspek atau keseluruhan sebuah kurikulum dari segi ketepatan objektif, kesesuaian kandungan serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan (Saedah, 2001). Kebanyakan pakar dalam bidang kurikulum juga mendefinisikan bahawa penilaian kurikulum merupakan suatu proses mengumpul dan mencari maklumat bagi membolehkan sesuatu keputusan dibuat (Vincent, 2005).

Berdasarkan beberapa definisi yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh dan pengkaji kurikulum di atas, maka penilaian kurikulum dapat dirumuskan sebagai proses pengumpulan maklumat berkaitan dengan program pendidikan yang dilaksanakan. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis bagi menilai dan menentukan sama ada sesuatu kurikulum tersebut perlu dikekalkan, dikaji semula, dibuat penambahbaikan atau dirombak secara keseluruhan dan digantikan dengan kurikulum baru yang lebih baik. Dalam konteks kajian ini, penilaian kurikulum ke atas Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) berdasarkan sukatan pelajaran yang telah dilaksanakan di sekolah.

2.10 Tujuan Penilaian Kurikulum

Empat tujuan penilaian dalam sebuah kurikulum adalah seperti berikut: (i) Melihat sama ada kurikulum yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak; (ii) Membuat pertimbangan sekiranya sebuah kurikulum yang akan diubah akan menjadi lebih baik daripada yang sudah digunakan; (iii) Sebagai alat untuk mengukur keberkesanan terhadap kurikulum yang sudah dilaksanakan oleh pihak perancang perkembangan kurikulum; (iv) Melihat pencapaian dan perubahan tingkah laku pelajar di dalam suatu perkara yang telah dipelajari (Mohd Salleh, 1996).

Penilaian kurikulum dapat memberi jawapan terhadap beberapa persoalan yang mungkin dikemukakan seperti: (i) Kemampuan program dalam memenuhi keperluan masyarakat, pelajar-pelajar dan tahap pencapaian pelajar yang mengikut sesuatu program yang diperkenalkan; (ii) Kepentingan dan kesahan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran; (iii) Kemampuan suatu program mencapai matlamatnya dalam keadaan pengajaran yang sedia ada; (iv) Isu program yang diperkenalkan itu lebih ekonomis bagi mencapai matlamat yang ditentukan; (v) Hasil yang tidak terancang yang mungkin timbul daripada pelaksanaan sesuatu program (Abu Bakar dan Ihsan, 2003).

Untuk menghuraikan jawapan kepada masalah-masalah yang timbul tersebut, penilaian kurikulum terpaksa menggunakan model-model konsepsi yang mengambil kira faktor-faktor yang terlibat, peralatan-peralatan yang sah, prosedur-prosedur mendapatkan data dan memproses data secara saintifik dan laporan yang berbentuk teknikal tetapi mampu dipahami oleh pihak-pihak yang terlibat. Berkaitan dengan program pendidikan, maka sekurang-kurangnya aktiviti penilaian dapat difokuskan kepada sesuatu aspek atau

beberapa aspek yang telah ditentukan terlebih dahulu. Antara aspek-aspek yang boleh difokuskan ialah hasil pembelajaran yang ditunjukkan oleh pelajar. Hasil ini mungkin di dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran atau motivasi dan nilai ataupun kedua-duanya sekali. Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dirancang dan disusun supaya guru dan pelajar mendapat manfaat daripadanya. Keberkesanannya sukar dibuktikan melainkan setelah dinilai. Kaedah dan strategi pengajaran juga menjadi fokus kepada penilaian.

Scriven (1993) menjelaskan bahawa penilaian kurikulum dilihat sebagai alat ataupun kaedah untuk menghuraikan aktiviti-aktiviti pendidikan. Jikalau penilaian itu digunakan bagi mendapatkan huraian mengenai sesuatu entiti dalam program ataupun menghurai program itu secara keseluruhan, maka penghuraian itu ialah mengenai matlamat. Penilaian boleh menolong dalam pembentukan kurikulum, program latihan guru, penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran dan percubaan sesuatu kaedah pembelajaran. Penilaian boleh memberi jawapan kepada pihak-pihak yang ingin mengetahui apakah yang terjadi kepada sesuatu program kurikulum. Pihak berkenaan ingin melihat hasil-hasil daripada sebuah kurikulum seperti prestasi pelajar, kepuasan guru-guru dan ketenteraman suasana di sekolah.

Berdasarkan pelbagai kenyataan dan pendapat di atas, dapat dirumuskan bahawa penilaian terhadap sesuatu kurikulum penting bagi memastikan kurikulum berkenaan berjaya mencapai matlamat serta berkesan, sama ada kepada pelaksana kurikulum ataupun para pelajar.

2.11 Model-Model Penilaian Kurikulum

Penilaian adalah proses berterusan untuk menentukan kaedah yang disyorkan digunakan dalam pengajaran oleh guru-guru dan di samping itu penyelia boleh memberi bimbingan dan pandangan kepada mereka untuk mengatasi kekurangan yang wujud. Penilaian berbentuk soal selidik digunakan supaya maklum balas yang diperoleh memberi gambaran yang keseluruhan dan sebenar. Hasil maklum balas ini boleh diambil perhatian semasa menjalankan kursus-kursus lain pada masa hadapan projek. Beberapa teknik penilaian boleh dan pernah digunakan untuk menilai pelaksanaan sesuatu kurikulum. Antaranya adalah pemerhatian, termasuk temu bual dengan guru, pengetua dan pelajar-pelajar serta guru-guru mata pelajaran berkenaan.

Model adalah satu gambaran konseptual yang dapat menjelaskan hubungan antara aktiviti dengan elemen-elemen lain yang berkaitan (Razali, 1990). Menurut Smith dan Glass (1987), terdapat pelbagai model yang boleh digunakan sebagai panduan dalam penilaian sesuatu program. Proses untuk menentukan model yang digunakan untuk membuat penilaian adalah satu proses yang rumit. Model penilaian yang baik adalah model yang berkesesuaian dengan kehendak penilai, matlamat dan tujuan penilaian itu dijalankan. Namun hakikatnya tidak wujud satu model penilaian yang benar-benar tepat untuk setiap masalah. Model yang dipilih biasanya disesuaikan dengan tujuan penilaian dan berkait rapat dengan soalan, organisasi dan fokus kajian.

Ornstein dan Hunkins (1998), mengemukakan beberapa model penilaian kurikulum yang dikemukakan oleh pakar kurikulum yang berkaitan. Antara model penilaian kurikulum yang menjadi rujukan untuk melaksanakan penilaian kurikulum ialah Model

Objektif, Model Stake, Model Holistik, Model Illuminative dan Model Konteks, Input, Proses, dan Produk (CIPP).

Penggunaan model-model ini tergantung kepada konteks tertentu, iaitu apa yang hendak dinilai iaitu apakah corak pendidikan yang hendak dinilai? Apakah asas kurikulum yang dibentuk? Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan model-model penilaian tersebut, iaitu:

2.11.1 Model Penilaian Objektif ‘*Objective-oriented*’

Model penilaian objektif ‘*Objective-oriented*’ diasaskan oleh Tyler pada tahun 1949. Model ini berasaskan kepada keselarasan antara objektif pengajaran dan perubahan tingkah laku pelajar (*outcome*). Model ini sering memberi penekanan terhadap produktiviti dan akauntabiliti dalam sesuatu aktiviti. Model ini juga sering digunakan untuk mengukur pencapaian dan kemajuan seseorang pelajar. Pendekatan yang dicadangkan oleh Tyler (1974) ialah mengenal pasti apakah tujuan atau matlamat pengajaran. Matlamat atau tujuan diterjemahkan kepada objektif khusus yang berbentuk tingkah laku. Jika objektifnya tidak dapat dicapai sepenuhnya, bermakna terdapat kelemahan di peringkat pelaksanaan ataupun objektif yang dipilih itu tidak sesuai dengan tahap pelajar.

Abdul Rahim (2007) menyebutkan bahawa model objektif juga merupakan model penilaian yang berbentuk terus atau langsung. Model ini melihat kepada apa yang hendak kita tahu, iaitu sama ada kurikulum itu berjalan seperti yang dikehendaki dan dijangkakan. Model objektif ini juga mempunyai kaitan dengan model objektif pembentukan kurikulum. Oleh itu, penilai kurikulum perlu tahu apakah tujuan penilaian

dan perkara yang hendak dilakukan. Penilaian berasaskan kepada tujuan kurikulum dan melihat kepada apa jua yang dijelmakan dalam perlakuan yang dapat dan boleh dilihat iaitu hasil yang diharapkan daripada pelajar.

Penilaian model objektif menggunakan konsep dan prinsip pengukuran. Asasnya ialah penulisan pernyataan objektif lakukan. Penilaian ini menekankan kejayaan dan kegagalan. Penilaian berdasarkan model objektif tidak mengendahkan pemahaman dalam proses pendidikan. Persoalan yang timbul ialah adakah bentuk penilaian ini boleh digunakan untuk membuat pertimbangan atau keputusan bagi suatu program pendidikan? Keadaan ini memerlukan seseorang penilai mempunyai kepakaran dalam penentuan dan pembinaan objektif kurikulum.

2.11.2 Model Penilaian Responsif

Model ini dikemukakan oleh Stake (1975). Beliau mendefinisikan penilaian sebagai perbandingan antara apa yang diperhatikan atau dilaksanakan dengan piawai yang ditetapkan. Baginya untuk membuat penilaian, penilai perlu memahami program yang dilaksanakan melalui temu bual dengan mereka yang terlibat. Melalui temu bual, penilai dapat mengenal pasti isu yang wujud dan menjadikan isu tersebut sebagai asas untuk rancangan pemungutan data. Stakes (1975), telah menggariskan pendekatan responsif lebih ke arah aktiviti program dari tujuan program. Model ini mempunyai hubungan dengan orang ramai untuk mendapatkan maklumat dan perbezaan perspektif nilai dalam kalangan orang ramai yang menjadi ukuran dalam melaporkan kejayaan dan kegagalan sesuatu program. Menurut model ini lagi, penilai membuat perancangan pemerhatian serta mengatur orang untuk memperhatikan perjalanan program tersebut. Namun penilai akan menilai kualiti dan mengumpulkan semua maklumat yang bernilai daripada orang

yang membantu penilai. Tugas penilai adalah membuat kenyataan yang komprehensif mengenai apa yang ingin dicapai oleh sesuatu program dan menilai sejauh mana kepuasan atau ketidakpuasan kumpulan pelanggan terhadap program yang dijalankan. Penilai akan menyusun dan menganalisis pandangan yang dinilai yang berkaitan dengan program.

Model ini lebih berdasarkan kepada apa yang biasa dibuat untuk menilai sesuatu perkara. Mereka akan memerhati dan kemudian akan bertindak. Bagi menjalankan penilaian ini penilai terpaksa membuat kerja yang lebih untuk menghasilkan individu yang dipilih memahami apa yang perlu dilakukan. Mereka juga perlu membuat perancangan yang terancang dan mencari serta mengatur orang untuk memerhatikan perjalanan program tersebut. Dengan pertolongan mereka, penilai akan menyediakan carta, penggambaran, tujuan dapatan dan membuat grafik. Penilai juga menilai kualiti dan rekod orang yang membantu penilai.

Terdapat empat fasa utama dalam model ini:

- (i) Melibatkan permulaan dan penyusunan penilaian. Beliau mencadangkan penilai dan klien membuat perundingan mengenai kontrak penilaian seperti tujuan penilaian, kebenaran dan jaminan rahsia. '*Stakeholder*' atau pihak berkepentingan (pemegang taruh) ialah individu yang terlibat dalam penilaian tersebut dan mereka mempunyai hak untuk mendapatkan keizinan untuk menilai isu-isu yang berkaitan dengan proses penilaian.
- (ii) Fasa kedua ialah untuk mengenal pasti penerimaan (*concern*), isu dan nilai dari '*Stakeholder*'. Fakta-fakta diperoleh melalui temu duga dan soal selidik.

- (iii) Fasa ketiga mengumpulkan maklumat yang mempunyai pertalian dengan keperluan, isu, nilai yang dikenal pasti oleh '*stakeholder*'. Penilai juga boleh mendapatkan data dan maklumat secara deskriptif mengenai perkara yang dinilai dan piawaian yang digunakan untuk membuat pertimbangan. Maklumat yang diperlukan boleh dikumpulkan melalui beberapa cara iaitu pemerhatian, naturalistik, temu duga dan ujian piawaian.
- (iv) Peringkat akhir ialah peringkat menyediakan laporan mengenai keputusan dan cadangan. Format kajian kes sering digunakan untuk membuat laporan ini. Laporan ini mengandungi beberapa isu dan penerimaan yang dikenal pasti oleh '*stakeholder*'. Model ini mencadangkan penilai dalam membuat rundingan dengan '*stakeholder*' dan membuat pertimbangan dan cadangan-cadangan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi.

Model ini dibina berlandaskan kelemahan-kelemahan model objektif. Stake (1975) juga mengemukakan tambahan dari model awal, iaitu model penilaian responsif yang menekankan aktiviti program lebih daripada kehendak program. Model penilaian responsif menumpukan keperluan pakar menilai kurikulum membuat perancangan terhadap penilaian tanpa terikat kepada objek dan matlamat program yang hendak dinilai. Model ini lebih bersifat kepada matlamat penilaian yang bebas.

2.11.3 Model Penilaian Matlamat Bebas (*free-goal evaluation*)

Model penilaian matlamat bebas ini diperkenalkan oleh Scriven (1993). Model ini lebih menekankan kepada cara bagaimana cara hendak mengurangkan prasangka (bias) dengan tidak memaklumkan kepada penilai program itu. Penilai mesti berada dan

menghadiri sesuatu program dan menyelidik ke semua hasilnya. Model ini menganggap pengguna sebagai *audien* utama. Melalui model ini, beliau mahu penilai mengukur kesan yang didapati daripada sesuatu program berbanding dengan keperluan pengguna dan tidak membandingkannya dengan matlamat pihak penganjur. Penilai model ini lebih berbentuk summatif dan melibatkan proses: (i) mengumpul segala data yang berkaitan dengan set dan latar pengajaran; (ii) mendapatkan kesahan terhadap aktiviti yang telah dilaksanakan; (iii) mendefinisikan keperluan dan bahan bantu pengajaran; (iv) menilai natijah dan impak persediaan terhadap mutu pengajaran.

2.11.4 Model Penilaian Illuminatif (*Illuminative*)

Parlett dan Hamilton (1972), menyatakan penilaian secara illuminatif merupakan strategi penyelidikan kualitatif yang umum. Seorang penilai illuminatif berperanan utama untuk mempelajari, menerangkan dan melaporkan perkembangan seharian terhadap subjek yang dikaji. Model ini memperkenalkan konsep penilaian penerangan (*Illuminative*) iaitu untuk mengkaji program inovasi, melihat cara bagaimana program dijalankan, cara program dipengaruhi oleh berbagai-bagai situasi pendidikan apabila diaplikasikan dan kesannya terhadap pengalaman akademik dan hasil tugas pelajar. Penilaian jenis ini memperhitungkan interaksi antara sistem pengajaran dan situasi persekitaran pembelajaran. Model penilaian ini lebih peka terhadap keperluan, minat dan soalan daripada pembaca yang berlainan. Hasil daripada proses pembelajaran adalah berusaha untuk memahami penyusunan keseluruhan sistem secara teratur. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan pemahaman atau penerangan tentang program, pengarahannya kepada pembaharuan atau sekolah sebagai satu sistem pekerjaan seperti yang terkandung dalam lingkungan yang ditetapkan. Jadi, tugas penilai adalah

menyelesaikan masalah yang rumit, mengenal pasti sebab dan kesan, dan memahami kaitan antara kepercayaan dan latihan dengan cara pelaksanaan dan maklum balas daripada individu.

Tujuan umum pendekatan model penilaian ini adalah untuk memberikan penerangan yang jelas tentang pembaharuan dalam suatu kurikulum. Model Illuminatif juga digunakan untuk mengkaji program pembaharuan dan melihat bagaimana model ini dilaksanakan. Penilaian dilakukan untuk melihat bagaimana berbagai-bagai keadaan di sekolah boleh mempengaruhinya dan apakah baik buruknya menurut mereka yang terlibat secara langsung dengan program itu. Proses penilaian boleh mendedahkan bagaimanakah intelek pelajar dipengaruhi oleh program ini melalui proses mengesan dan merekodkan reaksi mereka yang terlibat.

Melalui penilaian ini, perbincangan ciri-ciri penting program, komitmennya serta proses-proses program yang kritikal dapat dilakukan. Model penilaian ini mementingkan konsep sistem pengajaran dan keadaan pembelajaran. Sistem pengajaran adalah segala aspek yang ditentukan dalam sesuatu kurikulum manakala pembelajaran pula ialah kerjasama antara pelajar dengan guru dalam keadaan sosiosikologi dan material.

2.11.5 Model Ketidaksamaan (*Discrepancy*)

Model ini direka bentuk oleh Provus (1969) yang digunakan dengan meluas penilaian program akademik untuk menyelesaikan masalah dan mengembalikan tindakan pembetulan. Menurut Provus (1969), definisi *discrepancy* ialah pengukuran antara piawai yang ditetapkan dengan apa yang berlaku sebenarnya. Kalau sesuatu program

tidak mencapai piawai yang ditetapkan maka terdapat perbezaan. Model ini lebih menekankan kepada proses pengurusan maklumat secara berterusan iaitu mementingkan kemajuan program dan begitu juga pencapaian program (Provus, 1969). Maklumat dikumpul berorientasikan kuantitatif dan diserahkan kepada pihak pembuat keputusan. Provus (1969) mendefinisikan penilaian sebagai proses membuat persetujuan sama ada ketidaksamaan wujud antara beberapa aspek program dengan piawai yang menguasai ketidaksamaan seterusnya membuat keputusan untuk mengenal atau menghentikan program. Terdapat beberapa tingkat penilaian dalam model penilaian ketidaksamaan.

Model ini juga dianggap menggunakan pendekatan formatif dan ia berorientasikan analisis sistem. Piawaian boleh diukur dengan menjawab soalan seperti apakah yang berlaku. Sementara pencapaian lebih ke arah apakah yang sebenarnya terjadi. Penilai hanya boleh membantu dengan cara membentuk dan menjelaskan peranan yang dimainkan oleh piawaian dan pencapaian. Penilai perlu mahir menjalankan suatu proses yang hendak dikaji. Penilai dalam model ini tidak semestinya kuantitatif, penilai boleh menerima kepercayaan seseorang itu dari aspek piawaian dan pencapaian sebagai faktor.

Menerusi model penilaian ini, kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah berbeza dan ia boleh dikumpulkan dengan beberapa cara iaitu: (i) Reka bentuk penilaian menentukan kemantapan sesuatu program; (ii) Penilaian input adalah bertujuan untuk menolong pihak pengurusan dengan memastikan sumber yang diperlukan mencukupi; (iii) Proses penilaian untuk memastikan aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar dan mempunyai kualiti seperti yang diharapkan; (iv) Penghasilan penilaian ialah untuk menentukan di tahap pencapaian sesuatu hasil yang dirancang tercapai.

2.11.6 Model Penilaian Rasional

Secara amnya model ini sering memberi penekanan terhadap produktiviti dan akauntabiliti dalam sesuatu aktiviti. Model ini juga sering digunakan untuk mengukur pencapaian dan kemajuan seseorang pelajar. Model ini tidak menggunakan dimensi proses dalam melaksanakan penilaian. Dalam melaksanakan sesuatu kajian, model ini sering mengutarakan pertanyaan seperti adakah pelajar-pelajar berjaya mencapai sesuatu objektif? Adakah para guru berjaya menjalankan sesuatu kerja dengan jayanya?

Untuk membentuk ujian pencapaian, Tyler (1974) menggariskan beberapa prosedur yang patut diikuti iaitu: (i) mengenal pasti objektif sesuatu program bercorak pendidikan yang hendak dijalankan; (ii) menghuraikan setiap objektif dalam bentuk tingkah laku dan isi kandungan; (iii) mengenal pasti situasi di mana objektif yang hendak digunakan; (iv) mewujudkan arah untuk mewakili situasi; (v) mewujudkan arah untuk mendapatkan rekod.

Tyler (1974) mendefinisikan penilaian sebagai perbandingan antara hasil yang dikehendaki dengan hasil yang sebenarnya. Pendekatan Tyler memberi tumpuan kepada pengukuran tingkah laku dalam sesuatu objektif yang dibentuk dan juga menumpukan kepada hasil pembelajaran dari input pengajaran. Tyler (1974), telah membuat beberapa perubahan dalam konsepnya yang asal iaitu penilaian dalam program yang dicadangkan dibuat dengan membandingkan konsep sesuatu program dengan sebarang maklumat yang relevan untuk memantapkan sesuatu program yang dirancang. Ini termasuklah penilaian di peringkat implementasi dan penilaian di dalam pengawasan yang berterusan dalam sesuatu program.

Menurut model penilaian Tyler (1974), penilai mestilah menilai tingkah laku pelajar-pelajar, sebab perubahan tingkah laku dikehendaki dalam pendidikan. Selain itu, penilaian mestilah dibuat pada peringkat akhir. Bagi model ini, langkah pertama ialah mengenal matlamat dan alat pengukuran dikenal pasti. Dapatan kajian akan dibandingkan dengan matlamat program dan keputusan dibuat mengenal taraf pencapaian yang diperoleh. Mengikut Tyler (1974), sekiranya matlamat program tidak tercapai sepenuhnya, ini membawa implikasi sama ada pelaksanaan program pembelajaran lemah atau matlamat yang dipilih tidak sesuai.

Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam model objektif tingkah laku seperti yang dikutip oleh Azizi (2001). Antara kelemahan tersebut: (i) Tiada pendapat yang konsisten mengenai siapa patut memilih objektif, atau objektif yang mana patut dipilih (Stake, 1975); (ii) Sungguhpun objektif dapat didefinisikan dari segi pelaksanaan, masalah untuk mendapatkan hasil pengukuran adalah jauh dari yang dapat dikesan (McDonald, 1986); (iii) Bukan semua penggubal kurikulum bersetuju tentang perlunya menetapkan objektif terlebih dahulu (Atkinson, 1969; Schuman (1999); Schunk (1991); (iv) Program sesuatu kursus hanya dapat dilihat sebagai satu pendekatan untuk menentukan matlamat, dan kedua-dua isi dan pengalaman pembelajaran yang terlibat akan menjadi jalan ke arah mencapai matlamat. Ini bererti matlamat yang sama boleh dicapai melalui beberapa usaha dan pendekatan.

Tyler (1974) memberi penumpuan untuk mendapatkan maklumat dari ilustrator dari aspek objektif kursus dalam bentuk tingkah laku dan kandungan. Kajian kedua dikaitkan dengan '*Progressive Education Movement*' dan memberi penumpuan sama ada kurikulum perlu ditukar di sekolah-sekolah tinggi.

2.11.7 Model Penilaian Bertentangan (*Adversary*)

Model ini mempunyai beberapa kaitan dengan model penilaian responsif. Model ini juga diperoleh daripada prosedur yang digunakan oleh juri-juri di Mahkamah. Perbezaannya ialah model ini menggunakan data secara meluas, mempercayai keterangan klien dan yang penting sekali ialah model ini bersifat bertentangan iaitu kedua-dua keputusan yang diperoleh sama ada positif atau negatif mengenai sesuatu program adalah digalakkan. Model ini mempunyai empat peringkat iaitu:

- (i) Untuk menjana sesuatu isu secara meluas ia dapat dilakukan dengan melibatkan kumpulan penilai dan pelaksana program (klien, pengurus, tabungan dan agensi), untuk mempertimbangkan isu-isu yang dipercayai relevan. Sebagai contoh, perlakuan program ini diberhentikan dan memilih beberapa alternatif program baru yang sesuai.
- (ii) Melibatkan pengurangan beberapa isu. Salah satu daripada cara tersebut ialah mengadakan kumpulan peserta kajian yang akan menyenaraikan beberapa isu yang mereka fikirkan mustahak.
- (iii) Membentuk dua kumpulan penilai yang bertentangan dan menyokong serta menentang sesuatu program. Dalam proses tersebut, kumpulan itu boleh mengadakan temu duga, menyediakan saksi yang berpotensi, mengkaji laporan penilaian yang sedia ada dan mengutip data yang baru.
- (iv) Menjalankan sesi pra pendengaran dan pendengaran formal. Menerusi pendengaran formal, kumpulan yang bertentangan akan membentangkan hujah-hujah dan

bukti-bukti yang kukuh sebelum keputusan sesuatu program dibuat. Tujuan pembentangan dibuat untuk membantu dalam melaksanakan sesuatu keputusan.

Model ini mempunyai masalah seperti kos menjalankannya adalah sangat tinggi, memakan masa yang lama dan ada kemungkinan keputusan yang dibuat itu berat sebelah. Ini berlaku apabila ahli dalam sesuatu kumpulan mempunyai kebolehan berdebat, berhujah daripada yang lain. Elemen-elemen dalam model ini boleh dipermudahkan dan disesuaikan dengan kajian di mana sumbernya adalah terhad.

2.11.8 Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick

Model ini menurut Kirkpatrick (2006) mencadangkan empat tahap hasil pelaksanaan sesuatu program latihan iaitu:

1. Tahap satu: Reaksi; mengukur maklum balas peserta pada akhir sesuatu program, bercorak formatif dengan mengukur tahap keputusan peserta merangkumi kerelevanan objektif program, keupayaan program mengekalkan minat peserta, kuantiti dan kesesuaian aktiviti dan lain-lain. Dapatan reaksi positif daripada pelajar amat penting kerana ia menggambarkan kualiti sesuatu pembelajaran. Tahap ini langkah-langkah bagaimana peserta dalam program latihan yang bertindak balas kepada latihan. Setiap program sekurang-kurangnya perlu dinilai di peringkat ini untuk menjawab soalan-soalan mengenai persepsi pelajar dan meningkatkan latihan. Tahap ini mendapat pengetahuan mengenai sama ada peserta yang suka latihan dan jika ia adalah berkaitan dengan kerja mereka. Reaksi negatif mengurangkan kemungkinan pembelajaran (Kirkpatrick, 2006).

2. Tahap dua: Pembelajaran; menilai sejauh mana peserta berubah sikap, pertambahan pengetahuan atau kemahiran selepas menghadiri sesuatu program. Ia dimulakan dengan menentukan objek khusus program yang diikuti dengan ujian pra dan ujian pasca. Tahap ini penilaian yang dijalankan sebelum latihan (ujian pra) dan selepas latihan (pasca-latihan) untuk menilai jumlah pembelajaran yang telah berlaku disebabkan latihan.
3. Tahap tiga: Tingkah laku; Pertimbangan tahap ini untuk menjawab soalan sama ada latihan tersebut telah dipindahkan kembali ke tugas mereka. Penilaian ini biasanya dijalankan tiga hingga enam bulan selepas latihan. Penilai akan bertanya soalan seperti “Adakah pengetahuan baru yang diperoleh?” Penilaian ini mewakili penilaian sebenar keberkesanan program. Keputusan perancangan yang teliti diperlukan untuk tahap ini untuk menilai, bagaimana untuk menilai dan berapa kerap untuk menilai (Kirkpatrick, 2006). Individu mesti ada keinginan untuk berubah dan bagaimana membuat perubahan bergantung pada persekitaran yang menggalakkan perubahan dan mesti dihargai atau perubahan yang berlaku.
4. Tahap empat: Keputusan atau hasil; Penilaian ini mengukur kejayaan program latihan seperti pengetahuan bertambah, meningkat jualan, kos menurun, kualiti yang lebih baik, kekerapan berkurang kemalangan, keuntungan yang lebih tinggi atau pulangan ke atas pelabuan, perubahan positif dalam gaya pengurusan atau tingkah laku umum, meningkatkan tahap penglibatan pelabuan langsung dan maklum balas yang menggalakkan daripada pelanggan, rekan sekerja dan orang bawahan (Kirkpatrick, 2006).

2.11.9 Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*)

Model CIPP mulai dibentuk pada tahun 1971 oleh Stufflebeam untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasi objektif kemudian dikemas kini oleh Stufflebeam dan Shinkfield (1985), Stufflebeam (2002) dan dikemaskinikan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Model ini digunakan di makmal Austin, Texas dan mulai digunakan sepenuhnya di Dallas. Dalam konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam menyatakan bahawa tugas para penilai ialah mengumpulkan data, merancang, menganalisis dan menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurut beliau tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan mengenai persekitaran (*Context*), keputusan mengenai sumber (*Input*), keputusan mengenai pelaksanaan (*Process*), dan keputusan mengenai hasil (*Product*).

Stufflebeam dan Shinkfield (2007) telah memperkemas dan memperbaiki takrifkan penilaian yang lebih formal iaitu proses menggambarkan, memperoleh dan mengaplikasikan maklumat deskriptif dan penghakiman, berkaitan dengan tujuan, reka bentuk, implementasi, dan keputusan untuk tujuan membuat keputusan dan akauntabiliti dan menggalakkan pemahaman terhadap fenomena terlibat. Takrifkan ini menjelaskan model ini mentakrifkan penilaian kepada tiga tujuan iaitu: (i) sebagai panduan untuk membuat keputusan; (ii) memberikan rekod dan akauntabiliti; (iii) mempertingkatkan pemahaman kepada fenomena terlibat.

Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input, dan proses dengan hasil program. Tujuan penilaian ini juga untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Di samping itu juga, penilaian ini dibuat untuk memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus

untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran. Model ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan menolong pemimpin yang bertanggung jawab dan menggunakan maklumat dan sebarang sumber yang ada untuk memperbaiki perjalanan sesuatu program. Penilaian ini dijalankan semasa sesuatu program sedang berjalan dan ia lebih menekankan keberkesanan dan pengawalan kualiti.

Penilaian konteks cuba menilai syarat-syarat awal dan keperluan dalam sesuatu situasi persekitaran. Penilaian ini menimbulkan isu-isu, mendedahkan masalah-masalah dan menentukan hal-hal untuk membuat program. Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengukur, menterjemahkan dan mengesahkan perjalanan sesuatu program. Tujuan penilaian ini juga ialah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan beberapa objek seperti situasi, program, sasaran populasi/individu dan juga untuk menyediakan satu panduan untuk memperbaiki matlamat yang sedia wujud dan menentukan sesuatu perubahan.

Penilaian Input mengukur keupayaan sistem dan input-input dari segi strategi dan sumber. Penilaian ini digunakan untuk membuat penyusunan keputusan dan menjadi panduan untuk memilih strategi program dan perubahan-perubahan yang hendak dibuat. Perkara-perkara yang ditekankan ialah: (i) Perancangan suatu prosedur dan pembelajaran yang digunakan untuk memenuhi sesuatu kehendak; (ii) Fasa penggunaan yang boleh diterima dan ada potensi untuk berjaya dalam memenuhi sesuatu kehendak.

Di peringkat pengurus penilaian proses, penyelidik akan menyemak proses-proses yang terlibat semasa program itu sedang berjalan. Tujuan penilaian secara proses dibuat untuk mencapai matlamat dan objektif program. Maklum balas ini perlu diketahui dari

masa ke masa untuk mengawal pelaksanaan program. Penilaian ini bertindak sebagai melaksanakan keputusan yang difikirkan sesuai dan juga sebagai *monitoring* sesuatu program yang sedang berjalan. Maklumat mengenai apa yang dicapai adalah mustahak semasa program itu berjalan dan begitu juga dengan rumusan sesuatu program. Objektif utama penilaian ini ialah untuk memastikan sejauhmanakah sesuatu proses itu dapat memenuhi kehendak sesuatu program.

Pada fasa penilaian Produk, tujuan penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input, dan proses dengan hasil program. Ia juga menilai setakat mana sesuatu perubahan dalam program itu berjaya. Mengikut Stufflebeam (2002), tiap-tiap bahagian penilaian memerlukan tiga jenis aktiviti iaitu mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin, mengorganisasikan maklumat yang dikumpulkan dan menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah pengukuran dan statistik. Aktiviti penilaian seterusnya ialah melaporkan maklumat yang telah dianalisis kepada pihak yang terlibat supaya keputusan dapat dibuat.

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007) dalam penilaian tidak boleh digambarkan sebagai satu cara tetapi sebagai satu proses dan *menjelaskan* bahawa proses ini melibatkan tiga langkah utama iaitu untuk menggambarkan, memperoleh dan menyediakan maklumat. Konsep penilaian yang dikemukakan ialah bahawa penilaian seharusnya menjadi sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan. Mengikut pendekatan ini, penilaian terhadap sesuatu program pendidikan berkaitan dengan menilai: (i) Matlamat; (ii) Kualiti perancangannya; (iii) setakat mana perancangan itu dilaksanakan; (iv) Penilaian hasil akhir.

Pendekatan ini jelas memberi penekanan bahawa penilaian sepatutnya digunakan secara proaktif untuk menambah baik sesuatu program dan juga secara retroaktif iaitu bertujuan menyumbang kepada akauntabiliti (Stufflebeam, 1971). Stufflebeam (1971), menyatakan bahawa terdapat empat aspek penilaian yang terdiri daripada penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses, dan penilaian produk.

Pada tahun 2007, Model Penilaian CIPP telah diubah sesuai kesan daripada perkembangan dalam bidang penilaian (Stufflebeam, 2007). Aspek konteks, input, dan proses dikekalkan tetapi aspek produk telah dipecahkan kepada empat sub-komponen, iaitu penilaian impak (*impact*), penilaian keberkesanan (*effective*), penilaian ketekalan (*sustainability*) dan penilaian boleh gunakan pada tempat yang lain (*transportability*). Antara pembaharuan lain dalam model CIPP edisi 2007 ini adalah keempat-empat komponen ini mendasari nilai yang dipegang oleh masyarakat tempatan. Fokus bukan hanya kepada pencapaian objektif semata-mata kerana pencapaian ini mungkin tidak selari dengan konsep nilai yang dipegang. Nilai yang dimaksudkan di sini ialah mana-mana idealisme yang dipegang oleh masyarakat, kumpulan atau individu (Stufflebeam, 2007).

Kajian ini akan menggunakan Model CIPP yang telah dipelopori oleh Stufflebeam (2007) sebagai panduan asas dalam penilaian pelaksanaan Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Kota Banda Aceh, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

2.11.9.1 Penilaian Konteks

Penilaian Konteks bertumpu kepada persekitaran, di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi (Azizi, 2001). Tujuan penilaian ini adalah menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Sebagai contoh untuk menguji keberkesanan program Kemahiran Hidup, penilaian konteks ialah kesesuaian objek Kemahiran Hidup dengan falsafah KBSM. Objektif Kemahiran Hidup dibentuk dengan tujuan untuk memenuhi aspirasi negara, masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam Kemahiran Hidup, keyakinan guru mengajar dan sikap guru dalam menerima perubahan. Abdul Raof (1990), menyatakan bahawa sesungguhnya kejayaan sukatan pelajaran baru bergantung besar kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya dengan penuh semangat dan dedikasi. Oleh itu, guru sepatutnya memahami terlebih dahulu tentang sesuatu kurikulum dari segi matlamatnya.

Kajian yang dijalankan yang berkaitan dengan dimensi konteks ini adalah kajian dijalankan oleh Shapiee (2002). Penyelidikan dijalankan dengan menilai Program Pendidikan Khas (PKK) di Sarawak di mana penilaian konteks terdiri daripada Akta Pendidikan 1996, objektif Pendidikan Khas serta visi dan misi pendidikan khas. Hasil kajian mendapati dimensi konteks yang dikaji. Selain itu, kajian Kamaruddin (2010) yang mengkaji tentang pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti KPTM tiga belas buah Kolej Komuniti di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor mendapati penilaian konteks adalah polisi kolej komuniti.

2.11.9.2 Penilaian Input

Penilaian input tertumpu kepada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Azizi (2001). Penilaian input dalam kajian yang dilakukan olehnya iaitu keberkesanan program Kemahiran Hidup, ialah kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, Penilaian input dalam kajian ini yang dilakukan olehnya iaitu keberkesanan program Kemahiran Hidup, ialah kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, bengkel, kemudahan, jadual dan peruntukan waktu mengajar, peruntukan kewangan dan peranan pengetua. Fawzia (1990) menyatakan bahawa keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kesesuaian dan penyusunan jadual waktu. Di sinilah terletaknya kemahiran dan pengetahuan seseorang pengetua, penolong kanan dan penyelia dalam menyusun jadual agar ia sesuai dengan kehendak guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Penolong kanan dan penyelia dalam menyusun jadual agar sesuai dengan kehendak guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Jadual yang sistemik kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran.

Antara kajian yang dijalankan berkaitan dengan aspek ini adalah kajian yang dijalankan oleh Muhammad Subri (1996) mengenai proses pelaksanaan pengajaran Tilawah Al-Quran di sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru sudah melaksanakan sebahagian besar sarana-sarana dan cadangan yang terdapat dalam buku-buku huraian sukatan pelajaran dalam lajur cadangan aktiviti. Pengetahuan dan kemahiran guru adalah faktor penting dalam dimensi Input. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengadakan kursus dalaman. Kebanyakan program yang dijalankan bertujuan untuk membantu guru-guru menambahkan usaha mereka agar dapat menjalankan tugasnya tanpa sebarang masalah.

Zawawi (2008) telah menjalankan kajian penilaian kurikulum kemahiran bertutur bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Beliau telah menggunakan penilaian Input merangkumi strategi pelaksanaan, sumber, kemudahan asas dan infrastruktur. Hasil kajian membuktikan penilaian input sederhana tinggi kecuali elemen bekalan BBM sederhana rendah. Kamaruddin (2010) telah menggunakan dimensi input dalam kajian penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti KPTM tiga belas buah kolej komuniti di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, dan Selangor di mana penilaian input terdiri daripada persekitaran merangkumi kemudahan infrastruktur, interaksi dengan rakan dan pensyarah, hasil kajian membuktikan pelajar yang tinggal bersama rakan mempunyai kemahiran generik yang tinggi dan tidak dipengaruhi oleh faktor lokasi.

2.11.9.3 Penilaian Proses

Penilaian proses tertumpu kepada proses yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat program (Azizi, 2001). Pelaksanaan program untuk memulakannya perlu disemak dari semasa ke semasa. Penilaian proses ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran guru, cara guru menilai kerja projek kursus yang dihadiri oleh guru. Penilaian proses ini dinilai dengan melihat keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk meningkatkan persembahan harian mereka.

Kajian yang dijalankan Shafiee (2002) berkaitan dengan dimensi proses adalah kajian penilaian program Pendidikan Khas di Sarawak di mana penilaian proses dalam kajian ini adalah terdiri daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru khas. Rudzi (2003) mendapati hasil kajian yang dijalankan tentang penilaian program Diploma

Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara di mana elemen proses membuktikan aktiviti pelajar secara berkumpulan adalah sesuai untuk mata pelajaran yang berorientasi teori manakala aktiviti pelajaran secara individu adalah selain untuk mata pelajaran berasaskan amali.

Zawawi (2008) telah menjalankan kajian penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur bahasa Arab di sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di mana penilaian proses terdiri daripada proses pelaksanaan, hasil kajian mendapati penilaian proses sederhana tinggi kecuali pada elemen penekanan dalam pengajaran berada pada tahap tinggi dan sederhana rendah pada penggunaan bahan bantu mengajar dan kaedah penilaian bertutur.

2.11.9.4 Penilaian Produk

Penilaian produk bertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Ia termasuklah perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif mata pelajaran. Sikap pelajar adalah faktor yang dapat menentukan pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian lain, Azizi (2001) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar Sekolah Vokasional Pertanian tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian untuk kegunaan di rumah. Objektif Kemahiran Hidup adalah untuk melatih pelajar berdikari di samping menggunakan pelajaran yang mereka pelajari untuk kegunaan di rumah. Dengan demikian kita akan mendapat maklumat tentang keberkesanan sesuatu program.

Kajian yang dijalankan Shafiee (2002) berkaitan dengan dimensi proses ia adalah kajian penilaian Program Pendidikan Khas (PPK) di Sarawak di mana penilaian produk adalah

terdiri daripada pencapaian pelajar dalam kognitif, pengurusan diri dan pekerjaan, motivasi pelajar, hasil pembelajaran dan aktiviti pelajar-pelajar khas, hasil kajian mendapati pelaksanaan Program Pendidikan Khas telah memenuhi aspek produk di mana PPK telah memenuhi kehendak pencapaian pelajar khas dalam 3 M (membaca, menulis, mengira) dan kemahiran atas pengurusan diri.

Rudzi (2003) mendapati hasil kajian yang dijalankan tentang penilaian program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara di mana elemen produk terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan. Hasil kajian membuktikan bahawa pengetahuan kesetiausahaan begitu berkesan dalam meningkatkan prestasi kerja dan dapat melahirkan sikap yang baik dalam kalangan graduan. Zawawi (2008) telah menjalankan kajian penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di mana penilaian produk adalah produk kurikulum, hasil kajian mendapati penilaian produk berada pada tahap sederhana rendah.

Model CIPP boleh digunakan dalam keempat-empat atau salah satu daripada dimensi ini untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Ianya bergantung kepada kehendak sesuatu program tersebut. Model ini lebih menekankan kepada mengumpulkan maklumat dengan tujuan untuk memudahkan membuat sebarang keputusan. Maklumat ini juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk memantapkan lagi sesuatu program sama ada pada peringkat perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan penghasilan. Dapatan hasil kajian nanti akan dibuat keputusan terhadap sesuatu program itu sama ada hendak diteruskan, diperbaiki, ditambah atau diberhentikan sesuatu program itu.

2.12 Kajian-Kajian Berkaitan

Secara umum, banyak kajian penilaian kurikulum telah dijalankan dalam pelbagai disiplin ilmu. Penilaian tersebut telah memberikan berbagai maklumat yang berguna bagi pihak yang berkepentingan, dapat mengesan apa yang tidak kena dengan proses pendidikan, menjelaskan sejauh mana keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan, memberi petunjuk kepada penambahbaikan mana-mana aspek dalam proses pembentukan dan perkembangan kurikulum sekali gus membawa kepada usaha memperbaiki sistem pendidikan yang dilaksanakan bagi mencapai apa yang dihasratkan di samping mengukuhkan lagi sistem pendidikan negara.

Antara kajian-kajian tersebut ialah kajian Abu Bakar (1990) yang menjalankan kajian tentang program pengajian perbankan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan menggunakan pendekatan model CIPP. Tumpuan kajian hanya kepada aspek input dan proses. Dalam huraian tentang model CIPP, Abu Bakar (1990), menyatakan bahawa kajian susulan dapat menentukan sama ada kurikulum atau program yang telah dijalankan itu sesuai dengan kepentingan masa kini atau sebaliknya. Kajian yang dijalankan beliau mendapati bahawa kursus bahasa Inggeris telah membantu graduan perbankan UiTM mendapat pekerjaan. Seterusnya beliau mencadangkan supaya keseluruhan kandungan kurikulum pengajian perbankan dipinda dengan mengikut perkembangan semasa.

Kajian yang telah dijalankan oleh Fawzia (1990) telah memberi fokus kepada aspek penilaian input dan penilaian proses melalui pendekatan model CIPP. Kajian ini menilai program mata pelajaran Kemahiran Hidup (Pilihan B) di Wilayah Persekutuan dengan memberi tumpuan kepada pengkhitmatan sokongan seperti guru-guru, bahan-bahan

rujukan dan bentuk pengajaran. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar tingkatan satu, guru-guru dan penyelia petang di enam buah sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua guru bersependapat bahawa pelajar-pelajar telah dapat menguasai aspek pengetahuan seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 50 peratus peralatan yang disediakan untuk masa pelajaran tersebut tidak mencukupi.

Muhammad Marzuki (1992), dalam kajian kes di Sekolah Menengah Sultan Azlan, Lenggong, Perak ke atas 10 orang guru yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran beberapa mata pelajaran KBSM mendapati bahawa pihak pengetua telah berusaha mempertingkatkan kebolehan dan kecekapan para guru untuk melaksanakan KBSM. Sebelum itu, Napsiah (1983) dalam kajiannya terhadap pelaksanaan kurikulum baru mata pelajaran Sejarah menyatakan bahawa guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan semua perubahan kurikulum. Kejayaan kurikulum bergantung kepada faktor penerimaan, rasa tanggung jawab, keupayaan dan kebolehan guru melaksanakan perubahan. Seterusnya beliau menambah, kebolehan dan keupayaan guru melaksanakan perubahan bergantung kepada kefahaman mereka terhadap matlamat, aktiviti, dan bahan sumber serta kemahiran dan pengetahuan luas terhadap kurikulum yang akan dilaksanakan.

Ahmad (2009) dalam kajiannya terhadap penyediaan guru untuk melaksanakan kurikulum Sejarah KBSM di beberapa buah Sekolah Menengah di Negeri Sembilan menyokong pendapat Napsiah (1983) bahawa masih ramai guru kurang faham atau tidak faham dengan beberapa kaedah yang disyorkan untuk mengajar mata pelajaran Sejarah KBSM seperti kaedah simulasi, main peranan, penggunaan sumber pertama dan

kedua. Perkara ini menyebabkan mereka berterusan mengamalkan kaedah pengajaran “*tradisi*” dalam proses pelaksanaan kurikulum misalnya kaedah syarahan dan memberi nota kepada pelajar. Menurutny lagi, guru kurang menggunakan bahan bantuan mengajar terutama alat elektronik seperti rakaman video, CD dan televisyen.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan pendidikan guru matematik sekolah rendah telah dijalankan oleh Noor (1992). Kajian yang telah dijalankan secara tinjauan ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama dan menggunakan model penilaian CIPP. Kajian ini menilai sejauh mana persepsi guru-guru terlatih lepasan maktab perguruan, pensyarah-pensyarah maktab perguruan dan guru-guru besar terhadap kurikulum Matematik maktab perguruan. Penilaian ini juga termasuk aspek pengkhidmatan sokongan, bentuk pengajaran dan hasil program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih lepasan maktab perguruan memberi respons yang positif terhadap kepentingan bidang-bidang kurikulum. Mereka bersetuju bahawa program pendidikan guru matematik sekolah rendah telah mencapai matlamatnya, iaitu menghasilkan guru-guru yang mempunyai kompeten, kebolehan dan keyakinan dalam pengajaran matematik KBSR. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru besar mempunyai pandangan yang lebih positif berbanding dengan pensyarah tentang kemahiran dan keupayaan guru terlatih mengajar matematik KBSR.

Satu kajian yang menggunakan Model Penilaian CIPP telah diusahakan oleh Bahagian Pendidikan Guru, KPM (1994). Kajian dibuat untuk menilai keberkesanan kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan-perubahan perlu dipertimbangkan terhadap aspek struktur, komponen dan pelaksanaan kurikulum. Selain daripada itu, penyemakan kurikulum perlu mengambil

kira perkembangan semasa seperti perubahan kurikulum sekolah contohnya pengenalan kurikulum Reka Cipta, Kemahiran Berpikir dan Kritis (KBKK) dan Sekolah Bestari.

Azizi (2001) dalam kajiannya menggunakan Model CIPP dalam penilaian Program Pembelajaran. Beliau memilih model CIPP yang dibina oleh Stufflebeam kerana keberkesanannya bagi mendapatkan hasil formatif, sumatif, mencari keputusan dan keupayaan penyelesaian masalah. Model penilaian CIPP membolehkan penilai sama ada sebelum, semasa dan selepas projek itu berjalan. Ini amat berbeza dengan pendekatan Stake's yang mengandaikan bahawa penyelidik boleh membuat kajian semasa peringkat implementasi ataupun semasa program itu sedang berjalan. Model penilaian CIPP dibentuk juga untuk memenuhi kehendak perancangan dan pentadbiran program bukan sekadar memenuhi kehendak individu. Ia juga dibentuk bukan sekadar untuk membuktikan sesuatu keputusan tetapi bertindak untuk memperbaiki di mana maklumat-maklumat yang diperoleh nanti boleh dijadikan panduan untuk merancang sesuatu program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi dimensi konteks menunjukkan keputusan yang diperoleh daripada sikap guru terhadap perubahan Kemahiran Hidup dan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan kerana terdapat banyak masalah yang timbul. Dari segi kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan FPK dan keyakinan guru terhadap Kemahiran Hidup menunjukkan keberkesanan. Dari segi dimensi input didapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar dan latihan tidak berkesan secara keseluruhannya. Didapati pada kajian yang dijalankan ini bahawa secara keseluruhan pengajaran dan pembelajaran guru berkesan.

Selain itu, Azizi (2001) pula telah membuat kajian terhadap mata pelajaran KBSM Kemahiran Hidup dengan menggunakan keempat-empat dimensi dalam Model Penilaian CIPP. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa dari segi dimensi konteks diperolehi daripada sikap guru terhadap perubahan Kemahiran Hidup dan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup adalah tidak terkesan kerana terdapat banyak masalah yang timbul. Dari segi kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan Falsafah Kebangsaan dan keyakinan guru terhadap Kemahiran Hidup menunjukkan kebersamaan. Dari segi dimensi input, didapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar dan latihan berkesan secara keseluruhannya. Dari segi peruntukan kewangan, jadual waktu dan masa, pengetahuan guru menunjukkan keberkesanan yang tinggi. Dari aspek dimensi proses, didapati cara penilaian projek yang dijalankan oleh guru secara keseluruhannya tidak berkesan, tetapi dari segi pengajaran dan pembelajaran guru didapati berkesan. Dari segi dimensi produk didapati keseluruhannya objektif Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar-pelajar yang menunjukkan perubahan sikap, peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang baik. Oleh itu, keempat aspek ini hendaknya dapat dicapai secara bersamaan sehingga perubahan sikap dapat terwujud pada pelajar.

Shafiee (2002), telah menjalankan kajian tinjauan yang bertujuan untuk menilai program pendidikan khas di Sarawak. Kajian tersebut telah menggunakan keempat-empat komponen dalam model penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses, dan produk. Penilaian konteks, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program pendidikan khas Sarawak memenuhi kehendak. Akta Pendidikan Khas, Falsafah Pendidikan Khas, objektif, strategi, visi dan misi program tersebut. Dari segi komponen

input, pelaksanaan program berkenaan memenuhi kehendak kurikulum serta visi dan misi sekolah khas. Dari segi komponen proses, program yang dilaksanakan itu juga memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan khas dan murid-murid khas. Manakala dari segi komponen produk, program tersebut memenuhi kehendak pencapaian murid-murid khas dalam membaca, menulis, dan mengira.

Jamil (2002) telah membuat kajian dengan menggunakan Model Penilaian CIPP bertujuan untuk menilai pelaksanaan projek pemupukan budaya penyelidikan di sekolah-sekolah di Negeri Terengganu serta sejauh manakah projek tersebut mencapai matlamat pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru. Kajian beliau juga bertujuan untuk mengenal pasti pemboleh ubah yang menjadi penyumbang utama kepada budaya penyelidikan guru-guru. Kajian ini menekankan dua aspek sahaja iaitu aspek proses dan produk sahaja. Instrumen utama kajian ini dengan menggunakan soal selidik. Dari segi komponen proses, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus-kursus penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah adalah berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru-guru terhadap penyelidikan tindakan. Dari segi komponen produk, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan budaya penyelidikan dalam kalangan guru-guru juga berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian, beliau juga telah menemui bahawa sokongan pentadbir, sistem pengiktirafan dan sistem pemantauan pelaksanaan penyelidikan di sekolah adalah pada fasa sederhana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa bengkel bahan sokongan, bengkel hasil penyelidikan dan pelaksanaan kursus dalaman terhadap penyelidikan tindakan bagi tujuan kesan berganda berada pada fasa sederhana sahaja. Dari segi

komponen produk, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan budaya penyelidikan dalam kalangan guru-guru juga berada pada fasa sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pemupukan sikap positif terhadap penyelidikan melalui kursus, penataran hasil penyelidikan dan pengalaman mengajar merupakan antara pemboleh ubah yang menjadi penyumbang utama kepada budaya penyelidikan dalam kalangan guru-guru.

Rudzi (2003) dalam kajiannya secara kuantitatif telah menggunakan komponen input, proses, dan produk daripada model CIPP. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program Diploma Kesetiausahaan dari perspektif lulusan dan majikan dalam konteks kerelevanannya dengan industri dan profesion kesetiausahaan. Peserta kajian terdiri daripada lulusan majikannya di Lembah Klang. Dapatan kajian menunjukkan, bagi komponen input ada mata pelajaran yang tidak relevan dan tidak membantu profesion setiausaha, dari segi komponen proses aktiviti berkumpulan sesuai untuk pelajaran berorientasikan teori manakala aktiviti individu sesuai untuk pelajaran berorientasikan kemahiran. Dari segi komponen produk pula, pengetahuan kesetiausahaan amat berkesan di samping penilaian prestasi kerja dan sikap yang baik dalam kalangan lulusan. Oleh itu, kebanyakan kajian yang telah dijalankan tentang penilaian sesuatu kurikulum menggunakan Model Penilaian CIPP dapat membantu penyelidik memperoleh dan merungkakan permasalahan kajian.

Ismail (2005) telah membuat kajian tentang penilaian pegawai perkhidmatan pendidikan terhadap keberkesanan penggunaan KPM-Net dengan menggunakan Model CIPP. Dalam kajian ini beliau menggunakan faktor latar belakang pengguna iaitu hala tuju (Konteks), sumber dan tenaga kerja (Input), pelaksanaan (Proses), dan hasil dan kesan

(Produk). Hasil kajian ini menunjukkan secara keseluruhan penggunaan KPM-Net adalah tinggi. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan kelemahan dalam penggunaan KPM-Net.

Tiwi (2007) telah membuat kajian tentang keberkesanan program Pendidikan Alam Sekitar Institut Perguruan Alam Sekitar dengan menggunakan model penilaian CIPP. Beliau telah menggunakan penilaian empat dimensi iaitu konteks, input, proses, dan produk. Dapatan yang diperoleh menunjukkan program yang dilaksanakan telah berjaya mencapai sasaran dan objektif yang diharapkan.

Suhaila (2008) dalam kajiannya berkaitan tentang Penilaian Kurikulum program Sarjana Sains serta Pendidikan (Fizik) dan Sarjana Sains serta Pendidikan (Kimia), Universiti Teknologi Malaysia dengan menggunakan Model Penilaian CIPP. Empat aspek yang dinilai iaitu program, kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran serta kepuasan pelajar. Secara keseluruhan, tahap penilaian kurikulum program sarjana Sains dan Fizik berada pada tahap memuaskan. Namun begitu, terdapat juga beberapa aspek yang kurang memuaskan dan perlu ditangani dengan mengemukakan cadangan untuk memperbaiki pengkhidmatan dan meningkatkan lagi kepuasan pelajar terhadap program yang diamati.

Fatimah (2009) dalam kajian beliau tentang menilai pelaksanaan program Pemulihan Khas di sekolah-sekolah rendah negeri Selangor dengan menggunakan model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1971). Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program adalah sesuai dan memenuhi kehendak Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Objektif

Pendidikan Khas dan Matlamat Pendidikan Khas, Iklim sekolah, kemahiran dan sikap guru pemulihan khas terhadap pelaksanaan program pemulihan khas adalah tinggi.

Mohini (2009), dalam kajiannya tentang penilaian kurikulum bagi program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Matematik dan Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Sains yang ditawarkan di Universiti Teknologi Malaysia dengan menggunakan model CIPP. Aspek yang dinilai adalah program, kandungan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran serta kepuasan pelajar. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pengkhidmatan dan menjadikan program yang ditawarkan oleh fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia lebih memuaskan pelajar.

Roselena (2010), dalam kajiannya tentang penilaian pelaksanaan projek rintis standard Pendidikan MARA dengan menggunakan Model CIPP untuk mengenal pasti pandangan warga institusi mengenai standard Pendidikan MARA. Keperluan institusi, proses pelaksanaan dan kesan terhadap standard Pendidikan MARA mengandungi panduan bagi membantu pengurusan di Institut Pendidikan MARA. Penambahbaikan pengurusan dapat dicapai apabila semua warga jelas dan faham mengenai pelaksanaan Pendidikan MARA dan memberi kesan positif kepada warga kerja institusi.

Ghazali (2012), dalam kajian beliau bertujuan menilai kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan menggunakan keempat-empat aspek yang terdapat dalam Model Penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses, dan produk. Aspek konteks mengkaji motivasi pelajar, aspek input menilai modul dan profil pensyarah, manakala aspek proses melibatkan teknik pengajaran, penggunaan

bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, strategi kognitif dan meta kognitif pelajar dan strategi pengurusan sumber pembelajaran. Aspek produk pula mengkaji pencapaian kemahiran lisan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua elemen dalam penilaian konteks berada pada tahap yang tinggi kecuali kebimbangan ujian berada pada tahap sederhana.

Selanjutnya, penilaian input pula menunjukkan bahawa modul yang digunakan pensyarah mempunyai kandungan kemahiran lisan yang rendah manakala profil pensyarah pula menunjukkan peratus pensyarah yang mempunyai ijazah peringkat sarjana dan peringkat doktor falsafah yang masih rendah. Begitu juga peratus kecil dicatatkan bagi pensyarah yang pernah mengikuti latihan pengajaran kemahiran lisan. Penilaian proses memperlihatkan pensyarah menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai dengan kadar kekerapan yang berbeza daripada bahan pembelajaran yang lain. Amalan pembelajaran memperlihatkan kesemua elemennya berada pada tahap tinggi melainkan aspek penggunaan bahan pembelajaran yang berada pada tahap yang sederhana. Semua strategi kognitif berada pada tahap sederhana melainkan strategi *rehearsal* yang berada pada tahap tinggi. Strategi pengurusan masa dan perspektif serta strategi usaha berada pada tahap sederhana berbanding tahap tinggi dicatat pada strategi mencari bantuan dan belajar bersama-sama rekan. Selain itu, penilaian produk memperlihatkan pencapaian pelajar dalam ujian mendengarkan kefahaman dan bertutur berada pada tahap sederhana.

Beberapa kajian penilaian menggunakan model CIPP di luar negara dijelaskan ringkas. Antaranya ialah Hammond (1971) adalah menggunakan model CIPP dalam kajiannya untuk menilai program pembacaan yang bertajuk '*Accountability through context*

evaluation of reading performance'. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model penilaian CIPP berkemampuan untuk menilai sesuatu program.

Selanjutnya, Chaiyot (1986), juga menggunakan model penilaian CIPP dalam kajiannya berkaitan dengan kurikulum program perkhidmatan sokongan dan bentuk atau kaedah pengajaran sebagai panduan ke arah penambahbaikan program. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan telah melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif program dan kandungan program perlu dikemaskinikan.

Kajian Suchada (1986), juga melihat aspek konteks, input, proses, dan produk dalam model penilaian CIPP. Kajian ini menggunakan soal selidik dan maklumat-maklumat yang di kumpul daripada pelajar, graduan program dan juga staf akademik. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kurikulum bersesuaian, sumber-sumber di perpustakaan tidak mencukupi, mata pelajaran hendaklah diberi penekanan kepada pendekatan praktikal. Keseluruhan pelajar yang mengikuti program tersebut dan tenaga pengajar berpuas hati dengan pelaksanaan program berkenaan.

Moore dan Allen (1992), telah membuat kajian untuk menilai program pendidikan guru di Universiti Wyoming, Amerika Serikan. Kajian ini telah memberikan penekanan kepada komponen input dan proses sahaja dalam model penilaian CIPP. Penilaian berbentuk formatif ini meninjau tentang pelaksanaan program tersebut dari peringkat awal hingga kepada pelaksanaan sepenuhnya. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek-aspek seperti soalan dan hasil rumusan soal selidik adalah ke arah seperti yang dirancang selain daripada mengikut objektif program pendidikan guru tersebut.

Wegenke (1994), telah membuat kajian penilaian program dan perkhidmatan di sekolah-sekolah Des Moines di Amerika Syarikat pada tahun 1990 dengan menggunakan model penilaian CIPP. Sekolah-sekolah ini telah menawarkan pendidikan berkualiti kepada seramai 2.500 murid tadika. Model CIPP digunakan sebagai perantara yang sistematik untuk menilai perkembangan dalam menentukan arah, menentukan sumber, mengimplementasikan tindakan dan mengukur maklum balas terhadap 39 program dan kawasan perkhidmatan. Justeru, model penilaian CIPP digunakan untuk penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses, dan penilaian produk. Penilaian konteks menerangkan keperluan dan peluang program dan apakah yang perlu dicapai. Penilaian input mengenal pasti sumber program, manusia dan fiskal, dan penerangan bagaimana sumber ini dibahagikan. Penilaian proses bertumpu kepada penilaian projek, aktiviti dan staf, mengenal pasti peningkatan staf secara berterusan. Penilaian produk tertumpu kepada hasil program yang dicapai, dengan ini satu keputusan dapat dibuat sama ada meneruskan, menamatkan atau memperbaiki program atau perkhidmatan. Hasil dapatan kajian Wegenke (1994) telah membuat rumusan bahawa murid yang bakal masuk ke sekolah-sekolah di Des Moines akan mendapat faedah sepenuhnya hasil daripada penambahbaikan dan penstrukturan semua yang berlaku di daerah tersebut. Maklumat daripada model CIPP ini membolehkan perancangan strategik dijalankan di sekolah-sekolah awam daerah Des Moines.

Reuben (1996), dalam kajiannya tentang Penilaian Kurikulum Pendidikan Agama bagi pelajar sekolah menengah di Uganda dengan menggunakan Model CIPP. Kajian beliau memberi fokus kepada matlamat dan objektif, kaedah mengajar, kandungan dan persepsi masyarakat terhadap pengajaran Pendidikan Islam. Kajian penilaian ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan tiga kaedah mengumpul data iaitu

menganalisis dokumen, menyelia bilik darjah dan temu bual. Peserta kajian yang terlibat ialah pelajar, guru, ulama, pengetua dan kaki tangan pendidikan. Beliau menggunakan model penilaian CIPP untuk menilai program bagi penambahbaikan kurikulum ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kurikulum pendidikan agama di Uganda memerlukan penambahbaikan. Sukatan pelajaran Pendidikan Agama tidak memberikan pendekatan yang seragam untuk menggalakkan perpaduan nasional. Kandungannya tidak memenuhi keperluan kontemporari untuk generasi muda. Isu-isu amali dari segi nilai moral, kerohanian dan etika bertambah baik dan bermakna bagi pelajar sekolah Uganda.

Carpenter (1998), telah membuat kajian tentang penilaian program '*Wilderness Therapy*' dengan menggunakan pendekatan model CIPP. Kajian ini melihat kepada aspek konteks, input, proses, dan produk. Kajian konteks memberi tumpuan kepada mengenal pasti keperluan dan memberi keutamaan kepada tindakan perancangan. Aspek input meninjau kemudahan yang sedia ada. Aspek proses menilai pelaksanaan program ke arah berkemungkinan melakukan penyemakan untuk mencapai tujuan yang telah dikenal pasti. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa keterangan mengenai program adalah sangat jelas. Butir-butir itu adalah seperti falsafah program, matlamat dan tujuan program, lokasi, kewangan, cara pembayaran dan kelayakan guru-guru yang terlibat di dalam program tersebut. Dapatan juga menunjukkan bahawa program tersebut mengadakan pelbagai-bagai aktiviti dan penilaian berterusan dilakukan dari semasa ke semasa.

Mueller (2000) mengkaji keberkesanan sekolah musim panas pada peringkat pertengahan dengan mengukur tahap pencapaian dan sikap pelajar berdasarkan Model

Penilaian CIPP. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa persepsi pelajar tidak boleh menjadi petunjuk kepada pencapaian atau perubahan sikap dalam matematik atau bahasa Inggeris. Namun, persepsi ibu bapa boleh menjadi petunjuk kepada pencapaian pelajaran dalam matematik tetapi tidak dalam pencapaian bahasa Inggeris atau perubahan sikap pelajar. Program sekolah musim panas juga tidak menunjukkan perubahan sikap pelajar yang signifikan terhadap matematik dan bahasa Inggeris. Program ini juga membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pelajar dalam kedua-dua pelajaran ini tanpa melihat kepada jantina, peringkat, sosioekonomi ataupun lokasi.

Hsieh dan Hsio (2001), dalam kajiannya secara kuantitatif dan kualitatif bertujuan menilai kurikulum program teknologi perbankan di Kolej Perdagangan Junior di Taiwan telah menggunakan model CIPP. Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik untuk fakulti, pelajar, lulusan dan majikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua komponen konteks, input, proses, dan produk bagi kurikulum program teknologi perbankan yang dijalankan selama dua tahun berjaya menyediakan tenaga kerja di bidang perniagaan.

Al-Qubbaj (2003) melakukan satu kajian kualitatif tentang proses perubahan budaya dalam kalangan kanak-kanak Arab dan keluarga mereka di Amerika Syarikat. Kajian kualitatif ini menggunakan kesemua komponen Model Penilaian CIPP. Tujuan kajian adalah untuk menyelidik proses perubahan budaya dalam kalangan kanak-kanak Arab dalam sistem pendidikan sekolah awam Amerika Syarikat. Aspek konteks melihat kepada keperluan pelajar Arab terhadap bahasa dan budaya di sekolah. Aspek input menilai penglibatan kurikulum dalam bahasa dan budaya. Aspek proses mengkaji

prosedur kurikulum sekolah dalam melaksanakan keperluan bahasa dan budaya. Manakala aspek produk pula melibatkan penilaian sumatif terhadap hasil penilaian tiga komponen sebelum ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keluarga Arab supaya budaya mereka lebih ditonjolkan dalam sistem persekolahan awam di Amerika Syarikat. Walaupun kebanyakan guru tidak mengetahui budaya Arab, tetapi mereka mahu mempelajari dan memasukkan aspek budaya ini dalam pengajaran di kelas. Malangnya kekurangan inisiatif dan pembelajaran menjadi faktor penghalang. Kajian juga mendapati pengajaran secara stereotaip dan amalan asimilasi budaya berlaku dalam kurikulum sekolah menyebabkan pelajar Arab mengalami kejutan budaya. Ini kerana identiti mereka tiada dalam sistem persekolahan di sana.

Curwood (2004) menjelaskan kajian kes mengenai keberkesanan sistem latihan dan penilaian berasaskan kompetensi (*Competency based training and assessment CBTA*) dalam kajian di tempat kerja terdapat tiga buah syarikat sektor pembuatan di Australia. Melalui kajian dengan menggunakan Model CIPP mampu menjalinkan faktor luaran dan dalaman syarikat bagi menentukan hasil yang diharapkan.

Neves (2006) dalam kajian beliau telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai kadar keterlibatan pelajar dan ibu bapa dalam membuat keputusan untuk mengikuti satu program muzik yang dilaksanakan sebelum penggal persekolahan di New England. Kajian yang berbentuk kes ini mendapat struktur program ini telah menyebabkannya sukar untuk diikuti oleh dua kumpulan pelajar, iaitu pelajar dari kumpulan berpendapatan rendah serta mereka yang tidak tinggal di dalam sekolah (*non resident*). Oleh itu, kadar keterlibatan kedua-dua kumpulan ini dalam program muzik

tersebut adalah rendah walaupun ibu bapa ingin menghantarkan anak-anak mereka ke sana.

Enggeman (2008) mengkaji keberkesanan penggunaan Web K-12 dalam meningkatkan tahap komunikasi antara ibu bapa dan guru di sekolah awam di *Southern Rhode Island*. Kajian tentang persepsi ibu bapa dan guru ini bertujuan meningkatkan tahap komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa seterusnya meningkatkan kejayaan pelajar. Kajian ini turut menggunakan Model Penilaian CIPP sebagai kerangka penilaian di samping menggunakan reka bentuk pelbagai metod antara kualitatif dan kuantitatif. Dapat kajian beliau menunjukkan bahawa tiada perbezaan dalam konteks persepsi ibu bapa dan guru terhadap penggunaan laman web bagi meningkatkan komunikasi antara mereka. Mereka juga menyokong kewujudan laman web ini sebagai alternatif kepada komunikasi. Walaupun begitu, ibu bapa merasa kecewa dengan aspek penyelenggaraan laman web yang tidak konsisten. Manakala guru pula kecewa dengan kekurangan garis panduan yang menunjukkan kandungan yang sepatutnya dipamerkan dalam laman web itu.

Kajian Reuben (1996) menyatakan tentang Penilaian Kurikulum sekolah menengah di Uganda dengan menggunakan Model CIPP memberi fokus kepada matlamat dan objektif, kaedah mengajar, isi kandungan dan persepsi masyarakat terhadap pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum pendidikan di Uganda memerlukan penambahbaikan. Sukatan Pelajaran tidak memberikan pendekatan yang seragam untuk menggalakkan perpaduan nasional. Isi kandungannya tidak memenuhi keperluan kontemporari untuk generasi muda. Isu-isu amali dari segi nilai moral, kerohanian dan etika bertambah baik dan bermakna bagi pelajar sekolah Uganda.

Anthony (2008) dalam kajian beliau telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai program induksi dan mentor serta kesannya terhadap tahap pengekalan (*retention*) para guru di kawasan luar Bandar di *Western Nort Corolia*. Beliau menggunakan model ini untuk melihat keperluan, prosedur dan praktis yang digunakan oleh program ini untuk menyokong dan membantu para guru. Hasil kajian beliau mendapati program tersebut telah memenuhi mandat yang telah ditetapkan oleh wilayah tersebut untuk membantu guru terutama sekali pada tahun pertama perkhidmatan mereka. Sokongan daripada mentor dan pengetua dikenal pasti sebagai bahagian yang terpenting dalam program. Tahap pengekalan guru dalam perkhidmatan pada tahun 2007-2008 didapati berada pada tahap 91,5 peratus sekaligus menunjukkan kepentingan program ini kepada guru.

Cerino (2009) dalam kajian beliau telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk mengkaji pelaksanaan penggunaan teknik pembelajaran emosi sosial (*Social Emotional Learning*) dalam kursus tahap kedua. Tujuan kajian adalah untuk melihat pengetahuan yang diperoleh oleh pelajar melalui interaksi dalam pembelajaran, sikap guru terhadap kursus dan kesan terhadap pelajar. Beliau telah menggunakan teknik kajian kes dengan memilih enam orang pelajar sebagai peserta kajian. Dapatan kajian beliau mendapati teknik tersebut telah memberikan perubahan yang positif kepada tingkah laku pelajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka. Beliau juga mencadangkan agar latihan guru dalam pelaksanaan teknik ini diubah manakala bahan sokongan terhadap teknik ini perlu disediakan kepada guru. Teknik ini juga dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam salah satu elemen kurikulum sekolah.

Joseph (2009) dalam kajian beliau yang berhubung kait dengan menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai *Crow Your Own Principal Preparation Program* yang diwujudkan untuk melahirkan pengetua sekolah. Kajian yang berbentuk pelbagai metod ini mendapati program ini berjaya meningkatkan bilangan pengetua sekolah manakala peserta pula menunjukkan fasa yang sederhana tinggi dalam kepemimpinan. Program ini didapati berjaya membantu peserta dalam memahami budaya sekolah. Walaupun begitu, sistem sekolah perlu membuat kriteria yang lebih jelas dalam menetapkan matlamat program. Selain itu, pendekatan program juga perlu lebih berbentuk kolaboratif dan bersistemik. Aspek yang juga memerlukan penambahbaikan adalah kandungan pembentangan bulanan dan mesyuarat pembinaan profesion.

Kokoszka (2009) dalam kajian beliau telah menggunakan Model Penilaian CIPP untuk menilai penggunaan teknologi komunikasi yang menggunakan perisian *EdLine*. Perisian ini digunakan untuk mempertimbangkan tahap komunikasi antara sekolah dan rumah, iaitu antara guru, pihak pengurusan sekolah, ibu bapa dan pelajar. Kajian yang menggunakan metod pelbagai ini mendapati perisian ini telah berjaya meningkatkan komunikasi antara rumah dan sekolah walaupun peranannya dalam meningkatkan pembelajaran tidak dapat ditemukan. Beliau merumuskan bahawa perisian ini adalah satu alat yang baik dalam mewujudkan komunikasi antara pihak sekolah dan rumah.

Selanjutnya, Lyndon (2010) menyatakan bahawa untuk meningkatkan, membangunkan, dan menguji model penilaian telah sedia ada dan menentukan keberkesanan program dalam Pendidikan Khas. Beliau percaya bahawa membangunkan dan menguji model penilaian ini adalah langkah pertama dalam memberikan instrumen untuk pentadbir sekolah sebagai panduan membuat keputusan bagi meningkatkan program untuk pelajar

Pendidikan Khas. Beliau telah membina model penilaian baru iaitu *Program Effectiveness in Special Education (PeiSE)* dengan bantuan model penilaian CIPP. Untuk membentuk model ini beliau telah memanfaatkan aspek konteks, input, proses, dan produk.

Maliki dan Lamidjan H Soesarno (2010) menyelidiki Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) atau kurikulum 2006 yang operasional dirancang dan dilaksanakan oleh satuan pendidikan itu sendiri bertujuan untuk sekolah autonomi. Penyelidikan dijalankan di SMA Muhammadiyah 2 Surabaya. Penyelidikan mengambil mata pelajaran muatan lokal bahasa Mandarin. Sesuai dengan Keputusan Menteri Pendidikan Nasional Nombor 24 tahun 2006 untuk melakukan bimbingan dan juga melakukan penilaian terhadap pelaksanaan operasional KTSP, sehingga penilaian diperlukan sebagai salah satu alat untuk refleksi dan belajar yang sesuai dengan peraturan akademik. Fokus penilaian dalam penyelidikan ini adalah penilaian intrinsik untuk menilai pelaksanaan KTSP. Analisis data kajian ini menggunakan *Stake Countenance evaluation model*, matriks dan matriks deskripsi untuk pertimbangan dan metod. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa pelaksanaan Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) di SMA Muhammadiyah 2 Surabaya dijalankan secara autonomi. Mulai daripada kesiapan sumber daya manusia sehingga perancangannya ke dalam dokumen KTSP. Selanjutnya, membantu para pemangku kepentingan untuk guru, pemilihan muatan tempatan atas dasar filsafat (Bahasa Mandarin adalah karakteristik daerah), terjalin dengan lembaga lain dan sekolah-sekolah, dan juga kemampuan guru dalam silibus menjadi rancangan pelaksanaan pembelajaran dalam muatan tempatan bahasa Mandarin.

Azizi (2015) melakukan penyelidikan berkenaan dengan penilaian pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah berasaskan model *Context, Input, Process, dan product* (CIPP). Penyelidikan dijalankan di sekolah menengah di Kelantan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelaksanaan kurikulum daripada dimensi konteks, input, proses, dan produk bersesuaian dengan falsafah pendidikan kebangsaan, falsafah Pendidikan Islam, matlamat dan objektif. Dimensi input, termasuk di dalamnya kemudahan pusat sumber sekolah, bilik darjah, alatan audio visual, buku teks, peruntukan jadual waktu dan pengetahuan pendidikan Islam adalah pada tahap yang tinggi. Pengetahuan asas pendidikan, pedagogi, keupayaan menggunakan alatan audio visual dan keyakinan diri guru pula didapati berada pada tahap sederhana. Dimensi proses menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran, pemantauan, penilaian dan hubungan guru dengan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Penggunaan bahan bantu mengajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir adalah pada tahap yang sederhana.

2.13 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan konsep penilaian, model-model kurikulum, model-model penilaian kurikulum serta kajian-kajian penilaian pelaksanaan kurikulum lalu adalah yang menjadi *construct* dalam penyelidikan ini. Sorotan terhadap model penilaian kurikulum yang telah digunakan pada kurikulum mata pelajaran lain dengan menggunakan Model Penilaian CIPP telah menarik minat penyelidik untuk membuat kajian tentang pelaksanaan dan penilaian Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh. Model CIPP ini mempunyai kelebihan dan kekuatan dalam membuat sesuatu program, salah satu kelebihan model ini ialah ianya boleh dibuat penilaian sama ada sebelum, semasa

atau selepas projek itu berjalan berbanding dengan model-model penilaian yang lain. Oleh itu, tinjauan pendapat dan kajiannya jelas menunjukkan bahawa penilaian kurikulum mempunyai peranan sangat penting bagi usaha pelaksanaan kurikulum dalam mencapai matlamatnya. Ini juga menjamin kualiti sesuatu kurikulum itu dalam memenuhi hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan di Provinsi Aceh.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan kaedah kajian dan prosedur utama penyelidikan. Aspek-aspek utama yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, pensampelan, instrumen kajian, kebolehpercayaan dalam kesahan instrumen kajian, tatacara pengumpulan data, dan prosedur analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh menggunakan Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (2007). Aspek utama yang diguna pakai iaitu konteks, input, proses, dan produk. Kajian ini melibatkan keseluruhan populasi Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh dan guru yang mengajarkan bahasa Aceh.

Zikmund (2000) menyebutkan bahawa reka bentuk kajian merupakan aspek pengajaran dan prosedur yang penting dalam melaksanakan sesuatu kajian untuk mengumpul dan menganalisis data. Penggunaan reka bentuk kajian mestilah memenuhi tujuan kajian serta memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan (Oppenheim, 1997). Kerlinger (1986) juga menyebutkan bahawa reka bentuk kajian bertujuan mencari maklumat dan mengawal pemboleh ubah. Oleh yang demikian, satu reka bentuk kajian yang teguh dan

ampuh sangat diperlukan dalam membuat kajian agar maklumat yang diperoleh boleh digunakan untuk menjawab persoalan kajian.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur. Kaedah ini dipilih kerana temu bual dilihat sebagai teknik yang boleh digunakan untuk menjalankan kajian yang intensif bagi beberapa individu yang dipilih (Merriam, 2001). Data kualitatif ini menyediakan pendapat-pendapat sebenar bahan kajian secara mendalam dari perspektif yang berbeza. Data ini menjelaskan dan mengukuhkan lagi data kualitatif yang tidak dapat dihuraikan oleh soal selidik (Yin, 1984; Ervin, 2005).

3.2.1 Kajian Kualitatif

Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif adalah prosedur yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. Pendekatan kualitatif juga bergantung kepada pengamatan dalam lingkungan sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 2007). Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan berbeza dengan kaedah penyelidikan secara kuantitatif. Azizi (2007), menjelaskan pendekatan kualitatif tidak semestinya memberikan jawapan yang tepat dan mudah seperti yang diinginkan terhadap isu-isu yang dihadapi, akan tetapi pihak penyelidik dapat menawarkan alternatif-alternatif yang mungkin berjaya dalam menyelesaikan masalah.

Justeru dalam amalan penyelidikan secara kualitatif ini, dapat mengajak pengkaji untuk benar-benar serius, teliti dan membina perasaan ingin tahu dalam merencanakan pelaksanaan kajian hingga berupaya menghasilkan penyelidikan yang sah dan diakui.

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini merupakan satu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kajadian yang terkait dengan tempat, waktu atau ikatan tertentu. Penyelidikan kualitatif juga sering dikaitkan dengan kerja lapangan (*field work*) dengan melihat kerja yang telah dilakukan oleh subjek sebenar (Tylor & Bogdan, 1998).

Kaedah penyelidikan kualitatif lebih memfokuskan diri kepada beberapa kajian yang sering kali digunakan oleh penyelidik iaitu penomenologi, etnografi, kajian kes, kajian tindakan, *grounded theory* (Muhajir, 2002). Kajian kualitatif didefinisikan sebagai kajian yang menitikberatkan usaha mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian yang lebih dekat bersama kajian. Penyelidikan kualitatif juga tidak hanya tertumpu kepada pengutipan data yang banyak semata-mata sebagaimana Azizah Hamzah (2010), menyatakan bahawa kajian kualitatif adalah hanya melibatkan sampel yang kecil dan sedikit sahaja.

Hanson, Balmer dan Gardino (2011), menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang memahami suatu fenomena mengikut perspektif seseorang mahupun sekelompok individu. Kajian kualitatif ini dianggap dianggap benar sesuai dengan pemahaman yang lebih mempertahankan nilai. Masyarakat merupakan sumber data dalam penyelidikan tindakan yang dilaksanakan, sedangkan dalam ilmu sastera, sumber data adalah karya, data penyelidikannya ialah teks. Kajian metodologi bagi penyelidikan kualitatif adalah berupa data deskriptif, data yang ditulis dan diolah dalam bahasa masyarakat. Kajian kualitatif sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan kajian yang

dilakukan selari dengan skop kajian iaitu berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di Sekolah Menengah Pertama Kota Banda Aceh.

3.2.2 Kajian Kes

Menurut Stake (1995), kajian kes merujuk kepada kajian yang dilaksanakan berdasarkan pilihan apa elemen yang hendak dikaji dan bukan berdasarkan kepada metodologi kajian. Kajian kes dapat didefinisikan kepada beberapa segi antaranya penyelidikan dari segi produk, kajian analisis ataupun kajian sistem (Merriam, 2001). Di samping itu, kajian kes bertumpu kepada penjelasan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sendiri. Kajian kes ini dilihat sebagai suatu sistem bersepadu yang memiliki sempadan tertentu dari segi masa dan fenomena.

Kajian kes memiliki ciri-ciri khususnya tertentu, dan mampu menjelaskan mengenai fenomena tersendiri. Kajian kes yang melibatkan deskriptif merujuk kepada kajian kes yang kaya, lebih terperinci tentang fenomena yang dikaji. Kepelbagaian pembolehubah dalam kajian kes dapat digabungkan menjadi suatu manifestasi tertentu dengan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data.

3.2.3 Fenomenologi

Penyelidikan dalam bidang sains sosial dipengaruhi oleh aspek teoritikal yang merupakan asas kepada prosedur dalam melaksanakan kajian. Menurut Tylor & Bogdan (1998), dua aspek teoritikal yang menguasai penyelidikan adalah positivis dan juga fenomenologikal. Penyelidikan secara positivis adalah lebih menjurus kepada menyiasat fakta dan fenomena sosial yang berlaku dengan memisahkan subjektif individu.

Manakala penyelidikan fenomenologikal memahami fenomena sosial daripada sudut pandang subjek dengan melibatkan pengalaman mereka iaitu bagaimana individu tersebut melihat dan memberi makna kepada kehidupan mereka (Othman Lebar, 2007). Konsep kajian secara fenomenologi adalah daripada dua kata akar iaitu *phenomenon* yang bermaksud realiti yang nampak dan jelas berlaku, manakala perkataan *logos* bermaksud ilmu. Kajian fenomenologi merupakan suatu kajian yang dilakukan berdasarkan pengalaman dan kejadian yang telah berlaku dan didasari dengan perspektif dan pengalaman hidup seseorang (Hanson, 2011).

Pendekatan ini lebih menekankan kepada pengalaman manusia yang terlibat secara langsung dan menggambarkan fenomena yang berlaku tanpa dipengaruhi oleh teori dan andaian tertentu mahupun sedia ada. Kajian fenomenologi turut memfokuskan kepada pengalaman individu dan melihat keunikan yang terdapat dalam fenomena yang berlaku. Sesuatu fenomena yang berlaku, boleh berbentuk situasi, pengalaman, peristiwa atau konsep yang pernah berlaku dalam kehidupan seharian. Di samping itu, sampel kajian adalah perlu menepati aspek kajian fenomenologi bagi memastikan ketepatan data dan keaslian sesuatu kejadian dapat dikekalkan (Wells dan Badwin, 2012).

3.3 Pemilihan Sampel Kajian

Kajian kualitatif adalah berbeza dengan kajian secara kuantitatif yang memerlukan pemilihan sampel yang ramai. Kajian kualitatif, pemilihan sampel ataupun informan adalah kecil dan hanya bertujuan kepada golongan sasaran sahaja. Oleh itu, dalam kajian kualitatif, teknik pemilihan sampel yang dilakukan adalah sampel bertujuan (Hanson, 2011). Informasi ini adalah mereka yang secara langsung terlibat dengan isu

yang dibawa oleh pengkaji iaitu mereka yang mempunyai pengalaman dan secara langsung terlibat dengan fenomena kajian (Petty, 2012). Dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, informan yang dipilih mesti teliti bagi memastikan perspektif dan maklumat yang diperlukan adalah bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian.

Flick (1998), menyatakan bahawa pemilihan informan perlulah sesuai dengan tajuk kajian agar informan dapat memberikan maklumat secara terperinci terhadap skop kajian yang diperlukan. Sampel kajian ini adalah seramai 9 orang guru bahasa Aceh pada 9 Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri Kota Banda Aceh. Informan ini yang dipilih secara bertujuan berdasarkan kesesuaian kajian ini. Sampel yang dipilih ini adalah guru yang mengajar bahasa Aceh yang sudah memiliki pengalaman kerja di atas lima tahun. Sampel bersedia dan mampu berkongsi dengan lebih terbuka mengenai pengalaman mereka mengajar bahasa Aceh. Namun begitu, dalam kajian ini kesemua maklumat dan latar belakang informan adalah tidak didedahkan sama sekali. Penggunaan nama informan dalam kajian ini adalah sebagai nama samaran sahaja.

Setiap peserta kajian (informan) telah menyatakan persetujuan untuk menjadi subjek dalam kajian ini. Kesemua peserta kajian ditemu bual oleh pengkaji dan pertanyaannya bersesuaian dengan protokol temu bual yang telah disiapkan. Peserta kajian menjawab segala persoalan dan memberi erti mengikut pengalaman dan kemahiran mereka dalam mengajar bahasa Aceh.

3.4 Pengumpulan Data

Kajian kualitatif, pengkaji berperanan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan pelbagai data dengan fokus kajian yang dijalankan (Lincoln & Guba, 1985).

Kepelbagaian kaedah dalam pengumpulan data, adalah sangat penting bagi memastikan sumber maklumat daripada kajian yang dilakukan tidak hanya berfokuskan kepada satu kaedah sahaja. Mohaini Yusuf (2013), menyatakan bahawa kepelbagaian teknik ini akan dapat memperkukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian.

Kajian ini, pengkaji menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Melalui tiga kaedah pengumpulan data yang dilakukan mampu memperkukuh kesahan maklumat terhadap kajian yang dijalankan (Morahaini, 2001). Menurut Rohana (2003), temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen merupakan alat ukur utama yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif bagi mendapatkan maklumat tentang fakta-fakta, kepercayaan, pengalaman dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, kajian kualitatif menggunakan data primer iaitu melalui kaedah temu bual. Apabila selesai temu bual dilakukan bersama dengan informan, pengkaji menghasilkan transkrip temu bual, dan seterusnya proses pengkodan dan selanjutnya ke proses pemilihan tema dan isu utama dalam kajian. Sumber maklumat sekunder didapati melalui pengamatan manakala guru mengajar bahasa Aceh di dalam bilik darjah dan analisis dokumen iaitu silibus pembelajaran yang sedia ada. Pengumpulan data yang dilakukan secara holistik yang dapat dijadikan asas dalam kajian yang dilakukan (Morahaini, 2013).

Disebabkan kajian yang dipilih dalam penyelidikan ini, menggunakan kaedah kualitatif maka ianya bergantung sepenuhnya kepada subjek kajian dan perlunya untuk sering bertemu dengan pengkaji. Tambahan lagi, lokasi kajian yang agak jauh akan menyebabkan kos pembelanjaan yang tinggi dan seterusnya akan memberi kekangan

kepada pengkaji. Setelah mempertimbangkan isu berkaitan dengan pemilihan lokasi kajian, maka penyelidik telah memutuskan untuk melakukan kajian di Kota Banda Aceh sahaja. Lokasi kajian yang dipilih adalah kerana, kedudukan informan yang berada di Kota Banda Aceh, di samping kedudukan pengkaji yang sekarang menetap di Kota Banda Aceh juga.

3.4.1 Temu Bual

Penggunaan temu bual adalah digunakan untuk memperoleh data yang berkaitan dengan soalan kajian pertama dan soalan kajian kedua. Temu bual merupakan salah satu teknik yang sangat penting dalam melaksanakan penyelidikan berasaskan kajian kes kerana maklum balas peserta yang diterima mampu menunjukkan keunikan, dalam perspektif isu yang sedang disiasati (Hatch, 2002; Stake, 1995; Yin, 2009). Menurut Masri (2003) pula, pendekatan temu bual boleh dilakukan secara lisan mahupun bersemuka bertujuan mendapatkan apa-apa maklumat yang relevan dengan persoalan kajian melalui interaksi langsung dengan peserta kajian. Merriam (1998) menyifatkan temu bual berperanan sebagai teknik terbaik yang boleh diguna pakai untuk melaksanakan kajian yang intensif melibatkan beberapa individu yang dipilih. Punch (2001) pula menegaskan bahawa temu bual membantu penyelidik mengakses peserta kajian dalam memahami persepsi, makna atau pembinaan pengetahuan, pentakrifan tentang sesuatu situasi dan konstruksi realiti dunia seperti mana yang dilihat dan dilalui oleh informan.

Terdapat tiga bentuk temu bual yang lazimnya digunakan dalam kajian kualitatif iaitu temu bual berstruktur, semi struktur, dan tidak berstruktur (Denzin & Lincoln, 1998). Temu bual berstruktur dijalankan melalui kaedah penyediaan soalan terlebih dahulu dan sesuai peserta kajian yang ditemu bual akan ditanya soal yang sama serta dalam urutan

yang sama manakala temu bual semi struktur pula adalah satu keadaan tempat penyelidik menyatakan isu dan topik yang akan dibincangkan dalam bentuk garis panduan umum dan penemu duga bebas memutuskan urutan dan perkataan-perkataan yang digunakan semasa sesi temu bual sementara temu bual tidak berstruktur pula tidak mempunyai format soalan khusus sebelum temu bual itu berlangsung tetapi soalan lazimnya muncul dari konteks semasa dan bersifat '*natural*' (Patton, 2002).

Teknik temu bual yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual mendalam atau '*indepth interview*' secara semi struktur untuk memperoleh data-data yang sesuai dengan soalan-soalan kajian. Masri (2003) menjelaskan antara kelebihan menggunakan kaedah temu bual semi struktur secara mendalam atau '*in-depth interview*' adalah data yang dipersembahkan oleh peserta kajian adalah bersifat mendalam serta peserta kajian kemudiannya boleh melakukan apa-apa penambahbaikan terhadap maklumat yang dikongsikan sebelumnya bergantung kepada keupayaan dan kebolehan dan kemahiran teknik cungkilan tambahan oleh penyelidik selain kaedah ini tidak melibatkan bilangan sampel yang besar. Mohd Salleh (1996) pula menyimpulkan bahawa temu bual jenis ini adalah lebih bertumpu kepada proses penggabungan ciri-ciri fleksibiliti temu bual tidak berstruktur dengan ciri-ciri seragam temu bual berstruktur. Kaedah temu bual ini akan memberikan ruang yang lebih luas untuk penyelidik untuk menggali secara mendalam dari sumber berkaitan isu-isu pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh.

Di samping itu, penyelidik juga turut menggunakan kedua-dua kaedah temu bual iaitu berstruktur dan semi-struktur. Kaedah temu bual semi struktur digunakan terhadap guru bahasa Aceh bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap amalan penerapan

kurikulum bahasa Aceh di SMP serta isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh. Malah penyelidik turut menggunakan kaedah temu bual berstruktur ke atas peserta kajian bertujuan mendapatkan maklumat demografi dan profesion peserta kajian bagi mendapatkan data-data perbandingan antara peserta kajian. Format temu bual semi struktur dipilih atas pertimbangan ianya akan membantu penyelidik mendapatkan maklumat dan pandangan secara terperinci daripada peserta kajian secara langsung semasa sesi temu bual dan berupaya memberikan gambaran secara keseluruhan tentang aspek penerapan pengetahuan bahasa Aceh dalam kalangan guru bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual dan data pemerhatian dan dokumen digunakan untuk mengukuhkan dan melengkap data. Janji temu dirancang terlebih dahulu seperti dalam jadual 3.2. Temu bual dalam penyelidikan kualitatif berbeza dengan temu bual soal selidik kerana temu bual dalam penyelidikan kualitatif lebih hampir kepada perbuatan bukan terikat dengan sesi soal jawab (Baker, 1999). Temu bual yang dijalankan adalah untuk melihat dari perspektif peserta kajian berkaitan dengan proses pengajaran semasa mengajar mata pelajaran bahasa Aceh.

Jadual 3.2 *Jadual Temu Bual dengan Peserta Kajian*

Peserta Kajian (P)	Pelaksanaan Temu Bual
Peserta Kajian 1 (P-1)	05-05-2014 s.d. 07-05-2014
Peserta Kajian 2 (P-2)	29-04-2014 s.d. 01-05-2014
Peserta Kajian 3 (P-3)	23-05-2014 s.d. 24-05-2014
Peserta Kajian 4 (P-4)	04-06-2014 s.d. 06-06-2014
Peserta Kajian 5 (P-5)	16-05-2014 s.d. 17-05-2014

Peserta Kajian 6 (P-6)	30-05-2014 s.d. 03-06-2014
Peserta Kajian 7 (P-7)	25-06-2014 s.d. 26-06-2014
Peserta Kajian 8 (P-8)	27-05-2014 s.d. 28-05-2014
Peserta Kajian 9 (P-9)	21-05-2014 s.d. 22-05-2014

Bentuk temu bual yang dijalankan adalah secara berfokus. Dalam temu bual berfokus ini peserta kajian ditemu bual dalam jangka masa tertentu. Dalam beberapa keadaan, temu bual masih lagi dalam bentuk *open-ended nature*, tetapi penemu bual mengikut beberapa soalan yang telah disediakan dalam protokol temu bual (Yin, 1984). Berdasarkan teknik ini, satu panduan soalan yang telah disediakan untuk memandu penyelidik dan membolehkan peserta kajian memberikan jawapan sesuai dengan pertanyaan. Setiap peserta kajian ditemu bual menggunakan soalan separa berstruktur di mana protokol temu bual ini sebagai panduan kepada penyelidik dalam tema-tema tertentu. Penyelidik kadang-kadang mengubah suai atau tidak menyoal lagi bila merasakan soalan itu tidak diperlukan. Soalan temu bual separa berstruktur dilampirkan (Lampiran D).

Kutipan data temu bual dapat memberikan maklumat yang lebih banyak dan penjelasan yang konkrit. Maklumat yang diberikan penting untuk menyemak semula atau *cross checking* bagi membuat penilaian pelaksanaan kurikulum (Mohd. Nasrudin, 2004). Instrumen temu bual separa berstruktur ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh yang berlangsung dalam situasi sebenar di dalam bilik darjah.

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan kaedah temu bual sebagai sumber utama, manakala kedah pemerhatian dan analisis dokumen digunakan bagi menyokong dapatan

kajian. Mempelbagaikan kaedah pengumpulan data ini penting bagi memberi triangulasi atau pengukuhan antara kaedah-kaedah yang digunakan. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data juga memastikan penyelidik tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja untuk mengukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian ini. Seterusnya, hasil daripada dapatan kajian melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen dimanfaatkan bagi membentuk atau menambah baik soalan temu bual dalam pengumpulan data kajian ini.

3.4.2 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu mekanisme utama yang digunakan untuk pengumpulan data dalam penyelidikan secara kualitatif (Creswell, 2013). Menurut Fox (1998), kaedah ini lazimnya diguna pakai apabila pengkaji cuba menyelidik norma, nilai serta maksud terkongsi berkaitan subjek yang hendak diperhalusi. Seterusnya, proses pemerhatian yang dilakukan tidak hanya terhad kepada proses merekodkan data dari persekitaran malahan penyelidik juga perlu melakukan pemerhatian secara aktif, mendengar serta melakukan proses penyusunan data secara sistematik agar keseluruhan data yang diperoleh mampu memberi maksud dan erti terhadap subjek yang dikaji.

Menurut Hancock (1998), pemerhatian lazimnya dipilih dalam penyelidikan kualitatif disebabkan oleh dua kelebihan utama iaitu: 1) pemerhatian membolehkan penyelidik melihat situasi secara menyeluruh dalam konteks penyelidikan; 2) pemerhatian secara tidak langsung telah membuka ruang yang seluasnya terhadap penggunaan rakaman visual dan audio yang berupaya mengumpul lebih banyak maklumat secara tepat dan sistematik. Tegasnya lagi, penggunaan teknik pemerhatian secara berterusan bukan sahaja mampu mengelakkan faktor bias malahan turut memberi ruang kepada

penganalisan yang dilakukan secara berulang-ulang secara lebih terperinci. Pendapat ini turut disokong oleh Denzin dan Lincoln (1998) yang menegaskan bahawa teknik pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian mampu memperkukuh proses semakan silang data yang diperoleh sebelumnya apatah lagi melibatkan penggunaan beberapa kaedah pengumpulan data dalam kajian yang sama.

Pemerhatian dalam penyelidikan kualitatif boleh dikategorikan pada situasi di mana penyelidik terlibat sepenuhnya dalam proses dan pada masa sama memerhati dan berinteraksi dengan peserta kajian lain tentang apa yang sedang berlaku (Gall, Borg & Gall, 1996). Sebaliknya dalam situasi yang lain, penyelidik hanya memberi sedikit atau tiada interaksi dengan peserta kajian yang sedang diperhatikan (Patton, 2002). Pemerhati jenis ini lazimnya dirujuk sebagai pemerhati penuh atau sempurna (Gall, Borg & Gall, 1996). Dalam konteks kajian ini, penyelidik akan menggunakan teknik pemerhatian penuh atau sempurna. Pemerhatian jenis ini akan digunakan bagi melihat bagaimana guru melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh.

Penyelidik tidak terlibat dalam proses pengajaran di kelas, sebaliknya penyelidik bertindak sebagai pemerhati yang sempurna atau pemerhati yang tidak mengambil bahagian dalam aktiviti yang berlaku di lapangan (Gay & Airasian, 2003). Melalui proses ini, penyelidik akan melihat sejauh manakah kurikulum bahasa Aceh dibangunkan dalam setiap sesi pengajaran di dalam kelas dalam kalangan pelajar yang terbabit. Proses pemerhatian penuh ini akan membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat tambahan secara spontan tentang perkara-perkara yang lazimnya tidak mahu dikongsi dengan orang lain, dan ini secara tidak langsung membantu penyelidik memahami konteks di mana berlakunya interaksi tersebut (Patton, 2002). Hasil

pemerhatian tidak dicatat sepenuhnya kerana penyelidik pada masa yang sama terpaksa mengendalikan proses rakaman video pengajaran dalam kelas.

Pemerhatian juga membolehkan penyelidik memerhati suatu amalan yang biasanya dianggap rutin oleh peserta kajian. Oleh itu, penyelidik dapat merekodkan sesuatu amalan pengajaran yang berlaku di dalam bilik darjah secara tepat. Semasa pemerhatian dijalankan, penyelidik menggunakan catatan pengalaman untuk mencatatkan semua peristiwa yang berlaku dan dikukuhkan lagi dengan penggunaan rakaman video ditranskripsikan bagi memperincikan data pemerhatian.

Penyelidik mencatat nota lapangan berdasarkan pemerhatian dalam format “protokol pemerhatian” yang memerlukan penyelidik mengambil nota besar untuk keseluruhan proses pengajaran berlangsung. Justeru, semasa proses pengajaran berlangsung, penyelidikan akan memberi penumpuan sepenuhnya terhadap pengetahuan guru, dan interaksi antara pelajar dengan guru serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Fokus juga diberikan khusus terhadap tingkah laku pelajar yang memberi gambaran berkaitan dengan penggunaan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki guru dalam menjalankan kurikulum bahasa Aceh, kemas kini aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh.

3.4.3 Analisis Dokumen

Langkah seharusnya dalam proses pengumpulan data adalah untuk mengumpul dokumen-dokumen yang relevan dengan tujuan kajian. Menurut Yin (2009), maklumat dokumentasi adalah paling relevan dalam kajian ini dan harus mempunyai pelan

pengumpulan data yang jelas. Suatu dokumen itu boleh terdiri daripada sebarang rekod bertulis atau tidak bertulis yang boleh menambah maklumat dan mengembangkan pemahaman secara keseluruhan situasi kajian yang dijalankan. Pelbagai jenis dokumen yang sesuai bagi kajian yang berbentuk kualitatif seperti yang dinyatakan oleh Gay (1996). Dalam kajian ini penyelidik mengumpulkan bahan-bahan yang terdiri daripada bahan bercetak dan bertulis. Selain itu, unit analisis dalam kajian ini adalah melibatkan guru bahasa Aceh secara keseluruhannya, maka dokumen yang dikumpulkan dan diperiksa diperoleh daripada Guru Bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh yang terlibat. Data yang pelbagai ini membekalkan maklumat yang kaya dengan penerangan tentang bagaimana persiapan guru dalam mengajar bahasa Aceh di SMP.

Antara dokumen-dokumen yang digunakan dalam konteks kajian ini termasuklah: rancangan pelaksanaan pengajaran (RPP), buku rekod yang digunakan, latihan pelajaran dan lain-lain catatan yang digunakan oleh guru. Penyelidik akan mendapatkan kebenaran bagi memperoleh salinan terhadap semua dokumen yang berkaitan. Di samping itu, terdapat dokumen terkawal yang hanya mampu diakses melalui pejabat SMP yang terlibat seperti perancangan tahunan, perancangan strategik kurikulum, soalan-soalan ujian serta peperiksaan, dan skor pelajar.

3.5 Etika Pengumpulan Data

Apabila melaksanakan penyelidikan, adalah penting untuk menjangkau dan bersedia untuk isu-isu berkaitan etika yang mungkin timbul (Creswell, 2003; Meriam, 2002). Creswell (2013) menggariskan langkah-langkah proaktif yang wajar diambil untuk meminimumkan peluang untuk isu-isu etika ini dibangkitkan. Antara langkah-langkah yang dimaksudkan termasuklah: mengenal pasti masalah dan tujuan kajian,

mendapatkan persetujuan peserta, menghormati peserta dengan menilai dan melakukan penyesuaian terhadap risiko yang berpotensi, menggunakan bahasa bertulis yang bernas, dan mengawal diri dari amalan yang tidak beretika apabila melaporkan penemuan.

Menerusi kajian ini, penyelidik telah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Provinsi Aceh yang terlibat sebelum proses dijalankan. Setelah mendapatkan kebenaran daripada kesemua pihak berkenaan, penyelidik menulis surat dan menghubungi pejabat pendidikan kota Banda Aceh bagi setiap kawasan masing-masing telah membuat rayuan ke sekolah yang terpilih dan memaklumkan tentang kajian yang dilaksanakan kepada mereka. Penyelidik telah mengadakan temu janji dengan persetujuan dengan pihak sekolah, menerangkan tujuan melaksanakan kajian dengan mengadakan perbincangan dan menerangkan tujuan, objektif, dan kepentingan kajian ini dijalankan. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik hadir sendiri ke semua sekolah yang terlibat di daerah pusat bandar, pinggir bandar, dan daerah luar bandar di Kota Banda Aceh Provinsi Aceh untuk menjalankan temu bual dengan guru bahasa Aceh.

Penyelidik telah membuat temu janji dengan guru-guru bahasa Aceh sebelum meminta mereka menjawab soalan penyelidik untuk mendapatkan data kajian. Temu bual dijalankan dengan para guru di semua sekolah terlibat. Akhirnya penyelidik telah mendapatkan jawapan dari temu bual untuk dibuat analisis sebagaimana yang dikehendaki.

Untuk mendapatkan data kualitatif, penyelidik berada di sekolah pada masa yang ditetapkan untuk membuat temu bual dan pemerhatian. Tujuan utama temu bual adalah

untuk mendapatkan maklumat yang khusus dan untuk mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang (Patton, 1990). Melalui kajian ini, penyelidik menggunakan teknik temu bual sasaran berstruktur yang melibatkan penemu bual dengan menggunakan soalan-soalan yang telah ditetapkan untuk semua peserta kajian terlibat dan bergantung pada mereka memberikan jawapan (Othman, 2009). Sekiranya jawapan kurang jelas, penemu bual meminta penjelasan dengan bertanya soalan spontan yang memerlukan jawapan yang lebih jelas berbanding jawapan sebelumnya.

Penyelidik kerap kali menegaskan bahawa kajian ini bukan bertujuan untuk mengukur skor atau pencapaian pembelajaran guru dalam pengajaran bahasa Aceh. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan melaporkan amalan semasa serta menawarkan cadangan berdasarkan kepada keperluan dan cadangan daripada para guru dan juga amalan-amalan terbaik yang dikenal pasti daripada kajian ilmiah yang berkaitan. Penyelidik juga membuka ruang perbincangan seluasnya bagi memastikan peserta kajian memahami peranan yang harus mereka mainkan semasa kajian ini.

Penyelidik juga memaklumkan kepada peserta kajian bahawa mereka telah diberi jaminan tentang aspek kerahsiaan dan maklumat yang diberikan akan diklasifikasi sebagai sulit. Peserta kajian juga akan diberi jaminan bahawa nama-nama mereka tidak akan digunakan dan maklumat yang diberikan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja. Mereka juga diberi jaminan bahawa maklumat yang diberikan hanya akan dikongsi dengan penyelidik dan akan sentiasa berada di bawah pengawasan keselamatan yang ketat.

3.6 Instrumen Pengumpulan Data

3.6.1 Temu Bual

Kajian ini mengguna pakai instrumen temu bual yang dibangunkan oleh Hendricks (2010), Charles (2008) dan Hamza dan Griffith (2006) yang diubah suai oleh penyelidik berdasarkan realiti di SMP. Soalan temu bual yang diguna pakai adalah berbentuk berstruktur dan semi struktur. Soalan ini diolah dalam empat bentuk utama iaitu dalam bentuk i) konteks, ii) input, iii) proses, dan iv) produk. Intipati temu bual adalah seperti dalam lampiran. Bagi menentukan kebolehpercayaan soalan yang diguna pakai dalam kajian ini, terlebih dahulu soalan-soalan ini diuji melalui kajian rintis yang melibatkan seorang guru. Dapatan daripada kajian rintis ini menunjukkan bahawa soalan-soalan yang dipersembahkan mampu difahami dengan sebaiknya oleh peserta kajian. Soalan-soalan yang telah diubah suai berdasarkan Hendricks (2010) dan Charles (2008) ini adalah dikekalkan. Soalan-soalan berkanaan adalah seperti berikut:

Bahagian berkaitan Konteks:

Soalan 1. Adakah Kurikulum Bahasa Aceh yang digunakan di SMP Negeri di Provinsi Aceh bersesuaian dengan kurikulum nasional?

Soalan 2. Adakah pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh dapat melahirkan pelajar-pelajar yang terampil berbahasa Aceh?

Soalan 3. Adakah Kurikulum Bahasa Aceh yang diguna pakai di sekolah selaras dengan tujuan pengajaran bahasa Aceh di peringkat SMP di Provinsi Aceh?

Bahagian berkaitan Input:

Soalan 1. Adakah bahan rujukan bahasa Aceh mencukupi keperluan pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP?

Soalan 2. Bagaimanakah tingkat pengetahuan di bidang kurikulum bahasa Aceh yang Bapak/Ibu miliki?

Soalan 3. Bagaimanakah usaha Bapak/Ibu dalam menggunakan bahan bantu mengajar (audio visual, multimedia lain-lain).

Bahagian berkaitan Proses:

Soalan 1. Adakah keyakinan diri Bapak/Ibu dalam mengajarkan bahasa Aceh, merasa adil, dan bersimpati terhadap pelajar?

Soalan 2. Adakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang Bapak/Ibu jalankan aktif, bersemangat, dan berterusan dalam bilik darjah?

Soalan 3. Adakah Penerapan kecekapan Bapak/Ibu dalam P & P yang senang diikuti oleh pelajar?

Bahagian berkaitan Produk:

Soalan 1. Apakah Bapak/Ibu menjalankan evaluasi yang berterusan dan peperiksaan bagi pelajar?

Soalan 2. Apakah metod yang sering Bapak/Ibu gunakan untuk mengajarkan bahasa Aceh dalam kelas?

Soalan 3. Adakah pelajar setelah mempelajari bahasa Aceh mempunyai kemahiran (dalam berbicara, membaca, menulis, dan menyemak)?

Soalan 4. Adakah terdapat kemahiran dalam bidang sastera Aceh setelah pelajar mempelajari bahasa Aceh?

3.6.2 Pemerhatian

Kajian ini menggunakan senarai semak pemerhatian pengajaran yang dibangunkan Hamza dan Graffith (2006) berserta item-item terpilih berdasarkan Model Kualiti Pengajaran yang dibangunkan oleh Creemers (1994) yang diubah suai. Fokus instrumen yang dibangunkan oleh mereka adalah tertumpu kepada senarai semak pengajaran bahasa Aceh yang dilakukan guru. Senarai semak ini diubah suai yang meliputi: i) kegiatan awal, ii) aktiviti & P, iii) kegiatan penutup, dan iv) evaluasi/pentaksiran.

3.6.3 Analisis Dokumen

Hasil daripada pemerhatian pembelajaran bahasa Aceh akan disokong oleh dokumen (silibus, Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran, dan buku rujukan). Pengukuhan data kajian disebut dengan triangulasi. Triangulasi merupakan teknik pengumpulan data dengan menggunakan pelbagai sumber data untuk menguji kredibiliti data. Data yang digunakan adalah bersumber dari silibus, Rancangan Pelaksanaan Pengajaran (RPP) guru, dan buku rujukan.

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan merupakan alat pengukuran yang sangat penting dalam suatu kajian (Mohd Majid, 2000). Semua instrumen yang dibina perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi menjamin kualiti data yang diperoleh (Creswell, 2009). Selain itu, perlu dipastikan instrumen yang digunakan benar-benar dapat diukur apa yang sepatutnya diukur dan mengemukakan data yang diperlukan secara tepat. Hal ini bertepatan dengan pandangan beberapa penyelidik bahawa perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sebelum sesuatu instrumen digunakan (Abu Hassan, 1998; Creswell, 1985). Menerusi kajian ini, instrumen yang digunakan terdiri daripada instrumen yang dirujuk serta diadaptasi daripada beberapa soal selidik kajian sebelumnya. Penyelidik akan melaksanakan beberapa proses pengesahan daripada beberapa orang pakar bidang untuk memastikan instrumen yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-datanya yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkualiti. Penyelidik akan merujuk kepada tiga panel penilai untuk menyemak instrumen.

Kebolehpercayaan menggambarkan situasi iaitu suatu dapatan dalam penyelidikan mempunyai replikasi sekiranya penyelidikan dilakukan dalam situasi yang sama (Merriam, 2001). Beliau menambahkan bahawa triangulasi merupakan salah satu kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif (Merriam, 2001). Seterusnya kaedah triangulasi boleh meningkatkan kredibiliti

penemuan dan saranan yang dihasilkan dalam suatu penyelidikan (Lincoln, 1995: Stake, 1995). Diharapkan penggunaan kaedah triangulasi yang melibatkan data dari pelbagai sumber iaitu temu bual dengan guru-guru yang mengajar bahasa Aceh, pemerhatian terhadap pelaksanaan pembelajaran oleh guru di bilik darjah, dan dokumen.

Penyelidik membuat triangulasi sebelum membuat kesimpulan. Denzin (1998) menunjukkan bahawa terdapat empat jenis triangulasi asas iaitu triangulasi data (merujuk kepada pelbagai sumber pengumpulan data), triangulasi teori (merujuk kepada kepelbagai perspektif mendapat maklumat) dan triangulasi metodologi (merujuk kepada pelbagai kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat).

3.8 Triangulasi Data

Menurut Nielsen (2002) suatu cara yang penting untuk mengukuhkan penyelidikan adalah triangulasi. Triangulasi bermaksud menggunakan dua atau lebih kaedah pemungutan data dalam suatu penyelidikan terhadap beberapa aspek perlakuan manusia atau mengemukakan lebih daripada satu sumber maklumat untuk menetapkan satu-satu fakta (Cohen & Manion, 1986). Sementara Bogdan dan Biklen (2003) menyatakan bahawa triangulasi ialah satu kaedah yang diambil daripada kajian sains sosial untuk menyalurkan idea bahawa untuk mendapatkan sesuatu maklumat memerlukan maklumat lebih daripada satu sumber. Triangulasi digunakan untuk menyokong suatu dapatan dengan menunjukkan dapatan yang sama ataupun tidak bertentangan dengan dapatan itu (Miles & Huberman, 1994).

Tiangulasi dalam penyelidikan ini dilakukan dengan cara menghubungkan dapatan yang diperoleh daripada pelbagai-bagai sumber. Sumber yang dimaksudkan iaitu data

penyelidikan daripada temu bual dengan guru yang mengajarkan bahasa Aceh, pemerhatian mengenai pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh, dan analisis dokumen berupa pelan pembelajaran, RPP (Rencana Pelaksanaan Pengajaran) yang dibuatkan oleh guru, Kurikulum Bahasa Aceh 2004, dan buku pelajaran yang digunakan pelajar dan guru. Kaedah campuran atas pengamiran haruslah digunakan. Hal inilah yang disebut dengan triangulasi (Patton, 2006). Oleh itu, kaedah triangulasi berfungsi untuk membuat perbandingan data yang diperoleh bagi memastikan sama ada maklumat tersebut boleh diterima atau ditolak (Miles & Huberman, 1994).

3.9 Proses Penganalisisan Data

Setelah pengesahan peserta kajian dilakukan, sesi temu bual dilaksanakan dengan merakam suara menggunakan *tape recorder* dan juga membuat catatan panjang temu bual tersebut. Seterusnya penyelidik menulis transkripsi berdasarkan rakam yang dibuat, menyalin rakaman, menyemak catatan yang dibuat semasa rakaman, membuat transkripsi temu bual dan mendapatkan pengesahan kandungan transkripsi daripada peserta kajian yang terlibat.

Data akan dianalisis berdasarkan tema-tema yang terhasil dan mengaitkan tema dengan persoalan kajian seterusnya akan membuat rumusan dan laporan dalam penulisan kajian. Dapatan temu bual dalam kajian ini ialah akan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan dapat menyokong kajian ini secara kualitatif. Penganalisisan data kualitatif yang menggunakan kaedah analisis perbandingan secara berterusan melibatkan kombinasi koleksi data dengan analisis. Kaedah ini bermaksud bahawa analisis data awal itu bermula sebaik sahaja penyelidik memulakan kerja lapangan. Melalui kaedah

ini, pengumpulan dan penganalisan data berjalan serentak. Misalnya, setelah penyelidik menjalankan temu bual, data yang diperoleh akan dianalisis dan disusuli dengan pembinaan pola-pola daripada data (Bryman, 2001).

Tahap yang penting dalam sesuatu kajian ialah penganalisan data. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber iaitu melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Oleh itu, penyelidik dalam kajian ini menguruskan jumlah data yang besar dan tidak tersusun yang diperoleh dari kerja lapangan melalui tugas peringkat iaitu (a) memahami data (b) menghasilkan kategori, dan (c) konsep analisis. Data yang dikumpulkan secara kualitatif kaya dengan maklumat, natural, unik dan kompleks. Data-data tersebut menuntut penyelidik menanganinya secara berhati-hati supaya kajian menjadi bermakna dan berguna (Miles & Haberman, 1994). Untuk menguruskan data tersebut, penyelidik melaksanakan tugas seperti berikut:

3.9.1 Memahami Data

Penyalinan semula dan mengindekan semua transkrip temu bual, catatan pemerhatian, dan penyelidikan dokumen berkaitan merupakan langkah awal dalam prosedur penganalisan data. Langkah seterusnya ialah memahami data yang terkumpul dan diberikan kod. Dalam proses memahami data, persoalan seperti: (a) Apakah yang dinyatakan dalam data? dan (b) Bagaimanakah menjawab soalan penyelidikan? (Gay, Mills, & Airasian, 2006).

3.9.2 Pengkodan

Kaedah analisis data dimulakan dengan pengkodan terbuka iaitu pembacaan teks secara reflektif dan mengenal pasti kategori berkaitan (Bryman, 2001; Creswell, 1998; Gibbs, 2002; Merriam, 1998). Pada peringkat pengkodan, penyelidik meneliti teks untuk mendapatkan kategori yang menonjol daripada *nodes* dengan membuat perbandingan dan bertanyakan soalan. Kategori-kategori tersebut diberi nama atau dilabelkan. Teks sebenarnya merupakan contoh kepada fenomena umum dan tajuk *nodes* sepatutnya menunjukkan idea yang lebih umum. Bagi memahami data, penyelidik membaca transkripsi beberapa kali menerusi skrin komputer sebelum melabelkan ke dalam *nodes*. Seterusnya, penyelidik merujuk kepada soalan penyelidikan utama dan subsoalan penyelidikan apabila membaca setiap perenggan dalam set transkrip. Kemudian penyelidik meneliti setiap unit data dengan meneliti perenggan demi perenggan, ayat demi ayat bagi melihat idea dan teks untuk di kod dalam *nodes* terbuka.

Penyelidik juga mengenal pasti soalan kajian manakah yang dapat dikaitkan dengan ayat dan perenggan yang dibaca. Semasa membaca, penyelidik sentiasa bertanya soalan-soalan daripada teks seperti siapa, bila, mana, apa, bagaimana, banyak mana, kenapa dan sebagainya. Penyoalan yang sebegini penting supaya penyelidik peka terhadap isu teoretikal di sebalik teks dan juga berupaya memberikan sensitiviti penyelidik kepada tahap yang lebih mendalam. Kemudian penyelidik menandakan bahagian yang berkaitan dan memasukkan ke dalam *nodes* yang berkaitan. Penyelidik melakukan proses ini sehingga selesai set transkrip temu bual dan set transkrip pemerhatian tersebut.

Bahagian penting semasa pengekodan ialah mengenal pasti kepunyaan atau pemilikan dan ukuran *nodes*. Melalui pemilikan membawa pelbagai makna perspektif atau aspek *nodes*. Contohnya, *nodes* sikap ada empat jenis dan beberapa aspek. Dalam Nvivo mudah untuk menguruskan *nodes* ini. Penyelidik menggunakan *treenodes* dan meletakkan *nodes* kepunyaannya sebagai anak kepada *nodes* yang dirujuk. Seterusnya penyelidik menjalankan proses membina *treenodes*. Penyelidikan memasukkan *nodes* atau kategori yang telah dilabelkan di bawah kategori masing-masing. Melalui proses ini penyelidik dapat melihat pola-pola yang timbul daripada data. Semasa memahami data ini juga, penyelidik telah menulis beberapa memo melalui aplikasi yang disediakan dalam program Nvivo. Penyelidik juga melakukan rangkaian atau menghubungkan pada dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menunjukkan dengan lebih jelas tentang sesuatu data yang dikaji.

Ringkasnya, proses memasukkan *nodes* ke dalam kategori yang sesuai memerlukan daya pengamatan dan ketelitian untuk memahami data yang dianalisis. Melalui penggunaan program Nvivo, data tersebut dapat diurus dengan lebih teratur dan memudahkan penyelidik menangani kategori-kategori secara sistematik.

3.9.3 Penghasilan Kategori Analitikal

Proses yang sering membandingkan kategori dan perhubungannya secara berulang kali membolehkan penyelidik melihat perbezaan perspektif daripada kategori peserta berlainan yang terlibat dalam kajian ini (Marohani, 2001; Merriam, 1998). Semasa proses memahami data, penyelidik sentiasa mencatatkan memo terhadap sesuatu kategori yang dianalisis. Penulisan memo penting dilakukan oleh penyelidik sebagai cara untuk membuat ulasan semasa pengekodan (Gibbs, 2002). Penulisan memo adalah

tentang *nodes* atau pengekodan yang perlu diasingkan dan penyelidik harus mencipta kategori-kategori dengan gaya induktif untuk menjelaskan perkara yang dikaji. Bagi menggambarkan pandangan atau pendapat ini, dalam Nvivo ada kategori khas yang dipanggil “memo” yang memisahkan catatan memo daripada dokumen asal. Memo dalam Nvivo ialah dokumen lain, yakni memo juga boleh dikodkan, dicari, diasingkan ke dalam satu set dan dihubungkan oleh penyelidik untuk membuat sebarang keputusan (Bryman, 2001).

Data yang telah dianalisis ini dipaparkan dalam bentuk naratif, jadual, rajah pokok dan carta (Miles & Huberman, 1994). Dalam kajian ini penyelidik memaparkan data dalam bentuk naratif, jadual dan carta iaitu dengan memperlihatkan semula perkara yang diperkatakan oleh peserta kajian semasa pemerhatian, apabila dokumen, dan temu bual. Petikan perbualan secara *verbatim* yang diperoleh daripada perisian Nvivo digunakan untuk menyokong huraian dan kesimpulan penulisan. Paparan data dalam bentuk jadual dan carta digunakan untuk menunjukkan dengan jelas perbezaan dan persamaan tentang dapatan kajian.

Peringkat akhir menganalisis data ialah menghasilkan kategori analitikal dan konsep. Penggunaan perisian Nvivo dalam penganalisan data memudahkan pengurusan data terutamanya semasa menghasilkan kategori analitikal dan konsep. Seterusnya penyelidik melibat pola-pola daripada kategori dan konsep bagi menghasilkan pernyataan-pernyataan dapatan kajian tentang pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh.

3.10 Kesimpulan

Secara keseluruhan bab ini membincangkan prosedur utama yang terlibat dalam kajian khususnya yang berkaitan dengan metodologi dan instrumen kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Data kualitatif diperoleh dengan menggunakan temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan Nvivo. Data yang dikumpulkan diharapkan dapat memberikan pandangan menyeluruh dan mendalam pada semua dimensi penilaian sama ada dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses, dan dimensi produk berdasarkan model penilaian CIPP Stufflebeam (2007). Oleh itu, populasi penyelidikan, kaedah pensampelan, pembinaan instrumen penyelidikan, kesahan dan kebolehpercayaan, pentadbiran instrumen penyelidikan, serta kaedah analisis data penyelidikan dibincangkan dalam bab ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan analisis daripada dapatan kajian yang telah diperoleh. Dapatan kajian adalah penting dalam menjawab setiap persoalan kajian yang diwujudkan berdasarkan permasalahan kajian. Persoalan yang telah dikenal pasti iaitu: Soalan satu, “Adakah kurikulum bahasa Aceh dapat memberikan pengetahuan berbahasa Aceh bagi pelajar SMP Kota Banda Aceh?” Untuk menjawab soalan ini ditemui tiga tema yang diuraikan sebagai data temu bual iaitu (i) kurikulum bahasa Aceh selaras dengan kurikulum nasional, (ii) kurikulum bahasa Aceh dapat melahirkan pelajar yang mahir berbahasa Aceh, dan (iii) objektif pengajaran bahasa Aceh.

Soalan kedua, “Adakah terdapat kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada peringkat SMP Kota Banda Aceh?” Untuk menjawab soalan ini dikemukakan tiga tema, iaitu (i) rujukan dan keperluan pengajaran bahasa Aceh, (ii) pengetahuan guru tentang kurikulum bahasa Aceh, dan (iii) penggunaan bahan bantu mengajar/media pengajaran bahasa Aceh. Soalan ketiga, iaitu “Bagaimanakah proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh yang dilaksanakan di SMP Negeri Kota Banda Aceh?”. Terdapat empat tema yang diperolehi dari analisis data temu bual, iaitu (i) keyakinan diri guru dalam mengajarkan bahasa Aceh, (ii) pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh, (iii) penggunaan kaedah pengajaran bahasa Aceh, dan (iv) kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh. Soalan keempat iaitu, “Bagaimanakah pencapaian pelajar setelah mengikuti Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh?”

Sehubungan itu, analisis kajian ini adalah dalam bentuk deskriptif berdasarkan hasil temu bual terhadap guru bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Temu bual ini melibatkan sembilan orang guru bahasa Aceh daripada 9 SMP Negeri yang telah ditetapkan sebagai peserta kajian. Guru yang dipilih melibatkan 3 orang tiga SMP di pusat bandar, 3 orang guru daripada SMP di pinggir Bandar, dan 3 orang guru daripada SMP di luar bandar.

Guru yang dipilih sebagai peserta kajian dipilih dan ditetapkan berdasarkan kriteria yang tertentu iaitu memiliki pengalaman mengajar bahasa Aceh melebihi tempoh lima tahun. Peserta kajian/sumber data guru tersebut dikod mewakili (P). P-1 melibatkan Guru 1, P-2: Guru 2, P-3: Guru 3, P-4: Guru 4, P-5: Guru 5, P-6 : Guru P, R-7: Guru 7, P-8: Guru 8, dan P-9: mewakili Guru 9. Di samping itu, pemerhatian terhadap proses pembelajaran bahasa Aceh, silibus/kurikulum, rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP) dan buku panduan pembelajaran dijalankan dalam mendapatkan kajian yang lebih tepat.

4.2 Profil Peserta Kajian

(a) Latar Belakang Peserta Kajian (P-1)

Peserta kajian pertama (P-1) adalah seorang perempuan yang berumur 45 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Mata pelajaran yang diajarkan ialah Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Pengalaman mengajar bahasa Aceh lebih 15 tahun. Mengajarkan bahasa Aceh merupakan tugas tambahan bagi beliau. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa dan Sastra

Indonesia. Beliau pula membimbing mahasiswa yang melaksanakan Praktik Pelaksanaan Lapangan (PPL) di sekolah SMP Negeri 1 Banda Aceh.

(b) Latar Belakang Peserta Kajian (P-2)

Peserta kajian kedua (P-2) adalah seorang perempuan yang berumur 48 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau adalah seorang guru khas dalam mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 20 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa dan Sastra Indonesia. Beliau berlatar belakang bahasa ibu bahasa Padang. Mengajarkan bahasa Aceh merupakan tugas tambahan menggantikan guru yang semula telah pencen atau bersara dari kerjanya. Di samping itu, beliau juga mendapat tugas sebagai wakil pengetua bidang akademik dan kurikulum di sekolah SMP Negeri 4 Banda Aceh.

(c) Latar Belakang Peserta Kajian (P-3)

Peserta kajian ketiga (P-3) seorang perempuan yang berumur 35 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Serambi Mekkah, Banda Aceh. Selanjutnya, memperoleh master bidang Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia di IKIP Malang, Jawa Tengah. Beliau mulanya seorang guru bahasa Indonesia di Madrasah Aliyah Negeri Sibreh, Aceh Besar dan selanjutnya dipindah tugas ke Madarasah Tsanawiyah Negeri Darulimarrah, Aceh Besar. Terakhir beliau ditugaskan di SMP Negeri 14 Banda Aceh sebagai guru bahasa Aceh. Pengalaman mengajar Bahasa Aceh sudah mencapai 10 tahun.

Memulakan perkhidmatan sebagai guru mata pelajaran bahasa dan Satera Indonesia selama 10 tahun. Bermula tahun 2006 hingga kini bertugas mengajar mata pelajaran muatan tempatan bahasa Aceh.

(d) Latar Belakang Peserta Kajian (P-4)

Peserta kajian keempat (P-4) adalah seorang guru perempuan yang berumur 58 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastera Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 35 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa Indonesia dan guru bahasa Aceh.

(e) Latar Belakang Peserta Kajian (P-5)

Peserta kajian kelima (P-5) pula seorang perempuan yang berumur 55 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastera Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 32 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa Indonesia dan muatan tempatan bahasa Aceh.

Selain tugasnya sebagai seorang guru, beliau juga diberi tanggungjawab melaksanakan tugas iaitu sebagai setiausaha kokurikulum sekolah, penasihat dan jurulatih rebana sekolah.

(f) Latar Belakang Peserta Kajian (P-6)

Guru yang menjadi peserta kajian yang keenam (P-6) ialah seorang laki-laki yang berumur 50 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 20 tahun.

Selain menjalankan tanggungjawab sebagai tenaga pelaksana program pengajaran bahasa Aceh, beliau juga sebagai pelatih untuk program pengembangan kurikulum bahasa dan sastra Indonesia dan bahasa Aceh.

Sejak tahun 2009 sampai dengan 2013 Bapak Muhammad ini diberi tugas sebagai pengetua sekolah menengah rendah SMP Persit Banda Aceh dan dari 2013 sampai sekarang ditugaskan sebagai pengetua SMP Negeri 8 Banda Aceh.

(g) Latar Belakang Peserta Kajian (P-7)

Peserta kajian yang ketujuh (P-7) ialah seorang perempuan yang berumur 45 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 18 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa dan Sastra Indonesia. Beliau berlatar belakang bahasa ibu bahasa Aceh. Mengajarkan bahasa Aceh merupakan tugas

tambahan. Di samping itu, beliau juga mendapat tugas sebagai wakil kepala sekolah bidang akademik dan kurikulum di sekolah SMP Negeri 5 Banda Aceh.

(h) Latar Belakang Peserta Kajian (P-8)

Peserta kajian kelapan (P-8) seorang perempuan yang berumur 50 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastera Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 20 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa dan Sastera Indonesia. Beliau berlatar belakang bahasa ibu bahasa Aceh.

(i) Latar Belakang Peserta Kajian (P-9)

Peserta kajian kesembilan (P-9) seorang perempuan yang berumur 48 tahun. Beliau mempunyai kelayakan akademik sijil tinggi Sarjana Pendidikan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala. Beliau seorang guru khas bagi mata pelajaran Bahasa dan Sastera Indonesia dan Daerah. Mempunyai pengalaman mengajar bahasa Aceh selama 15 tahun. Tugas utamanya adalah sebagai guru Bahasa dan Sastera Indonesia. Beliau berlatar belakang bahasa ibu bahasa Aceh. Beliau ialah guru khas muatan tempatan. Jadi, di samping mengajar bahasa Aceh, juga diberi tugas mengajarkan kesenian daerah manakala dalam pengurusan dan pentadbiran beliau menjalankan tugas sebagai penyelaras Skim Pinjaman Buku Teks, ahli jawatan kuasa Induk Kurikulum, ahli jawatan kuasa Bimbingan Pelajar.

4.3 Dapatan Kajian

4.3.1 Kurikulum Bahasa Aceh Memberikan Pengetahuan Berbahasa Aceh kepada Pelajar

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, didapati bahawa kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberikan pengetahuan berbahasa Aceh kepada pelajar. Dapatan kajian ini dijalankan berdasarkan tema kajian yang telah ditetapkan iaitu (i) kurikulum bahasa Aceh selaras dengan kurikulum nasional Indonesia, (ii) pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh, dan (iii) objektif pengajaran bahasa Aceh.

4.3.1.1 Kurikulum Bahasa Aceh Selaras dengan Kurikulum Nasional Indonesia

Berdasarkan kepada Rajah 4.1 menunjukkan sembilan orang guru bahasa Aceh yang menjadi peserta penyelidikan ini menyatakan bahawa kurikulum tempatan bahasa Aceh bersesuaian dan selaras dengan kurikulum nasional Indonesia. Kesesuaiannya ialah dari matlamat, konten, dan struktur. Hal ini disokong oleh hasil pemerhatian yang dijalankan, dan penelitian dokumen yang telah dijalankan.

Peserta kajian mengungkapkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh yang dijalankan di bilik darjah mengikut kurikulum nasional Indonesia yang diubah suai berdasarkan objektif pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Aceh. Seramai enam orang peserta kajian menyatakan bahawa kurikulum bahasa Aceh yang dijalankan di bilik darjah mengikut kurikulum nasional yang diubah suai manakala tiga orang peserta kajian menyatakan sebaliknya. Pernyataan peserta kajian yang menyokong adalah daripada P-1, P-2, P-4, P-5, P-6, dan P-8.

Pengajaran dan pembelajaran kurikulum bahasa Aceh yang kami laksanakan di bilik darjah berpedoman kepada kurikulum bahasa Indonesia untuk SMP sangat sesuai, selaras dengan penggubalan kurikulum pendidikan kebangsaan di sekolah menengah rendah (SMP) di Provinsi Aceh.... Sebelum P & P kami laksanakan, terlebih dahulu kami sesuaikan dengan objektif P & P bahasa Aceh, sehingga semua kompetensi bahasa Indonesia yang diamanatkan kurikulum juga terpenuhi untuk P & P bahasa Aceh. (P-1)

.... Kurikulum bahasa Aceh dijalankan di bilik darjah dan bersesuaian dengan kurikulum sedia ada. Empat kemahiran berbahasa menjadi pedoman pencapaiannya, iaitu kemahiran mendengarkan, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Keempat kemahiran berbahasa ini diajarkan secara terpadu, ertinya pembelajarannya tidak dipisah-pisahkan. Hal ini bersesuaian dengan kurikulum nasional bahasa Indonesia.... (P2)

.... Kami pada SMP Negeri 6 Banda Aceh ini ada kurikulum yang dapat kami pedomani dalam mengajar bahasa daerah, khususnya bahasa Aceh walaupun kurikulum itu adalah kurikulum lama iaitu sebagai hasil ubah suai daripada kurikulum bahasa Indonesia yang dimulakan oleh Bapak Razali Cut Lani. Kami para guru bahasa Aceh di sekolah ini telah dilatih dan dibimbing oleh beliau. (P-4)

.... kami menjalankan P & P bahasa Aceh bersesuaian dengan kurikulum nasional Indonesia yang berlaku pada SMP ini. Kesesuaiannya dari segi rasionalnya dan urutan materi pembelajaran. Kurikulum nasional pembelajarannya berasaskan tema, maka dalam kurikulum tempatan bahasa Aceh juga diajarkan berasaskan tema.... (P-5)

.... Dalam pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah, kami berpedoman pada kurikulum yang diubah suai daripada kurikulum nasional. Kandungannya bersesuaian dengan kurikulum bahasa yang sedia ada sehingga proses pembelajarannya mudah dijalankan dan bersesuaian. (P-6)

Sepertinya kurikulum bahasa Aceh tetap menjadi pedoman dan dilakukan secara berurutan bersesuaian dengan kurikulum bahasa Indonesia dari segi matlamat dan objektifnya.... (P-8)


Di samping itu, terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa dalam melaksanakan pembelajaran hanya menggunakan kurikulum yang sedia ada sahaja. Oleh kerana bahasa Aceh merupakan bahasa tempatan, banyak kandungan kurikulum harus disesuaikan berdasarkan kepentingan daerah tempat peserta kajian mengajar. Peserta kajian ini menjadikan pelajaran bahasa Aceh lebih bervariasi serta lebih sesuai dengan

keadaan sekolah dan lingkungan tempat tinggal pelajar. Kurikulum tempatan bahasa Aceh telah mengatur tema-tema besarnya sahaja. Hal ini sesuai dengan kenyataan yang diungkapkan oleh peserta kajian P-3, P-7, dan P-9.

.... Kami juga dalam menjalankan pembelajaran berpedoman pada kurikulum yang sedia ada di sekolah. Kandungan kurikulum ini tidak seluruhnya bersesuaian dengan keperluan daerah. Oleh kerana ini bahasa daerah dan pembelajarannya mesti disesuaikan dengan keperluan daerah. Jadi, sekolah ada kalanya mengatur sendiri kurikulum supaya sesuai dengan keperluan daerah tempat sekolah itu berada. (P-3)

.... Tentu dijalankan sesuai dengan kurikulum sedia ada, kadang-kadang bahasa Aceh yang diajarkan disesuaikan dengan keadaan pelajar, sekolah dan lingkungan masyarakat.... (P-7)

Kami dalam pelaksanaan pembelajaran juga berpandukan kurikulum yang sudah ada di sekolah. Kandungan kurikulum tidak sepenuhnya bersesuaian dengan kepentingan daerah. Oleh kerana ini bahasa daerah, maka kandungan pembelajaran harus disesuaikan dengan kepentingan daerah dan kepentingan pelajar.... (P-9)



Rajah 4.1: Kurikulum Bahasa Aceh Selaras dengan Kurikulum Nasional Indonesia

Dengan adanya bahasa, maka manusia dapat berkomunikasi di antara satu sama lain. Oleh itu, mata pelajaran Bahasa dan Sastera Aceh adalah berdasarkan kurikulum berbasis kompetensi tahun 2004 iaitu program yang digunakan dalam mengembangkan budaya, pengetahuan kebahasaan, kemahiran berbahasa, dan sikap positif terhadap bahasa Aceh. Pelajar memiliki kemampuan yang lebih dalam meningkatkan kemampuan dasar (yang diperoleh dari sekolah dasar) untuk berbahasa dengan baik, benar, santun, dan indah. Pelajar juga mampu menikmati, dan memanfaatkan hasil daripada karya sastera Aceh.

Untuk kepentingan pelaksanaan pengajaran Bahasa dan Sastera Aceh di Madrasah Lanjutan Pertama telah disusun Kurikulum Bahasa Aceh berdasarkan kurikulum berbasis kompetensi agar lulusan memiliki keunggulan kompetitif sesuai dengan standard kualiti yang diharapkan. Aspek kompetensi bahasa secara langsung dapat menjamin kefahaman yang jitu dalam pertumbuhan keimanan dan ketakwaan terhadap Tuhan yang Maha Esa.

Selain itu, hasil daripada dapatan kajian, dianalisis dengan baik, Kurikulum Bahasa dan Sastera Aceh adalah berorientasi kepada hakikat pembelajaran bahasa, iaitu belajar bahasa adalah belajar berkomunikasi manakala belajar sastera bererti belajar menghargai manusia dengan nilai-nilai kemudahannya. Oleh itu, pembelajaran bahasa Aceh diarahkan bertujuan untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun secara tertulis.

Selanjutnya, hasil daripada pemerhatian data dokumen dapat difahami bahawa kurikulum bahasa Aceh selari dengan kurikulum bahasa Indonesia. Hal ini dapat dilihat pada rumusan kompetensi umum pembelajaran pada silibus yang disediakan. Objektif dan kandungan pembelajaran dan capaian kemahiran berbahasa adalah sama, iaitu memandang bahasa sebagai alat dan cara komunikasi dalam berinteraksi. Ada tujuh kompetensi umum yang ingin dicapai dalam pembelajaran bahasa Aceh pada SMP atau Madrasah Lanjutan Atas iaitu: (a) mendengarkan dan mampu mengingat apa yang diperdengarkan dalam bahasa Aceh, (b) mengungkapkan gagasan dan perasaan, menyampaikan sambutan, berdialog, dan mendeskripsikan sesuatu dalam bahasa Aceh, (c) membaca dengan lancar dengan lafaz dan nada suara atau intonasi yang tepat serta mampu memahami dan menjelaskan isinya, (d) menulis karangan naratif dan non-naratif dengan tulisan yang rapi serta jelas dengan memperhatikan pemakaian ejaan tanda baca dan kosa kata yang tepat dengan menggunakan kalimat tunggal (kalimat dasar) dan kalimat majmuk (kalimat luas), (e) memahami dan dapat menggunakan perkataan/ayat lengkap dan tidak lengkap keterangan waktu, tempat dan cara, dan (f) melaksanakan dan menyuarkan sastra Aceh dalam bentuk prosa dan puisi, seperti pantun, syair, narit maja, dan hikayat.

4.3.1.2 Kurikulum Bahasa Aceh Menghasilkan Pelajar Mahir Berbahasa Aceh

Berdasarkan hasil dapatan kajian (Lihat Rajah 4.2) menunjukkan bahawa kurikulum bahasa Aceh telah dilaksanakan dengan baik di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Kurikulum ini dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam berbahasa Aceh. Guru merupakan individu yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menyiapkan rancangan pembelajaran sebelum melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh

di sekolah. Mereka menyiapkan rancangan pembelajaran dengan berpanduan kepada kurikulum yang telah ditetapkan. Rancangan pembelajaran yang mereka sediakan akan melahirkan pelajar-pelajar yang memiliki kemahiran dalam berbahasa melalui kenyataan daripada peserta kajian seperti berikut.

Kita berharap dalam aktiviti belajar bahasa Aceh seluruh pelajar dapat menggunakan bahasa Aceh dengan baik. Sebagai bahasa tempatan dalam pelaksanaan P & P-nya tentu berdasarkan kurikulum bahasa Aceh yang ada sekarang ini. Dalam menjalankan pembelajaran kami menyusun rencana pelaksanaan pembelajaran (RPP) sebelum mengajar di bilik darjah. Dalam RPP itu kami berikan penekanan pada pembelajaran kemahiran menulis, membaca, bertutur, dan mendengarkan.... (P-1)

Alhamdulillah, setelah pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah, mereka mendapatkan kemahiran dalam menggunakan bahasa Aceh. Mereka mahir berbahasa Aceh dalam bentuk lisan dan juga dalam bentuk tulisan.... (P-4)

.... Pelajar mahir dalam berbahasa Aceh. Mereka mahir dalam bidang menulis dan mahir dalam bidang bertutur. Mahir dalam bidang berbahasa Aceh kerana mereka sudah sangat terbiasa bercakap-cakap dengan menggunakan bahasa Aceh iaitu sebagai bahasa ibunda mereka.... (P-5)

Alhamdulillah boleh, kita sudah melakukan itu semenjak bertahun-tahun. Jadi, pola bahasa Aceh itu sangat sesuai dengan pola-pola bahasa Indonesia. Sesungguhnya bahasa Indonesia juga secara umum sama dengan bahasa Aceh. Oleh itu, pelajaran yang dijalankan dapat memberikan kemahiran berbahasa Aceh.... (P-6)

Sepatutnya semua pelajar mampu menggunakan bahasa Aceh secara baik setelah pelaksanaan P & P Bahasa Aceh. (P-7)


.... pelajar lebih cepat mengerti kandungan pelajaran dengan menggunakan bahasa daerah dibandingkan dengan menggunakan bahasa Indonesia. (P-8)

Kita harapkan seluruh pelajar pada SMP ini mampu menggunakan bahasa tempatan bahasa Aceh sebagai alat komunikasi, baik dalam bentuk lisan dan tulisan setelah pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di bilik darjah.... (P-9)

Selain itu, terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa mereka lebih menekankan pembelajaran bahasa Aceh dari segi aspek menulis. Jadi, kemahiran menulis sangat diutamakan dan pada anggapan mereka kemahiran menulis sangat sukar diajarkan terutama dalam menulis ejaan dan ayat. Peserta kajian ini memberi contoh-contoh dalam aspek penulisan seperti menulis pantun, menulis syair, dan lain-lain. Hal ini sesuai dengan pandangan yang disampaikan P-2 dan P-3 berikut ini.

Dalam pembelajaran bahasa Aceh diharapkan pelajar mahir dalam berbahasa Aceh, terutama mahir dalam bahagian menulis bahasa Aceh, seperti mahir menulis pantun, mahir menulis syair, dan lain-lain. (P-2)

Para pelajar tidak begitu mahir berbahasa Aceh walaupun mereka itu juga berasal dari Aceh dan berbahasa ibu bahasa Aceh. Apabila kita mengacu kepada kurikulum yang ada memang agak jauh daripada tingkat capaiannya. Oleh itu, belajar berdasarkan kurikulum ini kita jadikan panduan dalam bidang akademik kerana bahasa yang digunakan di sekolah tidak sama dengan bahasa yang dipergunakan di rumah. Bahasa daerah yang mereka pelajari di sekolah berbeza dengan bahasa daerah yang mereka didapati di rumah tangga. Bahasa di sekolah adalah bahasa formal, rasmi sedangkan bahasa di rumah tangga adalah bahasa bebas, bahasa pasar, bahasa santai. Bahasa yang hanya digunakan sebagai alat komunikasi sahaja (P-3)



Rajah 4.2: Kurikulum Bahasa Aceh Menghasilkan Pelajar Mahir Berbahasa Aceh

Pembelajaran bahasa Aceh dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mahir berbahasa Aceh, baik dalam berbahasa lisan mahupun bukan lisan. Pelajar akan lebih mudah memahami pelajaran yang disampaikan dalam bahasa Aceh berbanding pelajaran yang disampaikan dengan bahasa Indonesia. Bahasa Aceh yang mereka gunakan merupakan bahasa ibunda manakala bahasa Indonesia merupakan bahasa kedua bagi mereka.

Pembelajaran dengan menggunakan bahasa Aceh lebih mudah difahami terutama berkenaan dengan kandungan tentang lingkungan dan kebudayaan di daerah serta kandungan pelajaran yang bersifat aplikasi dan di integrasi dengan kehidupan sebenar pelajar. Melalui pembelajaran bahasa Aceh dapat memanfaatkan sumber-sumber belajar setempat untuk kepentingan pembelajaran. Pelajar lebih rapat dan akrab dengan lingkungan alam, sosial, dan budaya yang terdapat di daerah masing-masing.

Selanjutnya, pembelajaran yang dijalankan dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai-nilai. Pembelajaran juga dapat menyokong pembinaan pembangunan kawasan dan dapat mengembangkan kandungan pelajaran muatan lokal. Di samping itu, pembelajaran bahasa Aceh akan menghasilkan nilai ekonomi tinggi di daerahnya sehingga pelajar dapat hidup berdikari, membantu keluarga dan individu di sekitarnya dalam rangka memenuhi keperluan hidupnya. Dengan bahasa Aceh, pelajar juga dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajarinya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang wujud di persekitarannya. Oleh itu, dengan berbahasa Aceh, pelajar dapat memotivasikan serta mengekalkan budaya dan lingkungannya serta terhindar daripada keterasingan terhadap lingkungannya sendiri.

4.3.1.3 Objektif Pengajaran Bahasa Aceh

Kurikulum bahasa Aceh selaras dengan kurikulum pengajaran bahasa Indonesia di SMP dalam melahirkan pelajar-pelajar yang mahir berbahasa Aceh. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian P-1, P-2, P-3, P-4, P-5, P-7, dan P-9 sedangkan P-6 dan P-8 memiliki penjelasan yang berbeza berbanding dengan peserta kajian yang lain (Lihat Rajah 4.3).

Kurikulum tempatan bahasa Aceh yang dijalankan di SMP Kota Banda Aceh bersesuaian dengan objektif pengajaran bahasa Indonesia di SMP. Hal ini dapat dijelaskan oleh peserta kajian sebagai berikut.

Kurikulum bahasa Aceh yang kami gunakan selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh bagi pelajar-pelajar SMP di Provinsi Aceh. Kesesuaian dari segi matlamatnya dan juga dari segi kandungannya.... (P-1).

.... Silibus bahasa Aceh yang digunakan sebagai penduaan dalam pembelajaran di SMP bersesuaian dengan objektif pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP di Kota Banda Aceh.... (P-2)

Ya, Silibus yang kami gunakan bersesuaian dan sangat mendukung pembelajaran bahasa Aceh di sekolah ini.... (P-3)

Pembelajaran yang kami laksanakan ini berpedoman pada kurikulum yang telah berlaku dan kurikulum ini sejalan dengan tujuan pengajaran bahasa di SMP. Tujuannya untuk menjadikan bahasa ini sebagai alat komunikasi yang baik secara lisan mahupun secara tertulis. (P-4)

Tujuan yang akan dicapai dalam kurikulum bahasa Aceh bersesuaian dengan tujuan pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP.... (P-5)

Kurikulum bahasa Aceh sesuai dengan tujuan pembelajaran bahasa Aceh di SMP Provinsi Aceh. (P-7)


Kurikulum yang digunakan selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP di Provinsi Aceh. (P-9)

Bahasa Aceh yang diajarkan di sekolah adalah berbeza jika dibandingkan dengan bahasa Aceh yang digunakan oleh pelajar di kalangan keluarga dan masyarakat awam. Bahasa Aceh yang digunakan seharian di dalam masyarakat mempunyai pelbagai-bagai ragam. Oleh itu, bahasa yang dibina di sekolah adalah mengikut acuan yang ditetapkan dalam buku pelajaran. Penyeragaman dialek atau ragam bahasa inilah yang menjadikan pembelajaran bahasa Aceh menjadi sukar diikuti oleh pelajar. Hal ini dibuktikan melalui kenyataan peserta kajian seperti berikut.

Secara umum bahasa Aceh yang diajarkan sama kerana bahasa Aceh yang digunakan ini dan yang diajarkan di sekolah adalah bahasa Aceh pesisir. Jadi, bahasa Aceh pesisir ini secara umum sama dengan bahasa Aceh yang ada dalam buku pelajaran dan boleh saling memahami. Hanya sahaja yang berbeza antara satu kawasan penggunaan bahasa daerah yang satu dengan pengguna bahasa daerah pada kawasan lainnya. Varian yang dijumpai hanya pada bahagian dialeknya sahaja. (P-6)

Bahasa Aceh yang diajarkan di sekolah bertujuan untuk membuatkan pelajar mahir berbahasa Aceh dalam menguasai empat kemahiran dalam pembelajaran bahasa Aceh, iaitu kemahiran membaca, mendengar, menulis, dan bertutur. Jadi, objektif kurikulum baru dilihat berjaya apabila pencapaian kurikulum berkenaan meliputi empat kemahiran tersebut ini berdasarkan kenyataan daripada pandangan P-8.

Itu tentu, kerana dalam mengajar itu ada yang harus dicapai. Target yang ingin dicapai oleh seorang guru itu ialah membuat pelajar itu mahir dalam berbahasa, baik dalam berbahasa lisan mahupun dalam berbahasa tulisan. Jadi, tujuan capaian kita dalam mengajar bahasa Aceh setidaknya anak-anak faham apa yang kita ajarkan baik lisan mahupun tulisan.... (P-8)



Rajah 4.3: Objektif Pengajaran Bahasa Aceh

Berdasarkan hasil analisis data temu bual yang dijalankan mengenai tema objektif pengajaran bahasa Aceh, dapat disimpulkan bahawa kurikulum yang digunakan di

sekolah selaras dengan objektif pembelajaran bahasa Aceh di SMP Provinsi Aceh, dalam mencapai empat kemahiran yang telah dinyatakan.

Kurikulum tempatan mata pelajaran Bahasa Aceh yang berasaskan kompetensi telah disusun dalam memantapkan kedudukan dan fungsi bahasa Aceh sebagai salah satu bahasa daerah yang ada di Provinsi Aceh yang pembinaan dan pengembangannya dilindungi oleh Undang-undang Dasar 1945. Fungsi Bahasa Aceh sesuai dengan kedudukannya sebagai produk budaya tempatan. Fungsi mata pelajaran Bahasa Aceh antara lainnya adalah: (a) sarana pembinaan kebanggaan kawasan dalam hubungan dengan pengembangan budaya tempatan, (b) sarana peningkatan kemahiran berbahasa Aceh dalam rangka mengekalkan bahasa sebagai salah satu unsur budaya daerah, (c) sarana menyebarkan pemakaian bahasa daerah yang baik dan benar untuk berbagai-bagai keperluan yang menyangkut pelbagai-bagai masalah, (d) sarana pengembangan pentafsiran dalam bahasa Aceh, dan (e) sarana pengembangan khazanah kesusasteraan Aceh.

Secara amnya, objektif pengajaran bahasa Aceh ditinjau dari segi kepentingan pelajar adalah tercapainya penggunaan bahasa Aceh baku yang cermat, tepat dan efisien dalam komunikasi iaitu bahasa Aceh yang baik dan berkesan. Seterusnya, objektif yang hendak dicapai dalam silibus bahasa Aceh adalah untuk mendapatkan sikap positif terhadap bahasa Aceh, iaitu sikap yang berhubung kait dengan kesan tanggung jawab yang tampak dalam perilaku sehari-hari sebagai pengguna bahasa Aceh. Tujuan lain yang ingin dicapai dalam pembelajaran bahasa Aceh ialah mencapai pemahaman terhadap bahasa Aceh dari segi bentuk, makna dan fungsi serta penggunaannya dengan tepat untuk pelbagai keperluan, tujuan, dan keadaan. Objektif utama yang harus dimiliki

ialah tercapainya kemampuan menggunakan bahasa Aceh untuk dapat meningkatkan kematangan emosional dan kematangan sosial. Akhir sekali, objektif pembelajaran bahasa Aceh yang hendak dicapai ialah kemampuan menikmati dan memanfaatkan karya sastra dalam bahasa Aceh sebagai khazanah budaya masyarakat Aceh. Jadi, kemahiran berbahasa Aceh secara lisan dan tulisan dapat dicapai dalam pembelajaran bahasa Aceh.

4.3.2 Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh pada Peringkat SMP Kota Banda Aceh

Pada bahagian ini pengkaji akan menganalisis terhadap kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh pada peringkat SMP di Kota Banda Aceh. Kajian ini melibatkan penggunaan bahan rujukan oleh guru dan pelajar dalam pembelajaran bahasa Aceh. Faktor-faktor yang merupakan halangan dalam pelaksanaan kurikulum tersebut juga berkenaan dengan penggunaan bahan rujukan tersebut. Tambahan lagi pengetahuan guru tentang hakikat kurikulum dan teknikal pelaksanaannya dalam bilik darjah yang juga berkaitan erat dengan pengetahuan guru tentang kurikulum itu sendiri. Keyakinan guru dalam mengajar bahasa Aceh juga dinilai dalam menentukan kejayaan konsep pembelajaran. Di samping itu, kurikulum juga berhubung kait dengan kekuatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh itu sendiri. Hal ini berkenaan dengan kecekapan guru dalam mengajarkan bahasa Aceh. Rujukan dan Keperluan Pengajaran Bahasa Aceh

4.3.2.1 Rujukan dan Keperluan Pengajaran Bahasa Aceh

Bahan rujukan pelajaran bahasa Aceh pada peringkat sekolah menengah atas (SMP) sudah ditetapkan serta bersesuaian dengan kurikulum tempatan bahasa Aceh. Namun,

melalui konsep kuantitinya masih kurang baik dari segi jumlah tajuk dan contohnya. Enam daripada sembilan peserta kajian menyatakan bahawa buku rujukan bahasa Aceh sudah mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan pengajaran bahasa Aceh. Akan tetapi dari segi jumlahnya masih sangat kurang (Lihat Rajah 4.4). Hal ini sesuai seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut.

Rujukan untuk pembelajaran bahasa Aceh sudah ada, tetapi masih ada kekurangan. Maksudnya dari segi jumlahnya masih kurang sehingga kepada pelajar tidak boleh dibagikan sama rata. Satu meja boleh dapat satu buku. Buku itu pun bukan buku asli, tetapi merupakan buku yang di foto kopi.... Bahan yang sudah ada itu bersesuaian dengan keperluan pengajaran bahasa Aceh di SMP.... (P-1)

Buku pelajaran bahasa Aceh tersedia, tetapi tidak mencukupi. Kami sudah menyarankan kepada kepala sekolah untuk menambah bahan rujukan. Buku bahasa Aceh yang ada tak boleh dipinjamkan dalam masa yang lama dari perpustakaan. Perkhidmatan pinjaman tidak bersesuaian dengan keperluan pelajar. (P-2)

Ada, tapi dari segi jumlah, masih kurang mencukupi. Setiap kegiatan pembelajaran, para pelajar ada bahan rujukan yang menjadi pedoman mereka. (P-3)

Bahan rujukan tersedia, tetapi tidak mencukupi berbanding jumlah pelajar, guru menambah dengan cara memfoto kopinya. Buku-buku tersebut amat berguna bagi kami. Buku teks itu dapat dijadikan panduan dalam pembelajaran bahasa Aceh, sehingga keperluan pembelajaran bahasa Aceh dapat terpenuhi dengan baik. (P-5)

Ketersediaan bahan bacaan bahasa Aceh ada, tetapi tidak mencukupi untuk semua pelajar di SMP ini. Dalam pelaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah peruntukan masa tidak mencukupi untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh, sehingga capaian pembelajaran yang dicadangkan dalam kurikulum kadang-kadang tidak tercapai. Oleh itu, kami sarankan agar buku bahasa Aceh ditambah lagi dalam jumlah banyak. Semua pelajar diharapkan dapat memiliki buku dan dapat mereka baca-baca dan mengerjakan latihan di rumah. (P-7)

Buku rujukan ada, tetapi masih kurang kerana bahan pelajaran yang ada di perpustakaan itu pun untuk pelajar-pelajar sahaja masih kurang. Kita para guru harus membelinya sebagai tambahan. Bahan ajarnya tidak ada yang baru, hanya itu-itu sahaja.... (P-8)


Seterusnya, pembelajaran di bilik darjah hanya berpandukan pada buku yang ditulis oleh Drs. Wildan, dan kawan-kawan (2008) yang dikhususkan untuk Sekolah Menengah Pertama/Madrasah Tsanawiyah (SMP/MTs). Para pengajar ini tidak perlu bersusah payah kerana buku ini sudah memenuhi keperluan mereka. Kandungannya bersesuaian dengan kurikulum tempatan bahasa Aceh untuk SMP/MTs dan sudah ada panduan latihan dan kerja rumah. Pernyataan peserta kajian sebagai berikut.

Selama ini alhamdulillah, buku-buku karangan dari pak Wildan yang kami gunakan. Satu buku untuk dua orang pelajar. Buku teks bahasa Aceh menggunakan kosa kata dan istilah-istilah yang mudah difahami, menggunakan gaya bahasa yang menarik, memiliki kandungan yang mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (P & P), dan memiliki latihan yang membantu pemahaman asas suatu topik.... (P-4)

Bahan rujukan ada. Bahan-bahan rujukan itu memang sejak lama sudah ada ... dan tersedia untuk setiap tingkatan kelas. Buku-buku bahasa Aceh itu tersedia semua. Guru-guru, khususnya pengajar bahasa Aceh mendapatkan bimbingan, penyeliaan terlebih dahulu dari ahli kurikulum dan juga diberikan bengkel untuk boleh menggunakan buku itu dengan baik dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. (P-6)

Pada bahagian lain, pernyataan peserta kajian yang menyebutkan bahawa untuk keperluan para guru di sekolah ini berpandu kepada buku yang dituliskan oleh Drs. Budiman Sulaiman dengan Tajuk *Tata Bahasa Aceh I* (tahun 1988) dan *Tata Bahasa Aceh II* (tahun 2000), dan buku hasil ulasan kumpulan guru Bahasa Aceh Kota Banda Aceh, iaitu *Buku Peulajaran Basa Aceh Keu Siswa SLTP untuk kelas II dan kelas III* yang merupakan karya bersama Guru SMP Negeri Kota Banda Aceh. Selanjutnya, untuk keperluan pelajar digunakan buku dengan tajuk *Buku Peulajaran Bahasa Aceh untuk pelajar SMP kelas I dan II* (kelas VII dan kelas VIII) yang ditulis oleh Drs. Wildan, M.Pd., dan kawan-kawan. Pernyataannya ialah sebagai berikut.

Banyak tersedia bahan bacaan bahasa Aceh. Ada buku Tata Bahasa Aceh I, Tata Bahasa Aceh II yang ditulis oleh Prof. Drs. Budiman Sulaiman, Buku Peulajaran Bahasa Aceh untuk Pelajar SMP kelas I dan II (kelas VII dan kelas VIII) yang ditulis oleh Drs. Wildan, M.Pd., dan kawan-kawan. Untuk bahan bacaan pelajar digunakan buku yang ditulis oleh Pak Wildan dan untuk panduan guru digunakan buku khas yang telah sedia ada yang merupakan hasil ulasan kumpulan guru Bahasa Aceh Kota Banda Aceh, iaitu Buku Peulajaran Basa Aceh Keu Siswa SLTP untuk kelas II dan kelas III yang merupakan karya bersama Guru SMP Negeri Kota Banda Aceh pada tahun 2000. Buku yang ditulis oleh kumpulan ini diedit suai oleh Haji Razali Cut Lani, Drs. Zaini Ali, dan Drs. Husni S.A.... (P-9)



Rajah 4.4: Rujukan dan Keperluan Pengajaran Bahasa Aceh

Penggunaan bahan rujukan untuk pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP Negeri Kota Banda Aceh telah disediakan walaupun dari segi jumlah buku belum mencukupi dan patut ditambah untuk kepentingan mengajar. Selain itu, buku bahasa

Aceh mempunyai kandungan yang disusun mengikuti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sedia ada dalam kurikulum bahasa Aceh. Buku rujukan bahasa Aceh yang dimiliki oleh pihak perpustakaan sekolah dapat menyokong keperluan pembelajaran bahasa Aceh. Buku *Tata Bahasa Aceh I dan Tata Bahasa Aceh II*, Buku *Peulajaran Basa Aceh Keu Siswa SLTP untuk kelas II dan kelas III* karya bersama Guru SMP Negeri Kota Banda Aceh, dan Buku *Peulajaran Bahasa Aceh untuk pelajar SMP kelas VII dan kelas VIII* yang ditulis oleh Drs. Wildan, M.Pd., dan rakan-rakan. Kesemua buku ini berhubung kait sebagai materi pembelajaran untuk pencapaian kurikulum bahasa Aceh. Dalam buku ini disediakan latihan bagi membantu pemahaman asas topik dalam silibus bahasa Aceh.

Kekurangan yang dijumpai daripada ketersediaan buku tersebut adalah dari segi kuantiti buku pelajaran, sama ada dalam bilangan tajuk mahupun bilangan jenisnya. Kekurangan dan keprihatinan daripada pihak sekolah dan pihak pejabat pendidikan adalah dalam hal meningkatkan pembelajaran bahasa Aceh sebagai pelajaran muatan tempatan. Banyak kandungan pelajaran yang dicadangkan kurikulum tidak dapat dijalankan kerana kekurangan buku rujukan sebagai sokongan untuk topik-topik khas dalam pembelajaran.

Kandungan silibus pelajaran bahasa Aceh yang diajarkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Kota Banda Aceh merangkumi empat kemahiran berbahasa. Kemahiran-kemahiran itu yang harus dicapai dalam pembelajaran ialah kemahiran *mendengarkan* yang meliputi: mendengar cerita, berita, bunyi (suara) bunyi bahasa, dialog, penjelasan, ceramah, dan puisi. Kandungan pelajaran untuk kemahiran *bertutur* meliputi: dialog, pesan, pengalaman teman, keluarga, masyarakat, tanaman,

binatang, peristiwa, tokoh, kegiatan sehari-hari, dan melaporkan secara lisan. Kandungan pelajaran kemahiran *membaca* meliputi: membaca huruf, kata, suku kata, ayat, paragraf, teks, bacaan, hikayat, pantun, cerpen, dan drama pendek. Kandungan pelajaran kemahiran *menulis* meliputi: menulis huruf, suku kata, kata, ayat, paragraf, karangan, diri sendiri, teman, keluarga, puisi, dan menulis cerita sederhana. Kandungan pelajaran mendengar meliputi mendengar cerita, mendengar percakapan, mendengar bacaan-bacaan sastra, dan lain-lain lagi. Di samping itu juga terdapat kandungan pelajaran *kebahasaan* yang meliputi: intonasi, lafaz, ejaan, tanda baca, ayat, imbuhan, dan partikel. Kandungan pelajaran *sastra* meliputi: dongeng, cerita rakyat, cerita pendek, drama sederhana, cerita, dan pengalaman. Jadi, semua kandungan pelajaran yang diajarkan kepada pelajar SMP sudah disediakan dan sudah ditetapkan sebagai buku rujukannya, biarpun dalam bilangan tajuk masih sangat kurang.

Pernyataan daripada peserta kajian berkenaan dengan penyelidikan ini mengungkapkan bahawa jumlah buku pelajaran bahasa Aceh yang disediakan di sekolah mereka tidak memadai dan tidak mencukupi. Ada beberapa tajuk buku pelajaran bahasa Aceh yang diterbitkan dalam tahun empat puluhan dan buku-buku tersebut sekarang sudah tidak digunakan lagi. Buku tersebut tidak digunakan kerana pada masa itu tidak tersedia panduan pelaksanaannya yang jelas. Kurikulumnya belum dikuatkuasakan oleh pejabat daerah.

4.3.2.2 Pengetahuan Guru tentang Kurikulum Bahasa Aceh

Kajian ini berkenaan dengan pengetahuan guru tentang kurikulum bahasa Aceh iaitu pengetahuan yang berhubung kait dengan penguasaan kurikulum bahasa Aceh di peringkat SMP. Di samping itu juga, pengetahuan guru tentang penguasaan matlamat

kurikulum bahasa Aceh bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Guru juga memiliki kemampuan yang berkaitan dengan sukatan pelajaran bahasa Aceh di peringkat SMP. Demikian juga pengetahuan guru yang berhubungan dengan rancangan harian mengikuti panduan/silibus yang telah ditetapkan. Sedangkan pengetahuan guru berkaitan erat dengan kaedah kemahiran mengajar berbahasa Aceh seperti kemahiran membaca, kemahiran bertutur, kemahiran mendengarkan, dan kemahiran menulis.

Terdapat berbagai-bagai pandangan dan tanggapan yang diberikan oleh guru berkenaan dengan terdapatnya pengetahuan guru tentang kurikulum bahasa Aceh (Lihat Rajah 4.5). Ada peserta kajian yang menyatakan bahawa mereka memperoleh pengetahuan mengenai kurikulum bahasa Aceh melalui bengkel dan latihan yang disediakan oleh pejabat pendidikan dan ada yang melalui kaedah pembelajaran sendiri dan perbincangan di antara rakan sekerja dalam kumpulan Musyawarah Guru Mata Pelajaran (MGMP). Pernyataan peserta kajian adalah seperti berikut.

Saya mampu menjalankan pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan kurikulum kerana saya sering mengikuti bengkel dan penyeliaan tentang kurikulum bahasa daerah dan kurikulum nasional yang di bina oleh pejabat pendidikan pada tingkat Kota Banda Aceh dan Provinsi Aceh. (P-1)

Saya mengerti dan memahami kurikulum bahasa daerah dan saya dapat menjalankan pengajaran dan pembelajarannya bersesuaian dengan kurikulum. Saya membuat rancangan pembelajaran sebelum mengajar. Saya belajar, mengetahui dan memahami cara-cara mengawal kelas, dan memahami cara-cara mewujudkan ketersediaan pelajar untuk belajar bahasa Aceh. Kalau semua pelajar sudah saya yakini bahawa mereka siap untuk memulakan P&P, barulah pembelajaran bahasa Aceh saya jalankan. Jadi, dalam hal ini saya tidak ada halangan dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di SMP tempat saya mengajar.... (P-3)

Kami para guru bahasa Aceh diberikan pengetahuan tentang kurikulum yang akan kami jalankan. Biasanya kami dilatih di awal tahun pelajaran

walaupun dalam masa dua hari sahaja. Bengkel yang pernah kami ikuti berkenaan dengan pelaksanaan kurikulum pembelajaran di bilik darjah. Kami diajarkan cara-cara menarik perhatian semua pelajar untuk fokus kepada topik pembelajaran, cara-cara menjalankan aktiviti pengajaran yang kreatif, cara-cara mengajar yang berkesan. Kami diajarkan dengan menggunakan pendekatan PAIKEM iaitu Pendekatan Aktif, Inovatif, Kreatif, dan Menyenangkan.... (P-4)

Pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum ada sedikit. Hanya cukup untuk menjalankan pembelajaran sahaja. Perlu kiranya saya diberikan bengkel lagi. Pengalaman mengajar saya sudah lebih dari 30 tahun. Tahun ini saya akan pencen. Oleh itu, saya tidak lagi diutamakan untuk mengikuti kegiatan bengkel dan kegiatan lain. Tambah lagi kondisi kesihatan saya pun kurang mendukung. Saya kena penyakit diabetes dan gout. Mudah-mudahan ke depan banyak adik-adik saya yang masih muda-muda yang masih sanggup belajar untuk mengajar dengan berbagai kaedah yang baru. Mereka juga akan dapat menggunakan berbagai-bagai macam alat bantu pembelajaran yang canggih-canggih. (P-5)

Saya sudah pernah mengikuti penataran-penataran, yang berkenaan dengan penggunaan kurikulum, baik kurikulum nasional mahupun kurikulum muatan lokal. Penataran dan bengkel tentang Kurikulum Nasional yang dibuat oleh dinas pendidikan dan Penataran Kurikulum Muatan Tempatan (Muatan Lokal) dibuat oleh Majlis Pendidikan Daerah (MPD) yang diketuai oleh Pak Haji Razali Cut Lani ketika itu kami ikuti. Kami pernah dilatih yang bertempat di Hotel Rajawali Lampulo, Banda Aceh. (P-6)

Saya memiliki pengetahuan dasar tentang bagaimana menjalankan kurikulum, termasuk menjalankan kurikulum tempatan tanpa bercanggah dengan kurikulum nasional. Bahkan kami dapat menangani keupayaan pelajar yang berbeza latar bahasa ibunda mereka. Pembelajaran saya jalankan berasaskan panduan kurikulum tempatan bahasa Aceh. Memulakan pelajaran menepati waktu dan menamatkan sesi P & P. (P-9)

Namun begitu, terdapat juga peserta kajian yang menyatakan bahawa belum mendapatkan sebarang latihan khusus mengenai penggunaan kurikulum bahasa Aceh. Namun, bengkel mengenai pelaksanaan kurikulum bahasa Indonesia sudah pernah diikuti. Terdapat guru yang belajar sendiri bahkan mengubah suai pembelajaran dalam panduan kurikulum bahasa Indonesia ke dalam bentuk pelajaran bahasa Aceh. Pernyataannya adalah sebagai berikut.


Saya sudah mengajar berpuluh tahun dan sudah ada pengetahuan tentang kurikulum, walau hanya berkenaan dengan kurikulum bahasa Indonesia sahaja. Saya belum mendapatkan pelatihan atau bengkel khusus tentang pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh. Namun, untuk keperluan pembelajaran saya sering belajar sendiri dan berdiskusi dengan teman-teman sekerja yang sudah pernah mengikuti bengkel. Yang penting saya mengetahui dan memahami matlamat pendidikan bahasa Aceh dan juga saya memahami objektif pengajaran bahasa Aceh. Jadi, semuanya saya sesuaikan dengan pembelajaran bahasa Aceh, dengan tujuan dan matlamat pembelajaran tersebut.... (P-2)

Selanjutnya, terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa beliau kurang memiliki pengetahuan tentang kurikulum dan pelajaran bahasa Aceh. Bagi beliau, bahasa Aceh amat sukar difahami. Oleh itu, ada kecenderungan bahawa bahasa Aceh tidak diajarkan di sekolah ini. Sokongan dan arahan dari pihak pentadbir sekolah pun tidak dilaksanakan. Dalam pelaksanaan pembelajaran guru hanya berpanduan pada buku pelajaran sahaja. Pembelajaran dijalankan menurut urutan dan susunan kandungan pelajaran dalam buku pelajaran. Demikian seterusnya. Pernyataannya sebagai berikut.

Saya kurang memiliki pengetahuan yang cukup banyak untuk menjalankan pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan kurikulum. Bahasa Aceh menggunakan istilah-istilah yang sulit dimengerti oleh pelajar. Pelajar daripada sekolah kami umumnya anak-anak pinggir, anak-anak nelayan yang loghat bahasanya berbeza dari bahasa anak-anak kota. Banyak istilah dalam buku pelajaran mereka tak memahaminya. Tambah lagi kurangnya pengetahuan kami para guru dalam memahami bahasa Aceh ini. Guru bahasa Aceh dulu yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Aceh sudah meninggal dunia ketika peristiwa Tsunami tahun 2004 yang lalu. Jadi, kami-kamilah yang diberi tanggung jawab oleh pengetua sekolah untuk mengajarkan bahasa Aceh. Mungkin pada tahun-tahun hadapan ini bahasa Aceh tidak lagi diajarkan kerana dalam kurikulum 2013 ruang untuk muatan lokal bahasa daerah tidak dimasukkan lagi, yang ada ruang seni budaya. Kata kepala sekolah tidak payahlah diajarkan. Tambah lagi, kepala sekolah tidak memahami akan bahasa Aceh. Dia adalah orang daripada kepulauan Simeuelue, bahasa daerah yang dia memahami hanya bahasa Aneuk Jamee dan bahasa Devayan. Kedua bahasa ini yang merupakan bahasa ibunda beliau. Jadi, sokongan dari pengetua sekolah tidak ada.... (P-7)

Penyataan peserta kajian 8 (P-8) di bawah ini juga menunjukkan kenyataan yang sama seperti yang dikemukakan oleh peserta kajian 7. Peserta kajian 8 kurang menguasai kurikulum bahasa Aceh dan dalam pembelajarannya hanya berpandukan kepada buku pelajaran sahaja. Pernyataannya adalah seperti berikut.

Saya kurang menguasai kurikulum bahasa Aceh. Dalam proses mengajar saya hanya berpedoman pada buku pelajaran bahasa Aceh yang ditulis oleh Pak Wildan. Tidak ada yang protes dari pelajar tentang pembelajaran yang saya jalankan. Yang penting apa yang telah dirumuskan dalam buku Pak Wildan, bahan pembelajaran itu yang kami ajarkan. Panduan saya hanya buku itu. Dalam buku 'Peulajaran Basa Aceh' itu sudah dimulakan dalam bentuk wacana, dalam bentuk cerita yang bersesuaian dengan tema pembelajaran, lalu ada proses pembelajarannya, ada kaedah pembelajaran, apakah dalam bentuk diskusi, tanya jawab, dan juga ada bahagian latihan dan tugas rumah yang patut dikerjakan oleh pelajar.... (P-8)



Rajah 4.5: Pengetahuan Guru tentang Kurikulum Bahasa Aceh

Penyataan R-8 di atas menunjukkan bahawa ada guru yang mengajar bahasa Aceh dengan berpandukan buku pelajaran sedia ada. Kurikulum tidak menjadi panduan bagi dia. Pencapaian pelajaran dapat diukur dengan pencapaian kandungan dalam buku pelajaran yang telah dihadkan.

Berdasarkan huraian di atas, secara amnya dapat disebutkan bahawa guru memahami bidang asas pendidikan, teori pembelajaran, mengetahui bidang pedagogi pendidikan, dan pula memiliki kemampuan mengaplikasikan strategi dan kaedah pembelajaran bahasa Aceh secara baik. Namun, dalam wujud pelaksanaannya guru masih sahaja menggunakan kaedah-kaedah lama iaitu pembelajaran berdasarkan kandungan buku pelajaran, bukan mencapai suatu tema yang telah dihadkan dalam kurikulum sedia ada. Oleh itu, guru merupakan faktor yang amat penting dalam usaha meningkatkan hasil pembelajaran di sekolah. Guru yang terlatih dan mahir serta bertanggung jawab sangat diperlukan dalam mengajarkan bahasa Aceh di sekolah.

Selanjutnya, program pengajaran pada Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan (LPTK) yang khusus mendidik guru dapat menunjang program pengajaran bahasa Aceh. Program pengajaran bahasa Aceh dalam kurikulum pada lembaga-lembaga pendidikan itu harus memfokuskan pembelajaran bahasa Aceh dan memiliki jumlah masa yang banyak sehingga para mahasiswa calon guru akan mahir berbahasa Aceh dan layak menjadi guru bahasa Aceh. Jadi, perlu adanya kesesuaian daripada keadaan yang tercermin dalam besarnya ketersediaan waktu untuk pengajaran bahasa Aceh di dalam kurikulum sekolah tersebut.

Demikian pula keadaannya dalam lingkungan Program Degeri (S-1) Program studi pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia pada Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP). Kandungan kurikulum ini mempunyai mata kuliah bahasa Aceh. Subjek kuliah ini direka bentuk untuk mahasiswa yang bakal menjadi calon guru dalam mengajarkan bahasa Aceh kepada pelajar. Jadi, huraian di atas dapat menjelaskan pengetahuan kita bahawa pada masa kini tidak ada sebuah lembaga pendidikan guru pun di Aceh yang khusus mengajarkan bahasa Aceh. Tambahan lagi bahawa kebanyakan guru sekolah kurang berminat atau merasa tidak cukup bertanggungjawab untuk mengajarkan pelajaran ini. Untuk itu perlu adanya peraturan daripada pemerintah dalam bentuk peraturan gabenor (Pergub) agar bahasa Aceh diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah dasar dan sekolah menengah atas. Hasil kerja guru mengajarkan bahasa Aceh hendaklah dihargai kerana tugas wajib guru tersebut adalah sama seperti mengajar mata pelajaran lain. (Instruksi Kepala Kantor Wilayah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 3111/107.3a/No.83 tanggal 25 Juli 1983, tentang Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Aceh dan Tulisan Arab Melayu).

4.3.2.3 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Aceh

Sebelum bahagian ini diterangkan yang dimaksudkan bahan bantu mengajar di sini adalah bahan yang membantu dalam proses mengajar atau sumber belajar. Secara umumnya bahan bantu mengajar dapat diertikan dengan manusia, benda, ataupun peristiwa yang dapat membantu pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Kehadiran bahan bantu mengajar dalam proses belajar mengajar mempunyai erti yang cukup penting. Ketidakjelasan kandungan pelajaran yang disampaikan dapat dibantu dengan mewujudkan bahan bantu mengajar sebagai alat perantaraan. Kerumitan

kandungan pembelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar dapat disederhanakan dengan bantuan bahan bantu mengajar. Media atau bahan bantu mengajar dapat mewakili ataupun membantu guru dalam memberi ucapan melalui kata-kata atau ayat-ayat yang tertentu. Bahkan ketidakjelasan kandungan pembelajaran dapat diperjelas dengan kehadiran media atau alat bantu mengajar.

Berikut adalah dijelaskan daripada hasil dapatan kajian (Lihat Rajah 4.6) tentang bagaimana usaha guru dalam menggunakan bahan bantu mengajar yang berhubungan dengan penggunaan media pandang-dengar dan multimedia yang lain. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa sebahagian besar guru yang menjadi peserta kajian menyatakan bahawa mereka menggunakan bahan bantu mengajar dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah. Sebagai alat bantu mengajar, media mempunyai fungsi melicinkan jalan menuju tercapainya tujuan pengajaran. Hal ini didasarkan dengan keyakinan bahawa proses belajar mengajar dengan bantuan bahan bantu mengajar atau media dapat meningkatkan kegiatan belajar dalam masa tempoh yang cukup lama. Ini bererti kegiatan belajar-mengajar dengan bantuan media akan menghasilkan proses dan hasil belajar yang lebih baik daripada keadaan tanpa bantuan sebarang bentuk media. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan daripada peserta kajian sebagai berikut.

Ya ... dalam pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh, media pembelajaran yang dapat kami gunakan antara lain media audio, tape recorder, cassette, gambar, sketsa, slide, invokes dll. Semua media ini disediakan di sekolah. Kami, para guru kalau mahu menggunakan tape recorder dapat kami ambil di bahagian sarana dan prasarana atau bahagian peralatan sekolah. Kalau kami mahu menggunakan invokes, harus diberitahukan lebih awal kerana ketersediaan invokes cukup terbatas. Guru lain pun menggunakannya. Di samping itu, kami juga membuatkan sendiri media atau alat bantu mengajar ini dalam bentuk media tulis, dalam bentuk

gambar, boleh dalam kartu kata, istilah-istilah khas untuk dibuat menjadi ayat, paragraf, wacana, dan lain-lain. (P-1)

Berdasarkan pernyataan di atas bahawa guru dalam melaksanakan kurikulum bahasa Aceh di sekolah merasa kekurangan fasiliti yang dapat menyokong berlangsungnya pembelajaran dengan baik. Penggunaan *native speakers* (penutur asli bahasa itu) sebagai media pembelajaran adalah salah satu alternatif mengelakkan kekurangan fasiliti berupa alat bantu pengajaran. Peserta kajian yang menyatakan bahawa dalam mengajar bahasa Aceh ada kalanya menggunakan media audio, *tape recorder*, *cas set*, gambar, sketsa, slaid, projektor, manakala peserta kajian ke-2 menyatakan hanya menggunakan multimedia dalam pembelajaran yang dijalankannya. Pernyataannya sebagai berikut.

Ya, saya guru SMP Negeri 4 Banda Aceh menggunakan multimedia dalam menjalankan pembelajaran. (P-2)

Peserta kajian 2 tidak menjelaskan apakah bentuk multimedia yang digunakan. Peserta kajian 3 juga menyatakan penggunaan *tape recorder*, slaid, projekter, jaringan internet, website (laman sesawang), blog, LCD Projektor, alat multimedia yang digunakan dalam melaksanakan pembelajaran, dan lain-lain. Pernyataannya sebagai berikut.

Saya menggunakan berbagai-bagai media dalam mengajar bahasa Aceh, seperti tape recorder, slide, invokes, jaringan internet, website (laman sesawang), blog, LCD Projektor, dan lain-lain yang berkenaan dengan tema pembelajaran. (P-4)

Dalam pembelajaran bahasa Aceh, kami menggunakan multimedia. Seperti radio, televisyen, CD player, slide power paint, gambar, artikel, akhbar, papan planed, dan lain-lain. (P-5)

Kami guru bahasa daerah di SMP Negeri 4 Banda Aceh menggunakan multimedia dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh. (P-7)


Kami menggunakan media tape recorder untuk merakam bahan bantu mengajar dan diperdengarkan kepada pelajar di dalam bilik darjah. (P-8)

Ya ... kami mengguna pakai media audio visual, tape recorder, gambar, sketsa, slide, invokes dll. dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh. (P-9)

Seterusnya, guru bahasa Aceh menggunakan pelajar itu sendiri sebagai media. Guru meminta pelajar untuk mendapatkan data-data pembelajaran bahasa Aceh dari pelbagai sumber tertulis. Mereka boleh mendapatkan daripada internet atau merakam dari pembicara asli bahasa Aceh. Bahkan guru menggunakan ragam bahasa pelajar dalam menjalankan pembelajaran. Pernyataannya sebagai berikut.

Saya sentiasa menggunakan media sebagai alat bantu pembelajaran, tetapi kadang-kadang saya menggunakan pelajar itu sendiri. Saya tugaskan mereka untuk mengambil di internet medianya juga seperti akhbar, sesuai dengan materi itu sendiri. Boleh jadi pelajar merakam pembicaraan harian yang mereka lakukan untuk menjadikan bahan diskusi pelajaran bahasa Aceh di dalam bilik darjah. (P-3)

O, o o o ..., tentu, kita menggunakannya alat-alat bantu itu tidak jauh beza dengan alat-alat bantu yang kita gunakan dalam bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia dan bahasa Aceh itu bahasa yang serumpun bahkan kosa-katanya banyak yang sama. Bahkan saya menggunakan 'native speaker' (penutur asli bahasa Aceh) sebagai media pembelajaran bahasa Aceh. (P-6)



Rajah 4.6: Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Aceh

Berdasarkan hasil analisis data di atas dapat disimpulkan bahawa guru bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh menggunakan bahan bantu mengajar dalam bentuk multimedia. Sebahagian besar daripada mereka menggunakan tape recorder, projektor, filem-filem, gambar-gambar, akhbar, dan lain-lain sebagai media. Bahkan ada yang menggunakan ‘*native speaker*’ (pembicara asli bahasa Aceh) sebagai media pembelajaran bahasa Aceh. Hubungan dan kerja sama antara guru dan pelajar terjalin dengan baik dalam menyokong pembelajaran bahasa Aceh. Tambahan juga bahawa ada guru yang membincangkan topik pembelajaran dengan pelajar. Guru pula menggunakan ragam bahasa pelajar untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan di bilik darjah.

Bahan bantu mengajar atau media pembelajaran sebagai salah satu sumber belajar dalam membantu guru memperkaya wawasan pelajar. Berbagai-bagai bentuk dan jenis media pembelajaran yang digunakan oleh guru dalam menjadikan sumber ilmu pengetahuan bagi pelajar. Dalam menerangkan suatu benda, guru dapat membawa contoh bendanya secara langsung ke hadapan anak didik di kelas. Dengan menghadirkan contoh benda seiring dengan penjelasan mengenai benda itu, maka benda itu dijadikan sebagai sumber belajar. Di samping itu, guru juga merupakan sumber belajar utama bagi anak didik sehingga kegiatan pendidikan cenderung masih tradisional. Kemudahan teknologi masih sangat terbatas terhadap dan belum memasuki dunia pendidikan. Ternyata teknologi yang disepakati sebagai media itu, tidak hanya sebagai alat bantu, tetapi juga sebagai sumber belajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Media sebagai sumber belajar diakui sebagai alat bantu visual, dan audiovisual. Penggunaan ketiga jenis sumber belajar ini harus disesuaikan dengan perancangan pembelajaran, dan tentu sahaja bersesuaian dengan kompetensi guru itu sendiri dan pelajar. Penggunaan media dalam pengajaran amat sukar dilaksanakan kerana dana yang terhad untuk membelinya. Menyedari akan hal itu, disarankan kembali agar tidak memaksakan diri untuk membelinya, tetapi cukup membuat media pendidikan yang sederhana selama menunjang tercapainya tujuan pengajaran. Banyak bahan mentah yang mudah diperoleh dalam memenuhi keperluan pembuatan media pendidikan dan dengan pemakaian kecekapan yang memadai.

Untuk tercapainya tujuan pengajaran tidak mesti dilihat dari mahalunya suatu media, yang sederhana juga boleh digunakan, asalkan guru mahir menggunakannya. Guru yang

mahir menggunakan media adalah guru yang boleh memanipulasi bahan bantu mengajar sebagai sumber belajar dan sebagai penyalur informasi dari bahan yang disampaikan kepada pelajar dalam proses pembelajaran (P & P).

4.3.3 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh

Data pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh diperoleh daripada hasil temu bual dengan peserta kajian, pemerhatian, dan dokumen; huraianannya dilakukan secara bersamaan iaitu (i) keyakinan diri dalam mengajarkan bahasa Aceh merupakan data temu bual, (ii) pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh disokong data pemerhatian dan dokumen, (iii) kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran disokong data temu bual, dan (iv) penggunaan kaedah pengajaran bahasa Aceh disokong data temu bual dan pemerhatian.

4.3.3.1 Keyakinan Diri dalam Mengajarkan Bahasa Aceh

Keyakinan atau rasa percaya diri ialah kualiti yang diperlukan untuk membuat seseorang menjadi individu yang yakin dan percaya pada kemampuan, kecekapan diri dan bertanggung jawab. Keyakinan diri itu bukanlah sesuatu yang boleh diajarkan, ia merupakan karakter yang sudah wujud pada diri seseorang guru. Untuk mengetahui keyakinan diri guru dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh dapat dijelaskan pada bahagian berikut.

Rasa percaya diri seseorang guru dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah sudah dilakukan dengan adil dan penuh rasa tanggung jawab. Hal ini

dinyatakan oleh lima dari sembilan orang peserta kajian (Lihat Rajah 4.7) yang dilakukan temu bual. Pernyataannya sebagai berikut.

Ya ... saya guru bahasa Aceh. Pembelajaran ini dapat saya laksanakan dengan penuh rasa tanggung jawab dan tanpa merugikan pelajar. Saya memberikan bimbingan dan memberikan motivasi kepada pelajar agar mereka lebih rajin dalam mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah. (P-1)

Alhamdulillah untuk pelajar SMP ini tidak mengalami kekurangan dalam ertian mereka sangat mudah untuk kita ajarkan bahasa Aceh kerana bahasa Aceh adalah bahasa ibunda mereka, bahasa Aceh itu juga selaras dengan bahasa Indonesia.... (P-6)

Saya sebagai seorang guru bahasa Aceh telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan adil dan tanpa membezakan asal-usul anak, apakah anak yang berbahasa ibunda bahasa Aceh dan anak yang berbahasa ibunda bukan bahasa Aceh. (P-7)

Semua pelajar di SMP Negeri 12 ini anak pinggiran, anak nelayan. Semuanya berbahasa ibu bahasa Aceh. Jadi, tidak ada masalah dalam pembelajaran bahasa Aceh. Semua boleh mengikutinya dengan baik. (P-8)

Ya, pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa merugikan pelajar, saya memberikan motivasi, membimbing pelajar dalam mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah. (P-9)


Penyataan yang diungkapkan oleh peserta kajian 2, 3, 4, dan 5, di bawah ini bahawa mereka sudah berusaha mengajar dengan sebaik-baiknya dan seadil-adilnya. Kumpulan pelajar yang berasal dari pelbagai-bagai etnik seperti Aceh, Jawa, dan Cina. Mereka melaksanakan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh. Bagi pelajar yang bukan berbahasa ibunda bahasa Aceh diajarkan secara khas; menggunakan kaedah eja, ulang-ucap kata per kata sehingga pelajar yang tidak mampu melafazkan bahasa Aceh menjadi mahir serta mampu mengucapkannya dengan lafaz yang benar dan jelas melalui setiap kosa kata bahasa Aceh yang diajarkan. Pernyataannya adalah seperti berikut.

Dalam menjalankan pengajaran saya melaksanakan secara bersamaan, maksudnya tidak dipisahkan pelajar walaupun mereka bukan berasal dari etnik Aceh. (P-2)

Usaha saya sedikit-sedikit dalam pembelajaran itu sendiri saya menerapkan bahasa daerah atau bahasa ibu walaupun satu kata dua kata semoga mereka itu terbiasa walaupun bercampur daripada banyak suku bangsa. Ada yang berasal dari suku Aceh, suku Jawa, suku Cina, saya mengajarkan kata per kata kepada mereka. (P-3)

Saya mengajarkan menulis pada pelajar saya. Saya selalu memberikan latihan-latihan kepada pelajar saya walaupun mereka bukan dari etnik Aceh. Hasilnya, mereka dapat mengerjakannya dengan baik. (P-4)

Dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh, ada anak-anak yang berasal dari daerah lain iaitu di luar kawasan Kota Banda Aceh. Kita tetap menjalankan pengajaran bahasa Aceh, tetapi kita membantu menuntun anak-anak yang tidak dapat berbahasa Aceh, secara khusus, satu per satu sampai mereka dapat berbahasa Aceh dengan baik. (P-5)



Rajah 4.7: Keyakinan Diri Dalam Mengajar Bahasa Aceh

Semua guru memiliki keyakinan diri bahawa mereka dapat memberikan penyeliaan yang terbaik kepada pelajar-pelajar yang menggunakan bahasa tempatan bahasa Aceh. Kepada pelajar yang tidak mampu berbahasa Aceh, mereka diajarkan secara khas dan diajarkan secara bersama-sama dalam satu kumpulan.

Rasa percaya diri guru dalam mengajarkan bahasa Aceh sangat membantu dalam perkembangan pembelajaran. Oleh itu, rasa kepercayaan diri sangat diperlukan dalam diri seseorang guru dalam menjalankan tugas mengajar. Seseorang yang percaya pada diri sendiri dapat menyelesaikan tugas atau pekerjaan yang sesuai dengan tahapan dan perkembangannya dengan baik. Guru akan merasa sangat berharga, mempunyai keberanian, dan berkemampuan untuk meningkatkan prestasi. Guru juga dapat mempertimbangkan berbagai pilihan serta membuat keputusan sendiri yang dapat merupakan perilaku yang mencerminkan percaya diri. Di samping itu, guru harus juga merasa adil dan bersimpati kepada pelajar dan memberikan penyeliaan yang baik dan santun.

Selanjutnya, perasaan percaya pada diri dalam menguasai kandungan pembelajaran merupakan asas kepada motivasi diri untuk menghasilkan konsep mengajar untuk bermotivasi, seseorang itu harus percaya kepada diri sendiri. Seseorang yang ingin mendapatkan ketenangan dan kepercayaan diri haruslah berusaha untuk menginginkan dan bermotivasi dirinya. Kebanyakan individu mengalami kekurangan tetapi mampu bangkit mengatasi kekurangan sehingga benar-benar berjaya dan sukses. Dengan mempunyai kepercayaan pada diri sendiri dan termotivasi untuk terus tumbuh serta berkembang sehingga dapat mengubah masalah menjadi tantangan.

Begitu besar fungsi dan peranan kepercayaan diri pada kehidupan seseorang. Tanpa adanya rasa percaya diri yang kuat yang tertanam dalam diri seseorang, pesimisme dan rasa rendah diri akan mampu menguasai seseorang tersebut dengan mudah. Tanpa kepercayaan diri, seseorang individu akan mempunyai peribadi yang lemah.

Rasa percaya diri berhubung erat dengan rasa keberanian. Dua hal itu saling berkait dan masing-masingnya merupakan komponen penting dari kepemimpinan yang kuat (dalam konteks ini kemampuan memimpin diri sendiri). Rasa percaya diri akan membantu dalam mengatasi keraguan diri sendiri. Jadi, para guru bahasa Aceh pada SMP Kota Banda Aceh mempunyai keyakinan diri dalam mengajarkan bahasa Aceh.

4.3.3.2 Pembelajaran Bahasa Aceh di Bilik Darjah

Semua peserta kajian menyatakan bahawa pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah berjalan dengan baik, aktif, bersemangat, dan berterusan. Pembelajaran yang aktif menuntut pelajar menjadi lebih bersemangat, kreatif, menyenangkan, dan penuh ghairah, bahkan pelajar sering meninggalkan tempat duduk untuk bergerak bebas dan berfikir keras (*moving about and thinking aloud*). Selama proses pembelajaran berlangsung, pelajar dapat beraktiviti, bergerak dan melakukan sesuatu dengan aktif (Lihat Rajah 4.8). Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian-peserta kajian berikut.

Pembelajaran sepatutnya dapat dilaksanakan secara aktif, bersemangat, dapat berbahagi dengan semua pelajar dan guru. (P-1)

Pelajar-pelajar senang kerana dapat menambah wawasan dalam berbahasa, tidak hanya bahasa Indonesia, tetapi juga bahasa Aceh. (P-2)

Semua pelajar dalam bilik darjah sangat bersemangat belajar bahasa Aceh. Mereka dapat faham bahasa Aceh kerana kita menterjemahkan bahasa Aceh ke dalam bahasa yang mudah difahami. Latar belakang

bahasa pertama mereka berbeza-beza. Banyak pelajar yang berlatar belakang bahasa ibunda bukan bahasa Aceh.... (P-3)

Semua pelajar aktif, mereka bersemangat dalam menjalankan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Keaktifan pelajar tidak hanya keaktifan fizik tapi juga keaktifan mental. Belajar aktif sebagai suatu pendekatan dalam pembelajaran yang bermuara pada belajar mandiri, maka kegiatan belajar mengajar yang kami rancang mampu mengikutkan pelajar secara aktif. Pelajar dan guru dalam belajar aktif sama-sama berperanan untuk menciptakan suatu pengalaman belajar yang bermakna.... (P-4)

Pernyataan yang dinyatakan peserta kajian 5, 6, 7, 8, dan 9 bahawa pembelajaran yang mereka jalankan membuat pelajar aktif, bersemangat, dan berterusan di bilik darjah. Pernyataannya adalah sebagai berikut.


O, semua pelajar senang, bersemangat dalam mengikuti P & P yang kami jalankan pada mata pelajaran bahasa Aceh. Mereka bersemangat dan aktif untuk belajar.... (P-5)

Alhamdulillah mereka sangat aktif dan bersemangat kerana mereka sudah fasih berbahasa Aceh. Mereka menggunakan bahasa Aceh dalam kehidupan sehari-hari. (P-6)

Kami para guru menjalankan pengajaran secara aktif, inovatif, dan kreatif, dan menyenangkan kerana bahasa yang digunakan dalam pengajaran merupakan bahasa tempatan, iaitu bahasa Aceh. (P-7)

Pelajar sangat aktif kerana bahasa Aceh itu bahasa mereka sendiri, kalau dibandingkan dengan bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Bahasa Aceh lebih mudah bagi mereka kerana bahasa Aceh adalah bahasa pertama mereka. Bahasa Aceh sudah dapat mereka gunakan dalam berkomunikasi sehari-hari. Mereka sudah mempelajarinya sejak kecil, sejak mereka duduk di kelas awal sekolah rendah. (P-8)

Pembelajaran dilaksanakan secara berterusan, aktif, bersemangat, dan dapat berinteraksi dengan semua pelajar dan guru selama proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. (P-9)



Rajah 4.8: Pembelajaran Bahasa Aceh Di Bilik Darjah

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa pembelajaran bahasa Aceh yang dijalankan di SMP Negeri Kota Banda Aceh berlangsung dengan baik, aktif, kreatif, dan inovatif. Guru telah menyajikan pembelajaran dengan baik dan menggunakan kaedah belajar dengan benar. Dalam hal ini pelajar tidak hanya sekadar mendengarkan informasi yang disampaikan oleh guru, akan tetapi pelajar melihat apa yang dijelaskan oleh guru dan yang terakhir pelajar akan menggunakan secara langsung bahasa yang telah dipelajari untuk memperoleh kemahiran dalam menggunakan bahasa dengan baik. Oleh itu, keaktifan dan semangat belajar yang dilihat daripada pelajar, aktif, seronok dan berterusan dalam menjalankan proses pembelajaran yang berkenaan sehingga pembelajaran bahasa Aceh dapat diikuti oleh seluruh pelajar.

Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran di bilik darjah berjalan dengan baik. Guru menyediakan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP) sebagai persiapan mengajar sebelum pembelajaran di dalam bilik darjah. Data pemerhatian menjelaskan bahawa pelaksanaan pembelajaran mata pelajaran bahasa Aceh di bilik darjah terdiri daripada kegiatan pendahuluan, utama, dan penutup.

Pada kegiatan pendahuluan, mata pelajaran bahasa Aceh yang dijalankan didapati bahawa guru melakukan pelbagai aktiviti pada bahagian ini. Antaranya adalah formasi duduk agar pembahagian buku teks secara merata dengan membahagikan satu buku untuk dua orang pelajar. Hal ini dilakukan kerana jumlah buku teks yang ada tidak mencukupi untuk jumlah pelajar yang sedia ada. Seterusnya guru memulakan pembelajaran berdasarkan kandungan pengajaran yang akan dipelajari. Kegiatan awal juga dilakukan dengan berdoa kemudian memeriksa kehadiran setiap pelajar dengan menanyakan persediaan pelajar untuk memulai pembelajaran dan bertanya pula kepada pelajar tentang isi kandungan pada pertemuan sebelumnya atau pada perjumpaan terakhir sama ada mereka faham ataupun tidak.

Pada tahap ini juga, masa pembelajaran yang diguna pakai untuk menyiapkan buku teks yang digunakan oleh pelajar daripada perpustakaan kemudian dibahagikan kepada semua pelajar. Akibat daripada kekurangan buku yang ada penggabungan meja dilakukan dalam keadaan berkelompok atau berkumpul. Hal inilah yang menyebabkan guru tidak menggunakan banyak masa pada kegiatan awal agar masa yang tersedia cukup untuk menyelesaikan satu topik pembelajaran.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, tidak terlihat guru mengajukan pertanyaan tentang kandungan pembelajaran yang akan dipelajari. Sebagai usaha guru untuk memberikan gambaran awal kepada pelajar tentang bahan pengajaran yang diajarkan guru perlu melakukan ujian awal. Demikian juga dalam memotivasi pelajar untuk lebih fokus kepada pelajaran yang akan diberikan dan mewujudkan rasa perlu untuk belajar kandungan bahan ajar yang akan dijalankan dengan mengadakan apersepsi.

Berikutnya, pada kegiatan utama, guru memberikan contoh cara membaca teks yang ada dalam buku. Seterusnya, guru meminta setiap pelajar membaca kandungan pelajaran seperti yang dilakukan oleh guru. Hal ini dilakukan selaras dengan kandungan mengajar iaitu membaca teks. Seterusnya, pengajaran dan pembelajaran diteruskan dengan perbincangan. Guru memberi tugas kepada pelajar untuk melakukan perbincangan dengan teks yang telah dipelajari pada kegiatan pembelajaran terdahulu.

Kandungan pembelajaran yang digunakan oleh guru mengikut kepada kandungan pembelajaran yang ada pada buku. Isi kandungan pembelajaran tersebut berkait rapat dengan kehidupan seharian masyarakat Aceh secara am. Hal ini menjadi masalah bagi pelajar kerana tidak semua isi kandungan pembelajaran difahami pelajar. Di samping itu, kosa kata yang digunakan juga sukar difahami oleh pelajar dan akibatnya pelajar sukar memahami erti kandungan pembelajaran tersebut; sebagai contoh pada topik *Deungo Baca Hikayat* “mendengar bacaan hikayat”. Misalnya kata *pakhok* “berkenaan”, *sapeugeuh* “sama saja”, *kutika* “mana kala”, *geutren* “turun” dan *barollah* “barullah”.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terdapat guru yang tidak menggunakan bahan bantu mengajar untuk membantu pelajar memahami kandungan yang diajarkan. Guru berusaha agar pelajar aktif dengan merangsang pelajar untuk bertanya. Di samping itu, guru juga bertanyakan kepada pelajar. Hal ini dilakukan supaya pelajar dapat mengingat tajuk dan tokoh yang ada dalam kandungan pembelajaran. Pada kenyataan ini tidak terlihat variasi suara daripada guru dalam menjelaskan pelajaran, juga variasi dalam menggunakan bahan bantu pembelajaran, dan dalam variasi pola berinteraksi pada kegiatan pembelajaran.

Berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh guru pada akhir kegiatan ini adalah memberikan tugas kepada pelajar. Setiap pelajar diminta menjawab soalan yang ada pada bahagian *teunanyong* “pertanyaan” dan latihan. Pada kegiatan penutup, guru mengulang semula setiap pertanyaan yang diberikan semasa kegiatan inti. Guru meminta beberapa pelajar menjawab soalan yang ditanyakan guru. Pelajar merasakan tidak sukar untuk menjawab soalan yang ditanyakan oleh guru kerana jawapan daripada setiap soalan tersedia ada di dalam bacaan. Guru menyoal tentang kosa kata sukar yang sudah dipelajari. Kosa kata yang ditanyakan oleh guru ada yang dapat dijawab oleh pelajar dan ada yang tidak dapat dijawab. Untuk kosa kata yang tidak dapat dijawab pelajar dijadikan tugas yang harus dikerjakan di rumah.

Semasa kegiatan penutup, guru juga merangsang pelajar untuk membuat kesimpulan terhadap kandungan mengajar yang sudah dipelajari. Guru pula memberikan tugas rumah kepada pelajar sebagai pengayaan terhadap pelajaran yang telah diberikan. Seterusnya guru menutup pembelajaran dengan doa bersama dan memberikan salam.

4.3.3.3 Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Aceh

Guru yang mengajarkan bahasa Aceh menggunakan kaedah pengajaran bahasa. Kaedah yang lazim digunakan guru dalam mengajar adalah kaedah kumpulan, tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dan ceramah (Lihat Rajah 4.9). Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian berikut ini.

Dalam melaksanakan pembelajaran kami menggunakan aneka metod (kaedah) dalam menjalankan P & P bahasa Aceh iaitu metod kumpulan diskusi, tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dll. (P-1)

Ya, ... metod yang sering kami gunakan dalam pembelajaran bahasa Aceh: seperti ceramah, bertanya jawab, bercerita, dan tunjuk cara. (P-2)

Ya, kadang-kadang juga saya menggunakan metod ceramah, metod diskusi, metod tanya jawab, kemudian juga metod latihan (P-3)

Ibu dalam mengajar menggunakan banyak metod. Ada metod langsung, metod pemberian tugas, metod diskusi, dan lain-lain. (P-4)

Berikutnya, dalam proses pembelajaran bahasa Aceh, para guru menggunakan kaedah langsung, terjemahan, tanya jawab, pemberian tugas, dan ceramah. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian berikut.

Metod yang sering saya gunakan dalam pembelajaran ini Pak, metod langsung, metod terjemahan, metod tunjuk cara, metod tanya jawab, metod bercerita kemudian metod ceramah. (P-5)


Yang paling banyak adalah metod terjemahan, metod diskusi, metod pemberian tugas, dalam bentuk pembentangan masing-masing pelajar secara peribadi mahupun secara kelompok. (P-6)

Metod yang lazim saya gunakan dalam menjalankan P & P bahasa Aceh di bilik darjah adalah tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dan ceramah. (P-7)

Saya menggunakan aneka metod dalam menjalankan P & P bahasa Aceh iaitu kumpulan diskusi, tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dll. (P-9)

Guru yang menyatakan menggunakan kaedah drama dalam pembelajaran, berceramah, bercerita, dan bertemu bual dalam menjalankan pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah. Dengan kaedah drama, pelajar diharapkan dapat lebih berani dalam mengemukakan idea dan pendapat secara personal kerana dalam drama diajarkan monolog dan berdialog. Namun demikian, metod ceramah lebih sering digunakan oleh guru dalam menyampaikan pelajaran. Pernyataannya sebagai berikut.

Di samping metod drama, saya lebih sering menggunakan metod ceramah, bercerita, terus metod tanya jawab, misalnya terhadap topik yang berhubung kait dengan masalah-masalah yang berhubungan dengan mereka itu sendiri. (P-8)



Rajah 4.9: Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Aceh

Semua guru yang mengajarkan bahasa Aceh di bilik darjah menggunakan bermacam-macam kaedah untuk membolehkan pelajar memahami bahasa Aceh. Kaedah yang digunakan guru adalah kaedah langsung, terjemahan, kumpulan, tanya jawab, pemberian tugas, latihan, ceramah, dan lain-lain.

Selanjutnya, berkaitan dengan penggunaan buku pelajaran yang dapat menyokong tema pembelajaran oleh guru telah dijalankan dengan baik. Kandungan buku-buku tersebut sesuai dengan kurikulum yang telah disepakati oleh para pakar yang berkenaan dengan pelajaran bahasa Aceh, baik yang berkedudukan di Pejabat Wilayah Provinsi Aceh mahupun yang berkedudukan di Pejabat Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh. Yang menjadi masalah adalah penggunaan buku dan kaedah mengajar adalah tidak selari dengan perkembangan masyarakat Aceh sekarang ini. Kurikulum nasional sudah beberapa kali diubah suai. Jika penggunaan buku sudah disepakati, maka masalah kaedah pembelajaran yang digunakan tidak menjadi penghalang bagi pembelajaran bahasa Aceh. Usaha yang perlu dilakukan adalah memperbanyakkan jumlah buku sesuai dengan jumlah pelajar yang akan menggunakannya.

4.3.4 Kecekapan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh

Guru merupakan profesion yang paling penting dalam bidang pendidikan. Peranan guru dalam pendidikan tidak dapat digantikan oleh profesion lainnya. Profesion menjadi guru tidak boleh dilakukan sembarang orang. Guru harus memiliki kecekapan dalam mengajar. Setiap orang mungkin boleh mengajar, namun agar mengajar dalam keadaan yang baik sehingga menjadikan mengajar sebagai sebuah profesion harus dimiliki oleh orang-orang yang memiliki kemampuan mengajar yang baik dan mampu menjadi guru.

Profesion guru bukanlah merupakan profesion yang mudah iaitu tidak hanya harus menguasai kandungan pembelajaran pada bidang yang ditekuni namun harus memiliki kemampuan dalam hal mengajar ataupun menyampaikan dan memindahkan apa yang dimiliki kepada orang lain khususnya peserta didik atau pelajar. Tidak cukup sekadar itu, guru juga harus mampu mengelola serta membimbing pelajar tidak hanya menghasilkan pelajar yang memiliki kecekapan dalam hal kognitif sahaja namun juga memiliki kecekapan dalam domain afektif dan domain psikomotor.

Jasa daripada guru adalah sangat besar, guru banyak menjadi teladan bagi banyak individu. Guru dipandang sebagai profesion yang memiliki derajat dan kehormatan yang tinggi. Seorang yang memiliki profesion guru akan dianggap sebagai tokoh masyarakat yang penting bahkan juga termasuk keluarga dan kerabat atau teman. Profesion guru menjadi kewajipan yang perlu dijaga dan dilaksanakan dengan penuh tanggung jawab. Guru perlu menambah kecekapan dalam memberikan pendidikan kepada pelajar agar dapat memiliki masa depan yang baik.

Guru perlu memiliki kemampuan ataupun kecekapan serta pengetahuan dasar yang tinggi untuk menjadi guru yang baik. Kecekapan dan pengetahuan dasar sebagai guru ini akan menjadikan guru mampu untuk mengajar dengan baik. Daripada sembilan orang guru yang merupakan peserta kajian ini, kesemuanya menyatakan bahawa mereka memiliki kecekapan menjadi seorang guru yang profesional (Lihat Rajah 4.10). Di samping pengalaman mengajar yang cukup lama, mereka sudah mengikuti kebanyakan bengkel dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Jadi, pembelajaran yang mereka jalankan tidak mendapat halangan yang banyak, pelajar senang dan selesa mengikuti pembelajaran dalam bilik darjah. Pernyataan peserta kajian yang merupakan jawapan

pertanyaan tentang adakah penerapan kecekapan Bapak/Ibu dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) yang dijalankan senang diikuti oleh pelajar? Penyataannya sebagai berikut.

Pengalaman kami mengajar dan sebagai guru sudah lebih 25 tahun. Saya sudah banyak mengikuti pelatihan (bengkel) khusus di bidang pembelajaran, bidang kurikulum, membuat perlengkapan pembelajaran, dan lain-lain. Kami para guru sudah dianggap mampu mengajar bahkan sudah dikategorikan sebagai guru yang profesional, buktinya sudah mendapatkan sijil sebagai guru yang lulus sertifikasi. Oleh itu, pembelajaran yang dijalankan di bilik darjah tidak mengalami kendala yang cukup berat. Semuanya dapat berjalan baik-baik sahaja.... (P-1)

Pembelajaran yang dijalankan oleh guru dapat diikuti oleh pelajar dengan baik. Tidak ada persoalan yang bercanggah dalam P & P bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh. (P-3)

Saya senang mengajarkan bahasa Aceh kerana saya memiliki dasar kemampuan berbahasa Aceh yang bagus. Saya penutur asli bahasa Aceh. Di samping itu, saya juga mengikuti beberapa pelatihan yang mendukung P & P bahasa Aceh. (P-4)

Saya memang memiliki keahlian dalam penerapan P & P bahasa Aceh. Oleh itu, saya diberi tugas mengajarkan bahasa Aceh. Profesionalisme yang saya punyai adalah bidang Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. (P-5)


Alhamdulillah kami memiliki keahlian atau kecekapan yang berkenaan dengan P & P bahasa Aceh. Profesionalisme kami guru Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Bahasa daerah, khususnya bahasa Aceh kami pelajari dengan Prof. Budiman Sulaiman. Kami juga banyak mengikuti pelatihan yang di bina oleh Pejabat Pendidikan Kota Banda Aceh dan juga dibuat oleh Kementerian Pendidikan Provinsi Aceh.... (P-6)

Guru mahir dalam menjalankan pembelajaran bahasa Aceh kerana guru sudah pernah dibekali dengan pengetahuan dasar bahasa Aceh. Tambah lagi guru bahasa Aceh berijazah sarjana muda bahasa Indonesia dan Daerah.... (P-7)

Saya senang mengajar bahasa Aceh kepada pelajar di sekolah saya kerana dapat melatih kemahiran pelajar dalam berkomunikasi dengan bahasa daerah. Saya sudah belajar tentang berbagai kaedah

pembelajaran bahasa. Pelatihan tentang metodologi atau kaedah pembelajaran bahasa pernah saya ikuti. Oleh itu, saya dipercayakan oleh kepala sekolah untuk mengampu mata pelajaran bahasa Aceh di sekolah ini. (P-8)

Ada dan mampu dijalankan oleh semua guru di sekolah ini kerana mereka telah diberikan bengkel dalam sesi pengajaran secara berterusan. (P-9)



Rajah 4.10: Kecekapan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh

Berasaskan huraian di atas, secara amnya dapat disimpulkan bahawa kecekapan guru dalam mengajar dapat menolong pelajar untuk lebih aktif dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran sehingga dapat mencapai peningkatan penguasaan bahasa Aceh dengan lebih baik. Guru sudah berkemampuan meletakkan dirinya sebagai teladan; guru telah mampu memberi contoh perilaku, sikap atau perbuatan yang baik, terbuka, mengenal diri pelajar, dan memiliki kecekapan melalui penyeliaan secara berterusan. Tambahan lagi guru memiliki kemampuan intelektual, menyokong, dan meningkatkan

perkembangan pelajar. Di samping itu, guru memiliki dasar pengetahuan yang luas tentang objektif pembelajaran dengan fasa pertumbuhan. Guru juga memiliki pengetahuan yang menyeluruh mengenai ilmu yang diajarkan sehingga maklumat yang mengikut waktu yang betul.

Guru dalam kajian ini ditugaskan untuk mengajarkan bahasa Aceh di sekolah. Masalah guru merupakan masalah yang paling penting dalam usaha meningkatkan hasil pengajaran di sekolah. Guru yang terlatih dan bertanggung jawab dalam mengajarkan bahasa Aceh sudah merupakan sebahagian daripada keberhasilan pengajaran itu sendiri. Program pengajaran di Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan (LPTK) itu dapat menunjang program pengajaran bahasa Aceh, seperti yang telah diuraikan di atas akan tergambar bagaimana pengajaran bahasa Aceh dalam kurikulum di lembaga-lembaga pendidikan itu. Hal ini dapat kita simpulkan dari keadaan yang tergambar dalam besarnya bahagian yang disediakan untuk pengajaran bahasa Aceh dalam kurikulum sekolah.

Huraian di atas dapat diperjelas pengetahuan kita bahawa pada masa kini tiada sebuah lembaga pendidikan guru pun di Aceh yang melaksanakan pengajaran bahasa Aceh secara khas. Setakat ini pihak jabatan pemerintah menganjurkan untuk mengajarkan semula bahasa Aceh kepada murid SD dan SMP, tentu wajar sekali apabila pengajaran ini tidak dapat berlangsung seperti yang diharapkan. Kebanyakan guru SD dan SMP kurang berminat dan merasa tidak bertanggungjawab untuk mengajarkan pelajaran bahasa Aceh ini. Untuk itu perlu adanya perintah khusus dari pihak pemerintah daerah dalam bentuk peraturan daerah atau peraturan gubernur atau menteri besar.

Terdapat rancangan yang dikembangkan oleh dua pimpinan perguruan tinggi negeri di Aceh bahawa akan diluluskan program Pendidikan Bahasa Aceh iaitu di Universitas Syiah Kuala (Unsyiah) dan Universitas Islam Negeri (UIN) Banda Aceh. Justeru itu, pentingnya menjaga dan melestarikan bahasa Aceh melalui lembaga pendidikan rasmi. Kurikulum muatan tempatan perlu segera dinilai semula agar pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah Provinsi Aceh bersesuaian dengan tuntutan semasa.

4.3.5 Pencapaian Pelajar Setelah Mengikuti Pengajaran Bahasa Aceh

4.3.5.1 Penaksiran bahasa Aceh

Penaksiran merupakan satu proses bagi guru untuk menentukan perubahan tingkah laku dan membuat pertimbangan menilai. Proses menilai dapat memberi maklumat tentang pencapaian objektif pelajaran, kaedah mengajar seorang guru dan keberkesanan sebuah kurikulum. Ia boleh dijalankan sebelum, semasa atau selepas satu sesi pengajaran guru. Ia boleh dijalankan berasaskan pembelajaran khas atau kepada keseluruhan kurikulum.

Penaksiran bahasa Aceh dilakukan secara berterusan kepada suatu pengajaran dan pembelajaran mesti bermula daripada awal, semasa dan pada akhir pengajaran. Penaksiran ini dilakukan secara individu dan mengikuti perubahan secara berterusan. Oleh itu, mereka juga berpendapat pentaksiran berterusan ini memberikan maklum balas kepada guru daripada segi penyampaian dan juga daripada kandungan pengajaran yang digunakan dalam bilik darjah.

Guru bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh telah menjalankan penaksiran yang berterusan dan peperiksaan secara baik terhadap individu mahupun terhadap

kumpulan (Lihat Rajah 4.11). Hal ini sesuai dengan pernyataan peserta kajian berikut ini.

Kami guru bahasa Aceh melaksanakan peperiksaan secara berterusan. Penilaian ini dilakukan secara individu dan mengikuti perubahan yang berlaku dari masa ke masa iaitu secara berterusan. Penilaian seperti ini dapat memberikan maklum balas kepada guru daripada segi penyampaian dan juga daripada segi bahan pengajaran. ... Ya, penilaian ini mesti dapat dilaksanakan dengan baik oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara berterusan.... (P-1)

Ya, tetap melakukan penaksiran pada akhir P & P kerana penting bagi pengajar melakukan peperiksaan akhir. Penaksiran dalam pembelajaran dilakukan secara berterusan tentu bertujuan untuk mendapatkan informasi dan maklumat bagi menentukan tahap keupayaan dan kebolehan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. (P-2)

Ya, saya melaksanakan..., penaksiran yang saya lakukan baik secara lisan mahupun secara tulisan ialah untuk mengetahui proses pengajaran dan pembelajaran kadar mana dapat diikuti oleh pelajar-pelajar. Peperiksaan ini dilakukan secara berterusan terhadap individu dan kumpulan.... (P-3)

Penaksiran saya laksanakan secara kontinyu dan berterusan untuk mengetahui hambatan dan kesulitan yang dimiliki pelajar serta keberhasilan dalam akademik....(P-4)

.... Ya, tetap melakukan penaksiran akhir kerana itu memang penting, bukan sahaja bahasa Aceh, tetapi juga setiap pelajaran lain dilakukan peperiksaan akhir. (P-5)

O, ya, tentu, penaksiran itulah yang membuatkan kita boleh menyimpulkan bahawa pembelajaran bahasa Aceh itu hidup dan dijalankan di dalam P & P di bilik darjah. Peperiksaan dilakukan secara berterusan. Untuk dapat mengetahui pula setakat mana kandungan pembelajaran dapat dikuasai oleh pelajar.... (P-6)

Penaksiran dalam pembelajaran bahasa Aceh dilakukan untuk memberi maklumat dan gambaran tentang penguasaan pelajar dalam pelbagai kemahiran seperti membaca, menulis, mendengarkan dan bertutur. Ia juga dapat mengesan punca masalah yang dihadapi oleh pelajar dan merangka intervensi, strategi pengajaran dan penempatan


yang sesuai mengikut tahap kebolehannya. Jadi, dengan penaksiran yang dijalankan secara berterusan akan diperoleh gambaran halangan yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran sehingga semuanya dapat dibuat perbaikannya dengan baik.

Penaksiran merupakan satu proses untuk memperoleh maklumat kuantitatif. Ia adalah satu proses bagi guru untuk menentukan perubahan tingkah laku dan membuat pertimbangan menilai. Proses menilai dapat memberi maklumat tentang pencapaian objektif pelajaran, kaedah mengajar seorang guru dan keberkesanan sesebuah kurikulum. Penaksiran berdasarkan data kuantitatif dan penghuraian kualitatif. Ia boleh dijalankan sebelum, semasa atau selepas satu sesi pengajaran dijalankan guru. Ia boleh dijalankan pula berasaskan sesuatu pembelajaran spesifik atau kepada keseluruhan kurikulum. Hal ini disokong oleh pernyataan peserta kajian berikut ini.

Guru menjalankan penaksiran berterusan. Ada penaksiran proses dan juga ada penaksiran hasil untuk melihat keberhasilan pelajar.... (P-7)

Penaksiran selalu dijalankan baik dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan bertujuan melihat keberhasilan pelajar atau kesulitan apa saja yang didapati selama proses belajar mengajar berlangsung. (P-8)

Penaksiran dilaksanakan guru secara berterusan guna mencari kekurangan dan kelebihan yang telah diterapkan semasa proses P & P dijalankan.... (P-9)



Rajah 4.11: Pentaksiran Bahasa Aceh

Berdasarkan data temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa penaksiran dijalankan secara berterusan. Penaksiran dijalankan ke atas suatu pengajaran dan pembelajaran bermula daripada awal, semasa dan di akhir pengajaran. Penaksiran ini dilakukan secara individu dan berkumpulan. Penaksiran berterusan dapat memberikan maklum balas kepada guru daripada segi penyampaian dan juga daripada bahan pengajaran yang digunakan.

Selanjutnya, dalam pelaksanaan P & P bahasa Aceh, proses penaksiran secara berterusan untuk mengetahui tahap kemampuan pelajar, guru, dan bahan bantu mengajar yang digunakan sehingga dapat ditentukan pencapaian akhir dalam proses pembelajaran. Penaksiran berterusan memberi bukti yang lebih menyeluruh, sah, autentik, dipercayai dan adil berbanding dengan pengujian yang lain. Kepekaan guru dalam penaksiran berterusan ini dapat meningkatkan pencapaian setiap pelajar ke tahap yang maksimum. Penaksiran yang dilaksanakan pada akhir pelaksanaan program

pembelajaran digunakan sebagai umpan balik (*feedback*) bagi keseluruhan komponen program yang telah disusun dan dilaksanakan. Secara khusus tujuannya untuk mengetahui dan menilai: (i) Ketepatan kaedah serta media dan sumber belajar yang digunakan, (ii) kesesuaiannya kandungan pembelajaran dan jenis kegiatan belajar dengan tingkat perkembangan dan kemampuan pelajar, (iii) kesesuaian objektif yang telah dirumuskan dengan kandungan bahan pembelajaran dan kemampuan pelajar untuk mencapai objektif-objektif tersebut, dan (iv) kesesuaian prosedur dan alat peperiksaan yang telah disusun atau dikembangkan, baik dengan tujuan, isi kandungan, atau dengan tingkat kemampuan pelajar.

Fungsi penaksiran yang kedua inilah secara keseluruhannya berguna bagi guru untuk mengadakan perbaikan program berserta pelaksanaan mengajarnya pada masa hadapan untuk pertemuan berikutnya. Hasil-hasil penaksiran yang telah dilaksanakan oleh guru terhadap pelajarannya dapat dijadikan sumber informasi atau data bagi pendidikan Bimbingan Kaunseling oleh para kaunselor sekolah atau guru pembimbing lainnya iaitu: (i) untuk membuat diagnosis mengenai kelemahan-kelemahan dan kekuatan atau kemampuan pelajar, (ii) untuk mengetahui dalam hal-hal apa sahaja seseorang atau sekumpulan pelajar memerlukan pendidikan pemulihan, (iii) sebagai dasar dalam menangani kes tertentu antara pelajar, (iv) sebagai panduan dalam memenuhi keperluan pelajar dalam rangka bimbingan karier.

Berikutnya, penaksiran digunakan untuk keperluan pertumbuhan dan perbaikan kurikulum sekolah yang bersangkutan. Seperti telah dikemukakan sebelum ini, hampir setiap saat guru melaksanakan kegiatan penaksiran dalam rangka menilai keberhasilan belajar dan menilai program pengajaran, serta kandungan pelajaran yang terdapat dalam

kurikulum. Seseorang guru yang dinamik tidak akan begitu sahaja mengikuti apa yang ada dalam kurikulum; bahkan selalu berusaha untuk menentukan dan memilih kandungan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar dan situasi lingkungan serta perkembangan masyarakat pada masa itu. Kandungan kurikulum yang dianggap tidak sesuai lagi dengan perkembangan dan keperluan masyarakat akan ditinggalkannya dan diganti dengan kandungan yang dianggap sesuai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa apa yang telah dilakukan oleh guru sangatlah menentukan pelaksanaan kurikulum sekolah.

Meskipun pada umumnya di Indonesia kurikulum sekolah disusun secara nasional untuk semua sekolah yang sama dan diselaraskan, guru-guru perlu menyusun kurikulum, atau ikut serta dalam kumpulan kepanitiaan penyusun kurikulum, atau setidak-tidaknya memberikan saranan dan pendapatnya. Sebaliknya, panitia penyusun kurikulum biasanya mencari informasi dari para pelaksana kurikulum di sekolah, termasuk para pengawas, pentadbir sekolah, dan guru-guru. Demikian pentingnya peranan dan fungsi penaksiran bagi pembinaan dan perbaikan kurikulum.

4.3.5.2 Kemahiran yang Dihasilkan dari Bahasa Aceh

Setelah pelajar mempelajari bahasa Aceh, mereka memperoleh kemahiran dalam berbahasa lisan dan berbahasa tulisan. Keutamaan kemahiran dalam berbahasa lisan, adalah dalam bertutur dan mendengarkan. Pelajar dapat menyatakan isi fikirannya dan perasaan kepada orang lain secara langsung. Pelajar dapat menyuarakan idea, dan perasaannya melalui tulisan iaitu dengan menggunakan bahasa Aceh. Orang lain yang memahami kod bahasa yang sama dapat membaca dan memahami maksudnya dengan baik melalui perkataan itu. Ini bermaksud mereka memiliki kemahiran berbahasa dan

berkomunikasi (Lihat Rajah 4.12). Hal ini sesuai dengan pernyataan yang diungkapkan peserta kajian berikut.

Para pelajar setelah belajar bahasa Aceh, mampu bertutur dengan menggunakan bahasa Aceh, berdiskusi, bertukar pandang, bercerita tentang suatu peristiwa, dan lain sebagainya. Pelajar juga mampu mendengarkan dengan baik idea dan gagasan yang disampaikan dalam suatu pertuturan sehingga dapat terjadi tindak balas dalam berkomunikasi.... Para pelajar juga dapat membaca karangan-karangan atau tulisan-tulisan yang dituliskan dalam bahasa Aceh. Mereka mahir berkomunikasi dengan bahasa Aceh.... (P-1)

Pelajar memiliki kemahiran dalam bidang menulis dan membaca, kerana menulis bahasa Aceh ada kalanya mudah dan ada kalanya susah dan payah kerana ada huruf tertentu dalam bahasa Aceh yang menggunakan tanda-tanda sehingga berbeza antara tulisan dan ucapan. Apabila huruf yang dipadukan menjadi suatu perkataan salah diucapkan menjadikan makna dan ertinya salah. Hal ini membuat pemahaman bahasa menjadi salah. Oleh kerananya untuk melafazkan suatu huruf yang dituliskan dalam bahasa Aceh menjadi sukar. Misalnya kata ek boleh dibaca 'ek dan 'ek, tetapi memiliki makna yang berbeza; 'ek ertinya naik, sedang 'ek ertinya tinja atau kotoran.... (P-2)

Ya, mereka para pelajar itu setelah mengikuti pelajaran bahasa Aceh di bilik darjah, mereka mempunyai kemahiran membaca, menulis, bertutur, dan mendengarkan. Mereka mahir menggunakan huruf-huruf abjad bahasa Aceh dengan baik. Biarpun masih dijumpai pelajar-pelajar yang mengalami kesukaran dalam bahagian menulis. Banyak vokal yang salah tulis dan juga banyak bunyi konsonan yang silap baca.... (P-3)

Alhamdulillah, pelajar-pelajar mendapati keahlian membaca, menulis, mendengarkan, bertutur baik secara individu mahupun secara kelompok. Para pelajar secara am telah memiliki kemahiran dalam membaca dan menulis bahasa Aceh. Para pelajar mampu membaca cerita-cerita dalam bahasa Aceh. Para pelajar juga dapat menulis kembali cerita yang dibacakan dalam bahasa Aceh dalam bentuk ringkasan atau dalam bentuk sinopsis.... (P-4)

Alhamdulillah, para pelajar sangat menguasai terutama dalam hal kemampuan bertutur dengan menggunakan bahasa Aceh kalau dalam hal menulis memang secara umum sukar tetapi ketika kita meminta untuk menulis dengan panduan dan petunjuk-petunjuk tertentu dengan mengikuti alur bahasa Indonesia mereka juga mampu.... (P-6)


Mereka memiliki kemahiran menulis, mendengarkan, bertutur, membaca dengan menggunakan bahasa Aceh secara benar. Mereka juga mampu menggunakan tanda-tanda baca secara tepat dalam penulisan ayat-ayat bahasa Aceh.... (P-8)

Para pelajar diharapkan setelah belajar bahasa Aceh, pelajar mampu bertutur, bercerita, mendengarkan dengan baik, dan menulis ayat-ayat dengan benar. Pada kenyataannya, pelajar tidak mengalami kesulitan dalam berkomunikasi dengan bahasa Aceh. Mereka mahir bertutur, dan juga mahir menulis.... (P-9)

Selanjutnya, terdapat dua peserta kajian yang menyatakan bahawa para pelajar mengalami kesukaran yang tinggi dalam bidang berbahasa Aceh. Mereka ialah bukan berlatar belakang daripada penggunaan yang bahasa ibunda bahasa Aceh. Mereka berbahasa ibu bahasa Indonesia dan bahasa-bahasa daerah lainnya. Jadi, bahasa Aceh merupakan bahasa yang baru dikenali dan bahasa yang harus dipelajari. Oleh itu, pembelajaran bahasa Aceh dijalankan dengan baik serta bersesuaian dengan silibus yang ada, tetapi capaiannya kurang memuaskan. Hal ini disokong dengan pernyataan peserta kajian 5 dan 7 di bawah ini.

Para pelajar di sekolah saya kurang dominan pembelajaran bahasa Aceh. Para pelajar kebanyakan tidak faham bahasa Aceh. Mereka menggunakan bahasa Indonesia dalam rumah tangga dan dalam percakapan sehari-hari. Di samping itu, para pelajar di sini beragam latar bahasa daerah yang dikuasainya. Ada pelajar yang berbahasa ibunda bahasa Gayo, ada yang berbahasa Aneuk Jamee, dan lain-lain. Namun demikian, pembelajaran bahasa Aceh tetap kami jalankan bersesuaian dengan kurikulum dan sibibus yang ada. Objektif pembelajaran tercapai, tetapi tidak maksimal, terutama dalam bidang menulis dan membaca. Kalau dalam bidang mendengarkan dan bertutur mendapat kemampuan yang lebih baik....(P-5)

Para pelajar setelah belajar bahasa Aceh, mampu membaca cerita-cerita dalam bahasa Aceh. Mereka kurang kemampuannya dalam bidang menulis. Banyak istilah dan kosa kata mereka tidak faham. Pembelajaran kami jalankan dengan menggunakan kaedah terjemahan. Akhirnya mereka dapat faham juga. Mereka juga kami ajarkan secara khas dan kami menyediakan masa di luar masa belajar yang berstruktur....(P-7)



Rajah 4.12: Kemahiran Yang Dihasilkan Dari Bahasa Aceh

Berasaskan temu bual di atas, dapat dikatakan bahawa pembelajaran bahasa Aceh yang dijalankan di SMP Negeri Kota Banda Aceh bersesuaian dengan objektif pembelajaran menurut kurikulum tempatan bahasa Aceh. Para pelajar memiliki kemahiran dalam membaca, menulis, mendengarkan, dan bertutur. Para pelajar juga memiliki kemahiran lisan, iaitu kemahiran dalam bidang fonologi, semantik, sintaksis, morfologi, dan juga pragmatik.

Selanjutnya, terdapat kelemahan kandungan pelajaran yang digunakan guru dalam pembelajaran bahasa Aceh. Kandungan pelajaran yang digunakan oleh guru tidak disusun berdasarkan objektif dan perwatakan pelajar. Kandungan pembelajaran umumnya tidak hanya yang tertulis dalam buku panduan pelajaran yang wajib, tetapi meliputi keseluruhan kandungan pembelajaran. Setiap aktiviti pembelajaran perlu ada kandungan pembelajarannya. Oleh itu, jika tujuan tidak diwujudkan, para pengajar tidak dapat merumuskan kandungan pelajaran bahasa Aceh dengan baik. Bahan atau kandungan pelajaran bahasa Aceh adalah kandungan pelajaran yang akan disampaikan dalam proses pembelajaran dan pernyataan diambil sepenuhnya dari buku teks yang telah disebutkan di atas. Kandungan pembelajaran yang berkenaan dengan bidang pengajaran bahasa Aceh tidak dapat disusun oleh guru kerana kurangnya pengetahuan mereka tentang tema atau objektif pelajaran bahasa Aceh. Oleh itu, perlu adanya sekumpulan guru khas yang akan menyiapkan kandungan pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan silibus bahasa Aceh yang sedia ada.

Kandungan pelajaran yang digunakan adalah kandungan pelajaran yang terdapat di dalam buku teks *Peulajaran Basa Aceh Keu Murip Glah VII SMP/MTs* yang menjadi buku panduan ketika guru mengajar. Dari hasil temu bual tidak ada pernyataan guru yang merasa kreatif dalam menyiapkan kandungan pembelajaran dari sumber lain selain dari buku teks. Pada saat pembelajaran berlangsung, pelajar dibahagikan buku teks tersebut satu buku untuk dua orang, sehingga kegiatan belajar mengajar dapat berlangsung dengan lancar.

Pelajar yang mempunyai kelemahan dalam bidang fonologi iaitu pengetahuan yang harus merujuk kepada bunyi-bunyi bahasa yang diucapkan dan peraturan-peraturan bagi

menentukan bagaimana bunyi-bunyi itu digunakan. Sebutan dan bunyi yang dilafazkan dalam bahasa akan memberikan makna yang lain. Sebagai contoh, perkataan 'ek dan 'ek, perbezaan bunyi utama adalah pada awal perkataan-perkataan tersebut. Kebiasaannya individu yang mengalami masalah pembelajaran ini sukar untuk membunyikan bunyi fonetik dengan betul. Mereka sering sekali melakukan kesalahan seperti penggantian, atau penambahan, bahkan pengguguran dan sebagainya. Contohnya perkataan "bahu" menjadi "bau". Hal ini telah pun berlaku pengguguran dan seringkali terjadi kepada individu yang menghadapi *down sindrom*. Walaupun perkataan-perkataan ini berbeza hanya pada satu bunyi sahaja tetapi perbezaan bunyi ini menghasilkan dua perkataan dan masing-masing mempunyai maksud yang berbeza.

Morfologi iaitu bidang bahasa yang mengkaji struktur kata atau bidang yang mengkaji proses pembentukan perkataan daripada unsur makna yang paling asas (morfem). Morfem adalah kesatuan (unit) tata bahasa yang terkecil yang mempunyai erti dalam struktur sesuatu bahasa. Morfem terdiri daripada morfem bebas dan morfem terikat. Morfem terikat merupakan morfem yang tidak berdiri dengan sendiri, contohnya perkataan imbuhan "keu, meu, peu, seu, dan lain-lain". Ia tidak ada erti tanpa dilekatkan pada kata asas yang lain. Kata *keu + peue* menjadi *keupueu* 'untuk apa'. Kehilangan perkataan pada suku kata terakhir boleh memberi erti yang lain. Morfem tidak terikat pula morfem yang dapat berdiri dengan sendirinya. Sebagai contoh "jak, jok, bloe, dan lain-lain" ertinya jalan, berikan, belikan, dan lain-lain).

Kandungan pembelajaran morfologi bahasa Aceh tertulis dalam kurikulum bahasa Aceh. Kandungan bidang pembentukan kata ini diajarkan secara khas dalam pembelajaran bahasa Aceh. Hal ini selari dengan kurikulum nasional iaitu kurikulum

bahasa Indonesia. Pelajar akan mahir menulis ayat-ayat dalam bahasa Aceh apabila kaedah morfologi dapat diamalkan dengan baik.

Sintaksis merupakan unsur terbesar dalam tatabahasa. Sintaksis dalam bahasa Aceh boleh terbina daripada unit-unit tatabahasa yang lebih kecil seperti frasa, perkataan, dan morfem. Sebagai contoh "*Mak geujak u keude*" (Ibu pergi ke kedai). Namun bagi individu yang mengalami masalah dalam penggunaan sintaksis, individu itu hanya mampu menyebut "*Mak keude*" (ibu kedai). Hal ini telah memberi maksud dan erti yang lain. Jadi, pembelajaran sintaksis sangat berguna dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang menulis ayat-ayat dalam bahasa Aceh.

Berikutnya, bidang semantik merupakan bahagian yang berkaitan dengan makna atau erti. Komponen kandungan terdiri daripada semantik (makna) yang merujuk kepada cara perkataan digunakan secara bermakna dalam berkomunikasi. Pada asasnya semantik melibatkan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa atau leksikon. Fonem-fonem yang bergabung akan membentuk perkataan seterusnya digunakan untuk mewakili benda, konsep, pengalaman dan sebagainya. Pelajar-pelajar yang mengalami masalah dalam pembelajaran ini sangat lemah dalam bidang semantik terutama dalam membezakan perkataan yang mempunyai ejaan yang sama tetapi berlainan bunyinya. Contohnya perkataan *perang* (e pepet) dan juga *perang* (e taling). *Perang* di sini bermaksud berlawan dan menentang musuh manakala *perang* yang satu lagi adalah sifat warna. Jadi, pembelajaran semantik dalam kurikulum bahasa Aceh memberikan kecekapan atau kemahiran pelajar dalam memahami erti suatu perkataan yang dipelajari di bilik darjah.

4.3.5.3 Kemahiran Sastera dalam Bahasa Aceh

Semua peserta kajian menyatakan bahawa mereka memperoleh kemahiran dalam bidang sastera Aceh setelah pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Aceh (Lihat Rajah 4.13). Kemahiran sastera yang dimaksudkan adalah kemahiran dalam membaca pantun, puisi, hikayat, nadham, hadis maja (ucapan orang tua yang mengandung petuah dan nasihat), pepatah dan petitih, cerita dongeng, dan lain-lain. Guru mengajarkan pantun Aceh kepada pelajar dalam bentuk pantun bebas dan berbalas pantun. Demikian juga membaca hikayat Aceh. Masalah ini disesuaikan melalui kenyataan peserta kajian berikut.

Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat membaca pantun, puisi dalam bahasa Aceh, membaca hikayat, nadham Aceh, membaca hadis maja, pepatah, petitih, dan lain-lain.... (P-1)

Sasteranya ya, diajarkan seperti pantun, puisi, dan syair, hikayat, atau cerita-cerita rakyat. Melalui pembelajaran pantun ini kami berikan nasihat-nasihat kepada pelajar. Misalnya: "Bukon sayang lon kalon bak jok siumu suntok jimuboh sabee. Bukon sayang lon kalon datok, rueng kabungkok, seumbahyang hana" (Betapa sayang kita tengok pohon nira, selamanya terus berbuah. Betapa sayangnya kita tengok Pak Cik, badannya sudah membongkok, tetapi tak mengerjakan shalat).... (P-2)

Berbeza dengan peserta kajian 3 yang menyatakan bahawa pembelajaran sastera dijalankan dalam bentuk tambahan sahaja. Isi kandungan pelajaran yang dipilih adalah dalam bentuk syair-syair yang mudah difahami pelajar. Pernyataannya sebagai berikut.

Pelajaran sastera kami jalankan, tetapi tidak banyak. pembelajarannya saya selingi dengan membaca syair-syair, pantun, hikayat sahaja yang mudah difahami oleh pelajar.... (P-3)

Jadi, pelajar di samping mahir membaca pantun juga pelajar dilatihkan mahir menulis pantun dan mahir membaca syair-syair dalam bahasa Aceh. Pelajar juga mampu memahami peribahasa dalam bahasa Aceh. Pernyataannya sebagai berikut.

Ya, para pelajar sudah mahir menulis pantun dan mahir membaca syair-syair dalam bahasa Aceh. Mereka dapat menulis pantun dan berbalas pantun. Ada pantun remaja, pantun agama, dan juga ada pantun nasihat.... (P-4)

Diharapkan kepada pelajar dapat menggunakan nilai-nilai sastera Aceh seperti berpantun, menulis cerita-cerita rakyat yang ada dalam masyarakat luas. Misalnya, adalah pepatah dalam basa Aceh “Meunyo kataboh bungkoh beuneung, beutateumeung bungkoh sutra” Maksudnya, kalaulah kita sudah membuang bungkus dari benang, hendaklah kita mendapatkan bungkus baru daripada sutera. Ertinya kalaulah sudah dibuang yang kurang baik, hendaknya harus dapat yang lebih elok....(P-5)

Pelajar dapat membaca puisi dalam bahasa Aceh, mampu membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami peribahasa Aceh...(P-6)


Terdapat juga peserta kajian yang menyatakan bahawa dalam sastera Aceh juga diajarkan teka-teki dalam bahasa Aceh. Teka-teki ini diajarkan dalam bentuk permainan kata-kata dan dapat menguji ingatan dan kemampuan pelajar. Pernyataannya sebagai berikut.

Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat berbalas pantun, berpuisi dengan baik dan dapat juga berteka-teki dalam bahasa Aceh. Kandungan teka-teki ini diambil dari dalam buku pelajaran yang sedia ada yang dicari dan dipersiapkan oleh pelajar.... (P-7)

Nilai-nilai yang terdapat dalam sastera Aceh ini perlu difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Kebanyakan kandungan pembelajaran yang dapat diambil iktibar serta perumpamaan sebagai contoh teladan. Melalui aneka bentuk karya sastera inilah nilai-nilai itu disampaikan kepada pelajar. Penyataannya sebagai berikut.

Pelajar dapat membaca berbagai-bagai karya sastra. Mereka mampu membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami nilai-nilai yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat di Aceh (P-8)

Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat membaca puisi dalam bahasa Aceh, mampu membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami nilai-nilai dalam hadis maja atau peribahasa Aceh. Nilai-nilai yang positif perlu diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Melalui media sastra inilah karakter pelajar dibentuk menjadi lebih baik.... (P-9)



Rajah 4.13: Kemahiran Sastra Dalam Bahasa Aceh

Pelajar memiliki kemahiran dalam sastra Aceh, seperti menulis pantun, menulis puisi, membaca syair, membaca hikayat, dan memahami cerita-cerita rakyat yang dituliskan dalam bahasa Aceh. Para pelajar juga memiliki kemahiran dalam membaca hasil karya sastra tersebut dan dapat memahami nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastra Aceh. Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa pembelajaran sastra dijalankan di

bilik darjah dalam pembelajaran bahasa Aceh. Ada kandungan pembelajaran berkenaan dengan pantun, puisi, syair, hikayat, cerita rakyat, dan lain-lain.

Selanjutnya, dari data dokumen iaitu dari kumpulan pembelajaran yang dirancang oleh guru terdapat rumusan pembelajaran yang menghuraikan kandungan sastera pada Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) yang dirumuskan. Demikian juga dalam buku pelajaran mempunyai kandungan yang di bincang iaitu topik sastera dalam bahasa Aceh. Misalnya: Topik *Deungo baca hikayat* ‘mendengarkan bacaan hikayat, Buku Peulajaran Basa Aceh Keu Murip Glah VII SMP/MTs Tahun 2009, muka surat 11, Pelajaran 9 Topik *Keuseunian*, urutan kandungan pelajaran dalam buku (A). *Baca Pantun* “membaca pantun’, (B). *Tuleh keunarang bhah keuseunian* “menulis karangan berkenaan dengan pantun”, (C). *Peugah haba ngon hikayat* “bercerita dengan cara berhikayat”, (D). *Deungo panton* “mendengar bacaan pantun”. Muka surat 112—122. Jadi, pada setiap akhir dari setiap tema pembelajaran selalu sahaja diberikan pelajaran sastera Aceh dengan tujuan mendidik dan menghibur.

4.4 Rumusan Dapatan Kajian

Berasaskan hasil dapatan kajian yang dilakukan melalui data temu bual, pemerhatian, dan dokumen diperoleh maklumat mengenai pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh dapat dirumuskan dan disimpulkan sebagai berikut:

Dari segi kekuatan:

- 1) Kurikulum bahasa Aceh dapat memberikan pengetahuan berbahasa Aceh bagi pelajar SMP Kota Banda Aceh.

- 2) Pembelajaran bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh sudah berjalan dengan baik. Guru memiliki keyakinan diri dalam mengajarkan bahasa Aceh. Guru juga melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh dengan baik serta bersesuaian dengan perancangan yang dibuat. Di samping itu, guru juga menggunakan kaedah pengajaran bahasa Aceh. Guru juga memiliki kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh.
- 3) Pencapaian pelajar setelah mengikuti Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh sudah cukup baik. Penaksiran pembelajaran bahasa Aceh dilakukan secara berterusan. Kemahiran yang dihasilkan daripada pembelajaran bahasa Aceh berhubung kait dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, dan bersastera dalam bahasa Aceh.

Dari segi kelemahan:

Pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh tidak maksimum disebabkan oleh pelbagai halangan yang dialami oleh guru-guru dalam mengajarkan bahasa Aceh sebagai mata pelajaran tempatan di SMP Kota Banda Aceh. Berikut ini dikemukakan beberapa halangan:


- 1) Belum adanya kurikulum standard sebagai panduan guru dalam mengajar di sekolah. Kurikulum yang dijalankan adalah kurikulum yang diubah suai daripada kurikulum nasional sehingga dalam pelaksanaannya perlu diikuti keperluan dan tuntutan semasa.

- 2) Guru kurang menguasai kurikulum pembelajaran bahasa Aceh sehingga dalam pelaksanaannya, guru cenderung hanya berpanduan kepada kurikulum pelajaran yang sedia ada. Mereka percaya bahawa kurikulum pelajaran yang dikemas kini oleh sekumpulan penulis bahasa Aceh dianggap sudah bersesuaian dengan kurikulum yang dikehendaki.
- 3) Terdapat sebahagian kecil daripada jumlah guru bahasa Aceh yang tidak menyiapkan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) kerana mereka tidak diberikan silibus oleh sekolah. Guru mengembangkan sendiri silibus mata pelajaran tempatan bahasa Aceh bersama guru-guru dari sekolah lain yang sama kadar pengajarannya dengan merujuk pada standard isi yang terdapat dalam kurikulum yang sedia ada. Kegiatan ini dapat dilakukan dalam sebuah musyawarah guru mata pelajaran (MGMP) sehingga kekurangan-kekurangan yang dialami guru dapat diatasi.
- 4) Ketersediaan buku rujukan bahasa Aceh masih kurang, pengetahuan guru juga masih sangat terbatas. Tambah lagi masih minimumnya ketersediaan bahan bantu mengajar dalam bentuk media pengajaran bahasa Aceh.
- 5) Kekurangan buku bacaan bahasa Aceh sangat dirasakan oleh guru, baik sebagai buku utama mahupun sebagai penyokong pembelajaran. Halangan inilah yang menyebabkan guru-guru yang mengajarkan bahasa Aceh di sekolah berinisiatif membahagikan buku-buku teks bahasa Aceh kepada pelajar secara berkongsi atau membuat salinan.
- 6) Kamus bahasa Aceh belum tersedia lengkap di perpustakaan sekolah. Guru-guru mengalami kesulitan dalam menjawab soalan pelajar berkenaan dengan erti kosakata tertentu dalam bahasa Aceh. Oleh itu, keperluan kamus bahasa Aceh adalah sangat

penting dan perlu dalam menyokong pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh. Oleh itu, pihak sekolah dan pejabat kementerian pendidikan di Aceh perlu membantu mengatasi soalan yang dialami oleh guru ini.

4.5 Kesimpulan

Bab empat ini secara keseluruhannya telah menjelaskan dapatan kajian mengenai pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh berazaskan konteks, input, proses dan produk. Dapatan kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian telah mendapati bahawa dapat dibuat satu generalisasi terhadap pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh secara khusus. Keseluruhannya dapat diperhatikan dalam Rajah 4.14 di berikut ini.



Rajah 4.14: Rumusan Keseluruhan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji perbincangkan mengenai ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan. Perbincangan dapatan kajian dilakukan dengan membuat rumusan kajian dan menjawab soalan kajian. Penyelidik juga mengemukakan beberapa cadangan umum bagi menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam melaksanakan kurikulum pada pembelajaran bahasa Aceh.

5.2 Ringkasan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memperoleh data yang berkait erat terhadap pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Data yang diperoleh daripada hasil kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat untuk meningkatkan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh. Sekaligus melalui dapatan kajian ini dapat meningkatkan kualiti di samping membuat penambahbaikan daripada pelbagai golongan yang terbabit dalam memperbaiki pembelajaran bahasa Aceh.

Kajian ini berasaskan kepada empat persoalan utama, iaitu pertama, adakah kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan berbahasa Aceh bagi pelajar peringkat SMP Kota Banda Aceh? Kedua, adakah terdapat kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada peringkat SMP di Kota Banda Aceh? Ketiga, adakah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di SMP selari dengan

kurikulum tempatan bahasa Aceh? Keempat, bagaimanakah pencapaian pelajar setelah mengikuti pembelajaran dengan kurikulum tempatan bahasa Aceh?

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian deskriptif. Data kajian diperoleh melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Huraian dan penafsiran data dilakukan melalui tema dan subtema. Data ditadbir dan diuruskan melalui perisian Nvivo. Seterusnya data yang telah ditranskripsikan dikodkan dan disusun mengikuti tema dan subtema. Kemudian dapatan kajian ini seterusnya dilaporkan, diperbincangkan dan dibentangkan dalam bab lima.

Dalam aspek pengumpulan data kaedah pertama yang digunakan penyelidik adalah mengumpulkan data melalui kaedah temu bual dengan peserta kajian secara tidak terstruktur. Peserta kajian terdiri daripada sembilan orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Kedua, penyelidik mengumpulkan data melalui pemerhatian yang dilakukan dengan rakaman video, dan catatan pengkaji. Ketiga, penyelidik menganalisis dokumen yang diperoleh daripada peserta kajian. Dokumen-dokumen yang dianalisis terdiri daripada Buku Rancangan Pengajaran Harian, silibus, dan kandungan buku pembelajaran untuk pelajar dan kandungan buku panduan untuk guru.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini merangkumi keseluruhan dapatan kajian yang selaras dengan objektif kajian. Secara amnya kajian ini ingin mengenal pasti pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada SMP Negeri di Kota Banda Aceh. Dalam mencapai tujuan tersebut, beberapa objektif khusus telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu (a) mengenal pasti sejauh

manakah kurikulum tempatan bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan kepada pelajar SMP Negeri Kota Banda Aceh, Provinsi Aceh, (b) mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kandungan isi pelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Tempatan Bahasa Aceh di Provinsi Aceh, (c) mengenal pasti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh yang dilaksanakan di SMP Negeri Kota Banda Aceh selari dengan kurikulum tempatan bahasa Aceh, dan (d) mengenal pasti kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh pada pelajar peringkat SMP Negeri di Kota Banda Aceh.

5.3.1 Kurikulum Bahasa Aceh Memberi Pengetahuan Berbahasa Aceh kepada

Pelajar

Kegiatan kurikulum bahasa Aceh dapat memberi pengetahuan berbahasa Aceh kepada pelajar dan dapat diuraikan melalui tiga persoalan utama iaitu, kurikulum bahasa Aceh selaras dengan kurikulum nasional, kurikulum bahasa Aceh dapat melahirkan pelajar yang mahir berbahasa Aceh, dan objektif penghantaran pengajaran bahasa Aceh. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kurikulum bahasa Aceh dapat memberikan pengetahuan tambahan berbahasa Aceh kepada pelajar. Dari hasil temu bual yang dijalankan terhadap sembilan peserta kajian di SMP Negeri di Kota Banda Aceh didapati bahawa tiga sub tema yang merangkumi kurikulum bahasa Aceh selaras dengan kurikulum nasional Indonesia, pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh, dan objektif pengajaran bahasa Aceh di Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah Pertama (SMP).

Kurikulum tempatan bahasa Aceh bersesuaian dan selaras dengan kurikulum nasional Indonesia. Kesesuaiannya meliputi konsep matlamat, isi kandungan, dan struktur. Hal ini disokong melalui hasil pemerhatian yang dijalankan dan analisis kajian dokumen yang telah dilakukan. Kurikulum bahasa Aceh dijalankan oleh semua guru yang mengajar bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh. Mereka menyatakan bahawa kurikulum ini amat bersesuaian dengan kurikulum nasional iaitu kurikulum bahasa Indonesia. Dalam pelaksanaannya di sekolah, kurikulum tempatan bahasa Aceh disesuaikan dengan sesebuah kawasan atau kepentingan daerah. Kandungan pembelajaran tersebut merangkumi pengenalan pelbagai ciri khas sesebuah daerah dan bukan sahaja kemahiran, kerajinan, tetapi penerapan konsep mengenai kebudayaan daerah legenda serta adat dan istiadat (Badruzzaman, 2002). Kurikulum ini bersesuaian dengan P & P bahasa Indonesia (Zaini dan Razali, 2001)

Berdasarkan kenyataan di atas, banyak usaha pembangunan kurikulum tempatan dilaksanakan sejajar dengan kurikulum tempatan yang sedia ada dan dilaksanakan oleh guru dalam bilik darjah (Fullan, 1991). Konsep pembelajaran Bahasa Aceh telah diarahkan dalam membantu meningkatkan kemampuan pelajar dalam berkomunikasi, menulis sastera, pantun sebagai satu lanjutan daripada pembelajaran di sekolah rendah. Selain itu, hasil berbahasa Aceh dengan baik dalam bentuk lisan dan tulisan dengan baik dapat menciptakan karya sastera yang setanding di peringkat menengah. Menurut pandangan M. Nuh (2013), pembelajaran bahasa tempatan mesti dilaksanakan secara berterusan di peringkat sekolah rendah sehingga menengah. Hal ini dapat dilihat daripada rumusan kompetensi pembelajaran seperti silibus, bahan bantu mengajar yang dicadangkan pihak sekolah untuk dijalankan oleh guru dan pelajar. Dalam kajian ini

terdapat tujuh kompetensi umum yang mahu dicapai dalam pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan tujuan kurikulum peringkat SMP.

Slamet (2012), menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Aceh dapat dilaksanakan di sekolah kerana ia bersesuaian dengan keperluan lingkungan masyarakat tempatan dan disokong oleh kehendak guru dan pelajar. Secara umumnya, pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh berfokus rapat kepada kecekapan guru dalam menghubungkan isi kandungan pelajaran dengan budaya pelajar seharian. Kemampuan berinteraksi secara lisan atau bertulis dapat membantu mempermudah pelajar dalam memahami makna pembelajaran yang dijalankan. Fungsi utama bahasa tempatan ialah memberikan kemudahan komunikasi antara guru dan pelajar sebagai bahasa pengantaraan pembelajaran (Ida Bagus, 2005).

Di samping itu, Mohd. Daud (1993) menyatakan bahawa kurikulum yang dilakukan oleh guru di bilik darjah selaras dengan konsep dasar kurikulum nasional. Pandangan Mulyasa (2006) untuk membolehkan sesebuah kurikulum yang digunakan selari dengan kurikulum nasional diperlukan guru yang berkemahiran dan diikuti dengan beberapa panduan yang jelas dan tepat. Di samping itu, sokongan daripada pihak kerajaan dan universiti dalam menjalankan proses pembelajaran di sekolah sangat diperlukan supaya dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai-nilai. Pembelajaran juga dapat menunjang pembangunan daerah dan dapat mengembangkan kandungan pelajaran muatan tempatan. Rusdi dan Agus (2004) menyatakan bahawa dengan adanya pembelajaran bahasa Aceh juga dapat meningkatkan nilai ekonomi yang tinggi di sebuah daerah sehingga pelajar tersebut dapat hidup berdikari, dan membantu ibu bapa dalam memenuhi konsep keperluan kehidupan. Dengan bahasa daerah juga, pelajar

dapat menambah ilmu pengetahuan serta kemahiran yang dipelajari dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, pelajar mendapatkan meningkatkan motivasi diri dalam mengekalkan budaya daerah dan lingkungan sekitar agar terhindar daripada keterasingan.

Kurikulum tempatan bahasa Aceh adalah bersesuaian dengan kepentingan daerah yang ada. Isi kandungan pembelajaran meliputi ciri khas daerah, bukan sahaja yang terdiri daripada kemahiran, kerajinan, tetapi juga manifestasi daripada kebudayaan daerah, legenda, serta adat istiadat. Secara rasminya kurikulum bahasa Aceh yang dijalankan oleh setiap guru adalah Kurikulum Berbasis Kompetensi Tahun 2004 (Departemen Pendidikan Nasional, 2006). Melalui kreativiti sekumpulan guru, kurikulum ini dikembangkan, diperluas dan diubah suai mengikut objektif kurikulum nasional (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan 2013). Walaupun secara rasmi kurikulum tidak diubah, teknik aplikasi guru sudah diselaraskan dengan kurikulum berkenaan (Faridah Hanum, 2011).

Kurikulum Bahasa dan Sastera Aceh adalah berorientasikan kepada hakikat pembelajaran bahasa iaitu belajar bahasa adalah belajar berkomunikasi dan belajar sastera yang bermaksud menghargai manusia dengan nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu, pembelajaran bahasa Aceh diarahkan dalam meningkatkan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Aceh, baik secara lisan mahupun secara tertulis supaya dapat mewujudkan penghargaan terhadap hasil karya manusia. Menurut Departemen Pendidikan Nasional (2006) objektif dan kandungan pembelajaran serta pencapaian kemahiran berbahasa adalah sama, iaitu sebagai alat komunikasi dalam berinteraksi.

Kesimpulan yang dapat dilakukan bahawa kurikulum yang digunakan di sekolah selaras dengan objektif pembelajaran bahasa Aceh di SMP Provinsi Aceh, iaitu tercapainya empat kemahiran berbahasa. Keempat-empat kemahiran berbahasa yang patut dicapai adalah kemahiran membaca, mendengarkan, menulis dan bertutur (Budiman, 2000).

5.3.2 Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh

Sejajar dengan pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Aceh di sekolah menengah didapati mempunyai beberapa kekurangan seperti kekurangan buku panduan, susunan kandungan pelajaran dalam bahasa Aceh dan kekurangan buku rujukan. Dari sudut pengetahuan guru juga mempunyai dalam kelemahan pelaksanaan pembelajaran di bilik darjah seperti guru kurang keyakinan kerana tidak pernah mengikuti bengkel pembelajaran bahasa Aceh (Siti Fatimah, 2010). Menurut Wildan (2005), sesetengah SMP Kota Banda Aceh kekurangan guru bahasa dan buku rujukan yang menjadi faktor kelemahan dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh.

Dari segi kelebihan dalam pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh, guru bahasa Indonesia yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengajar melebihi lima tahun. Pihak kerajaan memberi sokongan melalui jawatan pendidikan dalam melatih guru bahasa Aceh agar dapat mengajar bahasa Aceh dengan baik di dalam bilik darjah. Menurut pandangan Budiman (2000), guru dapat berkongsi dengan pihak universiti dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru dalam bilik darjah.

Hasil daripada data penyelidikan menunjukkan bahawa kemudahan buku dan bahan rujukan mata pelajaran bahasa Aceh adalah masih kurang mencukupi. Disebabkan itu,

usaha tambahan bahan rujukan yang lain adalah perlu dan perlu perhatian. Ini kerana, semakin banyak bahan rujukan yang ada akan dapat membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam berbahasa. Johnson (1991) menyatakan bahawa untuk mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap sesuatu produk yang dihasilkan. Untuk memastikan kepuasan setiap pelajar, pihak sekolah harus menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang lengkap. Sekolah juga perlu melengkapkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan pengetahuan tentang bahasa seperti buku tata bahasa, ejaan dan peristilahan, kamus, dan lain-lain. Penyediaan kelengkapan dan rujukan yang mencukupi dan selesa membolehkan (P & P) lebih berkesan. Hasil kajian ini mempunyai persamaan terhadap kajian yang dijalankan Muhammad Nordin (2011) yang mendapati bahawa bahan rujukan perlu dipelbagaikan dan mencukupi dalam membantu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan buku teks telah disediakan pada minggu pertama awal persekolahan. Kandungan buku teks disusun mengikut topik P&P, dan sangat membantu guru bahasa Aceh (GBA) dalam pengajaran. Guru bahasa Aceh selalu menggunakan buku teks tersebut semasa mengajarkan bahasa Aceh. Namun, buku teks tersebut amat sukar difahami oleh pelajar yang berbahasa Indonesia bukan bahasa Aceh. Hal ini disebabkan penggunaan kosa kata dan istilah dalam buku teks belum difahami oleh pelajar. Disebabkan oleh itu pelajar mengalami kesukaran dalam memahami buku teks tersebut.

Hasil kajian juga mendapati bahawa susunan topik dalam buku teks disusun mengikut sukatan pelajaran tetapi isi kandungan buku teks yang disediakan dalam bahasa Aceh menyebabkan pelajar yang lemah bahasa Aceh tidak dapat menggunakan dengan

sebaiknya. Guru mencadangkan pengkhususan masa khas dalam membantu pelajar yang tidak boleh membaca bahasa Aceh. Penyelidik dapat merumuskan bahawa buku teks atau buku pelajaran bahasa Aceh di SMP disediakan dengan secukupnya dalam pembelajaran guru terhadap pelajar.

Dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh di sekolah menengah pertama (SMP), peruntukan masa yang diberikan adalah 4 jam dalam seminggu iaitu 40 minit untuk setiap jam. Guru mampu melaksanakan sukatan dan menghabiskan silibus pembelajaran mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian pendidikan. Hasil kajian ini mempunyai persamaan oleh kajian Fawzia (1990) yang menyatakan bahawa susunan jadual waktu yang sistematik dan tersusun akan melicinkan proses P & P dan kurang memberikan masalah kepada guru yang ada. Terdapat juga guru yang tidak berpuas hati dengan peruntukan waktu pengajaran yang disediakan oleh pihak sekolah kerana adalah terlalu singkat.

Seterusnya, tahap pengetahuan guru dalam asas pendidikan adalah penting dalam P & P bahasa Aceh. Dapatan kajian juga mendapati bahawa aspek pengetahuan asas pendidikan bahasa Aceh secara keseluruhan berada di tahap sederhana iaitu dari segi pengetahuan teori pengajaran, tingkah laku manusia, psikologi pendidikan, dan asas pengetahuan profesional perguruan. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan terhadap kajian Muhammad Nordin (2011) bahawa guru di sekolah dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka tetapi mereka kurang menggunakan teori pengajaran dan menerapkan aspek psikologi pendidikan dalam pengajaran. Ini disokong oleh kenyataan Rozi (2007) yang menyatakan juga bahawa guru hanya mengajar mata pelajaran yang

ditugaskan kepada mereka, namun guru tidak menerapkan aspek psikologi dalam pengajaran mereka sehingga pelajar bosan dan tidak minat untuk belajar.

Oleh itu, sebahagian guru telah menguasai kurikulum kebangsaan dan kurikulum tempatan bahasa Aceh, tetapi ada sebahagiannya dapat menjalankan P&P bahasa Aceh dengan berpandukan pada buku pelajaran sahaja. Guru secara amnya memahami bidang asas pendidikan, memahami teori pembelajaran, mengetahui dan memahami bidang pedagogi, dan berkemampuan mengaplikasikan strategi serta kaedah pembelajaran bahasa Aceh yang baik. Hasil kajian ini, adalah selari dengan kenyataan Hamza dan Griffith (2006) yang menyatakan bahawa guru yang menjalani bengkel di maktab perguruan telah diberi pendedahan yang lebih banyak dan luas serta mempunyai kemahiran dalam mata pelajaran semasa. Permasalahan utama guru di waktu ini adalah mereka masih tidak dapat mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran di sekolah serta kurang keyakinan mengajar disebabkan oleh kurang pendedahan latihan dan kemahiran.

Guru adalah elemen yang amat penting dalam meningkatkan hasil pengajaran di sekolah. Guru yang terlatih dan bertanggung jawab dalam pengajaran bahasa Aceh merupakan sebahagian daripada keberhasilan pengajaran itu sendiri tetapi sehingga sekarang kebanyakan sekolah belum memiliki guru yang seperti diharapkan. Kajian ini selari dengan kenyataan Carpenter (1998) bahawa persediaan dari sudut pengetahuan asas memainkan peranan yang penting dalam proses P & P kerana guru yang kekurangan pengetahuan sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapinya. Oleh itu, guru haruslah diberi pendedahan mengenai ilmu pengetahuan asas pendidikan

dari semasa ke semasa agar mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi tersebut semasa mengajar di bilik darjah.

Kandungan kurikulum yang terdapat dalam mata pelajaran bahasa Aceh di universiti yang akan menyediakan guru bahasa Aceh untuk sekolah. Mata pelajaran yang disediakan adalah untuk menyediakan calon guru untuk memahami serta mengajarkan bahasa Aceh dengan baik. Oleh itu, huraian di atas dapat menunjukkan bahawa pengetahuan kita bahawa pada masa ini tidak ada sebuah institusi lembaga pendidikan guru di Aceh yang khusus dalam mengajarkan bahasa Aceh. Tambahan pula kebanyakan guru sekolah kurang berminat atau merasa tidak merasakan satu berkewajiban dalam mengajarkan pelajaran ini. Oleh itu, keperluan terhadap peraturan pemerintah dalam bentuk peraturan gabenor adalah perlu dalam menjadikan bahasa Aceh sebagai mata pelajaran wajib diajarkan di sekolah rendah dan menengah. Hasil kerja guru hendaklah dihargai sebagai tugas wajib sama seperti mengajarkan mata pelajaran yang lain.

Guru bahasa Aceh perlu diberi pendedahan berbentuk bengkel, seminar dan kursus pendek yang berkaitan dengan kaedah pedagogi bestari yang terkini supaya dapat mengaplikasikan di dalam kelas dalam mempelbagaikan kaedah mengajar. Kajian ini selari dengan kajian Berliner (2005) yang mendapati bahawa untuk memperolehi kecemerlangan dalam P & P pihak guru perlu meningkatkan tahap kemahiran kaedah mengajar dan mempelbagaikan kaedah pengajaran.

Dalam proses belajar kaedah mengajar, kehadiran alat bantu mengajar adalah cukup penting. Bahan yang tidak jelas dapat dibantu melalui media atau alat bantu pengajaran

sebagai perantara. Komunikasi bahan yang tidak jelas akan disederhanakan dengan bantuan bahan bantu mengajar (Berliner, 2005). Bahan bantu mengajar dapat membantu apa yang kurang guru ucapkan melalui kata-kata atau ayat-ayat yang tertentu. Bahkan ringkasan kandungan pelajaran dapat diperjelas dengan kehadiran media atau alat bantu mengajar.

Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa tahap kecekapan guru dalam menggunakan alat bantu mengajar adalah kurang memuaskan. Terdapat guru yang memerlukan bantuan orang lain dan kurang mahir dalam menggunakan alat bantu mengajar semasa mengajarkan bahasa Aceh. Guru perlu diberikan pendedahan, kursus multimedia dan cara menggunakan alat bantu mengajar tersebut. Dapatan hasil kajian ini bersesuaian dengan kajian Katz dan Rath (1985) yang mendapati bahawa guru yang kurang berkemahiran dalam bidang ICT menyebabkan pengajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar tidak tercapai. Oleh itu, media sebagai alat dalam membantu sumber belajar merupakan alat bantu audio, visual, dan audiovisual. Penggunaan ketiga-tiga jenis sumber belajar ini adalah secara baik dan harus disesuaikan dengan perumusan tujuan pembelajaran, dan dengan kompetensi guru itu sendiri.

Sebagai kesimpulan, seorang guru hendaklah memahami bahawa setiap pelajar merupakan individu khas serta mempunyai perilaku yang berbeza, latar belakang bahasa dan budaya yang berbeza. Disebabkan oleh keunikan ini maka peranan seorang guru harus ditingkatkan terhadap kemampuan pelajar. Kurikulum juga dapat digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan pembelajaran di sekolah yang beragam latar bahasa dan budaya dapat disatupadukan.

5.3.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh di SMP

Pada bahagian ini penyelidik mengkaji keyakinan diri guru dalam mengajar, melaksanakan pengajaran serta pembelajaran, penggunaan kaedah pengajaran, dan kecekapan terhadap (P & P) bahasa Aceh. Berkenaan dengan proses P & P muatan tempatan bahasa Aceh disesuaikan dengan keperluan kawasan. Guru menjalankan P & P dalam bilik darjah berasaskan keyakinan yang kukuh serta sokongan bahan bantu mengajar yang lengkap. Wandu (2005) menyatakan bahawa kecekapan guru mestilah disokong penuh oleh panduan pelaksanaan P & P seperti buku mengajar, kaedah pembelajaran dan penilaian.

Pandangan Amasaki (2013) bahawa pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh perlu ada dalam peningkatan kompetensi guru secara berterusan dan penyediaan buku yang berkualiti. Kurikulum bahasa Aceh yang diajarkan perlu berasaskan kepada keperluan pelajar sebagai sokongan dalam mempermudah pemahaman kandungan pelajaran. Pihak pentadbiran memberi sokongan untuk meningkatkan kurikulum tempatan secara pendekatan *monolitik* iaitu setiap mata pelajaran mempunyai autonomi masing-masing (Nauman, 2000).

Selari dengan kehendak itu, untuk menggabungkan keperluan masyarakat dengan tujuan pendidikan nasional perlu diusahakan agar kurikulum yang lebih bersepadu dan berstruktur. Budaya daerah dijalankan agar modal insan dapat membantu meningkatkan kualiti pelajar (Nora, 2000). Sehubungan itu, kajian mengenai kurikulum tempatan di peringkat sekolah menengah perlu dilakukan. Data pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh diperoleh dari temu bual dengan peserta kajian,

pemerhatian, dan dokumen. Huraian dilakukan secara serentak iaitu (i) keyakinan diri dalam mengajarkan bahasa Aceh merupakan data temu bual, (ii) pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh disokong data pemerhatian dan dokumen, (iii) kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran digunakan data temu bual, dan (iv) penggunaan kaedah pengajaran bahasa Aceh digunakan data temu bual dan pemerhatian. Guru telah menyediakan pembelajaran dengan baik dan menggunakan kaedah yang betul. Dalam hal ini pelajar tidak hanya sekadar mendengarkan maklumat yang disampaikan oleh guru, akan tetapi pelajar juga melihat apa yang dijelaskan oleh guru dan terakhir pelajar melakukan atau menggunakan langsung bahasa yang telah dipelajari untuk memperoleh kemahiran menggunakan bahasa dengan baik. Jadi, sifat kreatif dan semangat belajar daripada pelajar, aktif, bermotivasi, dan berterusan dalam menjalankan proses belajar mengajar yang berkenaan sehingga pembelajaran bahasa Aceh dapat diikuti oleh seluruh pelajar.

Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran di bilik darjah dilakukan dengan baik. Guru menggunakan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP) sebagai persiapan sebagai proses untuk mengajar. Data pemerhatian juga menjelaskan bahawa pelaksanaan pembelajaran mata pelajaran bahasa Aceh di bilik darjah terdiri daripada kegiatan awal, utama, dan penutup. Pada kegiatan awal, pengkaji mendapati bahawa guru melakukan pelbagai aktiviti pada bahagian ini di antaranya ialah guru menyediakan tempat duduk pelajar agar berkongsi buku teks dan dikongsi satu buku untuk dua orang pelajar. Hal ini dilakukan kerana jumlah buku teks yang tersedia tidak sebanding jumlah pelajar yang ada. Selepas itu, guru memulakan pembelajaran dengan menerangkan kandungan pengajaran yang akan dipelajari. Kegiatan awal juga dimulakan dengan berdoa, memeriksa kehadiran pelajar, memeriksa persediaan pelajar

dan bertanya kembali tentang pembelajaran pada pertemuan yang terakhir. Pada tahap ini juga, masa pembelajaran digunakan untuk menyediakan buku teks yang telah dibahagikan kepada semua pelajar. Apabila terjadi kekurangan buku penggabungan meja secara berkumpulan dilakukan masalah kekurangan buku itu wujud. Keadaan inilah yang menyebabkan guru tidak menggunakan masa secara berlebihan pada kegiatan awal agar masa yang ada cukup dalam menyelesaikan satu topik pengajaran.

Melalui pemerhatian yang dilakukan, pengkaji tidak melihat guru mengajukan persoalan tentang kandungan pembelajaran yang akan dipelajari sebagai usaha guru untuk memberikan gambaran awal kepada pelajar. Keadaan ini juga penting untuk merangsang pelajar untuk lebih fokus kepada proses pembelajaran yang akan diberikan. Selanjutnya, dalam konsep kegiatan utama, guru memberikan contoh atau kaedah mengenai cara pembacaan melalui buku teks yang disediakan dan meminta setiap pelajar membaca isi kandungan pelajaran tersebut. Kaedah ini dilakukan sejajar dengan kandungan mengajar iaitu membaca teks dan diteruskan melalui konsep perbincangan. Guru memberi tugas kepada pelajar berdasarkan pembacaan dan perbincangan teks yang telah dilakukan pada kegiatan sebelumnya. Kandungan pembelajaran yang digunakan oleh guru adalah berasaskan kepada kandungan pembelajaran yang ditetapkan dalam buku teks. Kandungan pembelajaran tersebut adalah berkait rapat dengan kehidupan seharian masyarakat Aceh secara am.

Berdasarkan data penyelidikan yang diperoleh mendapati bahawa guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar dalam membantu pelajar memahami isi kandungan pelajaran. Guru menggunakan kaedah melalui konsep soal jawab antara guru dengan pelajar. Kaedah ini dilakukan supaya setiap pelajar dapat mengingat tajuk dan

memahami isi kandungan yang ada dalam kandungan pembelajaran. Selain itu, hasil penyelidikan mendapati bahawa guru tidak menggunakan variasi suara dan pola interaksi dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh guru pada akhir kegiatan utama adalah memberikan tugas dan latihan kepada pelajar. Setiap pelajar diminta menjawab soalan yang terdapat pada bahagian *teunanyong* “pertanyaan” dan latihan di dalam buku teks. Guru juga turut mengulang kembali setiap pertanyaan yang diberikan dalam kegiatan inti dan perlu dijawab oleh pelajar untuk proses memahami dan mengingat. Pelajar tidak mengalami kesukaran dalam menjawab soalan yang diberikan kerana jawapan hanya berdasarkan bahan dalam buku teks. Sebagai contoh, guru menyoal dalam bentuk kosa kata dan jika persoalan tidak dapat dijawab, ia akan dijadikan sebagai gagasan dan latihan yang perlu dilakukan oleh pelajar.

Semasa kegiatan penutup ini juga, guru merangsang pemikiran pelajar dalam membuat kesimpulan daripada kandungan buku teks yang telah dipelajari. Pada akhir kegiatan ini, guru menamatkan proses pembelajaran melalui adab pengajaran Islam iaitu doa dan salam. Semua guru bahasa Aceh didapati menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah langsung, terjemahan, kumpulan, tanya jawab, pemberian tugas, latihan, ceramah dan lain-lain dalam membantu meningkatkan kefahaman oleh pelajar.

Kandungan buku pelajaran adalah bersesuaian terhadap kurikulum yang telah ditetapkan oleh individu yang mahir dalam bahasa Aceh sama ada yang bertugas di Pejabat Wilayah Provinsi Aceh mahupun di Pejabat Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh. Permasalahan seterusnya adalah isi kandungan buku teks yang digunakan adalah

tidak selari dan sejajar dengan perkembangan masyarakat Aceh di masa kini. Disebabkan oleh itu, dapat disimpulkan bahawa jika penggunaan buku sudah ditetapkan kaedah mengajar yang menjadi panduan guru dalam mengajar tidak menjadi isu dalam pembelajaran bahasa Aceh. Usaha yang perlu dilakukan adalah memperbanyak kuantiti buku teks yang bersesuaian dengan jumlah pelajar yang akan menggunakannya.

Berdasarkan huraian dan pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa kecekapan guru dalam mengajar dapat membantu pelajar untuk lebih aktif dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran untuk peningkatan penguasaan bahasa Aceh. Guru dilihat sebagai sudah mampu meletakkan diri sebagai teladan; guru telah mampu memberi contoh perilaku yang baik, terbuka, mengenal diri pelajar, dan memiliki kecekapan memberikan penyeliaan. Tambahan juga guru dilihat memiliki kemampuan dalam berintelektual, membantu, dan meningkatkan perkembangan terhadap pelajar. Di samping itu, guru memiliki dasar pengetahuan yang tinggi dan menyeluruh mengenai objektif pembelajaran dalam fasa pertumbuhan dalam menyampaikan maklumat.

Dalam kajian ini, guru merupakan individu yang ditugaskan dalam mengajar bahasa Aceh di sekolah. Masalah yang dialami oleh guru merupakan masalah yang paling penting dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah manakala ada guru yang terlatih, mahir dan bertanggung jawab dalam mengajarkan bahasa Aceh sudah merupakan kecemerlangan pembelajaran bahasa Aceh.

Melalui huraian di atas memperjelaskan bahawa pada masa kini tidak ada sebuah institusi pendidikan guru di Aceh yang melaksanakan pengajaran bahasa Aceh kepada pelajarinya secara khas. Jika di sekolah-sekolah pada masa ini wujud pentadbiran dalam

mengajarkan kembali bahasa Aceh kepada murid sekolah rendah (SD) dan sekolah menengah (SMP), dan wajar sekali apabila pengajaran ini tidak dapat dilakukan seperti yang diharapkan. Kebanyakan guru di peringkat SD dan SMP kurang berminat mengajar mata pelajaran ini. Oleh itu, perlu adanya perintah undang-undang khusus dari pemerintah daerah dijalankan untuk menguat kuasa peraturan daerah atau peraturan gabenor.

Terdapat perancangan oleh dua kepimpinan tinggi universiti negeri di Aceh bahawa akan diwujudkan jurusan Pendidikan Bahasa Aceh di Universitas Syiah Kuala dan Universitas Islam Negeri Banda Aceh. Justeru itu, amat penting dalam menjaga dan melestarikan atau mengekalkan penggunaan bahasa Aceh melalui lembaga pendidikan. Kurikulum tempatan perlu segera dinilai semula agar pembelajaran yang dijalankan di sekolah di Provinsi Aceh bersesuaian dengan peredaran semasa.

5.3.4 Pencapaian Pelajaran terhadap Pembelajaran Bahasa Aceh

Huraian kajian ini adalah berkaitan terhadap penaksiran, kemahiran sastera, penulisan dan membaca dalam bahasa Aceh dengan betul. Proses penaksiran (P & P) bahasa Aceh dilakukan secara berterusan dalam mengukur kemampuan pelajar, guru dan media yang digunakan. Melalui penaksiran secara berterusan dapat memberi bukti yang lebih komprehensif, sahih, autentik, dipercayai dan adil berbanding pengujian yang lain. Menurut Judith (1993), kepekaan guru dalam melakukan penaksiran secara berterusan dapat meningkatkan pencapaian setiap pelajar secara maksimum.

Penaksiran yang dilaksanakan pada akhir program pembelajaran itu, dapat membantu dalam menilai tingkat keberhasilan pelajar dalam belajar (*feedback*) bagi keseluruhan

komponen program yang telah disusun dan dilaksanakan. Secara khususnya tujuan penaksiran adalah untuk mengetahui dan menilai: (i) Kebenaran kaedah serta media dan sumber belajar yang digunakan, (ii) kesesuaian kandungan pembelajaran dan jenis kegiatan pembelajaran melalui perkembangan dan kemampuan pelajar, (iii) kesesuaian objektif yang telah dirumuskan dengan kandungan bahan pembelajaran dan kemampuan pelajar dalam mencapai objektif-objektif tersebut, dan (iv) kesesuaian prosedur dan alat peperiksaan yang telah disusun atau dikembangkan, baik dengan tujuan, isi kandungan, atau dengan tingkat kemampuan pelajar (Azizi, 2009).

Berasaskan hasil temu bual di atas, dapatlah dirumus bahawa pembelajaran bahasa Aceh yang dijalankan di SMP Kota Banda Aceh adalah bersesuaian dengan objektif pembelajaran berdasarkan kurikulum tempatan bahasa Aceh. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan oleh Parviz dan Mania (2009) yang menyatakan bahawa para pelajar memiliki kemahiran dalam membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Para pelajar juga memiliki kemahiran secara lisan, seperti kemahiran dalam bidang fonologi, morfologi, semantik, sintaksis dan pragmatik.

Kandungan pembelajaran morfologi bahasa Aceh telah dinyatakan dalam kurikulum bahasa Aceh. Kandungan bidang perangkaan kata ini diajarkan secara khas dalam pembelajaran bahasa Aceh. Hal ini selari dengan tuntutan kurikulum nasional iaitu kurikulum bahasa Indonesia. Pelajar akan mahir menulis ayat-ayat dalam bahasa Aceh apabila kaedah morfologi dapat diamalkan dengan baik (Departemen Pendidikan Nasional, 2006).

Bidang sintaksis merupakan unsur terbesar dalam tatabahasa. Sintaksis dalam bahasa Aceh boleh terbina daripada unit-unit tatabahasa yang lebih kecil seperti frasa, perkataan, dan morfem. Menurut Wildan (2010), bidang semantik merupakan bidang yang berkait rapat dengan makna atau erti.

Para pelajar juga memiliki kemahiran dalam membaca hasil karya sastera tersebut dan dapat memahami nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera Aceh. Hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa pembelajaran sastera dijalankan di bilik darjah melalui pembelajaran bahasa Aceh. Kandungan pembelajaran berkenaan meliputi pantun, puisi, syair, hikayat, cerita rakyat dan lain-lain. Hal ini bersesuaian dengan hasil kajian yang dijalankan Wildan (2005) bahawa pembelajaran sastera dijalankan di bilik darjah terhadap pelajar sekolah menengah dan mampu bersastera dengan baik. Mereka mampu menulis puisi, pantun, serta membaca hikayat dalam bahasa Aceh.

Pengkaji juga mendapati beberapa kelemahan yang terdapat dalam kandungan pelajaran yang digunakan diajarkan oleh guru dalam pembelajaran bahasa Aceh. Antara lain adalah kandungan pelajaran yang digunakan oleh guru tidak disusun berdasarkan objektif dan karakteristik pelajar. Setiap aktiviti pembelajaran perlu ada kandungan pembelajarannya. Oleh itu, jika objektif tidak jelas, guru tidak dapat merumuskan kandungan pelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan karakteristik pelajar. Bahan ajar atau kandungan pelajaran bahasa Aceh adalah sebagai bahan bantu alternatif yang membantu dalam proses belajar mengajar yang diambil sepenuhnya melalui buku teks yang sedia ada. Kandungan pelajaran bahasa Aceh tidak dapat disusun oleh guru bahasa Aceh dengan baik kerana mereka masih kekurangan pengetahuan mengenai tema-tema pembelajaran bahasa Aceh.

Pelajar memiliki kemahiran dalam bersastera dalam bahasa Aceh, seperti dalam menulis pantun dan puisi, membaca syair, membaca hikayat dan memahami cerita rakyat yang dituliskan dalam bentuk bahasa Aceh. Para pelajar juga memiliki kemahiran dalam membaca hasil karya sastera Aceh dan dapat memahami nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera Aceh tersebut.


Selanjutnya, hasil pemerhatian juga menunjukkan bahawa pembelajaran sastera dijalankan di bilik darjah dalam aktiviti pembelajaran bahasa Aceh. Antara lain kandungan pembelajarannya adalah pantun, puisi, syair, hikayat, cerita rakyat dan lain-lain. Hasil daripada data analisis dokumen mendapati bahawa pada perancangan pembelajaran yang dibuat oleh guru terdapat rumusan pembelajaran yang menghuraikan kandungan sastera. Demikian juga dalam buku pelajaran pula ada kandungan yang dibincangkan sastera dalam bahasa Aceh.

5.4 Implikasi Dapan Kajian

Terdapat juga implikasi terhadap model yang sedia ada yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu model CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat dimensi utama yang menyumbang kepada kejayaan menilai sesuatu kurikulum seperti dalam dalam Rajah 4.1 di atas. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik membina suatu model penilaian pelaksanaan kurikulum untuk dijadikan penduan kepada penilai kurikulum, pereka bentuk kurikulum, pelaksana, guru, pentadbir, dan pelajar.

5.4.1 Implikasi Dapatan Kajian Berdasarkan Teoritikai

Terdapat juga implikasi terhadap model yang sedia ada yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu model CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat dimensi utama yang menyumbang kepada kejayaan menilai sesuatu kurikulum seperti dalam dalam Rajah 5.1 di bawah ini. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik membina suatu model penilaian pelaksanaan kurikulum untuk dijadikan panduan kepada penilai kurikulum, pereka bentuk kurikulum, pelaksana, guru, pentadbir, dan pelajar.



keterangan: ----- = sebahagian

Rajah 5.1. Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh

Berdasarkan model dalam Rajah 5.1 tersebut, untuk menghasilkan kurikulum berkualiti terdapat empat aspek yang perlu dinilai dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum iaitu kesesuaian kurikulum, sumber, pelaksanaan dan hasil kurikulum. Dengan adanya model penilaian kurikulum ini pihak perancang, pereka bentuk dan pelaksana kurikulum akan lebih yakin dalam melaksanakan sesuatu kurikulum di sekolah kerana mereka mempunyai suatu panduan yang memandu ke arah melaksana dan menilai kurikulum

yang berkualiti. Sebelum melaksanakan sesuatu kurikulum mereka boleh melihat dimensi kesesuaian kurikulum dengan falsafah pendidikan bangsa, matlamat dan objektifnya, sumber, pelaksanaan dan pencapaian hasil kurikulum.

Berdasarkan kepada dapatan kajian secara teoritikal (Rajah 5.1) didapati bahawa hanya terdapat dua aspek sahaja iaitu aspek perancangan dan pelaksanaan. Namun begitu, kedua-dua aspek ini hanya berlaku sebahagian sahaja di dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh. Hal ini memberi impak yang besar kepada kurikulum Bahasa Aceh sebagai bahasa tempatan di Aceh. Penjelasaannya adalah sebagai berikut.

Ditinjau dari segi perancangan bahawa KBA mengikut kurikulum nasional iaitu kurikulum yang sudah sedia ada. Penjelasan mengenai pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh (KBA) di SMP Negeri Kota Banda Aceh adalah mengikuti empat aspek iaitu pelaksanaan KBA dari segi konteks, input, proses dan produk. Huraianannya sebagai berikut.

a) Pelaksanaan KBA dari segi Konteks

Penilaian terhadap pelaksanaan KBA dari dimensi konteks di sekolah menengah di Kota Banda Aceh merangkumi aspek kesesuaian KBA dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat dan objektif KBA. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KBA yang telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah menengah bersesuaian dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat dan objektif pengajaran bahasa Aceh.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan KBA di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelaksanaan KBA

merupakan suatu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dalam mewujudkan kemahiran berbahasa. Dapatan ini selari dengan hasrat KBA itu sendiri untuk melahirkan pelajar yang berilmu dan mahir berbahasa Aceh baik lisan mahupun tulisan. Jika Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat dipedomani dan dihayati sepenuhnya dalam semua aspek pendidikan, sudah pasti sekolah mempunyai potensi melahirkan pelajar memiliki ilmu dan kemahiran. Jadi, dalam pelaksanaannya KBA di SMP Kota Banda Aceh adalah bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan yang dilaksanakan. KBA merangkumi keseluruhan kandungan sukatan pelajaran untuk melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran dalam berbahasa Aceh.

Kajian ini juga mendapati secara keseluruhan bahawa pelaksanaan KBA di SMP Negeri Kota Banda Aceh adalah sesuai dan menepati objektif Pengajaran Bahasa Aceh yang sedang dilaksanakan sekarang. Dapatan kajian juga menunjukkan kejayaan dalam pelaksanaan KBA di sekolah bergantung kepada guru sebagai pelaksana untuk merealisasikan objektif KBA. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa berdasarkan dapatan kajian di atas, pelaksanaan KBA di sekolah menengah adalah bersesuaian dengan objektif pengajaran bahasa Aceh dan berimplikasi kepada teori pembelajaran.

b) Pelaksanaan KBA dari segi Input

Penilaian input dalam kajian ini adalah tertumpu kepada sumber-sumber yang terlibat bagi mencapai matlamat dan objektif KBA. Aspek-aspek yang dikaji yang menjadi sumber kepada pelaksanaan KBA di sekolah menengah terdiri daripada dua komponen iaitu kemudahan-kemudahan seperti bilik darjah, buku teks dan peruntukan waktu,

manakala komponen kedua ialah aspek pengetahuan GBA dari segi pengetahuan asas pendidikan, pedagogi dan pengetahuan dan kemahiran berbahasa Aceh serta keupayaan menggunakan BBM dan tahap keyakinan diri GBA.

Dapatan kajian bagi aspek kemudahan dari pusat sumber sekolah menunjukkan bahawa di sekolah tersebut memiliki bahan rujukan yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. Buku-buku dan bahan-bahan rujukan di sekolah yang berkaitan dengan mata pelajaran bahasa Aceh tidak mencukupi, baik dari segi bahan rujukan tambahan terutamanya bahan-bahan yang berkaitan dengan pengetahuan am bahasa daerah.

Kemudahan buku teks pula didapati secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang kurang, buku teks telah tersedia pada minggu pertama persekolahan, kandungan buku teks disusun mengikut topik P & P, buku teks amat membantu GBA dalam pengajaran dan guru selalu menggunakan buku teks semasa mengajar. Namun, buku teks sukar dibaca dan difahami oleh pelajar yang berlatar belakang bahasa ibu bukan bahasa Aceh. Susunan topik dalam buku teks mengikut sukatan pelajaran, akan tetapi buku teks yang disediakan dari segi kuantiti masih kurang. Penyelidik dapat merumuskan bahawa kemudahan buku teks di sekolah menengah disediakan dengan sewajarnya, susunan mengikut topik dan guru selalu menggunakannya semasa mengajar, akan tetapi bagi pelajar dan guru yang bukan penutur asli bahasa Aceh akan mengalami kesulitan memahami buku teks bahasa Aceh.

Tahap pengetahuan pedagogi bagi guru pula dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Guru kurang mampu

mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam sesi P & P, kurang bersedia mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar dan kurang mampu mempelbagaikan teknik, pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai kepada pelajar. Guru perlu diberi pendedahan berbentuk bengkel, seminar, kursus pendek berkaitan dengan kaedah pedagogi yang terkini supaya dapat mengaplikasikan dalam kelas dan dapat mempelbagaikan kaedah mengajar. Guru juga menyatakan bahawa sebenarnya mereka mengaplikasikan pelbagai kaedah pedagogi semasa mengajar akan tetapi mereka tidak tahu istilah kaedah apa yang digunakan itu. Secara keseluruhannya mendapati bahawa tahap pengetahuan bahasa Aceh guru berada pada tahap memuaskan kerana kebanyakan mereka berpengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Aceh melebihi 10 tahun, malah ada dalam kalangan mereka tidak perlu merujuk buku semasa mengajar. Ada pula di antara mereka menjadi pakar dalam mata pelajaran bahasa Aceh. Ini menunjukkan bahawa guru menguasai kandungan dan pengetahuan bahasa Aceh dengan sepenuhnya.

Selanjutnya, guru berminat menggunakan multimedia dalam P & P bahasa Aceh kerana mereka mendapati penggunaan bahan multimedia ini dapat menarik minat pelajar untuk belajar, akan tetapi kebanyakan guru kurang mahir dalam menggunakan bahan multimedia dan masih memerlukan pertolongan dan bantuan orang lain untuk memasang BBM tersebut. Guru perlu diberikan pendedahan kursus multimedia dan cara memasang BBM dengan baik.

Selanjutnya, keyakinan diri guru bahasa Aceh semasa mengajar, tanggungjawab dalam tugas guru, sabar, bersemangat, mengadakan program, mesra dengan pelajar, memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah dalam kelas adalah sangat baik. Guru menyatakan kurang bersemangat mengajar terutama menghadapi pelajar yang lemah dalam

berbahasa Aceh. Justeru itu, untuk menambahkan keyakinan diri mereka perlu mengadakan pelbagai aktiviti dan program supaya menarik minat pelajar terhadap pelajaran bahasa Aceh. Guru juga menyatakan telah berusaha sepenuhnya untuk mengubah tingkah laku pelajar dan mengajar bahasa Aceh dengan penuh yakin, sabar, bersemangat, mesra dan memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah di dalam kelas. Faktor pengalaman juga mempengaruhi keyakinan guru bertambah kuat.

c) Pelaksanaan KBA dari segi Proses

Penilaian proses pelaksanaan KBA dalam kajian ini tertumpu pada proses yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat KBA. Ia berfungsi dalam keputusan yang berhubung kait dengan proses pelaksanaan kurikulum dan maklumat perlu diketahui dari semasa ke semasa untuk mengawasi pelaksanaan kurikulum. Aspek-aspek yang dinilai ialah pelaksanaan P & P bahasa Aceh, penggunaan BBM, pemantauan yang dijalankan, pelaksanaan penilaian, hubungan guru dengan pelajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir.

Kajian ini mendapati bahawa pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dengan kawalan kelas yang baik, mewujudkan kesediaan belajar, menarik perhatian, bersungguh-sungguh, melaksanakan pengajaran mengikut langkah-langkah perancangan, mengadakan sesi soal jawab serta menamatkan sesi pengajaran dengan rumusan yang baik. Guru juga menjelaskan bahawa sebelum memasuki kelas, guru telah melakukan persediaan mengikut perancangan berdasarkan sukatan yang ditetapkan oleh pihak Majlis Pendidikan Daerah (MPD). Hal ini penting supaya tahap keyakinan diri guru semakin bertambah. Guru juga sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal

jawab dan menggalakkan pembelajaran secara aktif di dalam kelas. Kesimpulannya bahawa proses P & P berlaku dengan baik, di mana sebelum memasuki kelas guru bahasa Aceh telah melakukan persediaan rancangan mengajar yang rapi terlebih dahulu dan sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab serta menggalakkan pembelajaran secara aktif di dalam kelas semasa proses P & P berlangsung.

Guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini dan BBM digunakan mengikut kesesuaian topik yang diperlukan serta mengikut keperluan pelajar. Guru juga menggunakan BBM mengikut topik keperluan pelajar.

Aspek hubungan guru dengan pelajar menunjukkan bahawa secara keseluruhannya adalah baik. Guru selalu membantu pelajar terutama pelajar yang bermasalah dan selalu berbincang dengan pelajar jika ada masalah. Dapatlah disimpulkan bahawa hubungan guru dengan pelajar berlaku dengan baik. Demikian juga proses melibatkan kerjasama guru dengan pihak pentadbir berjalan dengan baik. Guru selalu berbincang, mendapat maklumat terkini, sikap terbuka pentadbir dan selalu memberikan pengiktirafan jika guru ada menyumbangkan kepada pihak sekolah, namun terdapat juga guru yang kurang berpuas hati tentang layanan yang diberikan oleh pentadbir. Secara keseluruhan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan guru dengan pihak pentadbir di sekolah menengah berjalan dengan baik dan pentadbir sentiasa berkolaborasi dengan guru untuk mendapat maklumat terkini.

d) Pelaksanaan KBA dari segi Produk

Penilaian produk dalam kajian ini tertumpu kepada aspek-aspek impak pelaksanaan KBA terhadap pelajar, keberkesanan KBA dalam mencapai objektif pengajaran,

kemampuan KBA dalam pembentukan sikap positif pelajar dan kebolehpindahan KBA iaitu pengaplikasian dalam kehidupan seharian pelajar. Pelaksanaan KBA mempunyai impak yang tinggi di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran bahasa Aceh masih relevan dan penting bagi pembangunan keterampilan berkomunikasi dan menanamkan nilai-nilai dalam kehidupan kerana melalui bahasa daerah karakter mudah dibina.

5.4.2 Dapatan Kajian Kepada Praktikal

Dapatan kajian ini dapat memberi pengetahuan bagi pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di sekolah menengah. Guru bahasa Aceh merupakan sumber input yang paling utama dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di sekolah kerana kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada guru sebagai penjana, penggerak dan pencetus. Selanjutnya, untuk mengelola hasrat daripada falsafah kurikulum, matlamat dan objektif kurikulum bahasa Aceh dapat dijalankan berdasarkan kurikulum yang sedia ada. Sehubungan itu, dalam usaha menilai pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di sekolah, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di sekolah bagi mencapai apa yang dihasratkan sesuai dengan objektif dan matlamat bahasa Aceh. Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada semua pihak yang ikut melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di sekolah.

Kesesuaian matlamat dan objektif kurikulum amat penting dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Kurikulum yang dirancang dan dilaksanakan perlu bertepatan dan bersesuaian dengan matlamat dan objektif kurikulum itu untuk melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran. Sehubungan itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa kurikulum yang dihasratkan pada dasarnya harus mampu mencapai matlamat

dan objektif kurikulum. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kurikulum bahasa Aceh yang telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Kota Banda Aceh masuk kurang bersesuaian dengan hasrat kurikulum sedia ada.

Kajian ini telah memberikan suatu sumbangan yang sangat berharga kepada khazanah ilmu yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum yang berkualiti. Peranan guru sebagai pengajar dan pembimbing sangatlah besar. Guru mempunyai peranan yang besar untuk melahirkan pelajar yang memiliki pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang baik. Kajian ini mendapati bahawa kualiti guru masih perlu dipertingkatkan dengan menambahnya ilmu pengetahuan, terutama ilmu yang berkenaan dengan asas pendidikan, pedagogi. Apabila guru memiliki ilmu pengetahuan yang luas maka akan lahirlah pelajar-pelajar cemerlang yang sesuai dengan harapan matlamat dan objektif kurikulum bahasa Aceh.

Hasil kajian ini juga telah berjaya mencungkil bahawa kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan untuk melaksanakan kurikulum perlu dirancang mengikuti matlamat yang telah ditentukan. Kaedah yang digunakan harus dapat merangsang pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis sesuai dengan pengetahuan sedia ada pada pelajar. Kaedah yang berkesan dalam pembelajaran juga dapat membantu pelajar membina nilai yang baik dan sikap yang betul. Kebolehan berfikir pelajar perlu dilatih untuk mengembangkan dan melahirkan pendapat serta meluaskan minat yang bersesuaian dengan matlamat dan objektif kurikulum bahasa Aceh. Dengan kaedah pengajaran yang menarik pula akan melahirkan pelajar yang memiliki pengetahuan dan kemahiran berbahasa dengan baik.

Oleh itu, hasil daripada dapatan kajian ini merupakan suatu dapatan baharu yang amat bermakna kerana dapat menjumpai kelemahan dan kekuatan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh yang wujud di sekolah-sekolah menengah. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat dengan P & P bahasa Aceh hendaklah memberi perhatian dan bekerjasama guru dengan pentadbir. Pengawas pendidikan dan pengetua sekolah perlu menjalankan pemantauan dan penyeliaan pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di sekolah-sekolah menengah bagi memastikan arahan kementerian pendidikan perlu dipatuhi dan dijalankan sepenuhnya. Hal ini adalah penting untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam proses pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh.

Hasil kajian ini dapat digunakan pula sebagai langkah awal untuk membuat penambahbaikan agar kualiti kurikulum pada peringkat sekolah semakain terkawal. Tanpa pemantauan dan bimbingan berterusan, pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh tidak akan mencapai matlamatnya. Kelemahan-kelemahan yang ditemui dalam kajian ini dapat diperbaiki dan disempurnakan iaitu dengan mewujudkan program-program berbentuk kursus, dan bengkel kepada guru bahasa Aceh.

(a) Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Indonesia

Masalah peningkatan kualiti pengajaran merupakan masalah yang utama dan memerlukan perhatian daripada semua pihak. Pengkaji mengharapkan kesungguhan daripada pihak kerajaan, khususnya di bidang kementerian pendidikan agar dapat mengatasi segala permasalahan pendidikan yang ada. Pemerintah dapat dapat menjalankannya dalam bentuk yang jelas dan nyata dengan program-programnya, sehingga guru-guru yang ada tidak berselisihan pendapat dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Usaha yang dimaksud adalah surat keputusan rasmi dari

pihak pemerintah daerah dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh di sekolah. Hasil daripada usaha ini dijangkakan dapat meningkatkan laporan pencapaian pelajar SD, SMP, dan SMA dalam bahasa Aceh di masa hadapan. Seajar dengan itu, pengkaji berharap pada kementerian pendidikan memberikan perhatian kepada setiap sekolah secara berterusan dalam penggunaan bahasa tempatan iaitu bahasa Aceh. Oleh itu, sokongan daripada pihak kerajaan adalah perlu dalam mewujudkan jurusan pendidikan bahasa daerah di peringkat perguruan tinggi dalam menyediakan bakal guru yang berkemahiran dalam mengajarkan bahasa Aceh di peringkat SMP dan SMA.

Selanjutnya, bahagian sumber daya manusia di kementerian pendidikan dapat mengatur satu orientasi kursus dan latihan tentang bidang tugas guru, dan menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai bagi melahirkan guru yang berkualiti. Selain itu, Kementerian Pendidikan perlu pula menetapkan perguruan latihan untuk menambah baik sistem pendidikan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan menambah baik laluan kerja serta kebajikan guru dengan menaikkan taraf guru-guru yang memiliki ijazah sarjana dan ijazah lanjutan kedoktoran. Hal ini dapat menggalakkan para guru menambahkan ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat serta melonjakkan sistem pendidikan bertaraf nasional dan internasional.

(b) Implikasi Kepada Majlis Pendidikan Daerah Aceh

Majlis Pendidikan Daerah dan Sekolah seharusnya bersama-sama berganding bahu memainkan peranan yang paling utama dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh. Hal ini kerana bahasa Aceh merupakan mata pelajaran muatan tempatan yang dalam pelaksanaannya di sekolah atas sokongan MPD, bahkan ada kecenderungan untuk

dihilangkan oleh pihak Kementerian Nasional Indonesia. Oleh itu, pengurusan dan pentadbiran dalam pelaksanaan KBA ini perlu dinaiktarafkan ke atas pemimpin dalam KBA iaitu Pendidik dan GBA dengan mengadakan pelbagai-bagai kursus dan bengkel.

Selain itu, MPD dapat memberi orientasi yang menyeluruh dan komprehensif kepada pihak pentadbir yang terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan dan Guru Kanan mata pelajaran bahasa Aceh supaya mereka mendapat maklumat yang jelas tentang pelaksanaan KBA di sekolah seharian. Dengan ini memudahkan mereka untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam merancang dan membuat pemantauan, mengadakan latihan staf dan menentukan pelaksanaan proses P & P bahasa Aceh. Setelah hampir 23 tahun KBA ini dilaksanakan, seharusnya pihak MPD dapat merangka dan menggubal kurikulum yang terkini mengikut perubahan zaman.

(c) Implikasi Kepada Badan Pengawas Kurikulum

Pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh selalu harus dikawal dan dipantau. Badan Pengawas Kurikulum bertugas mengawal dan memberikan bimbingan kepada guru sehingga guru memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan P & P bahasa Aceh. Pengawalan yang berkesan akan menyadari bahawa pengawalan yang dilakukan harus sesuai dengan situasi dan kondisi guru yang dikawal. Selanjutnya, untuk dapat menjalankan tugas dan peranannya dengan baik, pengawal pendidikan harus selalu berupaya memperbaharui kefahamannya agar dapat terus melakukan pengawalan terhadap guru. Untuk melakukan pengawalan terhadap guru dalam melaksanakan P & P bahasa Aceh, pengawal harus memiliki kefahaman yang baik tentang pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh sehingga pengawal dapat memberikan sokongan bagi guru dalam perancangan dan pelaksanaan P & P bahasa Aceh. Pengawal pendidikan

harusl dapat membantu guru mengatasi perkara yang wujud dalam pelaksanaan P & P bahasa Aceh di bilik darjah.

(d) Implikasi Terhadap Guru Bahasa Aceh

Guru bahasa Aceh harus mampu menggabung kebolehan dan potensi diri ke arah suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Guru bahasa Aceh memiliki hubungan yang rapat dengan pejabat pendidikan untuk dapat memotivasi pelajar agar mereka mahu dengan selesa mengikuti mata pelajaran bahasa Aceh dan memperkembangkannya sehingga bahasa Aceh dapat digunakan sebagai alat komunikasi dalam kehidupan seharian. Oleh itu, adalah guru bahasa Aceh perlu memotivasi dan menyokong sepenuhnya pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh ini supaya pelajar akhirnya akan memperoleh ilmu dan amalan yang berguna. Guru juga perlu meningkatkan taraf dan kualiti P & P di bilik darjah dengan pelbagai kreativiti dan inovasi supaya pelajar dapat mencapai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Aceh iaitu mahir mendengarkan, bertutur, membaca dan menulis.

5.5 Rumusan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, melalui kaedah data temu bual, pemerhatian, ataupun analisis dokumen yang diperoleh terhadap pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh pada SMP Negeri Kota Banda Aceh adalah seperti berikut:

- 1) Kurikulum bahasa Aceh belum dapat memberikan pengetahuan berbahasa Aceh yang baik bagi pelajar SMP Negeri Kota Banda Aceh.
- 2) Terdapat kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh, terutama yang berhubungan dengan penyediaan alat bantu mengajar, pengetahuan guru yang

terbatas dalam pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh, dan penyediaan alat bantu mengajar atau media pengajaran Aceh.

- 3) Pembelajaran bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh sudah berjalan dan berada di tahap yang baik. Guru memiliki keyakinan diri dalam mengajarkan serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh dengan baik dan sesuai dengan madlmat kurikulum. Di samping itu, guru juga dilihat menggunakan berbagai-bagai kaedah ataupun bentuk pengajaran bahasa Aceh. Guru juga memiliki kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh.
- 4) Pentaksiran pembelajaran dilakukan secara berterusan. Para pelajar memiliki kemahiran bebahasa Aceh. Kemahiran yang dimiliki adalah kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, dan bersastera.

Berbagai-bagai halangan dialami oleh guru dalam mengajarkan bahasa Aceh sebagai mata pelajaran tempatan. Berikut ini dinyatakan beberapa halangan yang dihadapi:

- 1) Guru kurang menguasai kurikulum pembelajaran mengikut standard yang telah ditetapkan. Guru mata pelajaran bahasa Aceh ada yang belum menyusun panduan Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) kerana tidak disediakannya silibus ataupun panduan oleh sekolah. Mereka menyatakan bahawa mereka tidak mendapat panduan dalam teknik pelaksanaan pembelajaran muatan tempatan dari kementerian pendidikan.
- 2) Guru kekurangan bahan bacaan.

Buku bahasa Aceh dan bahan bantu mengajar mahupun bahan penyokong pembelajaran yang lain adalah masih kurang. Disebabkan kelemahan inilah yang

menyebabkan guru-guru sebagai pengajar bahasa Aceh di sekolah berinisiatif membahagikan buku teks kepada pelajar melalui kaedah secara pengkongsian atau dengan cara membuat salinan.

3) Kamus bahasa Aceh tidak disediakan di sekolah

Guru-guru mengalami kesulitan dalam menjawab pertanyaan pelajar mengenai erti kosa kata yang tertentu dalam bahasa Aceh. Untuk itu, keperluan terhadap kamus bahasa Aceh adalah sangat penting dalam membantu pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh.

5.6 Cadangan Kajian Selanjutnya

Hasil dapatan kajian juga dapat menjawab beberapa persoalan mengenai pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di peringkat sekolah menengah pertama (SMP) Kota Banda Aceh. Banyak soalan yang masih perlu dikaji pada masa akan datang. Oleh itu, beberapa kajian lain diperlukan dalam membantu aspek-aspek kajian yang belum diberi tumpuan dalam kajian ini. Berikut adalah beberapa cadangan yang diberikan untuk meneruskan kajian pada masa akan datang yang tertumpu dalam bidang ini.

- 1) Kajian ini dijalankan untuk menilai kurikulum tempatan bahasa Aceh pada peringkat SMP di Kota Banda Aceh dengan peserta kajian dihadkan kepada sembilan guru SMP yang mengajar bahasa Aceh sahaja. Kajian selanjutnya boleh dilakukan untuk mendapat data yang mewakili keseluruhan sekolah di Provinsi Aceh.

- 2) Kajian ini dijalankan pada pelaksanaan kurikulum tempatan bahasa Aceh menggunakan teori CIPP. Untuk kajian yang akan datang dalam menilai pelaksanaan sebuah kurikulum disarankan supaya menggunakan model penilaian yang terbaru dan lebih efektif kerana terdapat lebih banyak lagi model penilaian yang dihasilkan oleh pakar kurikulum.
- 3) Kajian ini dijalankan dengan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Untuk kajian yang akan datang dicadangkan dilakukan dalam kaedah kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian, dan dicadangkan penyelidikan yang akan datang dapat menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif sehingga hasilnya lebih akurat.

5.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab lima ini telah membincangkan mengenai ringkasan dapatan kajian, perbincangan hasil dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian selanjutnya untuk menambah baik dan memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti terhadap pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh. Maklumat daripada dapatan kajian dalam bab ini dapat memberikan idea dan membantu pakar-pakar kurikulum bahasa yang dapat mewujudkan sebuah kurikulum standard yang dapat diguna pakai untuk seluruh sekolah menengah di Provinsi Aceh. Diharapkan KBA di sekolah-sekolah akan terus menjadi mata pelajaran muatan tempatan dalam sistem Kurikulum Nasional. Untuk menjamin kelangsungan KBA ini dicadangkan pihak-pihak yang bertanggungjawab diminta supaya melaksanakan pemantauan dan penilaian pelaksanaan kurikulum Bahasa Aceh di sekolah secara berterusan.

RUJUKAN

- Abdul Raof & T. Subahan. (1990). *Isu-isu latihan mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Pengajian kurikulum*. Skudai Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar Kasim. (1990). *Panduan penyelidikan dalam sains sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar Nordin. (1986). *Asas penilaian pendidikan*. Petaling Jaya: Heinemann, Malaysia Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin. (1990). *Kurikulum: Perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abu Bakar Nordin. (1992). *Penilaian efektif*. Kuala Lumpur: Masa Interprise.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Abu Hassan. (1998). *Panduan penyelidikan dalam sains sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ade Kusnandar. (2007). *Panduan pengembangan multimedia pembelajaran*. Jakarta: Depdiknas.
- Ahamad Rahim, Abdul Razak Ahmad, & Anuar Ahmad. (2009). *Penilaian keberkesanan pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Sejarah sekolah menengah rendah tingkatan 2 di sekolah-sekolah menengah Semenanjung Malaysia*. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Gayoni, Y.U. (2010, Juli 3). Memartabatkan bahasa Aceh. *Koran Serambi Indonesia, Banda Aceh*.
- Al-Qubbaj, K. (2003). *The process of acculturation among Arabic children and their families in the United States: Some educational considerations*. (Unpublished Doctoral dissertations). New Mexico State University, New Mexico.

- Aminah, A., & Lee, M.N.N. (1994). *Strategi-strategi pembelajaran dan pencapaian sains dalam alam dan manusia: Satu kajian kes di Pulau Pinang*. Kertas kerja dibentangkan di The International Conference of Innovations in Educationan: Significance for teaching and learning; Pulau Pinang, Malaysia.
- Anna Kristina Abdullah. (1989). *Kepercayaan guru terhadap peranan mereka dalam proses perkembangan kurikulum*. Pulau Penang. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Anthony, J.B. (2008). *Teacher retention: Program evaluation of a beginning teacher and mentor program*. (Unpublished Doctoral dissertations). Gardner Web University, North Carolina.
- Annells, M. (1997). Grounded theory metod: Part 1. Within the five moment of qualitative research. *Nursing Inquiry*, 4, 120-129.
- Atkinson, J.W. & Lidwin, G.H. (1969). Achievement motive and test anxiety conceived as motive to avoid failure. *Journal Abnormal, Social Psyckology* 4, 52-63.
- Azmazaki. (2013). Implementasi kurikulum 2013 mata pelajaran bahasa Indonesia: Pola pikir, pendekatan ilmiah, teks (genre), dan penilaian otentik. *Proceeding of the international seminar on language and art*. Padang: FBS Universitas Negeri padang.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak di kalangan pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sarawak*. (Unpublished Doctoral dissertations). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azra, Azyamardi. (2002). *Jaringan global dan lokal Islam nusantara*. Cet.I, Bandung: Mizan.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 6(1)
- Azizi Jaafar. (2015). *Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam sekolah menengah berasaskan model context-input-process-product (CIPP)*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Azizi Yahya. (2001). *Penggunaan model konteks, input, proses dan produk (KIPP) dalam penilaian program pembelajaran sejauh manakah ia relevan?* Internasional Conference and Prospect in Teacher Education. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

- Azizi Yahya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariyah & Noordin Yahaya. (2007) *Pembangunan sendiri*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Azizi Yahya. (2009). Penggunaan model konteks, input, proses dan produk (KIPP) dalam penilaian mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah di Malaysia. *Journal Pendidikan*. 6. (2). 27-38. Johor: Fakulti Pendidikan Unversiti Teknologi Malaysia.
- Babbie, E. (2004). *The practice of social research (10th ed)*. Wesworth, United States: Thomson Learning, Inc.
- Badan Standar Nasional Pendidikan. (2006). *Panduan penyusunan kurikulum tingkat satuan pendidikan jenjang pendidikan dasar dan menengah*. Jakarta: BSNP.
- Badruzzaman Ismail (ed.). (2002). *Perkembangan pendidikan di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Majlis Pendidikan Daerah.
- Baker, T. L. (1999). *Doing social research*. Singapore: Mc Graw-Hill.
- Berliner, D. C. (2005). Laboratory setting and the study of teacher education. *Journal of Teacher Education*. 4. (2). 36-37.
- Bhola, H. S. (1998). Program evaluation for program renewal: A study of the national literacy program in Namibia (NLPN). *Studies in Education*. 24. (4). 303-330.
- Bolin, F. S. (199). *Teaching as a creaft: Teaching theory into practice*. USA: Allyn and Bacon.
- Bishop, G. (1985). *Curriculum development: A textbook for students*. London: Macmillan Publisher Ltd.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. 4th ed. United State of America: Group Inc.
- Borg, W.R. & Gall, M.D. (1983). *Educational research: An introduction*. Ed. Ke-4. New York: Longman In.
- Bramley, P. (1996). *Evaluation of training effectiveness: Benchmarking your training activity against best practice*. Ed ke-2. London: McGraw-Hill.
- Bryman, A. (2001). *Social research method*. New York: Oxford University Press.
- Budiman Sulaiman. (1986). *Tatabahasa Aceh*. Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

- Budiman Sulaiman. (2000). *Peulajaran bahasa Aceh*. Banda Aceh: Dinas Pendidikan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- Budi Sanjaya & Maimun Aqsha Lubis (2013). Penilaian pelaksanaan kurikulum tingkat satuan pendidikan (KTSP) berdasarkan Stake's countenance model bagi mata pelajaran bahasa Arab di madrasah aliyah CUPPI, Kota Jambi. *International Journal of Islamic Thought*. 4, 14-21.
- Carpenter, G. J. (1998). *Program evaluation practices in wilderness for youth at risk*. (Unpublished doctoral dissertations). University of Idaho.
- Cerino, L. (2009). *A qualitative study of at risk seventh grade's perceptions of scond step: A social emotional learning program*. (Unpublished doctoral dissertations). Walden University Minnesota.
- Chaiyot Ruangsuwan. (1986). *An evaluation of the undergraduate educational technology program at Sriphariwiroth University, Thailand*. (Unpublished doctoral dissertations). Northern Illinois University.
- Chan Yuen Fook. (2003). Pendekatan penilaian: Satu tinjauan dari aspek kesesuaiannya dalam penilaian program latihan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki* 13 (1): 65-81.
- Charil Marzuki. (1997). *Kajian sekolah berkesan di Malaysia: Model lima faktor*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charles, O. E. (2008). *Enhancing the thinking skill of pre-service teacher: A case study of Komenda teacher training college*. (Unpublished doctoral dissertations). Available from Proques Dissertations and Theses database.
- Cohen, L. & Manion, L. (1986). *Research methoths in education*. London: Croom Helm.
- Creemers, B.P.M. (1994). *The effective classroom*. London: Cassell.
- Creswell, J. W. (1985). *Qualitative design inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed). Thousand Oaks, California: Sage.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design, choosing among five traditions*. California: SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design quantitative, qualitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.

- Creswell, J. W. (2003). *Research design quantitative and mixed methods approaches*. (2nd ed). Thousand Oaks, California: Sage.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational design quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication. Inc.
- Creswell, J. W. (2013). *Educational research, planning, inducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Edisi ke-2. New Jersey: Pearson Education.
- Cronbach, L. J. (1982). *Designing of educational and social program*. <http://www.Education.Com/reference/article/cronbach-Iee-Joseph>. Akses (09 Ogos 2010).
- Curwood, M. R. (2004). *Competency based training and assessment in work place*. (Unpublished doctoral dissertations). Faculty of Education University of Melbourne.
- Denzim, N.K. (1998) *The research art: A theoretical introduction to sociological methods*. 2 ad. New York: McGraw Hill.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (1994). *Kurikulum muatan lokal bahasa Aceh*. Jakarta.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2004). *Manajemen peningkatan mutu berbasis sekolah, Buku 5, pembelajaran dan pengajaran kontekstual*. Jakarta: Depdiknas.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2006). *Peraturan pemerintah Republik Indonesia nomor 19 tahun 2005 tentang standar nasional Indonesia*. Jakarta: Depdiknas.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2010). *Laporan perkembangan kualitas lulusan sekolah di Provinsi Aceh*. Naskah tidak dipublikasikan. Banda Aceh, Indonesia.
- Dinas Pendidikan Kota Banda Aceh. (2010). *Kurikulum mutan lokal: Standar kompetensi dan kompetensi dasar mata pelajaran bBahasa Aceh*. Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Olahraga Kota Banda Aceh.
- Eggemen, E. (2008). *Perceived effectiveness of parent and teacher use of k-12 teacher web pages for enhancing communication in a Southern Rhode Island public school district*. (Unpublished doctoral dissertations). Johnson & Wales University, Rhode Island.
- Ervin, A. M. (2005). *The educational imagination: On the design and evaluation of school programs*. New York: MacMillan.

- Faridah Hanum. (2011). *Kurikulum muatan lokal: Standar kompetensi dan kompetensi dasar mata pelajaran bahasa Aceh*. Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Olahraga, Pemerinrah Kota Banda Aceh.
- Fatimah Tambi. (2009). *Penilaian pelaksanaan program pemulihan khas di sekolah-sekolah rendah di negeri Selangor daripada perspektif guru besar dan guru pemulihan khas*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Fatimah S. & Sam L.C. (2010). Analisis data kualitatif. Dalam Idris, N. (Eds), *Penyelidikan dalam pendidikan* (488-507). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Fauzan, A. (2002). *Applying realistic mathematics educations in teaching geometry in Indonesia primary school*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). University of Twente, Enchede.
- Ferda Tunc. (2010). *Evaluation of an English language teaching program at public university using CIPP model*. (Unpublished Doctoral dissertations). Middle East Technical University.
- Fowzia Osman. (1990). *Penilaian program peralihan kemahiran hidup (Pilihan B) tingkatan satu di Wilayah Persekutuan*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Fox, C.M., & Jones, J.A. (1998). Uses of rasch modeling in counseling psychology research. *Journal of Counseling Psychology*, 45 (1), 30-45.
- Fullan, M. (1991). *The meaning of educational change*. Teronto: Ontario Institute for Studies in Educations.
- Gall, M. G., Gall, J. P. & Borg, W. B. (1998). *Applying educational research*. New York: Longman Publishing Group.
- Gay, L. R. (2000). *Educational research: Competencies for analysis and application*. New York: Mc Millan Publishing Company.
- Gay, L. R. & Arasian P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and application*. Ed ke-7. Upper Sadlle River, N. J.: Person Education.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Arasian. (2006). *Educational research: Competencies for analysis and application*. Ed ke-8. Upper Sadlle River, N. J.: Person-Merrill Prentice Hall.

- Ghazali Yusri Abd. Rahman. (2012). *Penilaian kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM)*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Gibbs, G.R. (2002). *Qualitative data analysis: Explorations with Nvivo*. Buckingham: Open Yniversity Prass.
- Gredler, M. E. (1996). *Program evaluation*. Englewood Cliffs: Merrill.
- Gronlund & Linn. (1990). *Measurement and evaluation in theaching*. New York: The Macmillan Co.
- Hammond, L.R. (1971). Accountability through context evaluation of reading performances. *Journal of Research and Development in Education* 5. 31-36.
- Hamza, M.K. & Griffith, K.G. (2006). Fostering problem solving and creative thinking in the classroom: Cultivating a creative mind, *National Forum of Applied Educational Research Electronic Journal*, 19(3), 1-30.
- Hanson, J. L., Balmer, D. F., & Glardino, A. P. (2011). Qualitatif research methods for medical educations. *Academic pediatrics*, 11. 135—186.
- Hasan Alwi. (2008). Pelestarian Bahasa Daerah dalam *Kongres Bahasa Indonesia VII*. Jakarta: Depdikbud.
- Hatch, J. (2002). *Doing qualitative research in educational settings*. Albany, NY: SUNY Press.
- Hoyle, E. & Mc. Cormick, R. (1996). *A level syllabus studies: History and physics*. UK: MacMillan.
- Hunkins, F. (1980). *Curriculum development: Program improvement*. Colombia: Ohio Merrill.
- Hsieh, W. K. & Hsio, L. (2001). Evaluation of junior college of commerce: The Taiwan Case. *International Conference on Engineering Education*. 6-20 Ogos. Oslo, Norway.
- Ida Bagus Putrayasa. (2005). Profil pengajaran bahasa daerah (Bali) di SD, SLTP, dan SMU Kabupaten Buleleng. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran IKIP Negeri Singaraja*. 38 (1) 869-884.
- Ismail Mohd. Rasyid. (2005). *Penilaian pegawai pengkhidmatan pendidikan terhadap keberkesanan penggunaan KPM-Net*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.

- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah: satu penilaian*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joseph, S. (2009). *A comprehensive evaluation of a school system's grow your own principal preperation program*. (Unpublished doctoral dissertations). The George Washington University, District of Colombia.
- Judith C. (1993). Curriculum evaluation in nursing education: A review of the literature. *Journal of advanced nursing*. 19. 1024-1031.
- Kamaruddin Husin (2004). *Dinamika sekolah dan bilik darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Kamaruddin Md Taher. (2010). *Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. (Disertasi doktoral tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katz, L. & Rath. J. (1985). The best of attentions for education teacher. *Journal Action In Teacher Education*, 1. (3), 8-16.
- Kennedy, F. T. (1982). *A comparison of evaluation practices in baccalaureate nursing program and the contex, input, process, product evaluation model*. (Unpublished Doctoral dissertations). Northern Illinois University.
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioral research*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Khairuddin & Junaidi, Mahfud. (dkk.). (2007). *Kurikulum tingkat satuan pendidikan: Konsep dan implementasinya di madrasah*. Yogyakarta: Pilar Media.
- Kirk, S. (2007). Methodological and ethical issues in conducting qualitative research with children and young people: A literature review. *International Journal of Nursing Studies*, 44. 150—160.
- Kirpatrick, D. L. (2006). *Evaluating training program: The four levels*. San Francisco: Berrete-Koether.
- Kuo, Hung Tsen. (2010). Using the context, input, process and product model to assess an engineering curriculum. *World Transactions on Engineering and Technology Education*. 8. (3). 256-261.

- Kokoszka, K. A. (2009). *A case study approach to the perceptions of edline (TM), a K-12 technology solution software, at a small catholic high school in southern massachusetts*. (Unpublished doctoral dissertations). Johnson & Wales University, Rhode Island.
- Le Compte, M. D., & Preissle, J. (1993). *Etnography and qualitative design in educational research* (2nd ed. London: Acadeic Press.
- Lincoln, Y. & Guba, E. (1985). *Naturalistic inquiry*. New York: Sage.
- Lincoln, Y. S. (1995). In search of students, voices: *Theory into practice*, 34 (2). 88-93.
- Lyndon L.L. (2010). *The development and testing of an evaluation model for special education*. (Unpublished doctoral dissertations). The University of Texas at Austin.
- M. Nuh. (2013). Pelajaran bahasa daerah takkan dihapus. *Tribunnews.com*. Senin, 7 Januari 2013.
- Maliki & Soeserno, L. H. (2010). Evaluasi pelaksanaan kurikulum tingkat satuan pendidikan (KTSP): Suatu penelitian evaluasi berdasar stake's countenance model mengenai KTSP pada muatan lokal bahasa mandarin di SMA Muhammadiyah 2 Surabaya. *Jurnal teknologi Pendidikan Universitas negeri Surabaya*. 10. 38-48.
- Marsh, C. & Willis, G. (1995). *Curriculum: Alternative approaches, ongoing issues*. Enggewood chiffs. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Masri, S. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan research methods and writing guidelines*. Kuala Lumpur: Utusan publication & Distributors.
- McDonald, J. P. (1986). Raising the teacher's voice and the ironic role of theory, *Harvard Education Review*, 56. (4). 355—378.
- McNamara, C. (1998). *Basic guide to program evaluation*. <http://www.mapn.org/library/evaluation/fnl.htm> (28.9.2004).
- Merriam, S. B. (1998). *Case study research in education: A qualitative approach*. USA: Sage Publications.
- Marriam, S. B. (2001). *Quaitative research and case study applications in education*. San Fransisco: Jpssey-Bass Publishers.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. 2nd Edition. Beverly Hills: Sage Publication.

- Mualler, M. J. (2000). *Midle level summer school effectiveness as measured bay student gains in achievement and attitude*. (Unpublished doctoral dissertations). Universiti of Nebraska, Nebraska.
- Muhajir, Neong. (2002). *Metodologi penelitian kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Mulyasa, E. (2006). *Kurikulum yang disempurnakan*. Bandung: Rosdakarya.
- Mulyasa, E. (2009). *Menjadi guru profesional menciptakan pembelajaran yang kreatif dan menyenangkan*. Bandung: Rosdakarya.
- Muhammad Daud Hamzah. (1993). *Perkembangan kurikulum: Suatu panduan praktis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Daud Hamzah. (2000). *Penerokaan teori kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Marzuki Arifin. (1992). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Suatu kajian pelaksanaannya di Sekolah Mengengah Sultan Azlan Shah Lenggong, Perak*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Nordin Abu Bakar. (2011). *Penilaian program mata pelajaran vokasional (MPV) bagi bidang pertanian di sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Subri Yahaya (1996). *Pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran dalam pendidikan Islam kurikulum bersepadu sekolah menengah KBSM di MRSM: Satu kajian kes*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman pengalaman kerja lapangan kajian* (Edisi Lima). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhd. Salleh Lebar. (1996). *Perkembangan dan haluan kurikulum pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Nasrudin Besar. (2004). *Pelaksanaan kurikulum pengajian Melayu dalam kalangan pelajar tingkat empat*. (Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Zailani Mohd. Yusoff. (2008). *Pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. (Tesis doktoral tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia.

- Mohd Zainul Arifien. (2009). *Penilaian dalam kurikulum bahasa Arab*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohini Mohamed. (2009). Kajian penilaian kurikulum pendidikan matematik dan sains Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Penyelidikan*. 2 (2). 102--108.
- Moore, J. T. & Allen, F. E. (1992). *The unheroic side of teachers leadership: Notes from the swamp*. Phi Delta Kappa. 65-79.
- Morohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nana Syaodih Sukmadinata. (1988). *Prinsip dan landasan pengembangan kurikulum*. Jakarta: P2LPTK.
- Nana Syaodih Sukmadinata. (2000). *Pengembangan kurikulum: Teori dan praktik*. Bandung: Rosda Karya.
- Nandi Warnandi. (2005). *Implementasi pengembangan kurikulum muatan lokal pada sekolah luar biasa*. (Makalah: Disajikan Jurusan Pendidikan Luar Biasa Fakultas Ilmu Pendidikan IKIP Bandung). Bandung: IKIP Bandung.
- Napsiah Mahfoz. (1983). *The role of key teacher in implementation of a new history curriculum in Malaysia: A study of perception*. (Unpublished doctoral dissertations). Universiti Britis Colombia.
- Neves, D. (2006). *A case study of student participation rate and parental decision variables in a new england suburban community before school elementary instrumental music program*. (Unpublished doctoral dissertations). Johnson & Wales University. Rhode Island.
- Nor Hayati Fatmi Talib. (2012). *Penilaian pelaksanaan kurikulum TITAS di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Shah Saad. (1992). *Pendidikan guru matematik sekolah rendah: Persepsi guru lepasan dan pensyarah maktab perguruan dan guru besar*. (Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nielsen, J. L. (2002). *Critical success factors for implementing an ERP system in a university environment: A case study from the Australian HES*. (Unpublished degree's dissertation). Griffith University, South Brisbane.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2004). *Kemahiran mendengar bahasa Arab: Satu kajian di sekolah menengah kerajaan negeri*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nugroho Notosusanto. (1994). *Bahan penatara dan referensi penataran UUD 1945, P-4, dan GBHN*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Oemar Hamalik. (1992). *Evaluasi kurikulum*. Bandung: Rosda Karya.
- Oemar Hamalik. (2008). *Kurikulum dan pembelajaran*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Oliva, P. F. (2009). *Developing the curriculum* (7th ed.) Boton, MA: Allyn and Bacon.
- Omar Mohd Hashim. (1991). *Pengisian misi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Onyefulu, C. N. (2001). *An evaluation study of the B. ed. business education programs in the university of technology, Jamaica*. (Unpublished doctoral dissertations). Universiti of Alberta, Alberta.
- Oppenheim, A. N. (1997). *Qualitative design, interviewing and attitude measurement*. End. Baru. London: Printer Publicher Ltd.
- Ornstein, A. & Hunkin, F. P. (1998). *Curriculum: Foundations, principles and issue*. Boston, M.A.: Allyn and Bacon.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan method*. Tanjong Malim.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan method*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Cetakan Ketiga.
- Parlett, M. & Hamilton, D. (1972). *Evaluation as illumination in the tawny, D. (ed.). Curriculum evaluation today: Trends and implications*. Macmillan.
- Parviz, B. & Mania, N. (2009). The qualitative program evaluation of the postgraduate english translation major ini Iran. *The Journal of Modern Thoughts in Education*. 4, (4). 37-58.
- Patton, M. C. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. (2nd ed). Newbury Park, CA: Sage.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. Edisi ke-3. Newbury Park, CA: Sage Publication, Ins.

- Patton, M. Q. (2006). *Qualitatif evaluation methods*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Petty, N. J., Thomson, O. P. & Stew, G. (2012). *Reading for a paradigm shift. Part 2: Introducing qualitative research methodologies and methods*. *Manual Therapy*, 17, 378-384.
- Punch, K. F. (2001). *Introduction to social research qualitative and quantitative approaches*. London: Sage.
- Provus, M. M. (1969). *Discrepancy evaluation*. Berkeley C. A.: McTchan.
- Powell, A. B., Francisco, J.M. & Maher, C.A. (2003). An analytical model for studying the development of learners' mathematical ideas and reasoning using videotape data. *Journal of Mathematical Behavior*, 22. 405-435.
- Rahman, Muhammad. (2012). *Kurikulum berkarakter: Refleksi dan proposal solusi terhadap KBK dan KTSP*. Jakarta: Prestasi Pustaka Publisher.
- Razali Arof. (1990). *Pengantar kurikulum*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Razali Arof. (1991). *Pengantar kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Cut Lani; Zaini Ali, & Abdullah Faridan (2000). *Peulajaran basa Aceh keu siswa SLTP glah dua ngon glah lhee*. Banda Aceh: Diknas Kota Banda Aceh.
- Reuben Musime. (1996). *A critical evaluation of the religious education curriculum for secondary school student in Uganda*. (Unpublished doctoral dissertations). University of North, Texas.
- Rene, W. & Austin, W. (2005) *Teori kesusastraan*. Jakarta: Gramedia.
- Rohana Yusuf. (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Romi Setiawan. (2010). *Pembelajaran bahasa Aceh sebagai mata pelajaran muatan lokal pada sekolah menengah pertama di Aceh Barat*. (Thesis Magister Pendidikan, tidak diterbitkan). Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala.
- Roselena Mansor. (2010). Penilaian pelaksanaan projek rintis standard pendidikan MARA. *Jurnal Pendidikan Institut Pendidikan dan Latihan MARA*. 4 (1). 222-230.
- Rostina Taib. (2010). Basa Aceh Basa Geutanyoe. *Harian Serambi Indonesia*. Banda Aceh. Senin, 21 Februari 2010.

- Rozi, K. (2007). Sikap siswa SMU Negeri 5 Banda Aceh terhadap bahasa Indonesia dan bahasa daerah. (Studi kasus di SMU Negeri 5 Banda Aceh). *Langgam Bahasa. Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah I* (1): 45-46.
- Rudzi Munap. (2003). *Penilaian program diploma kesetiusahaan eksekutif di Universiti Tekonologi Mara*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Rusdi Sufi & Agus Budi Wibowo (2004). *Budaya masyarakat Aceh*. Banda Aceh: Badan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial*. Selangor: Edusystem Sdn Bhd.
- Saedah Siraj. (2001). *Perkembangan kurikulum: Teori dan amalan*. Sungai Buluh: Alam Pintar Erterprise.
- Salmah Yusuf. (2001). *Pembelajaran bahasa Aceh di SMP Provinsi Daerah Istimewa Aceh*. Laporan Penelitian. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Saidiharjo. (2004). *Pengembangan kurikulum dan prinsip-prinsip dalam pengembangannya*. Yogyakarta: Suara Merdeka-IKIP Yogyakarta.
- Sayfol Bahry Sulaiman. (2011). *Projek kajian tindakan*. Open Universiti Malaysia: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Saylor, J. G.; Alexander, W. M.; & Lewis A. J. (1981). *Curriculum planning for better teaching and learning*. New York. NY: Holt, Rinechert, & Winston.
- Schunk, D. H. (1991). *Learning theories: An educational perspective. Teori pembelajaran: Suatu perspektif pendidikan*. New York: Macmillan Publishing Co.
- Schuman, H. (1989). The random probe: A technique for evaluating the validity of closed question. Dalam. Glasne, C & Peshkin, A. (1992). *Becoming qualitative researchers*. New York: Longman.
- Scriven, M. (1981). The methodology of evaluation. In perspective of curriculum evaluation. *AERA monograph series on evaluation. No. 1 Editor R. E. Stake*. Chicago: Randy McNally.
- Scriven, M. (1993). *The state of the evaluation*. Workshop Presentation. American Educational Research. Atlanta Georgia.
- Sekaran, U. (1992). *Research method for business: A skill-building approacd*. Edisi ke-2. Toronto: John Wiley & Sos, Inc.

- Shabri. (2000). *Kesusastraan kesenian Aceh*. Banda Aceh: Balai Kajah Nitra NAD.
- Shapiee Lugom. (2002). *Program pendidikan khas di Sarawak: Satu penilaian*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Silverman, D. (2001). *Interpreting qualitative data: Methods for analyzing talk, text and interaction*. (2nd ed). London: Sage Publication.
- Slamet Lestari. (2012). Pengelolaan kurikulum muatan lokal (KML) bahasa Inggris SD Negeri se-Kecamatan Condokusuman Yogyakarta. *Jurnal Penelitian Ilmu Pendidikan*. 2 (2). 66-73.
- Siti Fatimah & A. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2).53-64
- Smith, M. L. & Glass, G. V. (1987). *Research and evaluation in education and social science*. New Jersey: Prentice Hall.
- Sowell, E.J. (2000). *Curriculum. An integrative introduction (2 Ed)*. New Jersey, Colombus, Ohio: Merrill an Imprint of Prentice Hall.
- Stake, R. E. (1975). *The countenance of educational evaluation*. Teacher College Record 68: 523-540.
- Stake, R. E. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, California: Sage.
- Stufflebeam, D. L.; Folely, W. J.; Guba; E. G. Hammond R. L.; Merriman, H. O., & Provus, M. M. (1971). *Educational evaluation and decision-making*. Itasca, IL:F. E. Peacock.
- Stufflebeam, D. L. (1971). *Educational evaluation and decision-making*. Itasca, IL: F. E. Peacock.
- Stufflebeam, D. L. (1977). *Educational evaluation and decision-making*. Bloomington Ind.: Phi Delta Kappa.
- Stufflebeam, D. L. & Shinkfild, A. J. (1985). *Systematic evaluation: A self-instruction guide to theory and practice*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing.
- Stufflebeam, D. L. (2001). Educational checklist: practical tools for guiding and judging evaluations. *American Journal of Evaluation*. 22 (1), 9.

- Stufflebeam, D. L. (2002, June). *CIPP evaluation model checklist. The evaluation Center*. Available: <http://www.wmiich.edu/evalctr/checklist/chippchecklist.htm>.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. San Francisco: Jossey A Wiley Imprint.
- Subhan. (2009, Mei 23). *Perjalanan kurikulum nasional (pada Pendidikan Dasar dan Menengah)*. Diambil dari <http://rbaryans.wordpress.com>.
- Suchada Rattanasangwal Suthummaraksa. (1986). *An evaluation of the doctoral program in development education at Srinakharinwirot University of Thailand*. (Unpublished doctoral dissertations). Illinois State University.
- Suhaila Mohd Nor. (2008). *Kajian penilaian kurikulum pendidikan fizik dan kimia Universiti Teknologi Malaysia*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Suminto A. Sayuti. (2003). Muatan lokal dalam penyelenggaraan pendidikan. *Makalah Kongres Kebudayaan*. Bukit Tinggi, Sumatera Barat: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Su'id, dkk. (2009, Oktober). Kurikulum integratif dengan pendekatan realistik pada pembelajaran tematik di sekolah dasar. *Majalah Pendidikan Matematik Realistik Indonesia*, 7 (4), 54-58.
- Sumerset, A. (2002). *Strengthening quality in Indonesian's junior secondary school: An overview of issue and initiative*. Jakarta: MOEC.
- Taba, H. (1962). *Curriculum development: Theory and practice*. New York: Harcourt, Brace. Jovanovich.
- Taylor, P. H.; Reid, W. A.; Holley, B. J.; & Exon, G. (1994). *Purpose, power and constraints in the primary school curriculum*. London: Macmillan Education.
- Tyler, R. W. (1974). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- UNESCO. (2001). *Educational planning: A world survey of problems and prospects*. Paris: University Press.
- Vincent Pang. (2005). *Curriculum evaluation: An application in a smart school curriculum implementation*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan).

- Wegenke, G. L. (1994). *Reflecting on systematic change in the Des Moines Public School. Studies in Educational Evaluation* 20: 69-86.
- Wells, J. C. & Badwin, E. D. (2012). Historic Preservation, significance, and age value: A comparative phenomenology of historic charleston and the nearby new-urbanist community of i'on. *Journal of environmental psychology*, 32. 284-400.
- White, R. & Coventry, G. (2000). *Evaluating community safety: A guide*. Melbourne: departement of Justice, Victoria.
- Wildan. (2005). *Tata bahasa aceh untuk madrasah dasar dan madrasah lanjutan*. Banda Aceh: Geuci.
- Wildan, dkk. (2008). *Peulajaran bahasa aceh keu murip glah VII SMP/MTs*. Banda Aceh: Geuci.
- Wildan, dkk. (2010). *Peulajaran bahasa aceh keu murip glah VIII SMP/MTs*. Banda Aceh: Geuci.
- Wildan. (2010). *Kaidah bahasa Aceh*. Banda Aceh: Geuci.
- Woods, P. (2006). *Qualitative research*. Retrieved from <http://www.edu.plymouth.ac.uk/resined/qualitative methods 202. Qualrsh m.htm>.
- Yin, R. K. (1984). *Case study research: Design and methods*. Beverly Hills: CA Sage.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods*. (4th ed). Los Angeles: Sage.
- Yus Rusyana. (1998). *Survey pengajaran bahasa daerah di sekolah dasar dan sekolah lanjutan*. Jakarta: Ford Foundation.
- Yusup Hasyim. (2000). *Konsep dan perkembangan kurikulum dan intruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. and Dist. Sdn. Bhd.
- Zainal Arifin. (2002). *Curriculum decision making in disffusion of educational innovation in Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertations), University of Southampton United Kingdom.
- Zaini Ali & Razali Cut Lani. (2001). *Peulajaran basa Aceh jilid 4*. Banda Aceh; Dinas Pendidikan Nanggroe Aceh Darussalam.
- Zawawi Ismail. (2008). *Penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur bahasa Arab komunikasi di sekolah menengah kebangsaan agama*. (Disertasi doctoral tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zikmund, G. W. (2000). *Business research methods*. Ed. Ke-6. Ohio: South-Western Publishing.

Zuber Hassan. (1998). *Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani dan kesihatan sekolah rendah*. Laporan Penyelidikan. (Tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.



LAMPIRAN : A

**Mohon Kebenaran Mendapatkan Maklumat untuk
Tujuan Penyelidikan**



KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI

UUM/CAS/SEML/P-74/8
13 Mac 2014

KEPADA SESIAPA BERKENAAN

Tuan/Puan

MOHON KEBENARAN MENDAPATKAN MAKLUMAT UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa saya ingin memohon kebenaran tuan/puan agar dapat membenarkan pelajar berikut untuk mendapatkan maklumat dari Organisasi /Jabatan tuan/puan berhubung dengan penyelidikan beliau. Butir-butir pelajar berkenaan adalah seperti berikut:-

Nama : Razali bin Mahyiddin (No. Matrik : 93071)

Program : PhD (Education)

Tajuk Penyelidikan : Penilaian Pelaksanaan Kokurikulum Bahasa Aceh
Pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) Kota
Banda Aceh

Sebarang maklumat yang diberikan oleh pihak tuan/puan adalah rahsia dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan ini sahaja.

Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"ILMU, BUDI, BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(PROF. MADYA DR. ABDULL SUKOR SHAARI)

Penyelias

PROF. MADYA DR. ABDULL SUKOR SHAARI

Penyelaras

Rancangan Latihan Mengajar
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



LAMPIRAN : B

**Kebenaran untuk Menjelankan Penyelidikan dari Dinas
Pendidikan Kota Banda Aceh**



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN, PEMUDA DAN OLAAHRAGA

JALAN. P. NYAK MAKAM No. 23 GP. KOTA BARU TELP/FAX. (0651) 7555136,7555137

E-mail:disdikporabna@gmail.com Website: www.disdikporabna.com

Kode Pos: 23125

IZIN PENELITIAN

NOMOR: 070/A.2/2014

TENTANG

PENGUMPULAN DATA SMP NEGERI 1,4,14,6,7,13,5,8 DAN SMPN 12 KOTA BANDA ACEH

Dasar : Surat Ketua Universiti Utara Malaysia Kedah Darul Aman Malaysia Nomor: UUM/CAS/SEML/P-74/8 Tanggal 13 Mac 2014. Hal Izin Pengumpulan Data.

MEMBERI IZIN :

Kepada :

Nama : **RAZALI BIN MAHYIDDIN**

NIM : 93071

Prodi : PhD (Education)

Jenjang : S-3

Untuk: Mengumpulkan data dalam rangka penyusunan skripsi dengan judul:
"PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH PADA SEKOLAH MENENGAH PERTAMA (SMP) KOTA BANDA ACEH".

Dengan ketentuan sebagai berikut:

1. Harus berkonsultasi langsung dengan kepala sekolah yang bersangkutan dan sepanjang tidak mengganggu proses belajar mengajar.
2. Bagi mahasiswa yang bersangkutan supaya menyampaikan foto copy hasil. Penelitian sebanyak 1 (satu) eksemplar ke Dinas Pendidikan Pemuda Dan Olahaga Kota Banda Aceh.
3. Surat ini berlaku sejak tanggal 28 April s.d 28 Mai 2014

Demikian surat ini disampaikan untuk dapat dipergunakan semestinya.

Banda Aceh, 28 April 2014

A.n.KEPALA DINAS PENDIDIKAN PEMUDA
DAN OLAAHRAGA KOTA BANDA ACEH,
KABID PENDIDIKAN DASAR DAN LANJUTAN


SABRI TS. S. Pd

Pembina

NIP. 19720424 199702 1 001

Terbuanan :

- 1.Ketua UUM Sintok Kedah Darul Aman
- 2.Mahasiswa/i yang bersangkutan
- 3.Pertinggal.

LAMPIRAN : C

**Surat Kerangan Selesai Mengumpulkan Data
Penyelidikan dari Kepala SMP Negeri Kota Banda
Aceh**



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN PEMUDA DAN OLAH RAGA
SMP NEGERI 6

JALAN TGK. LAM U NO.1 KOTA BARU KECAMATAN KUTA ALAM-TELP/FAX (0651) 7551438

E-Mail : smpn6@disdikporabna.com

Website : smpn6@disdikporabna.com

Kode Pos: 23125

Nomor : 070 / 482 / 2014
Hal : Telah Melakukan Pengumpulan Data

Banda Aceh, 06 Juni 2014
Kepada Yang Terhormat,
Ketua Universiti Utara Malaysia
Kedah Darul Aman Malaysia
Di
Malaysia

Dengan hormat,

Sehubungan dengan surat saudara No. 070/A.2/3111, tanggal 28 April 2014, perihal pada pokok surat, maka dengan ini kami beritaukan kepada saudara bahwa :

Nama : **RAZALI BIN MAHYIDDIN**
NIM : 93071
Prodi : PhD (Education)
Jenjang : S-3

Benar yang tersebut namanya di atas telah mengadakan penelitian pada SMP Negeri 6 Banda Aceh yang berjudul “ **PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH PADA SEKOLAH MENENGAH PERTAMA (SMP) KOTA BANDA ACEH** ” dalam rangka mengumpul data-data untuk menyusun disertasi.

Demikian surat keterangan ini kami buat agar dapat dimaklumi seperlunya dan atas kerjasama yang baik kami ucapkan terima kasih.

An. Kepala Sekolah,

Drs. Yulisa Nur Adam
Pembina Tk.I /NIP. 19630713 199512 1 001
ND : 800/282/2014 Tgl. 31 Mei 2014

Tembusan :
Kepala Dinas Pendidikan Pemuda dan Olah Raga Kota Banda Aceh
Arsip....



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN PEMUDA DAN OLAH RAGA
SMP NEGERI 7

Jalan Kr. Tripa Geuceu Komplek, Telp. 0651 – 43401

Email :

Website:disdikporabna.com

Kode Pos : 23239

SURAT KETERANGAN

NO : 070 / 688 / 2014

Kepala Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 7 Banda Aceh menerangkan bahwa :

Nama : **RAZALI BIN MAHYIDDIN**
NIM : **93071**
Program Studi : **PhD (Education)**
Jenjang : **S-3**

Sesuai dengan Surat Dinas Pendidikan Pemuda dan Olah Raga Banda Aceh No.: 074 / A.2 /3111 / 2014, tanggal 28 April 2014 Perihal; Izin Mengumpul data. Dengan ini yang bersangkutan telah mengadakan Mengumpul data di SMP Negeri 7 Kota Banda Aceh dalam rangka menyusun Skripsi mulai tanggal, 16 s.d 17 Mei 2014, dengan Judul:

“PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH PADA SEKOLAH MENENGAH PERTAMA (SMP) KOTA BANDA ACEH.” (Laporan terlampir)

Demikian Surat keterangan ini kami perbuat untuk dapat dipergunakan seperlunya.

Banda Aceh, 14 Juni 2014

Kepala



Drs. Bustami

NIP. 196211301988031005



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN PEMUDA DAN OLAAHRAGA
SMP NEGERI 8

Jalan Hamzah Fansury No. 1 Kopelma Darussalam telp. (0651) 7552195
E-mail : smpn8@disdikporabna.com Website : www.smpn8.disdikporabna.com

Kode Pos 23111

SURAT KETERANGAN PENELITIAN
Nomor : 074 / 217 / 2014

Yang bertanda tangan dibawah ini

nama : Muhammad,S.Pd., M.Pd
NIP : 19630210 198902 1 001
jabatan : Kepala SMP Negeri 8 Banda Aceh

menerangkan bahwa

nama : Razali Bin Mahyiddin
NIM : 93071
Prodi : Education
Jenjang : S-3

benar telah mengadakan studi pendahuluan dalam rangka pengumpulan data pada SMP Negeri 8 Banda Aceh pada tanggal 28 April s.d 28 Mei 2014,
Data tersebut digunakan untuk penulisan disertasi dengan judul :**"PENELAIAAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH DI SMP NEGERI 8 BANDA ACEH "**

Demikian surat keterangan ini dibuat untuk dapat dipergunakan seperlunya terimakasih.

Banda Aceh, 2 Juni 2014
Kepala,

Muhammad, S.Pd., M.Pd
19630210 198902 1 001



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN, PEMUDA DAN OLAHRAGA
SMP NEGERI 13

Jl. Ir. Mohd. Taher Desa Cot Mesjid Telepon (0651) 22647
E-mail : smpn13@disdikporabna.com Website: <http://smpn13.disdikporabna.com> Kode Pos 23246

SURAT KETERANGAN


Nomor: 420/264/2014

Kepala Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 13 Banda Aceh dengan ini menerangkan:

Nama : RAZALI BIN MAHYIDDIN
NIM : 93071
Prodi : PhD (Education)
Jenjang : S-3
Judul : "PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM
BAHASA ACEH PADA SEKOLAH MENENGAH
PERTAMA (SMP) KOTA BANDA ACEH".

Benar telah melaksanakan Mengumpulkan data pada SMP Negeri 13 Banda Aceh, sesuai dengan surat Kepala Dinas Pendidikan Pemuda dan Olahraga Kota Banda Aceh No. 070/A.2/3111/2014, Tanggal 13 Mei 2014, dari tanggal 21 s/d 22 Mei 2014 dan pelaksanaannya berjalan dengan baik.

Demikianlah Surat Keterangan ini kami buat dengan sebenarnya untuk dapat dipergunakan seperlunya.

Banda Aceh, 13 Juni 2014
Kepala

Drs. Syarifuddin Muhammad
KOTA BANDA ACEH 1988420 198803 1 002





PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
DINAS PENDIDIKAN PEMUDA DAN OLAH RAGA
SMP NEGERI 14 BANDA ACEH
Komplek Cinta Kasih Desa Pateriek Lueng Bata Banda Aceh

SURAT KETERANGAN
Nomor : 421 / 247 / 2014

Kepala SMP Negeri 14 Banda Aceh dengan ini menerangkan bahwa:

Nama : **RAZALI BIN MAHYIDDIN**

Nim : **93071**

Jurusan/Prog Studi : **PhD (Education)**

Jenjang : **S-3**

Benar yang namanya tersebut diatas telah mengadakan penelitian / pengumpulan data pada SMP Negeri 14 Banda Aceh pada tanggal 23 s/d 24 Mei 2014 untuk penyusunan disertasi yang berjudul :

***"PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH PADA SEKOLAH
MENENGAH PEERTAMA (SMP) KOTA BANDA ACEH".***

Demikian surat ini dibuat untuk dapat dipergunakan seperlunya terima kasih

Banda Aceh , 31 Mei 2014
Kepala Sekolah

Drs. Azhari Harun, M.Pd
Nip. 19561224 197703 1 002

LAMPIRAN : D

Protokol Temu Bual dengan Guru Bahasa Aceh

PROTOKOL TEMU BUAL DENGAN GURU BAHASA ACEH

Nama Guru :

Sekolah :

Pertanyaan 1

Adakah Kurikulum Bahasa Aceh yang digunakan di SMP Negeri di Provinsi Aceh bersesuaian dengan kurikulum nasional?

Pertanyaan 2

Adakah pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh dapat melahirkan pelajar-pelajar yang terampil berbahasa Aceh?

Pertanyaan 3

Adakah Kurikulum Bahasa Aceh yang digunakan di sekolah selaras dengan tujuan pengajaran bahasa Aceh di peringkat SMP di Provinsi Aceh?

Pertanyaan 4.

Adakah ketersediaan bahan rujukan bahasa Aceh mencukupi keperluan pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP?

Pertanyaan 5

Bagaimanakah tingkat pengetahuan di bidang kurikulum bahasa Aceh yang Bapak Ibu miliki?

Pertanyaan 6

Bagaimanakah usaha Bapak Ibu dalam menggunakan bahan bantu mengajar (audio visual, multimedia lain-lain).

Pertanyaan 7

Adakah keyakinan diri Bapak Ibu dalam mengajarkan bahasa Aceh, merasa adil, bersimpati, penyeliaan terhadap pelajar?

Pertanyaan 8.

Adakah Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran yang Bapak Ibu jalankan aktif, bersemangat, berterusan dalam bilik darjah?

Pertanyaan 9.

Adakah Penerapan kecekapan Bapak Ibu dalam P&P yang senang diikuti oleh pelajar?

Pertanyaan 10.

Apakah bapak ibu menjalankan Evaluasi yang berterusan dan peperiksaan bagi pelajar?

Pertanyaan 11.

Metode apa sajakah yang sering Bapak /Ibu gunakan untuk mengajarkan bahasa Aceh dalam kelas?

Pertanyaan 12.

Adakah pelajar setelah mempelajari bahasa Aceh mempunyai kemahiran (dalam berbicara, membaca, menulis, dan menyimak)?

Pertanyaan 13.

Adakah terdapat kemahiran dalam bidang sastra Aceh setelah pelajar mempelajari bahasa Aceh?

Pertanyaan 14

Kemahiran dalam bidang apa saja yang secara umum dimiliki pelajara setelah belajar sastra Aceh?

LAMPIRAN : E

Transkripsi Hasil Temu Bual dengan Guru Bahasa Aceh

Tajuk: Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh Pada SMP Negeri Kota Banda Aceh

I. Kurikulum Bahasa Aceh dapat Memberikan Pengetahuan Berbahasa Aceh bagi Pelajar		
Tema	Soalan	Jawapan
1.1 Kurikulum Bahasa Aceh selaras dengan kurikulum nasional.	Adakah kurikulum bahasa Aceh yang digunakapailah di SMP Negeri Provinsi Aceh bersesuaian atau selaras dengan kurikulum nasional?	Jawaban Peserta (P-1) <i>Pengajaran dan pembelajaran kurikulum bahasa Aceh yang kami laksanakan di bilik darjah berpedoman kepada kurikulum bahasa Indonesia untuk SMP sangat sesuai, selaras dengan penggabungan kurikulum pendidikan kebangsaan di sekolah menengah rendah (SMP) di Provinsi Aceh.... Sebelum P&P kami laksanakan, terlebih dahulu kami sesuaikan dengan objektif P&P bahasa Aceh, sehingga semua kompetensi bahasa Indonesia yang diamanatkan kurikulum juga terpenuhi untuk P&P bahasa Aceh. (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>.... Kurikulum bahasa Aceh dijalankan dan bersesuaian dengan kurikulum sedia ada. Empat kemahiran berbahasa menjadi pedoman pencapaiannya, iaitu kemahiran menyimak, kemahiran berbira, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Keempat kemahiran berbahasa ini diajarkan secara terpadu, ertinya pembelajarannya tidak dipisah-pisahkan. (R2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>.... Kami juga mempedomani kurikulum yang sudah ada di sekolah. Ada sedikit, tapi tidak sepenuhnya bersesuaian dengan keperluan daerah, kerana ini bahasa daerah, disesuaikan dengan keperluan daerah. Hanya di daerah sahaja diatur. Jadi, sekolah mengatur sendiri kurikulumnya sesuai dengan keperluan daerah. (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>.... Kami pada SMP Negeri 6 Banda Aceh ini ada kurikulum yang dapat kami pedomani dalam mengajar bahasa daerah, khususnya bahasa Aceh walaupun kurikulum itu adalah kurikulum lama iaitu sebagai hasil ubah suai daripada kurikulum bahasa</i>

		<i>Indonesia yang dimulakan oleh Bapak Razali Cut Lani. Kami para guru bahasa Aceh di sekolah ini telah dilatih dan dibimbing oleh beliau. (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>.... kami menjalankan P&P bahasa Aceh bersesuaian dengan kurikulum nasional Indonesia yang berlaku pada SMP ini. Keseuaiannya dari segi rasionalnya dan urutan materi pembelajaran. Kurikulum nasional pembelajarannya berasaskan tema, maka dalam kurikulum tempatn bahasa Aceh juga diajarkan berasaskan tema.... (P-5)</i> Jawaban Peserta (P-6) <i>.... Dalam pembelajaran bahasa Aceh, kami berpedoman pada kurikulum yang diubah suai daripada kurikulum nasional. Kandungannya bersesuaian dengan kurikulum bahasa yang sedia ada sehingga proses pembelajarannya mudah dijalankan dan bersesuaian. (P-6)</i> Jawaban Peserta (P-7) <i>.... Tentu dijalankan sesuai dengan kurikulum, kadang-kadang bahasa Aceh yang diajarkan disesuaikan dengan keadaan sekolah.... (P-7)</i> Jawaban Peserta (P-8) <i>Sepertinya kurikulum bahasa Aceh tetap menjadi pedoman dan dilakukan secara berurutan bersesuaian dengan kurikulum bahasa Indonesia dari segi matlamat dan objektifnya.... (P-8)</i> Jawaban Peserta (P-9) <i>Kami dalam pelaksanaan pembelajaran juga mempedomani kurikulum yang sudah ada di sekolah. Ada sedikit, tapi tidak sepenuhnya bersesuaian, kerana ini bahasa daerah. Materi ajar harus disesuaikan dengan kepentingan daerah dan kepentingan pelajar. (R -9)</i>
1.2 Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh.	Adakah pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh dapat melahirkan pelajaP-pelajar	Jawaban Peserta (P-1) <i>Kita berharap dalam aktiviti belajar bahasa Aceh seluruh pelajar mampu menggunakan bahasa Aceh dengan baik. Sebagai bahasa tempatan dalam pelaksanaan P&P-nya tentu berdasarkan kurikulum bahasa Aceh yang ada sekarang ini. Dalam</i>

	yang terampil berbahasa Aceh?	<i>menjalankan pembelajaran kami menyusun rencana pelaksanaan pembelajaran (RPP) sebelum mengajar di bilik darjah. Dalam RPP itu kami berikan penekanan pada pembelajaran kemahiran menulis, membaca, bertutur, dan mendengarkan. (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>Dalam pembelajaran bahasa Aceh diharapkan pelajar mahir dalam berbahasa Aceh, terutama mahir dalam bahagian menulis bahasa Aceh, seperti mahir menulis pantun, mahir menulis syair, dan lain-lain. (P-2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>Para pelajar tidak begitu mahir berbahasa Aceh walaupun mereka itu juga berasal dari Aceh dan berbahasa ibu bahasa Aceh. Apabila kita mengacu pada kurikulum yang ada agak jauh daripada tingkat capaiannya. Oleh itu, belajar berdasarkan kurikulum ini kita jadikan panduan dalam bidang akademik maka bahasa yang digunakan di sekolah tidak sama dengan bahasa yang dipergunakan di rumah. Bahasa daerah yang mereka pelajari di sekolah, berbeza dengan bahasa daerah yang mereka didapati di rumah tangga. Bahasa di sekolah adalah bahasa formal, rasmi dan bahasa di rumah tangga adalah bahasa bebas, bahasa pasar, bahasa santai. Bahasa yang hanya digunakan sebagai alat komunikasi sahaja (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>Alhamdulillah, setelah pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Aceh di bilik darjah, mereka mendapatkan kemahiran dalam menggunakan bahasa Aceh. Mereka mahir berbahasa Aceh dalam bentuk lisan dan juga dalam bentuk tulisan.... (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>.... Pelajar mahir dalam berbahasa Aceh. Mereka mahir dalam bidang menulis dan mahir dalam bidang bertutur. Mahir dalam bidang berbahasa Aceh kerana mereka sudah sangat terbiasa bercakap-cakap dengan menggunakan bahasa bahasa Aceh iaitu sebagai bahasa ibunda mereka....</i>
--	--------------------------------------	---

		(P-5) Jawaban Peserta (P-6) Alhamdulillah boleh, kita sudah melakukan itu semenjak bertahun-tahun jadi pola bahasa Aceh itu sangat sesuai dengan pola-pola bahasa Indonesia sesungguhnya bahasa Indonesia juga secara umum sama dengan bahasa Aceh. Jadi, pelajar yang dijalankan dapat memberikan kemahiran berbahasa Aceh.... (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Sepatutnya semua pelajar mampu menggunakan bahasa Aceh secara baik setelah pelaksanaan P&P Bahasa Aceh. (P-7) Jawaban Peserta (P-8) pelajar lebih cepat paham kandungan pelajaran dengan menggunakan bahasa daerah dibandingkan menggunakan bahasa Indonesia. (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Kita harapkan seluruh pelajar pada SMP ini mampu menggunakan bahasa tempatan bahasa Aceh sebagai alat komunikasi setelah pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran. (P-9)
1.3 Objektif pengajaran bahasa Aceh	Adakah Kurikulum Bahasa Aceh yang digunapakai di sekolah selaras dengan tujuan pengajaran bahasa Aceh di peringkat SMP di Provinsi Aceh?	Jawaban Peserta (P-1) Kurikulum bahasa Aceh yang kami gunakan selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh bagi pelajaP-pelajar SMP di Provinsi Aceh. Kesesuaian dari segi matlamatnya dan juga dari segi kandungannya.... (P-1). Jawaban Peserta (P-2) Silibus bahasa Aceh yang diganakan sebagai penduan dalam pembelajaran di SMP bersesuaian dengan objektif pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP di Kota Banda Aceh.... (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Iya, Silibus yang kami gunakan bersesuaian dan sangat mendukung pembelajaran bahasa Aceh

		<i>di sekolah ini.... (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>Pembelajaran yang kami laksanakan ini bepedoman pada kurikulum yang telah berlaku dan kurikulum ini sejalan dengan tujuan pengajaran bahasa di SMP. Tujuannya untuk menjadikan bahasa ini sebagai alat komunikasi yang baik secara lisan maupun secara tertulis. (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>Tujuan yang akan dicapai dalam kurikulum bahasa Aceh bersesuaian dengan tujuan pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP.... (P-5)</i> Jawaban Peserta (P-6) <i>Secara umum bahasa Aceh yang diajarkan sama kerana bahasa Aceh yang digunakan ini dan yang diajarkan di sekolah adalah bahasa Aceh pesisir. Jadi, bahasa Aceh pesisir ini secara umum sama dengan bahasa Aceh yang ada dalam buku pelajaran dan boleh saling memahami. Hanya saja yang berbeza antara satu kawasan dengan bahasa daerah pada kawasan lainnya pada bahagian dialeknya sahaja. (P-6)</i> Jawaban Peserta (P-7) <i>Kurikulum bahasa Aceh sesuai dengan tujuan pembelajaran bahasa Aceh di SMP Provinsi Aceh. (P-7)</i> Jawaban Peserta (P-8) <i>Itu tentu, kerana dalam mengajar itu ada yang harus dicapai. Target yang ingin dicapai seorang guru itu ialah membuat pelajar itu mahir dalam berbahasa, baik dalam berbahasa lisan mahupun dalam berbahasa tulisan. Jadi, target kita dalam mengajar bahasa Aceh setidaknya anak-anak paham apa yang kita ajarkan baik lisan maupun tulisan. (P-8)</i>
--	--	---

		Jawaban Peserta (P-9) <i>Kurikulum yang digunakan selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP di Provinsi Aceh. (P-9)</i>
II. Kekuatan dan Kelemahan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Aceh pada Peringkat SMP Kota Banda Aceh		
Tema	Soalan	Jawapan
2.1 Rujukan dan keperluan bahasa Aceh	Adakah ketersediaan bahan rujukan bahasa Aceh mencukupi keperluan pelaksanaan pengajaran bahasa Aceh pada peringkat SMP?	Jawaban Peserta (P-1) <i>Rujukan untuk pembelajaran bahasa Aceh sudah ada, tetapi masih ada kekurangan. Maksudnya dari segi jumlahnya masih kurang sehingga kepada pelajar tidak boleh dibagikan sama rata. Satu meja boleh sapat satu buku. Buku itu pun bukan asli, tetapi merupakan buku yang difoto kopi.... Bahan yang sudah ada itu bersesuaian dengan keperluan pengajaran bahasa Aceh di SMP. (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>Buku pelajaran bahasa Aceh tersedia, tetapi tidak mencukupi. Kami sudah menyarankan kepada kepala sekolah untuk menambah bahan rujukan. Buku bahasa Aceh yang ada tak boleh dipinjamkan dalam masa yang lama dari perpustakaan. Pengkhitmatan pinjaman tidak bersesuaian dengan keperluan pelajar. (P-2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>Ada, tapi dari segi jumlah, masih kurang mencukupi. Setiap kegiatan pembelajaran, para pelajar ada bahan yang menjadi pedoman mereka. (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>Selama ini alhamdulillah, buku-buku karangan dari pak Wildan yang kami gunakan. Satu buku untuk dua orang pelajar. Buku teks bahasa Aceh menggunakan kosa kata dan istilah-istilah yang mudah dipahami, menggunakan gaya bahasa yang menarik, memiliki kandungan yang mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), dan memiliki latihan yang membantu pemahaman asas suatu topik. (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>Bahan rujukan tersedia, tetapi tidak mencukupi berbanding jumlah pelajar, guru menambah dengan cara memfoto kopinya. Buku-buku tersebut amat</i>

		berguna bagi kami. Buku teks itu dapat dijadikan panduan dalam pembelajaran bahasa Aceh, sehingga keperluan pembelajaran bahasa Aceh dapat terpenuhi dengan baik. (P-5) Jawaban Peserta (P-6) Bahan rujukan ada. Bahan-bahan rujukan itu memang sejak lama sudah ada ... dan tersedia untuk setiap tingkatan kelas. Buku-buku bahasa Aceh itu tersedia semua. Guru-guru, khususnya pengajar bahasa Aceh mendapatkan bimbingan, penyeliaan terlebih dahulu dari ahli kurikulum dan juga diberikan pelatihan/bengkel untuk boleh menggunakan buku itu dengan baik dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Ketersediaan bahan bacaan bahasa Aceh ada, tetapi tidak mencukupi untuk semua pelajar di SMP ini. Dalam pelaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah peruntukan masa tidak mencukupi untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh, sehingga capaian target pembelajaran yang dicadangkan dalam kurikulum kadang-kadang tidak tercapai. Oleh itu, kami sarankan agar buku bahasa Aceh ditambah lagi dalam jumlah banyak. Semua pelajar diharapkan dapat memiliki buku dan dapat mereka baca-baca dan mengerjakan latihan di rumah. (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Buku rujukan ada, tetapi masih kurang kerana bahan ajar yang ada di perpustakaan itu pun untuk pelajaP-pelajar sahaja masih kurang. Kita harus membelinya sebagai tambahan. Bahan ajarnya tidak yang baru, hanya itu-itu sahaja.. (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Banyak tersedia bahan bacaan bahasa Aceh. Ada buku Tata Bahasa Aceh I, Tata Bahasa Aceh II yang ditulis oleh Prof. Drs. Budiman Sulaiman, Buku Peulajaran Bahasa Aceh untuk pelajar SMP kelas I dan II (kelas VII dan kelas VIII) yang ditulis oleh Drs. Wildan, M.Pd., dan kawan-kawan. Untuk bahan bacaan pelajar digunakan buku yang ditulis oleh Pak Wildan dan untuk panduan guru digunakan
--	--	--

		<i>Buku khas yang telah sedia ada hasil ulasan kumpulan guru Bahasa Aceh Kota Banda Aceh, iaitu Buku Peulajaran Basa Aceh Keu Siswa SLTP untuk kelas II dan kelas III yang merupakan karya bersama Guru SMP Negeri Kota Banda Aceh pada tahun 2000. Buku yang ditulis oleh kumpulan ini diedit suai oleh Haji Razali Cut Lani, Drs. Zaini Ali, dan Drs. Husni S.A.... (P-9)</i>
2.2 Pengetahuan guru tentang kurikulum bahasa Aceh.	Bagaimanakah tingkat pengetahuan di bidang kurikulum bahasa Aceh yang Bapak Ibu miliki?	Jawaban Peserta (P-1) <i>Saya mampu menjalankan pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan kurikulum kerana saya sering mengikuti pelatihan dan penyeliaan tentang kurikulum bahasa daerah dan kurikulum nasional yang dibuatkan oleh pejabat pendidikan pada tingkat Kota Banda Aceh dan Provinsi Aceh. (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>Saya sudah mengajar berpuluh tahun dan sudah ada pengetahuan tentang kurikulum, walau hanya berkenaan dengan kurikulum bahasa Indonesia sahaja. Saya belum mendapatkan latihan atau bengkel khusus tentang pelaksanaan kurikulum bahasa Aceh. Namun saya sering belajar sendiri dan berdiskusi dengan teman-teman sekerja guru yang sudah pernah dilatih. Yang penting saya mengetahui dan memahami matlamat pendidikan bahasa Aceh dan juga saya memahami objektif pengajaran bahasa Aceh. Jadi, semuanya saya sesuaikan pembelajaran bahasa Aceh dengan tujuan dan matlamat pembelajaran tersebut.... (P-2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>Saya mengerti dan memahami kurikulum bahasa daerah dan saya dapat menjalankan pengajaran dan pembelajarannya bersesuaian dengan kurikulum. Saya membuat rancangan pembelajaran sebelum mengajar. Saya belajar, mengetahui dan memahami cara-cara mengawal kelas, dan memahami cara-cara mewujudkan ketersediaan pelajar untuk belajar bahasa Aceh. Kalau semua pelajar sudah saya yakini siap untuk memulakan P&P, barulah pembelajaran bahasa Aceh saya jalankan. Jadi, dalam hal ini saya tidak ada halangan dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Aceh di SMP</i>

		tempat saya mengajar. (P-3) Jawaban Peserta (P-4) Kami para guru bahasa Aceh diberikan pengetahuan tentang kurikulum yang akan kami jalankan. Biasanya kami dilatih di awal tahun pelajaran walaupun dalam masa dua hari. Pelatihan yang pernah kami ikuti berkenaan dengan pelaksanaan kurikulum pembelajaran di bilik darjah. Kami diajarkan cara-cara menarik perhatian semua pelajar untuk fokus kepada topik pembelajaran, cara-cara menjalankan aktiviti pengajaran yang kreatif, cara-cara mengajar yang berkesan. Kami dilatihkan dengan menggunakan pendekatan PAIKEM iaitu Pendekatan Aktif, Inovatif, Kreatif, dan Menyenangkan.... (P-4) Jawaban Peserta (P-5) Pengetahuan tentang pelaksanaan kurikulum ada sedikit. Hanya cukup untuk menjalankan pembelajaran sahaja. Perlu kiranya saya diberikan pelatihan lagi. Pengalaman mengajar saya sudah lebih dari 30 tahun. Tahun ini saya akan pensiun. Oleh itu, saya tidak lagi diprioritaskan untuk mengikuti kegiatan bengkel dan kegiatan latihan lain. Tambah lagi kondisi kesehatan saya pun kurang mendukung. Saya kena penyakit diabet. Mudah-mudahan ke depan banyak adik-adik saya yang masih muda-muda yang masih sanggup belajar untuk mengajar dengan berbagi kaedah yang baru. Mereka juga akan dapat menggunakan berbagai perangkat media pembelajaran yang canggih-canggih. (P-5) Jawaban Peserta (P-6) Saya sudah pernah mengikuti penataran-penataran, yang berkenaan dengan penggunaan kurikulum, baik kurikulum nasional maupun kurikulum muatan lokal. Penataran dan bengkel tentang Kurikulum Nasional yang dibuat oleh dinas pendidikan dan Penataran Kurikulum Muatan Lokal dibuat oleh Majlis Pendidikan Aceh (MPD) yang diketuai oleh Pak Razali Cut Lani ketika itu kami ikuti. Kami pernah dilatih yang bertempat di Hotel Rajawali Lampulo, Banda Aceh. (P-6)
--	--	--

		Jawaban Peserta (P-7) Saya kurang memiliki pengetahuan yang cukup banyak untuk menjalankan pembelajaran bahasa Aceh yang bersesuaian dengan kurikulum. Bahasa Aceh menggunakan istilah-istilah yang sulit dipahami oleh pelajar. Pelajar daripada sekolah kami umumnya anak-anak pinggir, anak-anak nelayan yang loghat bahasanya berbeza dari bahasa anak-anak kota. Banyak istilah dalam buku pelajaran mereka tak paham. Tambah lagi kurangnya pengetahuan kami para guru dalam memahami bahasa Aceh ini. Guru bahasa Aceh dulu yang mengampu mata pelajaran bahasa Aceh sudah meninggal dunia ketika peristiwa Tsunami tahun 2006 yang lalu. Jadi, kami-kamilah yang dipertanggung-jawabkan oleh kepala sekolah untuk mengajarkan bahasa Aceh. Mungkin pada tahun-tahun depan ini bahasa Aceh tidak lagi diajarkan karena dalam kurikulum 2013 ruang untuk muatan lokal bahasa daerah tidak dimasukkan. Kata kepala sekolah tidak usah diajarkan. Tambah lagi, kepala sekolah tidak paham akan bahasa Aceh. Dia orang daripada kepulauan Simeuelue, bahasa daerah yang dia pahami hanya bahasa Aneuk Jamee dan bahasa Devayan. Kedua bahasa ini yang merupakan bahasa ibunda beliau.... (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Saya kurang menguasai kurikulum. Dalam proses mengajar saya hanya berpedoman pada buku pelajaran bahasa Aceh yang ditulis oleh Pak Wildan. Tidak ada yang protes pembelajaran yang saya jalankan. Yang penting apa yang telah dirumuskan dalam buku Pak Wildan, bahan pembelajaran itu yang kami ajarkan. Panduan saya hanya buku itu. Dalam buku 'Peulajaran Basa Aceh' itu sudah dimulakan dalam bentuk wacana, dalam bentuk cerita yang bersesuaian dengan tema pembelajaran, lalu ada proses pembelajaran, ada kaedah pembelajaran, apakah dalam bentuk diskusi, Tanya jawab, dan juga bahagian latihan dan tugas rumah yang patut dikerjakan oleh pelajar. (P-8)
--	--	---

		Jawaban Peserta (P-9) Saya memiliki pengetahuan dasar tentang bagaimana menjalankan kurikulum, termasuk menjalankan kurikulum tempatan tanpa bertentangan dengan kurikulum nasional. Bahkan kami dapat menangani keupayaan pelajar yang berbeza latar bahasa ibunda mereka. Pembelajaran saya jalankan berasaskan penduan kurikulum tempatan bahasa Aceh. Memulakan pelajaran menepati waktu dan menamatkan sesi P&P. (P-9)
2.3 Penggunaan alat bantu mengajar bahasa Aceh.	Bagaimanakah usaha Bapak Ibu dalam menggunakan bahan bantu mengajar (audio visual, multimedia lain-lain).	Jawaban Peserta (P-1) Ya ..dalam pelaksanaan pembelajaran bahasa Aceh, media pembelajaran yang dapat kami gunakan antara lain media audio, tape recorder, casset, gambar, sketsa, slide, infokus dll. Semua media ini disediakan di sekolah. Kami, para guru kalau mahu menggunakan tape recorder dapat kami ambil di bagian sarana dan prasarana atau bahagian peralatan sekolah. Kalau kami mahu menggunakan infokus, harus diberitahukan lebih awal kerana ketersediaan infokus cukup terbatas. Guru lain pun menggunakannya. Kami juga membuat sendiri media atau alat bantu mengajar ini dalam bentuk media tulis, dalam bentuk gambar, boleh dalam kartu kata, istilah-istilah khas untuk dibuatkan menjadi ayat, paragraf, wacana, dan lain-lain. (P-1) Jawaban Peserta (P-2) Ya, saya guru SMP Negeri 4 Banda Aceh menggunakan multimedia dalam menjalankan pembelajaran. (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Saya sentiasa menggunakan media sebagai alat bantu pembelajara, tetapi kadang-kadang saya menggunakan pelajar itu sendiri. Saya tugaskan mereka untuk mengambil di internet medianya juga seperti akhbar, sesuai dengan materi itu sendiri. Boleh jadi pelajar merakam pembicaraan harian yang mereka lakukan untuk menjadikan bahan diskusi pelajaran bahasa Aceh di dalam bilik darjah. (P-3)

		Jawaban Peserta (P-4) Saya menggunakan berbagai-bagai media dalam mengajar bahasa Aceh, seperti tape rekorder, selide, infokus, jaringan internet, website (laman sesawang), blog, LCD Projektor, dan lain-lain yang berkenaan dengan tema pembelajaran. (P-4) Jawaban Peserta (P-5) Dalam pembelajaran bahasa Aceh, kami menggunakan multimedia. Seperti radio, televisyen, CD player, Slaid power paint, gambar, artikel, akhbar, papan planel, dan lain-lain. (P-5) Jawaban Peserta (P-6) O,ooo..., tentu, kita menggunakannya alat-alat bantu itu tidak jauh beza dengan alat-alat bantu yang kita gunakan dalam bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia dan bahasa Aceh itu bahasa yang serumpun bahkan kosa-katanya banyak yang sama. Bahkan saya menggunakan 'native speaker' (pemutur asli bahasa Aceh) sebagai media pembelajaran bahasa Aceh. (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Kami guru bahasa daerah di SMP Negeri 4 Banda Aceh menggunakan multimedia dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh. (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Kami menggunakan media tepe rekorder untuk merakam bahan bantu mengajar dan diperdengarkan kepada pelajar di dalam bilik darjah. (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Ya ... kami menggunapakai media audio visual, tape recorder, gambar, sketsa, slide, infokus dll. dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh. (P-9)
--	--	--

III. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh di SMP Negeri Kota Banda Aceh

Tema	Soalan	Jawapan
3.1 Keyakinan diri dalam mengajarkan	Adakah keyakinan diri Bapak Ibu dalam	Jawaban Peserta (P-1) Ya ... saya guru bahasa Aceh. Pembelajaran ini dapat saya laksanakan dengan penuh tanggung jawab dan tanpa merugikan pelajar. Saya

bahasa Aceh	mengajarkan bahasa Aceh, merasa adil, bersimpati, penyeliaan terhadap pelajar?	<i>memberikan bimbingan dan memberikan motivasi kepada pelajar agar mereka lebih rajin dalam mengikuti pelajaran di dalam darjah. (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>Dalam menjalankan pengajaran saya melaksanakan secara bersamaan, maksudnya tidak dipisahkan siswa walau mereka bukan berasal dari etnik Aceh. (P-2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>Usaha saya sedikit-sedikit dalam pembelajaran itu sendiri saya menerapkan bahasa daerah atau bahasa ibu walaupun satu kata dua kata semoga mereka itu terbiasa walaupun bercampur daripada banyak suku bangsa. Ada yang berasal dari suku Aceh, suku Jawa, suku Cina, saya mengajarkan kata per kata kepada mereka. (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>Sya mengajarkan menulis pada siswa saya. Saya selalu memberikan latihan-latihan kepada pelajar saya walaupun mereka bukan dari etnik Aceh. Hasilnya, mereka dapat mengerjakannya dengan baik. (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>Dalam menjalankan pengajaran bahasa Aceh, ada anak-anak yang berasal dari daerah lain iaitu di luar kawasan Kota Banda Aceh. Kita tetap menjalankan pengajaran bahasa Aceh, tetapi kita membantu menuntun anak-anak yang tidak dapat berbahasa Aceh, secara khusus, satu per satu sampai mereka dapat berbahasa Aceh dengan baik. (P-5)</i> Jawaban Peserta (P-6) <i>Alhamdulillah untuk siswa SMP Negeri 8 ini tidak mengalami kekangan dalam ertian mereka sangat mudah untuk kita ajarkan bahasa Aceh kerana bahasa Aceh adalah bahasa ibunda mereka, bahasa Aceh itu juga selaras dengan bahasa Indonesia. (P-6)</i> Jawaban Peserta (P-7) <i>Saya sebagai seorang guru bahasa Aceh telah</i>
--------------------	---	--

		menjalankan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan adil dan tanpa membezakan asal-usul anak, apakah anak yang berbahasa ibunda bahasa Aceh dan anak yang berbahasa ibunda bukan bahasa Aceh. (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Semua siswa di SMP Negeri 12 ini anak pinggiran, anak nelayan. Semuanya berbahasa ibu bahasa Aceh. Jadi, tidak ada masalah dalam pembelajaran bahasa Aceh. Semua boleh mengikutinya dengan baik. (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Ya, pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa merugikan pelajar, saya memberikan motivasi, membimbing pelajar dalam mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah. (P-9)
3.2 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Aceh	Adakah Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran yang Bapak Ibu jalankan aktif, bersemangat, berterusan dalam bilik darjah?	Jawaban Peserta (P-1) Pembelajaran sepatutnya dapat dilaksanakan secara aktif, bersemangat, dapat berkontribusi dengan semua pelajar dan guru.... (P-1) Jawaban Peserta (P-2) Pelajar-pelajar senang kerana dapat menambah wawasan dalam berbahasa, tidak hanya bahasa Indonesia, tetapi juga bahasa Aceh. (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Semua pelajar dalam bilik darjah sangat bersemangat belajar bahasa Aceh. Mereka dapat faham bahasa Aceh kerana kita menerjemahkan bahasa Aceh ke dalam bahasa yang mudah dipahami. Latar belakang bahasa pertama mereka berbeza-beza. Banyak pelajar yang berlatar belakang bahasa ibunda bukan bahasa Aceh.... (P-3) Jawaban Peserta (P-4) Semua pelajar aktif, mereka bersemangat dalam menjalankan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Keaktifan pelajar tidak hanya keaktifan fisik tapi juga keaktifan mental. Belajar aktif sebagai suatu pendekatan dalam pembelajaran yang bermuara pada belajar mandiri, maka kegiatan belajar mengajar yang kami rancang mampu

		<i>mengikutkan pelajar secara aktif. Pelajar dan guru dalam belajar aktif sama berperan untuk menciptakan suatu pengalaman belajar yang bermakna.... (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>O, semua pelajar senang, bersemangat dalam mengikuti P&P yang kami jalankan pada mata pelajaran bahasa Aceh. Mereka bersemangat dan aktif untuk belajar.... (P-5)</i> Jawaban Peserta (P-6) <i>Alhamdulillah mereka sangat aktif dan antusias kerana mereka sudah fasih berbahasa Aceh. Mereka menggunakan bahasa Aceh dalam kehidupan sehari-hari. (P-6)</i> Jawaban Peserta (P-7) <i>Kami para guru menjalankan pengajaran secara aktif, inovatif, dan kreatif, dan menyenangkan kerana bahasa yang digunakan dalam pengajaran merupakan bahasa tempatan, iaitu bahasa Aceh. (P-7)</i> Jawaban Peserta (P-8) <i>Pelajar sangat aktif kerana bahasa Aceh itu bahasa mereka sendiri, kalau dibandingkan dengan bahasa Arab dan bahasa Inggris. Bahasa Aceh lebih mudah bagi mereka kerana bahasa Aceh adalah bahasa pertama mereka. Bahasa Aceh sudah dapat mereka gunakan dalam berkomunikasi sehari-hari. Mereka sudah mempelajarinya sejak kecil mereka duduk di kelas awal sekolah rendah. (P-8)</i> Jawaban Peserta (P-9) <i>Pembelajaran dilaksanakan secara berterusan, aktif, bersemangat, dan dapat berkontribusi dengan semua pelajar dan guru selama proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. (P-9)</i>
3.3 Penggunaan kaedah pengajaran bahasa Aceh.	Metode apa sajakah yang sering Bapak/Ibu gunakan untuk mengajarkan bahasa Aceh	Jawaban Peserta (P-1) <i>Dalam melaksanakan pembelajaran kami menggunakan aneka metode (kaedah) dalam menjalankan P&P bahasa Aceh iaitu metode kumpulan diskusi, tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dll. (P-1)</i>

	dalam kelas? Jawaban Peserta (P-2) Ya, ... metode yang sering kami gunakan dalam pembelajaran bahasa Aceh: seperti ceramah, bertanya jawab, bercerita, dan tunjuk cara. (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Ya, kadang-kadang juga saya menggunakan metode ceramah, metode diskusi, metode tanya jawab, kemudian juga metode latihan (P-3) Jawaban Peserta (P-4) Ibu dalam mengajar menggunakan banyak metode. Ada metode langsung, metode pemberian tugas, metode diskusi, dan lain-lain. (P-4) Jawaban Peserta (P-5) Metode yang sering saya gunakan dalam pembelajaran ini Pak, metode langsung, metode terjemahan, metode tunjuk cara, metode tanya jawab, metode bercerita kemudian metode ceramah. (P-5) Jawaban Peserta (P-6) Yang paling banyak adalah metode terjemahan, metode diskusi, metode pemberian tugas, dalam bentuk presentasi masing-masing pelajar secara peribadi maupun secara kelompok. (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Metode yang lazim saya gunakan dalam menjalankan P&P bahasa Aceh di bilik darjah adalah tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dan ceramah. (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Di samping metode drama, saya lebih sering menggunakan metode ceramah, bercerita, terus metode tanya jawab, misalnya terhadap topik yang berhubung kait dengan masalah-masalah yang berhubungan dengan mereka itu sendiri. (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Saya menggunakan aneka metode dalam menjalankan P&P bahasa Aceh iaitu kumpulan diskusi, tunjuk cara, soal jawab, bercerita, dll. (P-9)
--	--

3.4 Kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Aceh.	Adakah Penerapan kecekapan Bapak Ibu dalam P&P yang senang diikuti oleh pelajar?	Jawaban Peserta (P-1) <i>Pengalaman kami mengajar dan sebagai guru sudah lebih 25 tahun. Saya sudah banyak mengikuti pelatihan (bengkel) khusus di bidang pembelajaran, bidang kurikulum, membuat perangkat pembelajaran, dan lain-lain. Kami para guru sudah dianggap mampu mengajar bahkan sudah dikategorikan sebagai guru yang professional, buktinya sudah mendapatkan sijil sebagai guru yang lulus sertifikasi. Oleh itu, pembelajaran yang dijalankan di bilik darjah tidak mengalami kendala yang cukup berat. Semuanya berjalan baik-baik saja.... (P-1)</i> Jawaban Peserta (P-2) <i>Ada Pak. Tetapi tidak pernah berterusan, kami mengharapkan dapat diberikan pelatihan-pelatihan (bengkel) untuk meningkatkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran. (P-2)</i> Jawaban Peserta (P-3) <i>Pembelajaran yang dijalankan oleh guru dapat diikuti oleh pelajar dengan baik. Tidak ada persoalan yang bercanggah dalam P&P bahasa Aceh di SMP Kota Banda Aceh. (P-3)</i> Jawaban Peserta (P-4) <i>Saya senang mengajarkan bahasa Aceh kerana saya memiliki dasar kemampuan berbahasa Aceh yang bagus. Saya penutur asli bahasa Aceh. Di samping itu, saya juga mengikuti beberapa pelatihan yang mendukung P&P bahasa Aceh. (P-4)</i> Jawaban Peserta (P-5) <i>Saya memang memiliki keahlian dalam pencerapan P&P bahasa Aceh. Oleh itu, saya diberi tugas mengajarkan bahasa Aceh. Profesionaliti yang saya punyai adalah bidang Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. (P-5)</i> Jawaban Peserta (P-6) <i>Alhamdulillah kami memiliki keahlian atau kecekapan yang berkenaan dengan P&P bahasa Aceh. Professional kami guru Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah. Bahasa daerah, khususnya bahasa Aceh kami pelajari dengan Prof. Budiman</i>
--	---	--

		<i>Sulaiman. Kami juga banyak mengikuti pelatihan yang dibuatkan oleh Pejabat Pendidikan Kota Banda Aceh dan juga dibuat oleh Kementerian Pendidikan Provinsi Aceh. (P-6)</i> Jawaban Peserta (P-7) <i>Guru mahir dalam menjalankan pembelajaran bahasa Aceh kerana guru sudah pernah dibekali dengan pengetahuan dasar bahasa Aceh. Tambah lagi guru bahasa Aceh berijazah sarjana muda bahasa Indonesia dan Daerah. (P-7)</i> Jawaban Peserta (P-8) <i>Saya senang mengajar bahasa Aceh kepada pelajar di sekolah saya kerana dapat melatih kemahiran pelajar dalam berkomunikasi dengan bahasa daerah. Saya sudah belajar tentang berbagai kaedah pembelajaran bahasa. Pelatihan tentang metodologi atau kaedah pembelajaran bahasa pernah saya ikuti. Oleh itu, saya dipercayakan oleh kepala sekolah untuk mengampu mata pelajaran bahasa Aceh di sekolah ini. (P-8)</i> Jawaban Peserta (P-9) <i>Ada dan mampu dilajalakan oleh semua guru di sekolah ini kerana mereka telah diberikan bengkel dalam sesi pengajaran secara berterusan. (P-9)</i>
IV. Pencapaian Pelajar Setelah Mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Aceh		
Tema	Soalan	Jawapan
4.1 Pentaksiran bahasa Aceh.	Apakah bapak ibu menjalankan Evaluasi yang Berterusan dan peperiksaan bagi pelajar?	Jawaban Peserta (P-1) <i>Kami guru bahasa Aceh melaksanakan peperiksaan secara berterusan. Penilaian ini dilakukan secara individu dan mengikuti perubahan yang berlaku dari masa ke masa iaitu secara berterusan. Penilaian seperti ini dapat memberikan maklum balas kepada guru daripada segi penyampaian dan juga daripada segi bahan pengajaran. ... Ya, penilaian ini mesti dapat dilaksanakan dengan baik oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara berterusan. (P-1)</i>

		Jawaban Peserta (P-2) Ya, tetap melakukan pentaksiran pada akhir P & P kerana penting bagi pengajar yang perlu dilakukan peperiksaan akhir. Pentaksiran dalam pembelajaran tentu bertujuan untuk mendapatkan informasi dan maklumat bagi menentukan tahap keupayaan dan kebolehan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Iya saya melaksanakan..., pentaksiran yang saya lakukan baik secara lisan mahupun secara tulisan ialah untuk mengetahui proses pengajaran dan pembelajaran kadar mana dapat diikuti oleh pelajaP-pelajar?. (P-3) Jawaban Peserta (P-4) Pentaksiran dilaksanakan secara berterusan untuk mengetahui hambatan dan kesulitan yang dimiliki pelajar serta keberhasilan dalam akademik. (P-4) Jawaban Peserta (P-5) Iya, tetap melakukan pentaksiran akhir kerana itu memang penting, bukan sahaja bahasa Aceh, tetapi juga setiap pelajaran lain dilakukan peperiksaan akhir. (P-5) Jawaban Peserta (P-6) O, iya tentu, pentaksiran itulah yang menyiapkan kita boleh menyimpulkan bahawa pembelajaran bahasa Aceh itu hidup dan dijalankan di dalam P&P di bilik darjah.... (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Guru menjalankan pentaksiran berterusan. Ada pentaksiran proses dan juga ada pentaksiran hasil untuk melihat keberhasilan pelajar.... (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Pentaksiran selalu dijalankan baik dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan bertujuan melihat keberhasilan pelajar atau kesulitan apa saja yang didapati selama proses belajar mengajar berlangsung. (P-8)
--	--	---

		Jawaban Peserta (P-9) Pentaksiran dilaksanakan guru secara berterusan guna mencari kekurangan dan kelebihan yang telah diterapkan semasa proses P&P dijalankan.... (P-9)
4.2 Kemahiran yang dihasilkan dari bahasa Aceh	Adakah pelajar setelah mempelajari bahasa Aceh mempunyai kemahiran (dalam berbicara, membaca, menulis, dan menyimak)?	Jawaban Peserta (P-1) Para pelajar setelah belajar bahasa Aceh, mampu bertutur dengan menggunakan bahasa Aceh, berdiskusi, bertukar pandang, bercerita tentang suatu peristiwa, dan lain sebagainya. Pelajar juga mampu mendengarkan dengan baik ide dan gagasan yang disampaikan dalam suatu pertuturan sehingga dapat terjadi tindak balas dalam berkomunikasi.... Para pelajar juga dapat membaca karangan-karangan atau tulisan-tulisan yang dituliskan dalam bahasa Aceh. (P-1) Jawaban Peserta (P-2) Pelajar memiliki kemahiran dalam bidang menulis dan membaca, kerana menulis bahasa Aceh adakalanya mudah dan adakalanya susah dan payah kerana ada huruf tertentu dalam bahasa Aceh yang menggunakan tanda-tanda sehingga berbeza antara tulisan dan ucapan. Apabila huruf yang dipadukan menjadi suatu perkataan salah diucapkan menjadikan makna dan ertinya salah. Hal ini membuat pemahaman bahasa menjadi salah. Oleh kerananya untuk melafalkan suatu huruf yang dituliskan dalam bahasa Aceh menjadi sukar. Misalnya kata <u>ek</u> boleh dibaca '<u>ek</u>' dan '<u>ek</u>', tetapi memiliki makna yang berbeza; '<u>ek</u>' ertinya <u>naik</u>, sedang '<u>ek</u>' ertinya <u>tinja</u> atau kotoran.... (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Iya mereka para pelajar itu setelah mengikuti pelajaran bahasa Aceh di bilik darjah, mereka mempunyai kemahiran membaca, menulis, bertutur, dan mendengarkan. Mereka mahir menggunakan huruf-huruf abjad bahasa Aceh dengan baik. Biarpun masih dijumpai pelajar yang mengalami kesukaran dalam bahagian menulis. Banyak vocal yang salah tulis dan juga banyak bunyi konsonan yang silap baca.... (P-3)

		Jawaban Peserta (P-4) Alhamdulillah, pelajaP-pelajar mendapati keahlian membaca, menulis, mendengarkan, bertutur baik secara individu mahupun secara kelompok. Para pelajar secara am telah memiliki kemahiran dalam membaca dan menulis bahasa Aceh. Para pelajar mampu membaca cerita-cerita dalam bahasa Aceh. Para pelajar juga dapat menulis kembali cerita yang dibacakan dalam bahasa Aceh dalam bentuk ringkasan atau dalam bentuk synopsis.... (P-4) Jawaban Peserta (P-5) Pera pelajar di sekolah saya kurang dominan pembelajaran bahasa Aceh. Para pelajar kebanyakan tidak paham bahasa Aceh. Mereka menggunakan bahasa Indonesia dalam rumah tangga dan dalam percakapan sehari-hari. Di samping itu, para pelajar di sini beraragam latar bahasa daerah yang dikuasainya. Ada pelajar yang berbahasa ibunda bahasa Gayo, ada yang berbahasa Aneuk Jamee, dan lain-lain. Namun demikian, pembelajaran bahasa Aceh tetap kami jalankan bersesuaian dengan kurikulum dan sibibus yang ada. Objektif pembelajaran tercapai, tetapi tidak maksimal, terutama dalam bidang menulis dan membaca. Kalau dalam bidang mendengarkan dan bertutur mendapat kemampuan yang lebih baik....(P-5) Jawaban Peserta (P-6) Alhamdulillah, para pelajar sangat menguasai terutama dalam hal kemampuan bertutur dengan menggunakan bahasa Aceh kalau dalam hal menulis memang secara umum sukar tetapi ketika kita meminta untuk menulis dengan panduan dan petunjuk-petunjuk tertentu dengan mengikuti alur bahasa Indonsia mereka juga mampu.... (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Para pelajar setelah belajar bahasa Aceh, mampu membaca cerita-cerita dalam bahasa Aceh. Mereka kurang kemampuannya dalam bidang menulis. Banyak istilah dan kosa kata mereka tidak faham. Pembelajaran kami jalankan dengan menggunakan kaedah terjemahan. Akhirnya mereka dapat faham juga. Mareka juga kami ajarkan secara khas dan
--	--	--

		menyediakan masa di luar masa belajar yang terstruktur....(P-7) Jawaban Peserta (P-8) Mereka memiliki kemahiran menulis, mendengar, bertutur, membaca dengan menggunakan bahasa Aceh secara benar. Mereka juga mampu menggunakan tanda-tanda baca secara tepat dalam penulisan ayat-ayat bahasa Aceh.... (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Para pelajar diharapkan setelah belajar bahasa Aceh, pelajar mampu bertutur, bercerita, mendengarkan dengan baik, dan menulis ayat-ayat dengan benar. (P-9)
4.3 Kemahiran sastra dalam bahasa Aceh	Adakah terdapat kemahiran dalam bidang sastra Aceh setelah pelajar mempelajari bahasa Aceh?	Jawaban Peserta (P-1) Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat membaca pantun, puisi dalam bahasa Aceh, membaca hikayat, nadham Aceh, membaca hadih maja, pepatah, petitih, dan lain-lain.... (P-1) Jawaban Peserta (P-2) Sastranya ya, diajarkan seperti pantun, puisi, dan syair, hikayat, atau cerita-cerita rakyat. Melalui pembelajaran pantun ini kami berikan nasihat-nasihan kepada pelajar. Misalnya: "Bukon sayang lon kalon bak jok siumu suntok jimuboh sabee. Bukon sayang lon kalon datok, rueng kabungkok, seumbahyang hana" (Betapa sayang kita tengok pohon nira, selamanya terus berbuah. Betapa sayangnya kita tengok Pak Cik, bandannya sidah bengkok, tetapi tak mengerjakan shalat).... (P-2) Jawaban Peserta (P-3) Pelajaran sastra ada kami jalankan, tetapi tidak banyak. pembelajarannya saya selingi dengan membaca sya'iP-syair sahaja yang mudah dipahami oleh pelajar.... (P-3) Jawaban Peserta (P-4) Ya, para pelajar sudah mahir menulis pantun dan mahir membaca syaiP-syair dalam bahasa Aceh. Mereka dapat menulis pantun dan berbalan pantun. Ada pantun remaja, pantun agama, dan juga ada pantun nasihat.... (P-4)

		Jawaban Peserta (P-5) Diharapkan kepada pelajar dapat menggunakan nilai-nilai sastra Aceh seperti berpantun, menulis cerita-cerita rakyat yang ada dalam masyarakat luas. Misalnya, adalah papatah dalam basa Aceh “Meunyo kataboh bungkoh beuneung, beutateumeung bungkoh sutra” Maksudnya, kelaulah kita sudah membuah bungkusun dari benang, hendaklah kita mendapatkan bungkusun baru daripada sutera.... (P-5) Jawaban Peserta (P-6) Pelajar dapat membaca puisi dalam bahasa Aceh, mampu membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami peribahasa Aceh... (P-6) Jawaban Peserta (P-7) Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat berbalas pantun, berpuisi dengan baik dan dapat juga berteka-teki dalam bahasa Aceh.... (P-7) Jawaban Peserta (P-8) Pelajar dapat membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami nilai-nilai yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat di Aceh (P-8) Jawaban Peserta (P-9) Setelah belajar bahasa Aceh, pelajar dapat membaca puisi dalam bahasa Aceh, mampu membaca hikayat dan nadham Aceh, mampu membaca dan memahami nilai-nilai dalam hadih maja atau peribahasa Aceh. Nilai-nilai yang positif perlu diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Melalui media sastra inilah karakter pelajar dibentuk menjadi lebih baik.... (P-9)
--	--	--

LAMPIRAN : F

**Keputusan Laporan Keaslian Plagiat (*Similiarity Indeks
Turnitin Originality*)**

PELAKSANAAN KURIKULUM BAHASA ACEH DI SEKOLAH MENENGAH PERTAMA (SMP) BERDASARKAN MODEL KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK

ORIGINALITY REPORT

%16	%14	%1	%6
SIMILARITY INDEX	INTERNET SOURCES	PUBLICATIONS	STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	eprints.utm.my Internet Source	%3
2	library.unimal.ac.id Internet Source	%1
3	Submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia Student Paper	%1
4	studentsrepo.um.edu.my Internet Source	%1
5	www.zainul.com Internet Source	%1
6	yushazwani.blogspot.com Internet Source	%1
7	ml.scribd.com Internet Source	<%1
8	es.scribd.com Internet Source	<%1